جابتن كماجوان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

سديکد جاکيم د مصر

مماچو هوبوڠن ستراتيجيک انتارا مصر دان مليسيا دالم بيدڠ حال احوال إسلام

# SEDEKAD JAKIM DI MESIR

## Memacu Hubungan Strategik Antara Mesir dan Malaysia Dalam Bidang Hal Ehwal Islam

ABDUL MUHAIMIN MAHMOOD

JAKIM

جابتن کماجوان اسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**HAK CIPTA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**
**www.islam.gov.my**
**Terbitan 2019**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kompleks Islam Putrajaya, 62100 Putrajaya, Malaysia.

**Data Pengkatalogan dalam Penerbitan**

Abdul Muhaimin Mahmood, 1981, Sedekad JAKIM Di Mesir: Memacu Hubungan Strategik Antara Mesir dan Malaysia Dalam Bidang Hal Ehwal Islam
ISBN 978-967-10972-4-3

**Reka Bentuk dan Atur Huruf**

Muhammad Adeeb bin Zamil,
**Alfateh Art®**, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
(60) 115 677 8779 | www.alfatehArt.com

**Terbitan**

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
KEDUTAAN BESAR MALAYSIA KAHERAH (KBMK)

**Urus Cetak**
I.P. MINDA SDN. BHD.

# Isi Kandungan


**SEINDAH BICARA SEIKHLAS KATA** VIII
**SEIKHLAS KATA SEJUJUR RASA** IX
**PRAKATA** X

Bab 1
**NEGARA REPUBLIK ARAB MESIR** 01

**MESIR DARI KACA MATA SYARIAT** 02

**LATAR BELAKANG NEGARA MESIR** 05
Profil Negara Mesir 06
Bendera 09
Lambang Negara Mesir 09
Bancian *Central Agency for Public Mobilization and Statistics* 10
Kerajaan dan Politik 11
Pertahanan 14
Senarai Wilayah di Mesir 15
Penduduk Mesir 16
Bahasa 16
Dialek 17
Makanan 17
Mata Wang 17
Contoh Mata Wang EGP 18
Cuaca di Kaherah Sepanjang Tahun 19
Pengangkutan Awam di Mesir 20
Metro Kaherah (Kereta Api Bawah Tanah) 20
Jarak Perjalanan Antara Bandar di Mesir 24
Nombor Kecemasan Utama di Mesir 25
Hospital Utama di Mesir 26

**TEMPAT-TEMPAT PELANCONGAN UTAMA DI MESIR** 27
Kaherah 27
Dumyat 33
Iskandariah (*Alexandria*) 33
Laut Merah 34
Aswan 35
Semenanjung Sinai 35
Luxor 37

**PESTA BUKU ANTARABANGSA** 38

**PENGAJIAN TALAQI DI MESIR** 41
Pengajian Talaqi di Ruwaq al-Azhar 41
Pusat Pengajian Ruwaq Jawi 42
Tempat Pengajian Talaqi Sekitar Masjid Al-Azhar 46

*Bab 2*
**KEDUTAAN BESAR MALAYSIA KAHERAH** 49

**KENALI KBMK** 50
Agensi di Bawah KBMK 53
Objektif Utama Kedutaan Besar Malaysia Kaherah 54
Senarai Duta Besar Malaysia Ke Republik Arab Mesir 55
Carta Organisasi *Home-Based Staff* (HBS) KBMK 56
Direktori Perhubungan Kakitangan KBMK 60
Cuti Umum KBMK 65

**PEJABAT ATASE AGAMA KAHERAH** 66
Carta Organisasasi Pejabat Atase 66
Penukaran Gelaran Jawatan 69
Bidang Tugas Atase Agama 69
Penetapan Sasaran Kerja Tahunan 71
Pegawai-Pegawai Yang Pernah Berkhidmat di Mesir 75
Gambar Pejabat Atase Agama 76

**BANGUNAN MILIK KERAJAAN DI MESIR** 77
Rumah Malaysia 77
Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah 78
Kerajaan Negeri Kelantan 79
Kerajaan Negeri Terengganu 82
Kerajaan Negeri Perak 83
Kerajaan Negeri Melaka 84
Kerajaan Negeri Pahang 86
Kerajaan Negeri Kedah 90
Kerajaan Negeri Sabah 92
Kerajaan Negeri Sarawak 94
Kerajaan Negeri Pulau Pinang 95
Kerajaan Negeri Johor 96
Kerajaan Negeri Perlis 98
Kerajaan Negeri Sembilan 99
Kerajaan Negeri Selangor 100
Kerajaan Wilayah Persekutuan 101

Bangunan Majlis Amanah Rakyat (MARA) 102
Tanah Perkuburan Malaysia di Mesir 103

*Bab 3*
**PENGURUSAN PELAJAR DI MESIR** 113

**EDUCATION MALAYSIA EGYPT (EME)** 115
Senarai Nama Pengarah MSD/EME 116
Visa Pelajar 116
Hari Bertemu Pelanggan (HBP) 117
Promosi Pendidikan Malaysia di Mesir (*Study in Malaysia*) 118

**JAKIM DAN PENGURUSAN PELAJAR** 119

**JABATAN PENGAJIAN MALAYSIA DI UNIVERSITI KAHERAH** 123

**MAJLIS PERUNDINGAN MAHASISWA MALAYSIA MESIR (MP3M)** 127
Sekretariat MP3M 127
Senarai Persatuan Anggota MP3M 128
Piagam Majlis Perundingan Mahasiswa Malaysia Mesir (MP3M) 129
Garis Panduan Persatuan dan Aktiviti Pelajar Malaysia di Mesir 137

**MAKLUMAT UNIVERSITI DI MESIR** 140
Universiti Kaherah 141
Universiti Ain Shams 143
Universiti Mansurah 145
Universiti Iskandariah 147
Universiti Tanta 149
Universiti Zagazig 152
Yuran Pengajian Universiti di Mesir 154

**PEMERKASAAN PENGURUSAN BIDANG PENDIDIKAN** 154

*Bab 4*
**INSTITUSI-INSTITUSI AGAMA DI MESIR** 158

**AL-AZHAR AL-SYARIF** 159
Masjid al-Azhar 160
Era Baru al-Azhar 162
Masyikhah al-Azhar al-Asharif 162
Struktur Pentadbiran di Masyikhah al-Azhar 165
Jawatan Syeikh al-Azhar 165

Ulama Yang Pernah Menjawat Jawatan Syeikh al-Azhar 171
Direktori Perhubungan al-Azhar al-Syarif (Masyikhah al-Azhar) 176

**SISTEM PENDIDIKAN AL-AZHAR** 178
Maahad Bu'uth Islamiah 179
Pengajian al-Quran dan Qiraat di al-Azhar 180
Maahad Qiraat al-Azhar al-Khazandarah Shoubra 183

**UNIVERSITI AL-AZHAR AL-SYARIF** 185
Fakta Menarik Berkaitan Sistem Pengajian al-Azhar 187
Ulama Yang Pernah Menjawat Jawatan Rektor Universiti al-Azhar 188
Fakulti-fakulti Pengajian di Universiti al-Azhar 189
Kelayakan Memasuki Universiti al-Azhar 193
Sistem Penggredan Universiti al-Azhar 194
Sistem Pembahagian Markah 194
Pangkat Bagi Setiap Tahun Pengajian Mengikut Peratusan 195
Pangkat dan Sistem Pengumpulan Markah Keseluruhan (*Tarakumi*) 196
Sistem Pengumpulan Markah Keseluruhan (*Tarakumi*) 197
Statistik Kelulusan Pelajar Malaysia Dalam Bidang Pengajian Islam 198
Perbandingan Keseluruhan Fakulti 203
Peraturan Baru Universiti al-Azhar (Pindaan 2016/2017) 203
Direktori Perhubungan Universiti al-Azhar 205

**MAJMA' BUHUTH ISLAMIAH** 206
Majma' Buhuth Islamiah 206
Ulama Yang Pernah Menjawat Jawatan Seiausaha Agong Majma' 208
Struktur Pengurusan Majma' Buhuth Islamiah 208
Direktori Perhubungan 214

**RABITAH ANTARABANGSA ALUMNI AL-AZHAR** 215
Sejarah Penubuhan 215
Objektif dan Fungsi Rabitah 216
Ahli Lembaga Pengurusan 219
Direktori Perhubungan 221

**DAR AL-IFTA' MESIR** 222
Sejarah Dar al-Ifta' 222
Ulama Yang Pernah Menjawat Jawatan Mufti Mesir 223
Fungsi Dar al-Ifta' al-Misriyyah 224
Pengurusan Dar al-Ifta' 228
Sekretariat Fatwa (أمانة الفتوى) 229
Laman Web Dar al-Ifta' 230
Hubungan JAKIM dengan Dar al-Ifta' Mesir 232
Direktori Perhubungan 234

**KEMENTERIAN WAKAF MESIR** 236
Hubungan JAKIM dan Kementerian Wakaf 236
Lawatan Kerja YB Menteri ke Kementerian Wakaf 238
Galeri Barangan Athar al-Rasul 240
Direktori Perhubungan Kementerian Wakaf Mesir 242

**NIQABAH AL-ASYRAF** 243
Era Baru Niqabah al-Asyraf 243
Fungsi Niqabah al-Asyraf 246
Hubungan dengan Niqabah al-Asyraf 246
Direktori Perhubungan 249

*Bab 5*
**SEDEKAD JAKIM DI MESIR** 250

**PEMERKASAAN HUBUNGAN DALAM BIDANG HAL EHWAL ISLAM** 251

**PELAKSANAAN KURSUS DI MESIR** 259
Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa 260
Kursus Para Imam dan Pendakwah 277
Kursus Bahasa Arab dan Kejurulatihan 289
Kursus Profesionalisme Imam Masjid-masjid Wilayah Persekutuan 291
Statistik Keseluruhan Pegawai Yang Telah Mengikuti Kursus di Mesir 293

**PROGRAM CSR DI MAAHAD AL-QIRAAT SHOUBRA** 296
Liputan Media Tempatan Mesir 300
Gambar Selepas Pelaksanaan CSR 301

**KOLEKSI GAMBAR** 303

**CORETAN PAK KU** 309

**BIBLIOGRAFI** 310

**BIODATA PENULIS** 315

# *Seindah Bicara Seikhlas Kata*

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT dan mari kita bersama-sama berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta para sahabat RA.

Pada kesempatan dalam ruangan buku “Satu Dekad JAKIM di Mesir, Memacu Hubungan Strategik Antara Mesir dan Malaysia Dalam Bidang Hal Ehwal Islam” ini, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah dan syabas buat Pejabat Atase Agama JAKIM kerana telah berjaya menyiapkan sebuah buku ini, sempena sambutan satu dekad JAKIM di Mesir.

Usaha menerbitkan buku ini adalah suatu usaha yang sangat murni. Buku ini pastinya akan menjadi catatan sejarah dan rujukan berguna buat generasi akan datang dalam mengenali negara Mesir, Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) dan agensi di bawah payungan KBMK di samping dapat memberikan gambaran yang luas berkaitan badan, agensi dan institusi agama di Mesir.

Melalui buku ini, kita akan memahami dan mengetahui lebih dekat peranan yang telah dimainkan KBMK dan JAKIM melalui Pejabat Atase Agama Kaherah dalam meneroka peluang dan menjalinkan hubungan strategik dengan badan, agensi dan institusi serta pihak-pihak yang berkaitan agama di Mesir. Buku ini secara tidak langsung membuka mata kita berhubung kepentingan mengukuhkan hubungan diplomatik antara negara Malaysia dan Mesir.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta tahniah kepada Ustaz Abdul Muhaimin Mahmood dan semua pihak yang terlibat dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini. Semoga sumbangan dan usaha gigih tersebut diberkati Allah SWT dan buku ini dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

Salam hormat. Sekian wassalam.

**TYT AMB. MOHD HANIFF ABD RAHMAN**
Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir dan Ditauliahkan Serentak ke Palestin

# Seikhlas Kata Sejujur Rasa

اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ



Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat meneruskan agenda utama kita sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Kita juga bersyukur kerana kita masih diberikan peluang untuk terus mengabdikan diri kepada-Nya dan masih terus menerus diberikan kesempatan untuk melebar risalah menyantuni ummah. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan pengikutnya sehingga akhir zaman.

Sejarah JAKIM bermula apabila Majlis Raja-Raja dalam persidangannya kali ke-81, pada 17 Oktober 1968, telah bersetuju untuk membentuk Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). JAKIM kini telah menjangkau lima dekad usianya. Saya rasa amat berbangga, kini JAKIM telah berdiri megah sebanding dengan jabatan lain di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bukan sahaja berperanan di peringkat nasional bahkan telah berjaya membuka sayap ke peringkat negara serantau dan antarabangsa.

Bagi melaksanakan misi dan visi JAKIM di peringkat antarabangsa, JAKIM telah mengambil inisiatif menempatkan atase di beberapa buah negara iaitu Atase Agama di London (1982), Indonesia (1982), Mesir (2009) dan Atase Halal di Australia (2008). Melalui Pejabat Atase Agama dan Atase Halal di luar negara, JAKIM telah dapat meneroka banyak peluang baru dalam bidang penyelidikan, latihan dan dakwah selain dapat memacu hubungan strategik yang lebih utuh dengan badan dan institusi hal ehwal Islam di peringkat antarabangsa.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pejabat Atase Agama Kaherah di atas kejayaan menerbitkan sebuah buku sempena satu dekad JAKIM di Mesir. Semoga buku ini dapat menjadi bahan rujukan yang berguna untuk JAKIM dan generasi akan datang. Semoga usaha yang dilakukan hari ini dikira sebagai amalan soleh dan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Amin.

**DATUK HJ. MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM**
Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

# Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

الحمدلله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan taufik dan inayah yang diberikan, maka buku kecil ini akhirnya dapat disempurnakan. Di dalam buku ini, penulis sedaya upaya cuba untuk menjelaskan beberapa topik utama berikut;

1. Memperkenalkan negara Mesir secara ringkas.
2. Menjelaskan fungsi Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) dan peranan Pejabat Atase Agama JAKIM di Kaherah.
3. Merekodkan maklumat berkaitan bangunan-bangunan yang dimiliki oleh kerajaan persekutuan dan negeri di Mesir.
4. Menjelaskan maklumat berkaitan pengurusan pelajar di Mesir.
5. Memperkenalkan institusi-institusi agama yang utama di Mesir, dan;
6. Menjelaskan aktiviti yang telah dilaksanakan dalam usaha mengukuhkan hubungan strategik dengan institusi-institusi agama di Mesir.

Idea penulisan buku merupakan hasil cetusan buah fikiran oleh YBhg. Datuk Hj. Mohamad Nordin bin Ibrahim, Ketua Pengarah JAKIM kepada penulis kira-kira enam tahun yang lalu (2012), sebelum penulis berlepas ke Mesir untuk bertugas sebagai Atase Agama, di mana beliau pada ketika itu memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, mengesyorkan agar sebuah buku yang memuatkan profil negara Mesir secara menyeluruh dapat dihasilkan untuk rujukan jabatan dan kerajaan.

Penulis amat bersyukur kepada Allah SWT, sempena satu dekad JAKIM di Mesir, akhirnya buku ini dapat disiapkan jua. Tanpa sokongan dan dorongan daripada rakan-rakan, buku ini pasti tidak akan dapat disempurnakan. Justeru, penulis dengan penuh tawaduk dan rendah diri merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan-rakan dan sahabat dari semua agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang berada di bawah payung KBMK di Mesir yang sanggup berkongsi maklumat, idea, buah fikiran dan pandangan sehingga terhasilnya buku ini.

Akhirnya, sekali lagi penulis merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada TYT Amb. Mohd Haniff Abdul Rahman, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir dan YM TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, Mantan Duta Besar di atas tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan. Tidak lupa jua buat semua ketua-ketua agensi dan pegawai HBS di KBMK, khususnya buat Ustaz Ahmad Zakuan Khudhari, Encik Mohd Khairi Abdullah, Prof. Madya Dr. Ishak Suliaman, Ustaz Munawir bin Mohamad Noh, Ustaz Mohd Syuib bin Mohd Azel dan Ustaz Asmuni bin Hasbullah atas perkongsian maklumat, idea dan buah fikiran serta segala komitmen yang diberikan sama ada secara langsung atau sebaliknya.

Tidak lupa ucapan terima kasih tidak terhingga kepada YBhg. Datuk Hj. Mohamad Nordin bin Ibrahim, Ketua Pengarah JAKIM dan juga Tan Sri Dato' Othman Mustapha, mantan Ketua Pengarah JAKIM yang telah memilih dan memberikan kepercayaan penuh kepada penulis untuk berkhidmat sebagai Atase Agama JAKIM di KBMK.

Penulis sangat mengalu-alukan teguran dan pembetulan terhadap isi kandungan buku ini. Sesungguhnya kesempurnaan dalam semua perkara itu adalah hanya milik Allah SWT sahaja.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**ABDUL MUHAIMIN MAHMOOD**
Kaherah, Mesir
01 Januari 2019

# Sekalung Penghargaan
## BUAT KETUA PENGARAH JAKIM



***DARI KANAN:*** *Datuk Hj. Mohamad Nordin bin Ibrahim (17 Mei 2018 hingga kini), Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Syeikh Abdul Aziz (15 Julai 2007 - 23 April 2011) dan Tan Sri Dato' Hj. Othman bin Mustapha (24 April 2011 - 16 Mei 2018)*

# Bab 1

# NEGARA REPUBLIK ARAB MESIR

# Negara Republik Arab Mesir

Negara Mesir adalah negara yang sangat istimewa kerana disebutkan beberapa kali dalam al-Quran. Selain itu, negara ini juga merupakan negara yang sarat dengan nilai sejarah dan tamadun dari zaman sebelum Islam hingga kini. Dalam bab ini penulis akan cuba menjelaskan secara ringkas berhubung negara Mesir dari sudut pandang Islam, profil negara, tempat-tempat pelancongan utama dan juga pusat-pusat pengajian tidak formal yang terdapat sekitar Kaherah.

## MESIR DARI KACA MATA SYARIAT

Negara Mesir merupakan sebuah negara yang mempunyai sejarah dan tamadun tersendiri yang tidak terdapat pada negara-negara lain. Mesir merupakan satu-satunya negara disebutkan sebanyak empat kali di dalam al-Quran secara jelas berulang kali. Ia juga disebutkan secara tidak langsung (kinayah) dalam banyak ayat yang lain. Antara ayat yang menyebutkan Mesir dalam al- Quran secara jelas antaranya ialah Firman Allah SWT di dalam Surah Yunus ayat 87;

وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ وَأَخِيهِ أَن تَبَوَّآ لِقَوْمِكُمَا بِمِصْرَ بُيُوتًا
وَاجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قِبْلَةً وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ ۗ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ

*Maksudnya; Dan kami wahyukan kepada Musa dan saudaranya: ‘Ambillah oleh mu berdua beberapa buah rumah di Mesir untuk tempat tinggal bagi kaum mu dan jadikanlah oleh mu rumah-rumah mu itu tempat solat dan dirikanlah oleh mu sembahyang serta gembirakanlah orang-orang yang beriman’.*

Allah SWT berfirman di dalam Surah Yusuf ayat 21;

وَقَالَ الَّذِي اشْتَرَاهُ مِن مِّصْرَ لِامْرَأَتِهِ أَكْرِمِي مَثْوَاهُ عَسَىٰ أَن يَنفَعَنَا أَوْ نَتَّخِذَهُ وَلَدًا ۚ وَكَذَٰلِكَ مَكَّنَّا
لِيُوسُفَ فِي الْأَرْضِ وَلِنُعَلِّمَهُ مِن تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ ۚ وَاللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰ أَمْرِهِ
وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

*Maksudnya; Dan orang Mesir yang membelinya berkata kepada isterinya: ‘Berikanlah kepadanya tempat (dan layanan) yang baik, boleh jadi dia bermanfaat kepada kita atau kita pungut dia sebagai anak’. Dan demikian pulalah Kami memberikan kedudukan yang baik kepada Yusuf di muka bumi (Mesir), dan agar Kami ajarkan kepadanya ta´bir mimpi, dan Allah berkuasa terhadap urusan-Nya, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahuinya.*

Mesir juga turut disebutkan dalam Surah Yusuf ayat 99, di mana Allah SWT berfirman;

فَلَمَّا دَخَلُوا عَلَىٰ يُوسُفَ آوَىٰ إِلَيْهِ أَبَوَيْهِ وَقَالَ ادْخُلُوا مِصْرَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ آمِنِينَ

*Maksudnya; Maka tatkala mereka masuk ke (tempat) Yusuf, Yusuf merangkul ibu bapanya dan dia berkata: 'Masuklah kamu ke negeri Mesir, insya-Allah dalam keadaan aman'.*

Dalam Surah az-Zukhruf, ayat 51, Allah SWT berfirman;

وَنَادَىٰ فِرْعَوْنُ فِي قَوْمِهِ قَالَ يَا قَوْمِ أَلَيْسَ لِي مُلْكُ مِصْرَ
وَهَٰذِهِ الْأَنْهَارُ تَجْرِي مِنْ تَحْتِي ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ

*Maksudnya; Dan Fir´aun berseru kepada kaumnya (seraya) berkata: Hai kaum ku, bukankah kerajaan Mesir ini kepunyaan ku dan (bukankah) sungai-sungai ini mengalir di bawah ku; maka apakah kamu tidak melihat (nya).*

Kesemua ayat-ayat tersebut dengan tegas menyebutkan negara Mesir ataupun daerah Mesir. Tidak ada satu negara pun yang disebutkan secara tegas seperti Mesir. Di sana terdapat lagi ayat-ayat lain yang menyebutkan Mesir secara tidak secara langsung (kinayah) sebagai contoh, ayat dalam surah Yusuf ayat 21, kata أرض yang bererti bumi tetapi yang dimaksudkan adalah Mesir. Kesemua ini menjelaskan kedudukan dan keistimewaan negara Mesir. Disebutkan secara khusus di dalam al-Quran mendedikasikan peranan Mesir dan kedudukannya dalam dunia Muslim. Mesir merupakan kiblat ilmu pengetahuan Islam khususnya melalui Universiti al-Azhar. Secara geografi Mesir juga sangat strategik di antara tiga benua Afrika, Asia dan Eropah. Mesir juga merupakan negara Islam di Timur Tengah yang memiliki populasi penduduk yang paling ramai.

Sebagaimana negara Mesir disebutkan di dalam al-Quran berulang kali, kelebihan tentera Mesir juga disebutkan di dalam hadis Nabi SAW. Antaranya sebuah hadis yang merupakan sebahagian daripada hadis panjang yang direkodkan oleh Ibn Abd Hakim dalam Futuh Misra, al-Daruqutni dalam al-Mu'talif wal Mukhtalif dan disebutkan melalui jalan riwayat Ibn Asakir dalam Tarikh Damsyiq dan Ibn Zulaq dalam Fadhail Misr daripada Abdullah bin Lahi'ah daripada al-Aswad bin Malik al-Humairi daripada Bahir bin Zakhir al-Mu'afiri daripada Amru bin al-As daripada Saidina Umar al-Khattab RA, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

إذا فتح الله عليكم مصر فاتخذوا فيها جندا كثيراً، فذلك الجند خير أجناد الأرض، فقال له
أبو بكر: ولم يارسول الله ؟ قال: لأنهم وأزواجهم في رباط إلى يوم القيامة

*Maksudnya; Bila Allah membukakan buat kamu negeri Mesir, jadikan tenteranya paling banyak. Maka tentera itu adalah sebaik-baik tentera di bumi. Maka berkata Abu Bakar: Kenapa begitu ya Rasulullah? Jawab baginda: Kerana mereka dan isteri-isteri mereka sentiasa siap siaga (ribat) hingga ke hari kiamat.*

Selain itu terdapat beberapa lagi hadis lain yang menyebutkan kelebihan tentera Mesir yang dalam masa yang sama menyingkap kelebihan negara Mesir itu sendiri. Kesahihan hadis yang menyebutkan kelebihan tentera Mesir boleh dirujuk kepada fatwa rasmi dari Dar al-Ifta' al-Masriyyah, oleh Prof. Dr. Shawqi Allam, Mufti Mesir.[1] Perkara ini juga telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh Prof. Dr. Ali Jumaah, mantan Mufti Mesir di dalam salah satu khutbah yang disampaikan beliau. Rakaman khutbah tersebut boleh diakses melalui pautan berikut, https://www.youtube.com/watch?v= zAo2mIv1GjE .



[1]Fatwa bertulis bertulis berhubung perihal tesebut boleh di akses melalui pautan berikut http://www.dar-alifta.org/View Fatwa.aspx?Lang ID=1&ID=8161 (20 Oktober 2019)

# LATAR BELAKANG NEGARA MESIR




*Peta Negara Mesir*

Mesir merupakan sebuah negara yang bertuah kerana kedudukan lokasinya terletak di utara benua Afrika. Dengan keluasan 1,400,000 km persegi dan landskap geografi yang pelbagai dari padang pasirnya yang luas hingga ke persisiran pantai yang mengelilingi negara ini. Kedudukan negara Mesir juga terletak di antara dua lautan iaitu Laut Mediterranean di utara dan Laut Merah di sebelah timur.

Walaupun tanah gersang mendominasi keluasan negara ini tetapi ia juga memiliki tanah di perlembahan Sungai Nil yang subur untuk menjalankan aktiviti pertanian. Sungai Nil merupakan salah satu anugerah dari Allah SWT kepada penduduk Mesir.

Sungai Nil yang pernah menyaksikan pelbagai kejadian dan peristiwa bersejarah ini juga pernah menghanyutkan *tabut* (raga) Nabi Allah Musa AS ketika bayi, ia juga menjadi sumber minuman, pengairan tanaman, pengangkutan air, dan mata pencarian bagi masyarakat nelayan. Punca sungai ini mengalir merentasi negara Mesir bermula dari utara hingga ke selatan dan merupakan sungai yang terpanjang di dunia. Ia mengalir merentasi 5 buah negara utama iaitu Mesir, Sudan, Etopia, Uganda dan Tanzania. Ia juga menjadi pusat peradaban

manusia yang merentasi tiga benua dunia iaitu benua Afrika, Eropah dan Asia.

Mesir kini menjadi sumber rujukan sejarah peradaban yang tertua di dunia berusia lebih dari 5000 tahun. Ini menjadikannya sebagai muzium sejarah peradaban manusia yang terbilang. Di atas tanah inilah telah terbukti pencapaian kemajuan kaum Mesir purba bermula dari zaman pemerintahan Firaun, Greek, Roman, Kristian dan Islam telah menjadikan negara ini makmur. Setiap sesuatu yang terdapat di atas tanah ini memiliki cerita dan agendanya yang tersendiri, hingga meninggalkan teka-teki yang sukar untuk dirungkai atau menjadi satu misteri yang membingungkan para saintis dan juga cerdik pandai.

## Profil Negara Mesir

Mesir dari segi geografi terletak di dua benua, Afrika dan Asia. Sebahagian besar wilayahnya atau Timur lautnya terletak di Utara Afrika. Manakala bahagian Barat Dayanya terletak di Asia dan wilayah ini dikenali sebagai Sinai yang terbahagi kepada Sinai Utara dan Sinai Selatan. Mesir daripada segi geografi merupakan negara Afrika, namun, daripada segi politik dan ekonomi pula, Mesir terletak dalam negara-negara Arab dan menganggotai Liga Arab. Secara tradisi sejak ditubuhkan, Setiausaha Agung Liga Arab disandang oleh Mesir. Atas faktor ini, Mesir dianggap mengetuai negara-negara Arab. Mesir juga merupakan negara yang mempunyai kekuatan tentera yang terbesar dan terkuat dalam negara anggota.

Berikut adalah maklumat ringkas berkaitan negara Mesir;

***Jadual 1:*** *Maklumat ringkas berkaitan negara Mesir*

| | |
|---|---|
| **Nama Negara** | Republik Arab Mesir (جمهورية مصر العربية) |
| **Jenis Kerajaan** | Republik |
| **Ibu Negara** | Kaherah |
| **Kemerdekaan** | 28 Februari 1922 (UK) |

| | |
|---|---|
| **Senarai Nama Presiden** | Muhammad Naguib (1953-1954)<br>Gamal Abdel Nasser (1954-1970)<br>Anwar Sadat (1970-1981)<br>Hosni Mubarak (1981-2011)<br>Mohamed Morsi (2012-2013)<br>Adly Mansour (Interim 2013-2014)<br>Abdel Fattah el-Sisi (2014-kini) |
| **Keluasan** | 1,001,450 km persegi |
| **Cuaca** | Musim Panas (Mei - Julai)<br>Musim Luruh (Ogos - Oktober)<br>Musim Sejuk (November - Januari)<br>Musim Bunga (Februari - April) |
| ***Time Zone*** | *Daylight Saving Time* (DST) |
| **Sempadan Negara** | Utara - Laut Mediterranean<br>Selatan - Sudan<br>Barat - Libya<br>Timur - Laut Merah dan Palestine |
| **Sumber Alam** | Petroleum, Gas Asli, *Iron Ore, Phosphates, Manganese, Limestone, Gypsum, Talc, Asbestos, Lead, Zinc* |
| **Populasi** | 96.2 juta (Disember 2017) |
| **Agama** | Muslim (Sunni) 90%, Kristian (Koptic 9%) & (Katolik 1%) |
| **Bahasa** | Arab (rasmi), Inggeris and Perancis (golongan kelas pendidikan) |
| **Mata Wang** | Egyptian Pound (EGP/LE) |
| **Kadar Tukaran** | USD1.00 bersamaan EGP17.95 (September 2018) |
| **KDNK *(Annual Growth Rate)*** | 5.4 peratus (Jun 2018) |
| **KDNK Per Kapita *(PPP)*** | USD10550 (Disember 2017) |
| **Hutang Kerajaan kepada KDNK** | 101 peratus (Disember 2017) |

| | |
|---|---|
| **Kadar Pengangguran** | 14.2 peratus (Ogos 2018) |
| **Inflasi** | 14.2 peratus (Ogos 2018) |
| **Inflasi Makanan** | 9.64 peratus (Julai 2018) |
| **Kadar faedah** | 16.75 peratus (Ogos 2018) |
| **Gaji Minimum** | EGP1200 (Januari 2018) |
| **Gaji pekerja terlatih** | EGP3500 / Bulan (2017) |
| **Gaji pekerja tidak terlatih** | EGP2160 / Bulan (2017) |
| **Industri** | Tekstil, Pemprosesan Makanan, Pelancongan, Kimia, Farmaseutikal, Hidrokarbon, Pembinaan, Perkilangan, Besi |
| **Eksport (Komoditi)** | Minyak Mentah dan Produk Petroleum |
| **Eksport (Rakan Dagang)** | Produk Tekstil, Produk Besi dan Produk Kimia. USA 7.95%, Itali 7.26%, Sepanyol 6.78%, India 6.69%, Arab Saudi 5.53%, Syria 5.3%, Perancis 4.39%, Korea Selatan 4.27% |
| **Import (Komoditi)** | Mesin dan jentera, makanan, produk kimia, produk kayu, minyak proses |
| **Import (Rakan Dagang)** | China (9.63%), USA (9.92%), Jerman (6.98%), Itali (6.88%), Turki (4.94%) |
| **Pendapatan Pelancongan** | USD7.6  Bilion (Disember 2017) |
| **Kadar Cukai Korporat** | 22.5 peratus (Disember 2018) |
| **Kadar Cukai Pendapatan Peribadi** | 22.5 peratus (Disember 2018)[2] |
| **Kadar Cukai Jualan** | 14 peratus (Disember 2018) |
| **Indeks Rasuah** | 32 mata (Disember 2017) |
| **Kedudukan Rasuah** | *Ranking* 117 (Disember 2017) |

[2]Sumber https://tradingeconomics.com/egypt/indicators (25 September 2018)

## Bendera



Bendera Negara Mesir terdiri daripada tiga warna:

- **Hitam** Di bahagian paling bawah melambangkan Mesir sebelum revolusi 23 Julai 1952 hidup di bawah penindasan dan penjajahan (era gelap).
- **Putih** Di bahagian tengah melambangkan kedamaian dan ketenteraman.
- **Merah** Di bahagian paling atas mencerminkan gambaran perlunya pengorbanan, kesungguhan dan darah demi pembangunan, menjaga kehormatan dan kemerdekaan.

## Lambang Negara Mesir

Lambang negara Mesir adalah Helang Emas dengan kepala menghadap kanan (sudut pandang helang). Lambang ini disebut Helang Salahuddin dengan cakar tengah menggenggam pita bertuliskan nama rasmi negara, “Republik Arab Mesir/ Jumhūriyyat Miṣr al-ʿArabiyyah”.




Helang ini mengenakan perisai di dadanya berwarna merah, putih, dan hitam (warna bendera Mesir), tetapi dalam susunan vertikal, sedangkan dalam bendera Mesir warna disusun secara horizontal.

## Bancian *Central Agency for Public Mobilization and Statistics*

*Central Agency for Public Mobilization and Statistics* (CAPMAS) merupakan institusi yang bertanggungjawab mengadakan bancian di negara Mesir, pada 30 September 2017, telah membentangkan laporan statistik rasmi terkini hasil bancian ke-14 sejak 1982, dan yang pertama dilaksanakan secara elektronik. Berikut adalah beberapa ringkasan laporan analisis hasil bancian yang telah dibuat;

a. Jumlah terkini rakyat Mesir

Jumlah terkini rakyat Mesir adalah seramai 104.269,501 juta orang di mana 51.6% daripadanya adalah lelaki, manakala 48.4% adalah wanita. Hasil daripada kajian ini, Mesir kini berada pada tangga ke-13, negara paling ramai penduduk.

b. Jumlah penduduk yang berada di dalam dan luar negara

Bilangan penduduk yang berada di dalam negara adalah berjumlah 94.8 juta orang. Manakala bilangan penduduk yang berada di luar negara dianggarkan berjumlah 9.4 juta, berdasarkan statistik oleh Kementerian Luar Negeri.

c. Tahap pendidikan rakyat Mesir

Bilangan penduduk Mesir yang buta huruf adalah berjumlah 18 juta orang iaitu mewakili 26.8 peratus keseluruhan penduduk (10.6 juta perempuan, 7.4 juta lelaki). Manakala penduduk yang tidak mendapat pendidikan secara formal pula adalah berjumlah 28.8 juta orang.

d. Status penduduk yang berkahwin

Penduduk yang telah berkahwin berjumlah 68 peratus (Lelaki 65.9 peratus, wanita 70.2 peratus). 10.7 peratus dari wanita Mesir adalah berstatus ibu tunggal (janda). Daripada kajian ini juga didapati 118,000 wanita di bawah usia 18 tahun telah melangsungkan berkahwin.

e. Jumlah penduduk yang penggunaan alat komunikasi

Hasil kajian juga merekodkan 65.4 peratus rakyat menggunakan telefon bimbit bermula seawal 4 tahun ke atas.

## Kerajaan dan Politik

Corak pemerintahan Mesir adalah secara demokrasi, mempunyai kepelbagaian parti dan kebebasan pilihan raya. Presiden mempunyai kuasa yang besar dan mutlak dibantu sistem birokrasi ketenteraan bagi mengukuhkan pentadbiran negara Mesir. Negara Mesir mempunyai 27 wilayah dan setiap darinya mempunyai Gabenor. Kaherah besar dibahagikan kepada tiga wilayah, Giza (barat Nil), Qalubiyah dan Kaherah.

Ekoran dua revolusi rakyat *(popular revolution)* di Republik Arab Mesir bagi menjatuhkan Presiden Hosni Mubarak pada 25 Januari 2011 dan Presiden Mohamed Morsi pada 30 Jun 2013, keadaan politik dan sosio-ekonomi Kerajaan Mesir telah mengalami cabaran ketidakstabilan yang amat kritikal. Kerajaan Interim Mesir pada bulan Julai 2013 mengumumkan tiga hala tuju *(roadmap)* iaitu (i) mendraf semula Perlembagaan Mesir, (ii) melantik Presiden baharu melalui Pilihanraya Presiden, dan (iii) melantik ahli Parlimen baharu melalui Pilihanraya Parlimen.

*Roadmap* pertama iaitu mendraf semula Perlembagaan Mesir telah diterima melalui satu referendum yang diadakan pada 14-15 Januari 2014. *Roadmap* kedua pula iaitu Pilihan raya Presiden telah diadakan pada 26-27 Mei 2014. *Roadmap* ketiga dan terakhir iaitu Pilihan raya Parlimen dijangka diadakan selepas bulan Julai 2015 (selepas Ramadhan).

Sejak dipilih menjadi Presiden pada 8 Jun 2014, Abdel Fattah Al-Sisi telah membawa pembaharuan kepada suasana politik, ekonomi dan sosial di Mesir, termasuk menguatkan semula pengaruh Mesir sebagai sebuah negara penting di rantau Afrika dan Timur Tengah. Kebangkitan Mesir daripada kemelut politik dalaman telah mendapat sokongan komuniti antarabangsa yang menyedari kepentingan negara itu sebagai pusat kestabilan serantau dan dunia.

Menyedari kepentingan strategik negara Mesir khususnya di rantau Afrika dan Timur Tengah, negara-negara seluruh dunia termasuk negara kuasa besar (P5) mula mengiktiraf Kerajaan Mesir pimpinan Presiden Sisi. Tahun 2014 dan 2015 menyaksikan pemimpin-pemimpin dunia mengadakan lawatan kerja ke Mesir bagi mengukuhkan hubungan dua hala dengan negara tersebut seperti Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe pada Januari 2015 dan Presiden Rusia pada Februari 2015. Selain itu, Presiden Sisi telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat dan Perdana Menteri United Kingdom di New York pada September 2014, Presiden Perancis di Paris dan Perdana Menteri Itali di Rom pada November 2014, Presiden Republik Rakyat China di Beijing pada Disember 2014 dan Canselor German di Davos pada Januari 2015.

Selain itu juga, penganjuran Persidangan Pembangunan Ekonomi Mesir (EEDC) yang diadakan di Sharm El-Syeikh pada 13-15 Mac 2015 telah

disertai oleh ramai pemimpin terkemuka seperti Raja Arab Saudi, Emir Kuwait, Presiden Palestin, Perdana Menteri Itali, Perdana Menteri Oman dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat. Selain menggambarkan sokongan terhadap pelan pembangunan ekonomi Mesir, kehadiran pemimpin-pemimpin ini secara langsung memperlihatkan sokongan dan pengiktirafan kepada Presiden Sisi selaku pemimpin Mesir yang sah, di mana rata-ratanya menyokong usaha Mesir untuk bangkit selepas siri kekacauan politik sejak 2011 dan usaha mereka dalam memerangi kegiatan militan di peringkat domestik dan serantau.

Di peringkat serantau, kepentingan strategik Mesir diperlihatkan menerusi peranan negara berkenaan dalam menjadi orang tengah/ broker kepada usaha kedamaian di Timur Tengah, khususnya membabitkan usaha damai antara Palestin dan Israel. Mesir, Norway dan Palestin telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kaherah pada 12 Oktober 2014, bagi mendapatkan sokongan komuniti dunia untuk membantu pembinaan semula Gaza (yang mengalami kemusnahan semasa Perang Gaza pada Julai 2014). Persidangan tersebut telah berjaya mendapat komitmen kewangan berjumlah USD5.4 bilion daripada komuniti dunia.

Selain itu, Mesir juga berusaha untuk mengukuhkan hubungannya dengan negara-negara Afrika menerusi Kesatuan Afrika (AU), susulan penggantungan keanggotaannya dalam AU, ekoran kemelut politik Mesir pada bulan Jun 2013 setelah mantan Presiden Morsi dijatuhkan. Keanggotaan Mesir dalam AU telah diterima semula pada Jun 2014, menggambarkan pengiktirafan AU ke atas kepimpinan Presiden Sisi dan sekaligus membuka ruang kepada Mesir untuk memperbaiki hubungannya dengan negara-negara Afrika.

Pada 24 Mac 2015, Presiden Mesir dan Sudan serta Perdana Menteri Etiopia telah menandatangani perjanjian prinsip awal bagi menyelesaikan pertikaian terhadap pembinaan Empangan *Grand Renaissance* di Etiopia. Pembinaan Empangan *Grand Renaissance* tersebut dijangka akan menjadi projek empangan hidroelektrik terbesar di Afrika dengan kos pembinaan berjumlah USD4.7 bilion yang menghasilkan 6,000 *megawatt* tenaga elektrik. Pembinaan empangan tersebut sebelum ini telah ditentang oleh Kerajaan Mesir yang khuatir akan kesan pengurangan bekalan air dari Sungai Nil yang menjadi sumber air utama rakyat Mesir. Walau bagaimanapun, Presiden Sisi telah mengambil pendekatan berhemah untuk menyelesaikan pertikaian tersebut namun pada masa yang sama mengakui kebimbangan beliau akan kesan pengurangan bekalan air susulan daripada projek pembinaan empangan tersebut.

Semasa penganjuran Sidang Kemuncak Liga Arab di Sharm El-Syeikh pada 28-29 Mac 2015, Presiden Sisi telah mengutarakan pelbagai inisiatif dan strategi baharu bagi mengukuhkan kerjasama pelbagai bidang dalam kalangan negara-negara anggota. Antara idea Presiden Sisi yang seterusnya dipersetujui dalam resolusi Sidang Kemuncak Liga Arab tersebut adalah persetujuan untuk

menubuhkan Tentera Bersekutu Arab bagi menangani kemelut sebarang ancaman keganasan dan kekacauan politik di sesebuah negara anggota.

Idea penubuhan Tentera Bersekutu Arab tersebut disuarakan oleh Presiden Sisi selepas Mesir melancarkan beberapa siri serangan udara yang mensasarkan lokasi persembunyian kumpulan militan *Islamic State* (IS) di Libya pada Februari 2015 sebagai tindak balas ke atas pembunuhan 21 orang rakyat Mesir di Libya. Selain itu, Sidang Kemuncak Liga Arab turut bersetuju dengan cadangan Presiden Sisi dalam kempen menangani kegiatan militan dan usaha memelihara kestabilan serantau khususnya menerusi usaha sama menyelesaikan konflik politik di Yaman, Libya dan Syria. Ini menggambarkan bahawa suara Presiden Sisi amat didengari oleh pemimpin-pemimpin Arab yang lain, sekali gus menggambarkan keupayaan dan pengaruh Mesir dalam menggerakkan hala tuju politik serantau.

Kekuatan ketenteraan Mesir juga penting dalam mempengaruhi kestabilan rantau Afrika Utara dan Timur Tengah. Mengambil kira landskap kekacauan politik seperti percanggahan ideologi dan agama terutamanya antara Sunni dan Syiah, negara-negara serantau terutamanya Arab Saudi akan kekal menyokong Mesir bagi mengimbangi kuasa lain seperti Iran dan Israel. Selain itu, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah yang lain turut menyokong Mesir dalam usahanya memerangi kegiatan militan serantau kerana menyedari kepentingan strategik negara tersebut sebagai pusat kestabilan serantau dan dunia. Kekacauan politik yang mampu menggugat kestabilan Mesir sebagaimana yang berlaku di Iraq, Syria, Yaman dan Libya akan meluaskan lagi pengaruh IS dan ideologi militan di rantau Afrika Utara dan Timur Tengah, dan seterusnya akan merebak ke rantau berdekatan termasuk Eropah dan Asia.

Dalam sudut yang berbeza, walaupun hubungan Mesir dan Amerika Syarikat pada suatu ketika dulu dilihat tegang terutamanya apabila Presiden Morsi digulingkan dan MB diharamkan, Mesir tidak lagi menoleh ke belakang sebaliknya tetap teguh dengan hala tuju politiknya dengan menolak ideologi pembentukan negara Islam. Perkembangan baharu politik Mesir tidak lagi menunjukkan bahawa Mesir perlu bergantung kepada Amerika Syarikat, sebaliknya memperlihatkan dasar luar negaranya yang jelas terbuka dan bebas untuk menjalinkan hubungan dengan sesiapa sahaja.

Selain daripada mengukuhkan kedudukannya di Afrika dan Timur Tengah, Mesir juga berusaha untuk meluaskan pengaruhnya di persada antarabangsa. Ketika ini, Mesir sedang berusaha keras meraih sokongan dunia untuk menjadi Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB (UNSC) bagi penggal 2016-2017. Hasrat tersebut telah diumumkan oleh Kerajaan Mesir pada September 2014, dan ia telah mendapat sokongan daripada Persidangan Kesatuan Afrika (AU) pada Januari 2015 serta Persidangan Liga Arab pada Mac 2015. Sekiranya berjaya dalam pemilihan negara UNSC pada Oktober 2015 kelak, isu yang dijangka akan

diperjuangkan Mesir merangkumi penyelesaian krisis Negara Dunia Ketiga, krisis serantau seperti kemelut politik Libya, Yaman dan Palestin serta memperjuangkan isu keselamatan dan memerangi kegiatan militan.

Selain itu, Kerajaan Mesir juga telah menyatakan hasrat untuk menjadi rakan dialog ASEAN dan bersedia untuk menandatangani *Treaty of Amity and Cooperation* (TAC), dalam usaha mereka mengukuhkan hubungan dengan ASEAN dan negara-negara ASEAN. Perkara ini telah dimaklumkan oleh TYT Amb. Yasser Murad, Penolong Menteri Luar Negeri Mesir bagi Negara Asia dan Kepulauan Pasifik semasa pertemuan dengan Duta-Duta Besar Negara ASEAN ke Mesir di Kaherah pada 5 April 2015. Selain itu, perkara yang sama turut dibincangkan semasa pertemuan TYT Ibrahim Mahlab, Perdana Menteri Mesir dan TYT Le Luong Minh, Setiausaha ASEAN semasa persidangan Asia-Afrika di Bandung dan Jakarta, Indonesia pada 22 April 2015.

## Pertahanan

Mesir merupakan sebuah negara yang mempunyai kekuatan ketenteraan yang terbesar di rantau Afrika dan Timur Tengah, di mana ia mempunyai pengaruh yang besar dalam isu penyelesaian konflik serantau seperti di Yaman, Libya dan Palestin.  Semasa Sidang Kemuncak Liga Arab yang diadakan di Sharm al-Syeikh pada 28 Mac 2015, Ketua-Ketua Negara/ Kerajaan Liga Arab bersetuju dengan cadangan Mesir untuk menubuhkan *Joint Arab Force* bagi menangani masalah terrorisma di negara-negara ahli.

Pelbagai manfaat yang boleh dicapai sekiranya kerjasama pertahanan antara Malaysia dan Mesir dapat dipererat. Selain mempunyai pengalaman luas di dalam peperangan dengan Israel, Mesir juga mempunyai kepakaran dalam bidang latihan ketenteraan serta pertukaran maklumat *(intelligence)*. Mesir mempunyai hubungan baik dengan negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Rusia dan Perancis. Di samping itu, Malaysia dapat bertukar pengalaman dengan Mesir di dalam usaha menangani masalah komunisme dan keganasan.

Peranan sektor ketenteraan di dalam pentadbiran Kerajaan Mesir amat signifikan dan tidak dapat dinafikan. Adalah dianggarkan bahawa tentera Mesir menguasai 40% daripada ekonomi negara Mesir. Selain itu, Presiden Sisi juga merupakan mantan Panglima Angkatan Tentera Mesir sebelum beliau bertanding pada Pilihan Raya Presiden bulan Mei 2014.

## Senarai Wilayah di Mesir

Negara Mesir terdiri daripada 27 wilayah seperti berikut;

***Jadual 2:*** *Senari wilayah dan ibu negeri di seluruh Mesir*

| BIL. | WILAYAH | BANDAR |
|---|---|---|
| 1 | Kaherah | Kaherah |
| 2 | Giza | Giza |
| 3 | Daqahliah | Daqahliah |
| 4 | Syarqiyyah | Zaqaziq |
| 5 | Buhairah | Damanhur |
| 6 | Iskandariah | Iskandariah |
| 7 | Gharbiyah | Tanta |
| 8 | Qalyubiyah | Benha |
| 9 | El-Minya | El-Minya |
| 10 | Suhaj | Suhaj |
| 11 | Qena | Qena |
| 12 | Manufiyah | Syibin el-Koum |
| 13 | Asyut | Asyut |
| 14 | Kafr Shekh | Kafr Shekh |
| 15 | Fayyum | Fayyum |

| BIL. | WILAYAH | BANDAR |
|---|---|---|
| 16 | Bani Suef | Bani Suef |
| 17 | Aswan | Aswan |
| 18 | Dumyat | Dumyat |
| 19 | Ismailiyah | Ismailiyah |
| 20 | Port said | Port said |
| 21 | Suez | Suez |
| 22 | Matrouh | Marsa Matrouh |
| 23 | Sinai Utara | ‘Arish |
| 24 | al-Wadi al-Jadid | al-Wadi al-Jadid |
| 25 | Bahr al-Ahmar | Bahr al-Ahmar |
| 26 | Sinai Selatan | Sinai Selatan |
| 27 | Luxor | Luxor |




*Peta negara Mesir mengikut sempadan muhafazah/wilayah*

## Penduduk Mesir

*Egyptian Coptic* adalah satu gelaran yang diberikan kepada Arab Mesir, orang Mesir Koptic boleh didefinisikan sebagai masyarakat Mesir lama yang beragama Kristian. Mereka lebih suka menganggap diri mereka dari keturunan firaun bukan dari keturunan Arab atau Afrika.

Penjajahan negara asing terhadap Mesir menyebabkan kita dapat lihat wajah mereka seakan-akan orang Eropah atau Afrika. Kebanyakan mereka merupakan kacukan di antara Turki, Perancis dan British. Manakala, orang Badawi yang tinggal di padang pasir Sinai dan di bahagian barat adalah dari semenanjung Arab. Semakin ke arah selatan atau bawah Mesir kita akan mendapati mereka lebih berkulit gelap dan tinggi, di bahagian Nubian (Nuweiba).

## Bahasa

Bahasa Arab merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi penduduk Mesir. Walau bagaimanapun, Bahasa Inggeris dipertuturkan secara meluas dan kebanyakan penduduk Mesir boleh memahaminya. Manakala, Bahasa Perancis juga digunapakai oleh mereka yang berpendidikan tinggi dan golongan atasan selain Bahasa Itali, Jerman, Sepanyol, Rusia dan sebagainya.

## Dialek

Sebagaimana dijelaskan, Bahasa Arab merupakan bahasa rasmi negara Mesir. Walau bagaimanapun, Bahasa Arab *fusha* (standard) digunakan dalam perkara-perkara rasmi seperti majlis rasmi, berita tetapi jarang sekali digunakan dalam perbualan harian. Manakala masyarakat Mesir, mereka menggunakan Bahasa Arab *Ammiyah* (bahasa pasar) sebagai bahasa perantaraan harian. Bagi memudahkan urusan, Bahasa Arab *Ammiyah* adalah lebih praktikal kerana penggunaannya lebih meluas.

## Makanan

Mesir terkenal dengan pelbagai makanan bertradisikan Arab, yang mana makanan asasi mereka adalah gandum dan kekacang. Cara penyediaan makanan mereka amat mudah dan ringkas. Antara yang terkenal adalah:

- *Ful* (disebut *'fool'* adunan kacang)
- *Tahina* (adunan bijan)
- *Koushari* (makaroni, nasi, kacang kuda, kekacang)
- *Aish baladi* (kepingan roti)
- *Kofta* (daging kisar berempah)
- *Kebab* (daging kambing bakar)
- *To'amiah* (kacang dikisar dan digoreng)

## Mata Wang

Mata wang Mesir dikenali dengan Egyptian Pound (EGP). Bagi setiap EGP/LE 1 bersamaan dengan 100 Piasters/قرش. Manakala mata wang kertas bermula dari nilai LE 0.25, LE 0.50 dan LE 1 serta berakhir dengan LE 200.

***Jadual 3:** Kadar mata wang Ringgit Malaysia (MYR) berbanding Egyption Pound (EGP)*[3]

| RM | EGP | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1 | 4.3277 | 1 RM = 4.3277 EGP |
| 100 | 432.77 | 100 RM = 432.77 EGP |
| 10,000 | 43,276.72 | 10,000 RM = 43,276.72 EGP |
| 1,000,000 | 4,327,672.21 | 1,000,000 RM = 4,327,672.21 EGP |

[3]Kadar pertukaran https://my.exchange-rates.org/Rate/MYR/EGP (20 September 2018)

## Contoh Mata Wang EGP




*Contoh mata wang Egyption Pound (EGP)*

## Cuaca di Kaherah Sepanjang Tahun

Mesir yang terletak di benua Afrika lazimnya memiliki padang pasir yang luas, panas dan terik serta kering. Ia mempunyai 4 musim. Iklim atau cuaca di mana-mana negara merupakan tarikan utama kepada para pelancong. Cuaca merupakan salah satu faktor yang paling berpengaruh dalam industri pelancongan kerana ia menjadi keutamaan bagi pelancong sebelum memulakan perjalanan mereka.

Secara umum, Mesir menikmati cuaca sederhana sepanjang tahun yang menjadikannya destinasi utama untuk pelancongan. Bagi ibu kota Mesir, Kaherah, kebiasaannya cuaca adalah hangat atau panas sepanjang tahun disebabkan lokasinya terletak di pelembahan Sungai Nil. Kaherah pada dasarnya mempunyai dua musim iaitu;

1. Musim panas yang meluas dari Mei hingga Oktober, di mana cuaca menjadi sangat panas dan kering dengan suhu melonjak ke paras tertinggi harian 35°C- 38°C . Suhu panas di Mesir kadangkala mencecah sehingga 50°C.

2. Musim sejuk dari November hingga April yang kebiasaannya cuaca panas dan sejuk, dengan kadar hujan yang sangat sedikit pada suhu purata antara 19°C hingga 29°C pada siang hari, dan antara 5°C dan 11°C pada waktu malam. Bandar Kaherah kadang kala mengalami ribut debu (pasir) pada bulan Mac dan April.

Bulan terbaik untuk pergi ke Kaherah adalah dari pertengahan September hingga Mac kerana keadaan cuaca masih panas tetapi menyenangkan. Justeru, semasa di Kaherah anda disarankan untuk memakai pakaian kapas yang ringan pada musim panas dan pakaian bulu yang berat pada musim sejuk.

| **Winter** (DEC - FEB) | **Spring** (MAR - MAY) | **Summer** (JUN - AUG) | **Fall** (SEP - NOV) |
|---|---|---|---|
| 14°C | 21°C | 36°C | 23°C |

## Pengangkutan Awam di Mesir

Mesir merupakan sebuah negara yang besar dan padat penempatan rakyatnya. Terdapat pelbagai kemudahan pengangkutan di sini seperti bas, bas mini, kereta api bawah tanah (Metro), kereta api, *microbus* (*Tremco*), teksi, kereta api laju ke luar Kaherah untuk ke tempat jauh seperti Iskandariah dan Aswan. Kebiasaannya kesesakan jalan raya di Kaherah berlaku pada hari bekerja jam 3.00 hingga 7.00 petang.

## Metro Kaherah (Kereta Api Bawah Tanah)

Perkhidmatan Metro bawah tanah mudah, cepat dan praktikal untuk digunakan. Metro Kaherah di Mesir merupakan satu-satunya sistem metro yang lengkap di Afrika. Sistem ini terdiri daripada dua laluan operasi. Laluan ketiga berada dalam perancangan. Metro ini dijalankan oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan untuk Terowong. Laluan ini menggunakan tolok piawai (1435 mm). Harga Tiket ialah EGP1.00 untuk setiap perjalanan sejak Oktober 2007 (EUR 0.05, USD 0.05 atau 0.24 MYR), tanpa mengira jarak. Namun harga tiket Metro pada tahun 2018 telah dinaikkan kepada EGP2.00 hingga EGP7.00 berdasarkan kedudukan jarak stesen laluan.

Pada kesemua kereta api metro Kaherah, dua gerabak di tengah (ke-4 dan ke-5) pada setiap kereta api dikhaskan untuk wanita sehingga awal malam sebagai pilihan untuk para wanita yang tidak mahu duduk dengan lelaki dalam gerabak yang sama; meskipun begitu, wanita masih dapat menaiki gerabak lain secara bebas. Kedua-dua laluan ini membawa sekitar 700 juta orang penumpang setahun dan purata 2 juta orang penumpang setiap hari.



*Stesen Metro bawah tanah di Kaherah*




*Peta laluan Metro/kereta api bawah tanah di Kaherah bagi laluan 1 dan laluan 2*

Laluan perkhidmatan Metro di Kaherah adalah seperti berikut;

## Laluan 1: (Helwan - El-Marg)

Laluan 1 (laluan merah) dibuka pada 1987 selepas menyambungkan dua laluan atas tanah yang sedia ada dengan suatu bahagian bawah tanah yang besar melalui pusat bandar raya. (Oleh kerana ini, ia kadangkala dirujuk sebagai 'Laluan Daerah'). Laluan ini merangkumi sejumlah 43.5 km (27 batu) dengan 3 km (1.8 batu) di bawah tanah, mempunyai 33 buah tempat perhentian dan mempunyai ruangan yang mampu memuatkan 60,000 orang penumpang sejam setiap arah.

Metro ini yang kadang-kadang digelar 'Laluan Binaan Perancis' menganjur dari kawasan industri Helwan di selatan ke El-Marg di sebelah utara. Kebanyakannya adalah di atas tanah, dengan bahagian pusat bandar di bawah tanah. Laluan ini dibina dalam tiga peringkat;

- Pertama: (Helwan / Medan Ramsis): 29 km, dibuka pada 1987.
- Ke-2: (Medan Ramsis / El-Marg ): 14 km, dibuka pada 1989.
- Ke-3: Perlanjutan bahagian utara Laluan 1: 1.3 km, dibuka pada 1999.

## Laluan 2: (Shoubra - El Mounib)

Rangkaian metro Kaherah telah berkembang secara hebat pada pertengahan 1990-an dengan pembinaan Laluan 2 (kuning), dari Shoubra ke Universiti Kaherah, kemudian dipanjangkan ke Giza. Merangkumi 21.5 kilometer (13 mi) dengan 20 stesen, ia kadang-kadang digelar 'Laluan Binaan Jepun' dan merupakan lalu lintas bawah tanah pertama merentasi Sungai Nil. Di kebanyakan bahagian ia berada dalam terowong yang digerek, kecuali dua bahagian: di utara menghampiri Shoubra El-Kheima, landasan laluan ini ditinggikan di atas tanah dan satu bahagian lagi dibina menggunakan kaedah potong dan tutup. Kelainan utama antara Laluan 1 dan 2 ialah Laluan 1 menggunakan sebuah talian atas sedangkan Laluan 2 menggunakan sistem rel ketiga.

- Oktober 1996: Shoubra - Mubarak, 8 km (5 mi)
- September 1998: Mubarak - Sadat, 3 km (2 mi)
- 19 April 1999: Sadat - Universiti Kaherah, 5.5 km (3 mi) (termasuk laluan rentas Nil)
- 8 Oktober 2000: Universiti Kaherah - Subbandar Giza 2.7 km (2 mi)
- 17 Januari 2005: Subbandar Giza - Monib 2.5 km (2 mi)

## Laluan 3: Imbaba atau Mohandesin ke lapangan terbang

Empat lagi laluan dicadangkan semuanya dengan tujuan mengurangkan kesesakan jalan raya Kaherah yang kronik dengan Laluan 3 (hijau) dari Imbaba/ Mohandesin ke Abbasiya, dan akhirnya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah di Heliopolis. Laluan 4 dirancang menghala dari barat daya di Al Ahram ke timur di Bandar Nasr; Laluan 5 dirancang sebagai suatu laluan separuh bulatan yang bersambung dengan kesemua laluan yang lain, dari Bandar Nasr ke Pelabuhan Said dan Shoubra El Kheima; dan Laluan 6 ialah laluan utara-selatan dari Shoubra ke Maadi.

Satu kajian pengangkutan terbaru mengenai daerah Kaherah Raya telah diselesaikan pada 1999 dan mencadangkan pelaksanaan empat laluan metro baru, Laluan 3, 4, 5 dan 6, sebagai tambahan kepada dua laluan yang ada dalam operasi kini. Rangkaian Metro ini apabila siap akan dapat melayani kebanyakan kawasan yang berkepadatan tinggi kawasan Kaherah Raya, yang amat memerlukan sistem alihan laju. Rangkaian Metro ini memiliki banyak stesen pertukaran di antara keenam-enam laluan metro dan turut memberikan kemudahan pertukaran dengan stesen kereta api utama dan stesen terminal bas.

Laluan No. 3 memanjang dari barat laut Kaherah Raya di Imbaba ke barat daya di Heliopolis dan akan akhirnya akan turut melayani Lapangan Terbang Antarabangsa Kaherah. Laluan ini akan melintas di bawah dua cabang Sungai Nil, sama seperti Laluan 2. Jumlah panjang laluan ialah sekitar 30 kilometer (19 mi), kebanyakannya adalah dalam terowong gerek dan akan dilaksanakan dalam empat fasa. Projek ini termasuk sebuah Bengkel Utama berhadapan dengan terminal barat laluan dan Bengkel Pembaikan Ringan di bahagian tengah laluan di Abbasia.

Pembinaan Laluan No. 3 akan bermula dengan bahagian Attaba ke Abbasia, fasa pertamanya, diikuti dengan fasa kedua dari Abbasia ke Heliopolis, yang merupakan bahagian terpenting untuk keperluan pengangkutan Kaherah. Reka bentuk fasa 1 mengambil kira keselamatan lalu lintas dua struktur bawah tanah utama; iaitu terowong gerek laluan 2 di Attaba dan terowong air buangan di utara Attaba. Juga dirancangkan supaya sesetengah stesen bawah tanah akan digunakan secara meluas sebagai pusat perdagangan. Stesen-stesen ini akan dibina dengan cara potong dan tutup dan kereta api akan mendapat kuasa melalui rel ketiga.

Laluan No. 4 merentasi Kaherah dari barat daya di al-Ahram ke timur di Bandar Nasr, laluan sepanjang 24 kilometer (15 mi) kebanyakannya juga adalah dalam terowong gerek dan melintasi di bawah dua cabang Sungai Nil.

Laluan No. 5 ialah laluan separa bulat yang menyambungkan laluan 1, 2, 3 dan 4 dan mempunyai panjang 20 kilometer (12 mi). Keseluruhan laluan adalah dalam terowong gerek.

Laluan No. 6 ialah laluan memanjang dari utara bandar ke selatan, sepanjang 19 kilometer (12 mi), kebanyakannya dalam terowong gerek. Keenam-enam laluan metro ini dirancang untuk memenuhi permintaan pengangkutan kawasan Kaherah Raya hingga ke tahun 2022. Bagaimanapun, pembinaan sebenarnya dan jadual pelaksanaan akan dihadkan oleh sumber kewangan yang ada.[4]

[4]Sumber https://ms.wikipedia.org/wiki/Metro Kaherah (2 Setember 2018)

## Jarak Perjalanan Antara Bandar di Mesir

***Jadual 4:** Jadual jarak kilometer antara banda-bandar di Mesir*[5]

| Cities | Cairo | Alexandria | Marsa Matrouh | Hurghada | St. Catherine | Sharm ElSheikh | Dahab | Nuweiba | Ras Mohamed | Taba | Suez | Fayoum | Menia | Luxor | Aswan | Siwa | Marsa Alam |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Cairo | | 224 | 400 | 529 | 428 | 488 | 588 | 645 | 462 | 717 | 130 | 103 | 241 | 676 | 906 | 617 | 789 |
| Alexandria | 224 | | 176 | 759 | 662 | 705 | 812 | 869 | 686 | 941 | 364 | 327 | 465 | 895 | 1128 | 841 | 1013 |
| Marsa Matrouh | 400 | 176 | | 935 | 838 | 881 | 988 | 1045 | 862 | 1117 | 540 | 503 | 641 | 1071 | 1304 | 1017 | 1189 |
| Hurghada | 529 | 759 | 935 | | 721 | 781 | 881 | 938 | 807 | 1010 | 395 | 632 | 770 | 299 | 513 | 1146 | 226 |
| St. Catherine | 428 | 662 | 838 | 721 | | 60 | 127 | 110 | 265 | 175 | 298 | 531 | 669 | 976 | 1236 | 1045 | 1217 |
| Sharm ElSheikh | 488 | 705 | 881 | 781 | 60 | | 100 | 157 | 26 | 126 | 142 | 459 | 691 | 1036 | 1136 | 1105 | 1277 |
| Dahab | 588 | 812 | 988 | 881 | 127 | 100 | | 67 | 126 | 142 | 459 | 691 | 829 | 1136 | 1486 | 1205 | 1377 |
| Nuweiba | 645 | 869 | 1045 | 938 | 110 | 157 | 67 | | 183 | 72 | 516 | 748 | 886 | 1193 | 1543 | 1262 | 1434 |
| Ras Mohamed | 462 | 686 | 862 | 807 | 265 | 26 | 126 | 183 | | 225 | 332 | 565 | 703 | 1062 | 1412 | 1079 | 1251 |
| Taba | 717 | 941 | 1117 | 1010 | 175 | 929 | 142 | 72 | 225 | | 571 | 820 | 958 | 1265 | 1615 | 1334 | 1506 |
| Suez | 130 | 364 | 540 | 395 | 298 | 342 | 459 | 515 | 332 | 571 | | 233 | 371 | 803 | 803 | 514 | 659 |
| Fayoum | 103 | 327 | 503 | 632 | 531 | 591 | 691 | 748 | 565 | 820 | 233 | | 138 | 573 | 803 | 514 | 892 |
| Menia | 241 | 465 | 641 | 770 | 669 | 729 | 829 | 886 | 703 | 958 | 371 | 138 | | 436 | 665 | 376 | 548 |
| Luxor | 676 | 895 | 1071 | 299 | 976 | 1036 | 1136 | 1193 | 1062 | 1265 | 810 | 573 | 436 | | 220 | 1260 | 113 |
| Aswan | 906 | 1128 | 1017 | 1146 | 1045 | 1105 | 1205 | 1262 | 1079 | 1334 | 747 | 514 | 376 | 1260 | | 1523 | 343 |
| Siwa | 617 | 841 | 1017 | 1146 | 1045 | 1105 | 1205 | 1362 | 1079 | 1334 | 747 | 514 | 376 | 1260 | 1523 | | 1406 |
| Marsa Alam | 789 | 1013 | 1189 | 226 | 1217 | 1277 | 1377 | 1434 | 1251 | 1506 | 659 | 892 | 548 | 113 | 343 | 1406 | |
| Cities | Cairo | Alexandria | Marsa Matrouh | Hurghada | St. Catherine | Sharm ElSheikh | Dahab | Nuweiba | Ras Mohamed | Taba | Suez | Fayoum | Menia | Luxor | Aswan | Siwa | Marsa Alam |

[5]Sumber http://www.freedaysegypt.com/driving_distance.php (2 Setember 2018)

## Nombor Kecemasan Utama di Mesir

***Jadual 5:*** *Senarai nombor-nombor telefon untuk kes kecemasan di Mesir*[6]

| PIHAK BERKENAAN | NO. TELEFON |
|---|---|
| Hotline KBMK | +20120027 6388 |
| EME Student Counter (Office Hour) | +202 2487 3858 Ext. 113 |
| International Call Services | 120 |
| Electricity | 121 |
| Emergency Police | 122 |
| Ambulance | 123 |
| Water | 125 |
| Tourism Police | 126 |
| Natural Gas | 129 |
| Fire Department | 180 |
| Telephone Directory | 140, 141 |
| International Telephone Directory | 144 |
| Railway Police | 145 |
| Public Traffic Admin. For Highway Accidents | 012111000 |
| General Security Services (criminal offenses) | 115 |
| Information Crime Investigation Inquiries | 27921487 |
| Cairo International Airport | 2777 |

[6]Sumber http://www.cairo.gov.eg/CairoPortal/english_tourism/EmergencyNumbersText.aspx ?ID=2 (15 Okt. 2018)

## Hospital Utama di Mesir

***Jadual 6:*** *Senarai nama hospital-hospital swasta yang utama di Mesir*[7]

| NO. TELEFON | ALAMAT | HOSPITAL |
|---|---|---|
| 19057 | 1 Sekket El-Imam Street – El- Sayeda Zeinab | Child Cancer Hospital (57357) |
| 22036261-22039164 | 1351 Corniche el Nile - Aga Khan | Nasser Institute Hospital |
| 23913366-23911670 | 341 Port Said Street -Bab El-Khaliq | Ahmed Maher Hospital |
| 24141690-24171514 | 17 Al-Rahalah Street - Ard El-Golf | El-Golf Hospital |
| 26740088 – 01006540088 | 17 Al-Sarayat Street - Abbasia | The Italian Hospital |
| 25756245 – 25745738 – 25756474 | 41 - 26th July - Downtown | El-Galaa Hospital |
| 26214024 | 12 El-Nasr Street – El-Nozha | Ain Al-Hayat Hospital |
| 2575016-25750160-25750169 | 34 Ramses Street | Al-Helal El-Ahmer Hospital |
| 16384 | Fifth Compound - New Cairo | Future University Hospital |
| 25562385-25562536 | 47 Mohammed Sayed Street - Helwan | Dar al-Shifa Hospital |

[7]Sumber http://www.cairo.gov.eg/CairoPortal/english_tourism/EmergencyNumbersText.aspx? ID=1 (15 Okt. 2018)

## TEMPAT-TEMPAT PELANCONGAN UTAMA DI MESIR

Negara Mesir merupakan negara yang banyak menjana pendapatan melalui pelancongan. Mesir merupakan sebuah negara yang kaya dengan peninggalan sejarah dan pantai yang cantik serta menarik. Berikut merupakan antara tempat-tempat pelancongan utama di Mesir;

### Kaherah

Cairo atau Kaherah dalam sebutan Melayu, merupakan bandar terbesar di benua Afrika. Bandar Kaherah termasuk dalam kategori bandar kosmopolitan yang memiliki gabungan ciri ketimuran dan kebaratan. Ketika ini penduduk di bandar Kaherah sahaja mencapai 20 juta orang. Bandar yang pernah dikuasai oleh kuasa-kuasa besar seperti Dinasti Firaun, Yunan-Roman, Kristian dan Islam mewujudkan satu peradaban yang harmoni.

Bandar Raya Kaherah terletak di tebing Timur Sungai Nil dan dikelilingi oleh wilayah Qalyubiyah di utara dan padang pasir tak berpenghuni di selatan dan wilayah Giza dan Sungai Nil di barat. Kaherah adalah bandar terbesar di Mesir dan ia juga merupakan sebahagian daripada Greater Kaherah yang meliputi Kaherah, Qalyubia dan Giza. Kaherah, bandar terbesar di Afrika, terletak di Sungai Nil, 160 kilometer dari pedalaman Laut Mediterranean dan 135 kilometer (80 batu) barat Laut Merah.



*Bandar Kaherah*[8]

Bandar ini juga memiliki tarikannya yang tersendiri iaitu Sungai Nil yang mengalir dari utara Mesir ke selatan, memisahkan pusat bandar utama iaitu Bandar Kaherah di kawasan tebing timur dan Bandar Giza di tebing barat. Selain itu, Kaherah ini mempunyai kesan peninggalan Dinasti Firaun dan kemajuan pembangunannya ketika ini.

[8]Sumber http://www.cairo.gov.eg (20 Ogos 2018)

## Menara Kaherah *(Cairo Tower)*

Menara Cairo[9] menawarkan pemandangan panorama yang paling menakjubkan di ibu kota Mesir. Menara Kaherah telah dirasmikan pada tahun 1961 semasa pemerintahan terakhir Presiden Gamal Abdel Nasser. Pembinaannya mengambil masa 5 tahun, dari 1956 hingga 1961. Menara itu merupakan mercu tanda di Mesir, dibina menggunakan gaya dari zaman purba klasik. Menara dengan ketinggian 187 meter ini meniru tanaman teratai dalam bentuknya dan terletak di Pulau Gezira (Zamalek), dengan Sungai Nil mengalir dengan tenang bersama-sama. Ia diterangi dengan warna yang berbeza pada waktu malam.

| Waktu operasi | Harga Tiket |
|---|---|
| Musim sejuk: 8 pagi hingga 12 pagi | Mesir: EGP25 |
| Musim panas: 9 pagi hingga 1 pagi | Bukan orang Mesir: EGP150 |



*Menara Kaherah (187 Meter)* [10]

Di puncak menara ini adalah merupakan panorama dengan teleskop. Melalui menara ini, seseorang akan dapat menikmati pemandangan piramid Giza dan Sakkara, serta muzium, Citadel dan seluruh bandar. Restoran Tower adalah restoran Gourmet Revolving; Kafe lounge langit dan kafe La Villa semuanya telah diubahsuai dan diperbaharui. Restoran gourmet yang berputar pada sidang kemuncak ini menyajikan menu masakan antarabangsa dan oriental yang tersendiri.

[9] Sumber http://www.cairo.gov.eg/CairoPortal/english_tourism/TouristDestinations_text .aspx?ID=2 (10 September 2018)
[10] Sumber https://www.flickr.com/photos/119959206@N08/15076930769/ (10 September 2018)

## Al-Muizz Street

Jalan al-Muizz terletak di daerah al-Azhar, pusat bandar Kaherah. Al-Muizz Lidinillah al-Fatimi membinanya pada 969H. Jalan ini merupakan tarikan arkeologi dan pelancongan yang hebat. Ia juga merupakan deretan kedai yang menarik ratusan ribu setiap hari. Di samping itu, ahli arkeologi menggambarkannya sebagai muzium terbuka terbesar monumen Islam di dunia, kerana ia telah memelihara semua bangunan arkeologi setakat ini. Antara bangunan bersejarah yang terdapat sepanjang jalan al-Muizz antaranya ialah[11];



*Panorama di Muizz Street[12]*

1. **Sekolah Al - Zaher Baybars**
   Ia terletak di tenggara Jalan al-Muizz Allah al-Fatimi dan hujung selatannya merupakan pintu masuk utama. Sultan Kamel Mohammed, salah seorang sultan yang paling penting dari keluarga Ayyubid, menubuhkannya. Ia digunakan untuk mengajar sains agama dan dianggap sebagai sekolah kedua untuk mengajar hadith.

[11]Sumber http://www.cairo.gov.eg/CairoPortal/english_tourism/DiscoverCairoTourism/Discover_CairoTourism_CairoHistory.aspx (10 September 2018)
[12]Sumber https://en.wikipedia.org/wiki/Muizz_Street (10 September 2018)

2. **Masjid al-Mu'ayyad**
   Masjid al-Mu'ayyad terletak di al-Muizz *Street* berhampiran Bab Zuweila dan dibina oleh Sultan al-Mu'ayyad Abu al-Nasir Syeikh al-Mahmoudi. Ia dibina dengan pelbagai warna marmar yang terdapat dalam hiasan dinding, siling dan lantai yang mencerminkan keagungannya.

3. **Bab Al-Futuh**
   Gerbang Penaklukan atau Bab al-Futuh adalah yang paling utara dari tiga gerbang lama Kaherah di Kaherah. Ia pernah berkhidmat sebagai pintu masuk utara ke bandar. Seperti Bab Zuweila, menara Bab al-Futuh adalah bulat dan dihiasi dengan indah. Bab al-Futuh berada di barat Bab al-Nasr dan berhampiran dengan Masjid al-Hakim.

4. **Masjid al-Hakim Biamrullah**
   Ia terletak berhampiran Bab al-Futuh, di awal al-Muizz *Street*. Seorang khalifah eksentrik terkenal, al-Hakim Biamrullah, memerintahkan pembinaannya pada 990H. Ciri-ciri yang paling mengagumkan ini adalah menara-menara, menara tertua 'yang masih hidup' yang tertua di semua Kaherah dan pintu masjid yang menakjubkan menyerupai *propylon* yang lebih banyak ciri seni bina Mesir Kuno.



*Peta kedudukan jalan al-Muizz Lidinillah*

5. **Kompleks al-Ghouri**
   Kompleks al-Ghouri adalah salah satu karya Islam Kaherah yang dibina oleh Raja al-Asyraf Abu el-Nasr Qansuh yang mempunyai minat yang tinggi terhadap Seni Bina Islam. Kompleks al-Ghouri terletak di Imam Abdo *Street* di al-Muizz *Street*. Kompleks ini terdiri daripada masjid

dan madrasah di sebelah barat, sedangkan anda akan menemukan makam dan Sabil-Kuttab di sebelah timur al-Muizz. Kompleks al-Ghouri kini menjadi destinasi pelancongan bagi orang Mesir dan orang asing dan terkenal dengan pertunjukan Tannoura yang menghiburkan serta mencerminkan warisan Mesir.

Bangunan dan binaan bersejarah lain yang masyhur berada sepanjang jalan al-Muizz yang masih kekal seni binanya antaranya ialah *al-Kamilia School, Bab Zuweila, Bayt El-Suhaymi, Bath of Sultan al-Asyraf Aynal, Mosque and School of Sultan Barqouq, al-Hakim bi-Amr Allah Mosque, al-Aqmar Mosque, Sulayman al-Silahdar Mosque, al-Nasir Qalawun Mosque, Qalawun Complex, Prince Bashtak Palace, Sabil and Kuttab Khusro Pasha, Nafisa al-Bayda Sabil* dan *Sultan al-Asyraf School*[13].



*Pemandangan Sungai Nil di Kaherah*

Berikut merupakan antara tempat-tempat menarik dan tempat pelancongan utama yang wajar dilawati apabila berada di kota Kaherah;

***Jadual 7:*** *Berikut merupakan jadual tempat-tempat menarik di Mesir;*

| TEMPAT-TEMPAT MENARIK | PENERANGAN |
|---|---|
| Kompleks Giza | Lokasi tiga Piramid; Khufu, Khafri dan Mankaure. |
| Mempis & Sakara | Penempatan awal dan penemuan pertama batu-batu yang digunakan bagi membuat patung gergasi Firaun. |
| *The Islamic Cairo* | Tempat di mana pengunjung dapat melihat seni binaan dan ukiran masjid-masjid yang mengagumkan. Antaranya, Masjid Amr Ibn El-A'sr. |
| Masjid Amr Ibn El-A'sr | Masjid yang pertama kali dibina ketika Islam berjaya menakluki Mesir, juga merupakan masjid yang tertua di benua Afrika. |

[13]https://en.wikipedia.org/wiki/Muizz_Street#Historical_Buildings_of_Muizz_Street (30 September 2018)

| | |
|---|---|
| Masjid Mohamed Ali | Terkenal dengan keunikan seni ukir dan seni binanya yang mengasyikkan. Masjid ini dapat dilihat dengan jelas daripada kejauhan sekitar ibu kota Kaherah. Yang menjadikan ia bertambah istimewa lagi, lokasinya terletak di dalam kubu pertahanan Salahuddin Al-Ayyubi dan menyerupai Masjid Biru di Istanbul, Turki. |
| Pusara Imam Syafie | Lokasi pusara ini tidak jauh dari Kubu Pertahanan Salahuddin Al-Ayyubi, berhampiran dengan pusara ini juga terdapat pusara Imam Ibn Hajar Al-Asqalani iaitu ulama' yang telah mentafsir kitab Sahih al-Bukhari. |
| *The Walls of Cairo* | Penempatan Islam terawal sebelum wujudnya Bandar Kaherah, kawasan penempatan ini masih mengekalkan ciri-ciri binaan lama seperti ukiran pintu, tingkap dan bumbung seperti abad ke-17. |
| *The Pharaonic Village* | Perkampungan Firaun yang dibina dengan struktur penempatan, kebudayaan, kegiatan harian, pertanian dan sebagainya memberi gambaran kepada pengunjung bagaimana kehidupan dan aktiviti harian masyarakat Mesir purba. |
| Bazar Khan El-Khalili | Keunikan pasar ini tidak sama seperti pasar yang lain, pasar ini menjual pelbagai barangan kraf tangan yang menarik dan sebagai kenang-kenangan. |



*Pemandangan Piramid pada waktu senja*[14]

[14] https://www.facebook.com/hossam.abbas.photography/photos/a.979321212249489/1140557036125905/?type=3&theater (27 September 2018)

## Dumyat

Berdekatan dengan Lautan Mediterranean, 125 km dari bandar Zagazig merupakan sungai pelabuhan di bahagian timur Nil. Ia juga tempat menghasilkan kapas dan berfungsi sebagai pusat pengeksport kapas ke Eropah.

Dumyat adalah tempat yang sesuai untuk mereka yang ingin menikmati pemandangan kehidupan burung-burung, penangkapan ikan dan menikmati makanan laut seperti kerang yang mudah didapati di pelabuhan atau di pasar dengan harga yang murah dan berpatutan.



*Bandar Dumyat*[15]

## Iskandariah (*Alexandria*)

Sebuah bandar pelabuhan yang terbesar di Mesir yang juga memiliki resort percutian musim panas, yang mengasyikkan di Timur Tengah. Bandar *Alexandria* atau Iskandariah dalam sebutan Arabnya, terletak kira-kira 225 km dari barat daya kota Kaherah. Bandar *Alexandria* ini berhadapan dengan Laut Mediterranean dan laut yang menghubungkan negara Arab dengan negara Eropah.

Dinamakan *Alexandria* sempena mengambil nama (*Alexander The Great*) seorang pahlawan dari Macedonia yang masyhur. Beliau telah membina kota ini pada tahun 332 sebelum Masihi dan menjadikannya sebagai ibu kota Mesir. Iskandariah mengingatkan suatu ketika dahulu ia pernah menjadi pusat penyebaran kebudayaan ke seluruh dunia. Ia pernah didiami oleh penduduk dengan penempatan yang istimewa dan tercatat di dalam sejarah umat manusia. Pada hari ini, *Alexandria* telah diumumkan sebagai bandar kedua terpenting di Mesir.

---

[15]Sumber https://www.facebook.com/hossam.almetennawy (Jun 2018)

Keunggulan *Alexandria* ialah kedudukan lokasinya yang strategik, memiliki iklim yang sederhana dan pasir yang memutih di persisiran pantai yang indah membuatkannya mendapat julukan '*Pearl Of The Mediterranean*'. Di antara tempat menarik di Iskandariah;

1. Kubu Sultan Qaitbay
2. Istana Raja Farouk di dalam taman bunga; Muntazah
3. Pusara Nabi Daniel dan Lokman al-Hakim
4. Perpustakaan (*Bibliotheca*) Iskandariah
5. Roman teater



*Kubu Sultan Qaitbay*

## Laut Merah

Laut Merah sememangnya menyimpan pelbagai kisah dan peristiwa bersejarah. Laut ini didakwa telah menenggelamkan Firaun dan bala tenteranya ke dasar laut ketika cuba mengejar Nabi Musa AS bersama-sama para pengikutnya.

Panjang laut ini ialah 1930 km dan secara keseluruhannya Mesir dilingkari oleh persisiran pantai dari dua lautan iaituLaut Mediterranean dan Laut Merah sepanjang 1080 km. Keistimewaan pantai-pantai ini ialah selain pasirnya yang halus memutih, air lautnya juga jernih dan anda boleh melihat 15 meter ke dasarnya daripada permukaan air.

Dengan cuaca yang panas sepanjang tahun, persisiran pantai ini menjangkau suhu dari 25 hingga 40 darjah celcius menjadikan Laut Merah yang sempurna dan persekitarannya yang ideal bagi pembiakan batu karang, ikan-ikan yang berwarna-warni dari pelbagai spesis dan hidupan laut yang lain. Persisiran pantai yang terpanjang di Mesir ini bermula dari Pantai El-Ein Sokhna di utara dan Halayeb di selatan antara perbatasan Negara Sudan.

## Aswan

Lokasinya terletak 900 km dari selatan Kaherah dan berada di Tebing Timur Sungai Nil. Aswan merupakan kawasan peranginan yang cantik dan kemudahan resort yang lengkap sama seperti yang terdapat seluruh dunia. Ia memiliki keindahan alam yang memukau dan terletak jauh daripada kesibukan kota. Cuaca di sini adalah kering dan panas sepanjang tahun.

Sesekali pengunjung boleh meluangkan masa untuk belayar menelusuri Sungai Nil sambil menikmati keindahan pemandangan persisiran tebingnya, terdapat batu-batu granit dan pulau-pulau kecil yang ditumbuhi pohon-pohon kurma dan tumbuh-tumbuhan lain di sekelilingnya.

Pengunjung boleh juga belayar untuk menikmati keindahan matahari terbenam atau melawat bazar yang menjual pelbagai barangan kraf tangan, barangan tempatan, rempah ratus dan wangi-wangian.



*Aswan Cruise View*[16]

## Semenanjung Sinai

Dataran ini menyingkap pelbagai kesan peninggalan sejarah kenabian. Dataran ini juga menjadi saksi kepada perjalanan Nabi Ibrahim ke Syam, Nabi Musa AS berbicara dengan Allah SWT di Lembah Suci Sinai (Waadi Al-Muqaddasi Thuwaa), juga terdapat makam Nabi Harun AS dan makam Nabi Salleh AS. Di samping itu, penaklukan Mesir di bawah pimpinan Amru Al-A'sr RA juga melalui dataran Sinai ini. Antara tempat menarik untuk dilawati di semenanjung Sinai adalah antaranya;

[16]Sumber: *Facebook Panorama of Egypt* (Jun 2018)

1. *The Suez Canal* atau Terowong Ahmad Hamdi

Terowong Ahmad Hamdi menghubungkan antara tanah besar Semenanjung Mesir di sebelah barat dan Sinai di sebelah timur. Ia mempunyai laluan pergi dan balik yang sentiasa dikawal rapi demi keselesaan dan keselamatan pengguna. Di samping itu, ia dilengkapi dengan sistem pengawasan yang canggih yang terletak di pintu masuk utama sebelah barat.

Terowong ini terletak di bawah paras Terusan Suez yang mana telah dibina oleh sebuah syarikat Perancis dan mula digali pada tahun 1859 pada zaman pemerintahan Said Pasha. Ia telah siap dibina dengan rasminya pada 17 November 1896. Kerja-kerja pembinaan dilakukan dengan menggunakan tenaga seramai 60 ribu petani Mesir dengan gaji sebanyak 2 Piasters sehari.

2. **Mata Air Musa**

Mata air Musa terletak 143 km dari Kaherah. Tempat ini terdiri daripada 12 mata air yang berasal daripada sebuah batu yang telah dipecahkan oleh Nabi Musa AS dengan tongkatnya untuk memberi minum kepada suku kaumnya, sebagaimana termaktub dalam Surah al-Baqarah ayat 60. Namun kini 12 mata air sudah tidak dijaga dengan baik oleh kerajaan Mesir. Hanya berbaki 5 mata air yang dapat dilihat.

3. **Hammam Firaun dan Hammam Musa**

Kedua-dua lokasi ini terletak berjauhan antara satu sama lain. Hammam Firaun terletak di Persisiran Teluk Suez dan digunakan oleh Firaun untuk menyembuhkan penyakit Rheumatism. Ia berasal dari sebuah bukit yang ditebuk. Manakala Hammam Musa adalah merupakan tempat persinggahan Nabi Musa AS untuk bersuci yang terletak di tengah-tengah perjalanan di antara Bandar Suez dan Bandar Thur.

4. **Gunung Tursina**

Gunung Tursina atau Jabal Musa panggilan bagi masyarakat Mesir. Di puncak gunung inilah menjadi tempat di mana Nabi Allah Musa AS bermunajat kepada Allah SWT selama 40 hari sebagaimana yang termaktub di dalam Surah Al-A'raf. Di puncak gunung ini juga terdapat kesan batu yang menindih baginda sewaktu berlakunya peristiwa di mana Allah menunjukkan kebesarannya pada gunung, lalu gunung tersebut hancur lebur. Selain itu, terdapat sebuah gereja kecil Ortodoks dan sebuah Musolla kecil.

### 5. Gereja Saint Catherine

Gereja Saint Catherine sebenarnya dibina di atas nama Saidatina Maryam, ibu kepada Nabi Isa AS dan kemudian namanya telah ditukarkan kepada nama St. Catherine pada kurun ke-9 Masihi. Tempat ini juga dianggap sebagai tempat yang paling suci di Dataran Sinai. Tambahan lagi, cuaca dan udara di sini sangat dingin dan kadangkala terdapat salji semasa musim sejuk.

Di sini terdapat juga sebuah biara yang telah dibina pada abad ke-9 Masihi dengan nama Saint Catherine iaitu diambil sempena nama salah seorang pemimpin Alexandria yang menganut agama Masihi dan kemudiannya telah diseksa.

Di puncak St. Catherine, pengunjung juga boleh menikmati panorama yang menarik ditambah lagi dengan matahari yang terbit amat mempesonakan. Di samping itu, pengunjung dapat melihat 'Shajaratul Mubarakah' iaitu pohon suci yang telah disebut di dalam al-Quran dalam Surah Al-Mukminun ayat 20.

## Luxor

Luxor boleh dikatakan sebagai muzium terbuka yang terhebat di dunia. Di Luxor tersimpan hampir satu pertiga daripada barang purba di dunia. Jika berada di tempat ini, pengunjung dapat merasakan seolah-olah sedang berada pada zaman kegemilangan peradaban Mesir kuno.

Luxor adalah sebahagian dari Thebes Purba yang mana disebutkan di dalam sebuah puisi Greek yang menyebut bahawa bandar yang memiliki 100 ribu pintu. Disebabkan terpesona dengan binaan yang mengagumkan itu, maka orang Arab menamakannya 'Luxor' bermakna kota bagi seluruh tempat.



*Kuil di Luxor*[17]

[17]Sumber: Wikipedia (Blalonde)

## PESTA BUKU ANTARABANGSA

Pesta Buku Antarabangsa Kaherah (*Cairo International Book Fair*) merupakan acara tahunan yang dibuat pada hujung bulan Januari setiap tahun. Ia merupakan pesta buku yang tertua dan terbesar di seluruh pelosok negara Arab yang telah bermula pada tahun 1969. Kumpulan dan organisasi pelaksanaan yang bertanggungjawab menjayakan pesta buku ini adalah *General Egyption Book Organisation* (GEBO). Selain GEBO, turut berperanan menjayakan pesta buku kali ini adalah Pertubuhan Penerbitan Mesir.



*Kemeriahan pesta buku di Mesir 2018*

Pada tahun 2018, penganjuran pesta buku yang telah mencapai penganjuran kali ke-49 dan telah dilaksanakan pada pada 27 Januari 2018 hingga 10 Februari 2018, bertempat di Madinah Nasr. Dilaporkan kehadiran pengunjung pesta buku 2018 telah mencecah 4.5 juta. Laman web rasmi bagi pesta buku antarabangsa di Mesir ini adalah www.cairobookfair.org.eg. Sebanyak 848 syarikat penerbitan, 367 daripadanya adalah syarikat penerbit negara Arab, dan 10 penerbit selain negara Arab. Sebanyak 27 buah negara telah mengambil bahagian dalam pameran buku tahun 2018.

Hasil pemantauan dan tinjauan ke atas pesta buku antarabangsa, beberapa perkara dapat dirumuskan antaranya ialah;

1. Mesir mengamalkan dasar kebebasan beragama dan kebebasan berpegang mana-mana aliran.

2. Pelbagai buku dalam pelbagai bidang ilmu mudah didapati dengan harga yang sangat berpatutan.

3. Buku agama dalam pelbagai aliran fahaman dan pemikiran dijual dengan bebas tanpa kawalan pihak berkuasa melainkan terhadap buku-buku yang mengancam keselamatan dan menggugat kestabilan negara Mesir.

4. Pesta buku ini mempunyai dasar terbuka tanpa sekatan kepada penerbit-penerbit luar untuk datang mempamerkan dan menjual buku-buku terbitan masing-masing.



*Dewan pameran al-Azhar di pesta buku antarabangsa ke-49/2018*

5. Hasil dari pemerhatian yang dibuat, terdapat banyak buku-buku berkaitan fahaman liberal, syiah, politik dan lain-lain turut dipamerkan dan dijual dengan bebas tanpa sekatan.

6. Buku-buku berunsur Kristian juga didapati bebas dijual sempena pesta buku ini. Sungguhpun buku-buku tersebut dijual di *booth* pameran yang berasingan, ianya juga boleh mengelirukan pengunjung kerana buku-buku terbitan yang dijual majoritinya adalah dalam Bahasa Arab.

7. Banyak buku kontemporari dijual di pesta buku ini, di samping daripada buku-buku klasik atau *turath*.

8. Buku-buku nukilan tokoh terkenal dunia, Dr. Yusuf al-Qardawi dilarang dijual secara bebas dan terbuka pada pesta buku kali ini.

9. Sempena pesta buku, penganjur juga telah menyusun program aktiviti seperti siri-siri seminar, wacana terhadap buku-buku dan isu-isu terpilih sama ada berkaitan agama, seni, sastera dan lain-lain lagi. Selain itu pertunjukan dan pementasan teater juga turut diadakan.

10. Pesta buku ini, selain menjadi pusat mendapatkan bahan bacaan, ia juga menjadi pusat percutian dan bersuka ria buat warga tempatan.

11. Pada tahun 2018, al-Azhar telah melakar sejarah baru penyertaan di pesta buku dengan membuka sebuah dewan pameran yang terbesar dalam sejarah keterlibatan al-Azhar di pesta buku ini. Dewan khas bagi al-Azhar ini diisikan dengan pelbagai program dan aktiviti ilmiah seperti seminar, nadwah, pameran sejarah al-Azhar dan al-Quds selain daripada ruangan penjualan buku-buku terbitan al-Azhar.




*Kedudukan pelan dalam dewan pameran al-Azhar 2018*

## PENGAJIAN TALAQI DI MESIR

Mutakhir ini, aktiviti pengajian secara talaqi di Mesir kian subur dari hari ke hari. Banyak tempat pengajian berkitab dibuka di sekitar kawasan Masjid al-Azhar, selain daripada kelas pengajian sedia ada di *ruwaq-ruwaq* dalam Masjid al-Azhar yang makin aktif dan berjalan seperti biasa dengan pelbagai ilmu dan kitab *turath* dibacakan oleh guru-guru yang muktabar dan terkenal dengan keilmuan mereka.




### Pengajian Talaqi di Ruwaq al-Azhar

Al-Azhar merupakan kiblat ilmu dalam dunia Islam. Mengikut sejarah, pengajian di al-Azhar bermula menerusi para alim ulama di Masjid al-Azhar secara talaqi. Pengajian talaqi ialah hubungan pengajaran dan pembelajaran antara guru dan murid berasaskan kitab *turath* secara bersanad. Pengajian pula meliputi pelbagai disiplin ilmu seperti feqh, aqidah, Bahasa Arab, tasawuf dan selainnya. Guru atau Syeikh akan duduk di hadapan dan dikelilingi para murid untuk membahaskan ilmu dengan teliti dan beradab.

Pengajian sebegini menjadi begitu istimewa kerana para ulama berpegang kepada ketulenan ilmu yang berpindah daripada generasi kepada generasi terkemudian. Hal ini telah menjadikan ilmu Islam berkembang, kekal dalam kefahaman yang benar dan dalam masa yang sama telah membentuk pemikiran yang selari dengan al-Quran dan al-Sunnah walaupun zaman beredar.

Di Masjid al-Azhar pada zaman dahulu menempatkan sudut-sudut pengajian yang dikenali sebagai ruwaq. Antara ruwaq yang wujud ketika itu ialah Ruwaq al-Abasi, Ruwaq al-Atrak, Ruwaq al-Hunud, Ruwaq al-Magharibah, Ruwaq al-Jawi, Ruwaq al-Syawwam, Ruwaq al-Kurd dan selainnya.



*Suasana daurah kitab sempena sambutan Maulidul Rasul di Masjid al-Azhar Pada Disember 2017*

Walaupun masa kini pengajian al-Azhar telah berjalan secara formal mengikut pengajian kuliah universiti, tradisi pengajian talaqi tetap dikekalkan. Selain kelas talaqi yang diselia oleh pihak al-Azhar, terdapat banyak kelas pengajian talaqi di sekitar kawasan Masjid dan Universiti al-Azhar. Nama yang digunakan bagi tempat pengajian talaqi selain Ruwaq ialah Mudayyafah dan Sahah. Antara tempat pengajian talaqi yang terkenal pada masa sekarang ialah al-Ruwaq al-Azhari di Masjid al-Azhar, Mudayyafah Ismail Sodiq al-'Adawy, Mudayyafah Syeikh Saied Dah, Raudatunnaim di bawah seliaan Habib Ali al-Jifri, Ruwaq Jawi di Hayyu Sabie' (di bawah pemantauan Kedutaan), Sahah Fathoniyah dan banyak lagi.

Tenaga pengajar di pengajian talaqi ini terdiri daripada para ulama al-Azhar dan menggunakan kitab *turath* hasil karya para ulama terdahulu. Kebanyakan kelas talaqi disusun mengikut tahap iaitu tahap permulaan (mubtadi'), tahap pertengahan (mutawassit) dan tahap tinggi (muntahi). Sehubungan itu, pelajar digalakkan untuk memilih pengajian yang sesuai dengan tahap masing-masing.

## Pusat Pengajian Ruwaq Jawi

*Ruwaq* atau anjung adalah nama khusus yang digunakan oleh al-Azhar al-Syarif membawa maksud satu tempat yang dijadikan sebagai tempat pengajian, perbahasan ilmiah, daurah kitab-kitab ilmu Islam dan majlis-majlis yang menghimpunkan para alim ulama, para penuntut ilmu serta para pencinta ilmu yang terdiri dari pelbagai lapisan dan latar belakang. Al-Azhar al-Syarif telah melakar sejarah lebih 1000 tahun dalam melahirkan cendekiawan, ilmuwan, ulama' dan pendakwah-pendakwah yang kini bertebaran di seluruh pelosok dunia.

Pencetus utama kepada penubuhan Pusat Pengajian Ruwaq Jawi adalah kesedaran dan kesungguhan para pelajar Malaysia di Mesir untuk menuntut ilmu secara bertalaqi dengan para guru di Mesir di samping pengajian formal di universiti. Dengan kesedaran bahawa *ruwaq-ruwaq* ini mampu mewujudkan suasana ilmiah yang mampu melahirkan generasi yang cinta ilmu serta berusaha untuk mencari dan menggali ilmu, sehingga mencapai peringkat diizinkan oleh para guru untuk mengajarkan kepada ummah, maka timbul idea dari beberapa penuntut ilmu dari Malaysia yang berada di Mesir untuk mewujudkan Ruwaq Jawi dan penubuhannya diletakkan di bawah KBMK.



*Bangunan tempat operasi pusat Pengajian Ruwaq Jawi di aras 1 dan aras 3, bertempat di Hayyu Sabie'*

Ustaz Muhammad Nazrul bin Abdul Nasir, Ustaz Hairul Nizam bin Mat Hussain, Ustaz Abu Bakar bin Razak dan Ustaz Ammar bin Mustaffa merupakan penggerak utama kepada penubuhan Ruwaq Jawi dalam kalangan mahasiswa di Mesir. Setelah idea penubuhan pusat pengajian Ruwaq Jawi dibawa kepada makluman YM TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, Duta Besar Malaysia Kaherah waktu itu, cadangan ini telah disambut baik dan disokong sepenuhnya oleh beliau dan pihak kedutaan.

Bagi merealisasikan hasrat menubuhkan Pusat Pengajian Ruwaq Jawi, dan bagi memastikan Ruwaq Jawi dapat beroperasi dengan baik, YM TYT Duta telah mengarahkan Ustaz Abdul Muhaimin Mahmood, supaya menyediakan kertas permohonan peruntukan dan bantuan dari agensi-agensi kerajaan di Malaysia. Selain itu, Ustaz Ahmad Zakuan Khudari, Setiausaha Kedua (Pendidikan), EME juga merupakan antara individu yang banyak membantu dan menyokong idea penubuhan Ruwaq Jawi.

Majlis perasmian Pusat Pengajian Ruwaq Jawi telah disempurnakan oleh YM TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, Duta Besar Malaysia Kaherah, pada 21 Julai 2015, di Pusat Pengajian Ruwaq Jawi di Hayyu Sabie', Madinah Nasr. Sempena majlis perasmian ini, turut diadakan majlis periwayatan hadis 40, Imam Nawawi oleh Syeikh Ahmad Mamdouh Al-Azhary, Ahli Majlis Fatwa (Amin Fatwa) di Dar al-Ifta' al-Misriyyah.




Antara institusi yang telah menyumbang kepada Ruwaq Jawi dalam jumlah yang besar pada awal penubuhannya ialah;

***Jadual 8:*** *Sumbangan yang diterima Ruwaq Jawi dari institusi dari Malaysia*

| BIL. | INSTITUSI/ JABATAN | TAHUN | RM | USD |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) | 2015 | 38,000 | - |
| | | 2016 | 25,000 | - |
| | | 2017 | - | 10,000 |
| 2. | Majlis Agama Islam Pahang (MUIP) | 2016 | 20,000 | - |
| 3. | Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) | 2016 | 10,000 | - |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **93,000** | **10,000** |

Pusat Pengajian Ruwaq Jawi kini telah menjadi pusat pengajian tumpuan bagi rakyat Malaysia dan negara Asia Tenggara melibatkan negara Singapura, Thailand dan Indonesia di Mesir. Berdasarkan rekod Ruwaq Jawi sehingga September 2018, seramai 1,499 orang pelajar berdaftar dan mengikuti pengajian di Ruwaq Jawi.

Pengajian secara talaqi di Ruwaq Jawi semakin hari semakin mendapat perhatian khususnya pelajar Malaysia di Mesir. Aktiviti di Pusat Pengajian Ruwaq Jawi, selain mengadakan kelas pengajian talaqi berkitab, Ruwaq Jawi turut mengadakan daurah kitab bersama guru-guru yang muktabar pada musim cuti semester di Mesir. Antara ulama yang pernah di jemput menyampaikan pengajian daurah kitab di Ruwaq Jawi ialah Syeikh Habib Hassan al-Kaff, dari Madinah Munawwarah.

Selain itu, Ruwaq Jawi juga turut menjemput tokoh-tokoh ulama dan cendekiawan dari Malaysia untuk menyampaikan pengisian di Ruwaq Jawi. Aktiviti pengajian dan program yang dianjurkan Ruwaq Jawi boleh dilihat dan diikuti melalui *facebook page* rasmi Ruwaq Jawi di pautan https://www.facebook.com/PusatPengajianRuwaqJawi/. Setakat tanggal 3 Oktober 2018, *facebook page* Ruwaq Jawi telah diikuti oleh 25,598 orang.



*Suasana majlis pengajian di Pusat Pengajian Ruwaq Jawi*



*Majlis ramah mesra bersama YB Dato' Seri Dr. Mujahid Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertempat di Pusat Pengajian Ruwaq Jawi pada 16 Oktober 2018*

## Tempat Pengajian Talaqi Sekitar Masjid Al-Azhar

Sebagaimana dinyatakan bahawa kini pusat pengajian yang menawarkan pengajian tidak formal secara bertalaqi dengan para ulama dalam pelbagai bidang ilmu agama kini sdang subur dan aktif. Berikut adalah merupakan antara pusat-pusat pengajian yang menjadi tumpuan pelajar Malaysia dan Nusantara mendalami ilmu agama secara bertalaqi;

| | |
|---|---|
| 1 | **Masjid Al-Azhar**<br>https://www.facebook.com/azhar.mosqu<br>(6 Oktober 2018) |
| 2 | **Madhyafah Syeikh Ismail Sadiq al-Adawi**<br>https://www.facebook.com/almadyafatv<br>(6 Oktober 2018) |

| | |
|---|---|
| 3 | **Madhyafah Syeikh Said Imran Aldah**<br>https://www.facebook.com/sahataldah<br>(6 Oktober 2018) |
| 4 | **Sahah Indonesia**<br>https://www.facebook.com/sahahindonesia/<br>(6 Oktober 2018) |
| 5 | **Pusat Pengajian Ruwaq Jawi**<br>https://www.facebook.com/PusatPengajianRuwaqJawi/<br>(6 Oktober 2018) |
| 6 | **Mirath Al-Habeeb**<br>https://www.facebook.com/Mirathalhabeeb/<br>(6 Oktober 2018) |
| 7 | **Rawdhat al-Naeem**<br>https://www.facebook.com/rawdhatalnaeem<br>(6 Oktober 2018) |
| 8 | **Pusat Pengajian Darul Itqan**<br>https://www.facebook.com/MuassasahItqan/<br>(6 Oktober 2018) |
| 9 | **Dar al-Ghazali**<br>https://www.facebook.com/Dar.alghazali/<br>(6 Oktober 2018) |

| | | |
|---|---|---|
| 10 | **Sahah Tijaniah**<br>https://www.facebook.com/tijanyegypt/<br>(6 Oktober 2018) |  |
| 11 | **Asyirah al-Muhammadiah**<br>https://www.facebook.com/alashiraalmohamadi/<br>(6 Okt.2018) | |
| 12 | **Masjid Soleh Ja'fari**<br>https://www.facebook.com/algafaryeducaition/<br>(6 Oktober 2018) |  |
| 13 | **Masjid Hasan Abas Zaki**<br>https://www.facebook.com/Dhassanzaki/<br>(6 Oktober 2018) |  |
| 14 | **Masjid Fadhil – Sittah October**<br>https://www.facebook.com/MsjdFadl/<br>(6 Oktober 2018) |  |
| 15 | **Hifzu Turath Islami**<br>https://www.facebook.com/HefzEltorathAleslamy/<br>(6 Oktober 2018) |  |
| 16 | **Madrasah Imam Kurd**<br>https://www.facebook.com/<br>MdrstAlamamAlkrdyLlwmAlmnqwlWalmqwl/<br>(6 Oktober 2018) |  |
| 17 | **Syeikh Dr. Rifaat Fauzi**<br>https://www.facebook.com/مدرسة-دارالقرآن-<br>والحديث-208384459301714/<br>(6 Oktober 2018) |  |

# Bab 2

## KEDUTAAN BESAR MALAYSIA KAHERAH

# Kedutaan Besar Malaysia Kaherah

Hubungan diplomatik merupakan suatu perkara yang amat dititikberatkan oleh semua negara merdeka. Penubuhan kedutan-kedutaan besar di luar negara merupakan salah satu daripada polisi luar negara kerajaan dalam merangka hubungan dua hala dan diplomatik yang erat antara negara. Bab ini akan menjelaskan secara ringkas fungsi dan sistem pentadbiran kerajaan di bawah Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah (KBMK). Penulis juga akan turut menjelaskan fungsi Pejabat Atase Agama JAKIM di Mesir dan juga aset-aset kekal milik kerajaan Malaysia yang terdapat di Mesir.

## KENALI KBMK

Mesir telah menubuhkan kedutaannya di Kuala Lumpur pada 10 November 1959 manakala Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah (KBMK) ditubuhkan pada tahun 1960.[18] Objektif utama KBMK merangkumi konteks memupuk, memelihara dan meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Mesir. Hubungan politik, keselamatan, perdagangan dan pelaburan, pendidikan, sosial dan kebudayaan serta sains dan teknologi merupakan elemen utama yang memangkin hubungan baik Malaysia dan Mesir. Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir turut ditauliahkan secara serentak ke negara Palestin.

Selaras dengan peraturan dan garis panduan yang terkandung dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2009, KBMK mengguna pakai Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia (SPKM) di Luar Negeri dalam tadbir urus kedutaan di Mesir.

Duta Besar (sebagai Ketua Perwakilan dan Pegawai Pengawal) bertanggungjawab dalam semua aspek pengurusan dan kewangan Perwakilan dan Agensi-Agensi Kerajaan Malaysia di Mesir. Terdapat sebanyak 20 agensi kerajaan Malaysia di Mesir yang digerakkan oleh 38 pegawai *Home-Based Staff* (HBS). Jumlah ini meletakkan Kedutaan Besar Malaysia di Mesir antara yang terbesar di luar negara.

[18] Kementerian Luar Negeri Malaysia, http://www.kln.gov.my/web/egy_cairo/history (25 Disember 2018)



*Bangunan Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK)*

Selain Kementerian Luar Negeri (KLN), beberapa agensi lain yang bertempat di bangunan kedutaan adalah seperti berikut;

1. Jabatan Perdana Menteri (JPM);
2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
3. Jabatan Perkhidmatan Awam;
4. *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB);
5. Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
6. *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE).

Dalam pada itu, KBMK bertanggungjawab ke atas 11 Pejabat Atase Pendidikan Negeri (kecuali Sarawak, Perlis dan Pulau Pinang yang tidak mempunyai pegawai di Mesir, namun fungsi mereka masih dikawal selia oleh KBMK serta Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang berpejabat di Iskandariah). Menerusi SPKM, pegawai Kerajaan Negeri yang dahulunya dikenali sebagai Pegawai Hal Ehwal Pelajar telah dinaik taraf dengan mengguna pakai istilah diplomatik iaitu Atase Pendidikan.

Di bawah naungan KBMK, setiap agensi melaksanakan fungsi dan tanggungjawab untuk mencapai objektif bersama sebagai satu pasukan. Pelaksanaan program dibuat secara kolektif dengan penglibatan dan kerjasama semua agensi di bawah kelolaan Ketua Perwakilan.

Bagi maksud ini, KBMK secara langsung telah menerapkan konsep Strategi Laut Biru Kebangsaan (NBOS) menerusi inisiatif dan strategi yang kreatif dan bersifat transformasi.  Strategi ini dapat menggembeleng tenaga dan sumber kewangan yang terhad. Kelangsungan fungsi KBMK juga tidak digugat dengan

perbezaan fahaman politik. Ia juga membuktikan bahawa pelan pembangunan dan transformasi negara boleh dicapai dengan adanya kesepakatan di peringkat pelaksana.

Dalam hal ini, Mesyuarat Ketua-Ketua Agensi (HOA) yang dipengerusikan oleh Duta Besar diadakan setiap bulan bagi menyelaras dan menyusun semua program-program yang bakal dilaksanakan oleh KBMK. Pelbagai aspek melibatkan kepentingan Malaysia di Mesir dibincangkan secara menyeluruh meliputi isu politik, ekonomi dan sosial. Rangka program tahunan (Takwim KBMK) juga dibangunkan dan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa sebagai sumber rujukan setiap agensi.

Selain itu, program-program yang digerakkan KBMK juga bersifat kolektif dengan menerapkan konsep 'turun padang', menerusi penyusunan program KBMK yang dirangka selaras dengan objektif mendampingi rakyat. Sebagai contoh, program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) KBMK bersama rakyat Malaysia di Mesir disusun secara berkala di mana semua pegawai KBMK yang terlibat akan mengunjungi penempatan pelajar dari semasa ke semasa, membawa perkhidmatan secara terus kepada mereka termasuk menyampaikan mesej transformasi Kerajaan Malaysia.

Kesempatan mengunjungi penempatan *stakeholders* turut digunakan KBMK untuk mendekati wakil kerajaan tempatan Mesir di sesuatu wilayah tertentu contohnya mengadakan kunjungan hormat ke atas Gabenor Wilayah atau Presiden sesebuah universiti. Menerusi strategi NBOS, KBMK juga telah memperkenalkan suatu konsep yang menggabungkan elemen kerjasama antara KBMK dan *stakeholders* itu sendiri.

Dalam konteks ini, pelbagai program yang melibatkan kerjasama antara KBMK dan rakyat Malaysia di Mesir serta agensi Kerajaan Mesir telah dilaksanakan secara bersama. Banyak aktiviti berunsur *Corporate Social Responsibility* (CSR) telah berjaya dilaksanakan yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan, Negeri dan warga/ pelajar Malaysia di Mesir.

Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah pada masa ini terletak di No. 21, al-Aanab *Street*, Mohandesin, Giza (sejak tahun 2000). Sebelum ini Canseri Kedutaan pernah ditempatkan di El-Masahah Square, Dokki, Cairo (dari 1960 - 1974), No. 7, Wadi El-Nil Street, Mohandesin, Cairo (dari 1974 hingga 1994) dan 29 Taha Hussein St, Zamalek, Cairo (dari 1994 hingga 2000).

## Agensi di Bawah KBMK

Pada masa ini, agensi-agensi Kerajaan Malaysia yang berada di bawah KBMK adalah;

1. Kementerian Luar Negeri
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. *Education Malaysia Egypt* (EME)
4. **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**
5. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
6. *Malaysia Palm Oil Board* (MPOB)
7. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
8. Pejabat Atase Pendidikan Kedah
9. Pejabat Atase Pendidikan Perak
10. Pejabat Atase Pendidikan Selangor
11. Pejabat Atase Pendidikan Wilayah Persekutuan
12. Pejabat Atase Pendidikan Melaka
13. Pejabat Atase Pendidikan Negeri Sembilan
14. Pejabat Atase Pendidikan Johor
15. Pejabat Atase Pendidikan Pahang
16. Pejabat Atase Pendidikan Terengganu
17. Pejabat Atase Pendidikan Kelantan
18. Pejabat Atase Pendidikan Sabah
19. Jabatan Pengajian Malaysia (DMS), Universiti Kaherah
20. *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE)



*Kunjungan hormat Tan Sri Dato' Hj Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM ke atas YM TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir Pada tahun 2014*



*Kunjungan hormat Datuk Muhamad Nordin Ibrahim, Ketua Pengarah JAKIM ke atas TYT Amb. Mohd Haniff Abd Rahman, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir pada 30 Februari 2019*

## Objektif Utama Kedutaan Besar Malaysia Kaherah

Memelihara, mempertingkat dan memantapkan hubungan politik, keselamatan, ekonomi dan perdagangan serta pendidikan di antara Malaysia dan Republik Arab Mesir serta memelihara kepentingan Malaysia di Republik Arab Mesir.[19]



[19]Nota Ikhtisar Malaysia-Republik Arab Mesir, KBMK, dibentangkan dalam Forum Kepentingan Strategik Mesir Dari Perspektif Malaysia, pada 21 Mei 2015, bertempat Di Hotel RHR, UNITEN, Selangor, hlm. 56-58.

## Senarai Duta Besar Malaysia Ke Republik Arab Mesir

Berikut adalah merupakan senarai duta-duta besar Malaysia yang pernah berkidmat di Mesir bermula tahun 1960 hingga 2018;

***Jadual 9:*** *Senarai duta besar Malaysia ke Republik Arab Mesir*

| Bil. | Nama Duta | Tempoh Perkhidmatan |
|---|---|---|
| 1. | TYT Mohamed Ghazali Hj Jawi | 1960 - 1963 |
| 2. | TYT Tuanku Jaafar Ibni Tuanku Abdul Rahman | 1963 - 1965 |
| 3. | TYT Tan Sri Yaacob Abdul Latif | September 1965 - Oktober 1967 |
| 4. | TYT Tan Sri Abdul Rahman Hj. Talib | January - Oktober 1968 |
| 5. | TYT Tan Sri Abdul Hamid Hj. Jumat | Januari 1969 - November 1970 |
| 6. | TYT Hj. Abdul Khalid Awang Osman | Januari 1971-March 1974 |
| 7. | TYT Dato' Shahuddin Mohd Taib | Mei 1974 - Disember 1977 |
| 8. | TYT Hj. Hassan Adli Bin Hj. Arshad | November 1978 - Oktober 1981 |
| 9. | TYT Dato' Abdullah Zawawi Hj. Mohamed | Oktober 1982 - Mac 1986 |
| 10. | TYT Raja Dato' Mansur Bin Raja Razman | Januari 1987 - 1991 |
| 11. | TYT Dato' Zainal Azman Bin Zainal Abidin | November 1991 - November 1995 |
| 12. | TYT Dato' Abdul Rahman Bin Rahim | Jun 1996 - November 1997 |
| 13. | TYT Dato' M.N. Hj. Azman | Mac 1998 - Januari 2001 |
| 14. | TYT Dato' Abu Bakar Daud | Februari 2001 - Jun 2004 |
| 15. | TYT Dato' Zainal Abidin Ab. Kadir | Mei 2005 - Mei 2009 |
| 16. | TYT Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti | Julai 2009 - 2013 |
| 17. | TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari | September 2013 - 2017 |
| 18. | TYT Mohd. Haniff Abd Rahman | Mac 2018 - Kini |

## Carta Organisasi *Home-Based Staff* (HBS) KBMK

Berikut adalah merupakan carta organisasi bagi KBMK;



## EDUCATION SECTION






*Kakitangan Home-Based Staff (HBS) KBMK yang dirakam pada Jun 2018*




*Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT) di KBMK yang dirakamkan pada 3 Mac 2015 sempena Program Kursus Penerapan Nilai Islam anjuran KBMK (JAKIM dan JPA) dengan kerjasama Dar al-Ifta' Mesir*

## Direktori Perhubungan Kakitangan KBMK

Berikut adalah merupakan direktori perhubungan pegawai dan kakitangan KBMK melibatkan semua agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri yang berpejabat di bangunan KBMK dan juga di luar bangunan KBMK;

***Jadual 10:*** *Senarai direktori kakitangan KBMK*

| | |
|---|---|
| **TYT MOHD HANIFF BIN ABD RAHMAN**<br>Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir<br>E-mel: haniff@kln.gov.my | |
| **KEDUTAAN BESAR MALAYSIA KAHERAH (KBMK)** | |
| 21 El Aanab Street, Mohandesin,<br>Giza, Arab Republic of Egypt<br>Tel: (+2) 02 3761 0013 / (+2) 02 3761 0019<br>Faks: (+2) 02 3761 0216<br>Hotline: (+2) 0120 027 6388<br>E-mel: mwcairo@kln.gov.my<br>Facebook: Embassy of Malaysia in Cairo<br>**Waktu Pejabat**<br>8.00 pagi - 3.00 petang<br>**Hari Cuti**<br>Jumaat dan Sabtu | |
| **KEMENTERIAN LUAR NEGERI (KLN)** | |
| En. Shahabudeen Adam Shah | **Menteri Penasihat/<br>Timbalan Ketua Perwakilan**<br>shahabudeen@kln.gov.my |
| Pn. Nor Hafidza Jaafar | **Setiausaha Pertama (Politik)**<br>norhafidza@kln.gov.my |
| En. Mohamad Nizam Rosli | **Setiausaha Pertama (Politik)**<br>nizam.cai@kln.gov.my |
| En. Dzulkefly Mustapha | **Setiausaha Kedua (Konsular)**<br>dzulmus@kln.gov.my |
| Cik Mizah Daud | **Pembantu Khas Duta Besar**<br>mizah@kln.gov.my |
| En. Zamani Yusoff | **Setiausaha Pejabat**<br>zamaniyusoff@yahoo.com.my |

| | |
|---|---|
| **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)** | |
| En. Muhamad Khairi Abdullah | **Penasihat Kedutaan (Latihan)**<br>muhdkhairi.abdullah@jpa.gov.my |
| **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)** | |
| Hj. Abdul Muhaimin Mahmood | **Setiausaha Pertama (Hal Ehwal Agama)**<br>abmuhaimin@islam.gov.my |
| En. Asmuni bih Hasbullah | **Pembantu Atase Agama**<br>asmunihasbullah@gmail.com |
| **POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)** | |
| ACP. Taufik Abd. Karim | **Menteri Penasihat (Keselamatan)**<br>taufik8937@yahoo.com |
| ASP Ab. Azis Hassan | **Setiausaha Pertama (Keselamatan)**<br>abazis@rmp.gov.my |
| **MALAYSIA PALM OIL BERHAD (MPOB)** | |
| En. Hisham Hussain | **Atase (Sains)**<br>mpobafrica@yahoo.com |
| **EDUCATION MALAYSIA EGYPT (EME)** | |
| Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah<br>26 Sabel Al-Khazindar Street, Abdou Basha Sq,<br>Abbasiah, Cairo, Arab Republic of Egypt<br>Tel: (+2) 02 2487 3858<br>Faks: (+2) 02 2487 3859<br>Facebook: Education Malaysia Egypt<br>E-mel: admin@emegypt.net | |
| En. Aizal Anual | **Menteri Penasihat (Pendidikan) / Pengarah**<br>mcounsellor@emegypt.net |
| Hj. Ahmad Zakuan Md Khudzari<br>hp: (+2) 01099097259 | **Setiausaha Pertama (Pendidikan)**<br>zakuan_aljawi@yahoo.com.my |
| En. Ahmad Buhairi Nawawi<br>hp: (+2) 01019781629 | **Setiausaha Pertama (Pendidikan)**<br>mrbuhairi@gmail.com |
| En. Rahmat Abdullah<br>hp: (+2) 01015197583 | **Setiausaha Kedua (Pendidikan)**<br>rahmatabdullah.eme@gmail.com |
| | **Setiausaha Kedua (Pendidikan)** |
| Hj. Zalazfian Muhamed Dini<br>hp: (+2) 01094994155 | **Warden DMAK**<br>zalazfian@yahoo.com |

| | |
|---|---|
| Pn. Nasrulkhaqiah Kasim | **Penolong Akauntan**<br>naisce@yahoo.com |
| **JABATAN PENGAJIAN MALAYSIA, UNIVERSITI KAHERAH** | |
| Prof. Madya Dr. Ishak Suliaman<br>hp: (+2) 0115 577 7746 | **Pengarah**<br>ishakhs@um.edu.my |
| **PEJABAT MARA MESIR** | |
| En. Abdullah Samsudin<br>hp: (+2) 0100 783 4694 | **Atase Pendidikan MARA**<br>17, Sesostris Street,<br>Ramly Station, Alexandria<br>E-mel: maraegyptoffice@gmail.com |
| En. Faizal Abdul Bashir | **Penolong Atase Pendidikan (MARA)**<br>faizalab@mara.gov.my |
| **ATASE-ATASE PENDIDIKAN NEGERI** | |
| **Atase Pendidikan (Pahang)**<br>En. Syukri Fahmi Bahari<br>hp: (+2) 02 2409 1408<br>hp: (+2) 0114 453 0395 | Building 10, Malaysian Student Complex<br>(Pahang) El Toob Elramly,<br>10th District, Nasr City, Cairo<br>Tel: (+2) 022 412 1775<br>E-mel: assuqrot@gmail.com |
| **Atase Pendidikan (Sabah)**<br>En. Sabli Aliju<br>hp: (+2) 0111 987 5171 | Pejabat Yayasan Sabah Kaherah<br><br>14 Hatem El-Taei Street off Ahmed Zaky Street,<br>Abbas El-Aqad, Nasr City, Cairo<br>Tel: (+2) 02 2263 5669 / (+2) 0106 693 4203<br>E-mel: egyptwysk@gmail.com |
| **Atase Pendidikan (Perak)**<br>En. Munawir Mohamed Noh<br>hp: (+2) 0109 335 5520<br><br>**Pen. Atase Pendidikan (Perak)**<br>Muhammad Fauzan Abdul Rahim<br>hp: (+2) 010 2482 4523 | Perak Students Hostel<br>23 Ahmed Hassan Zayyat Street,<br>7th District, Nasr City, Cairo<br>E-mel: ataseperak@gmail.com<br>Facebook: Pejabat Atase Pendidikan Perak |

| | |
|---|---|
| **Atase Pendidikan (Kelantan)**<br>En. Pahruddin Karimi<br>hp: (+2) 0111 547 0165<br>______<br>**Penolong Atase Pendidikan (Kelantan)**<br>En. Nawi Salleh<br>hp: (+2) 0100 260 2022 | Wisma Sultan Muhammad V,<br>31 Naser Khesrou Street,<br>7th District, Nasr City, Cairo<br>E-mel: pegawaikpkm@yahoo.com |
| **Atase Pendidikan (Wilayah Persekutuan)**<br>En. Ahmad Fadli Adam<br>hp: (+2) 0109 432 1460<br>Whatsapp: (+6) 017 717 1114<br>______<br>**Penolong Atase Pendidikan**<br>En. Mohd Faridil Atrash Mohd Suhaidi<br>hp: (+2) 0111 996 6448 | Asrama Rumah Wilayah Persekutuan,<br>7th District, Nasr City, Cairo,<br>Arab Republic Of Egypt<br>Tel: (+2) 02 2355 2040<br>Tel: (+2) 02 2287 9711<br>E-mel: fadli@maiwp.gov.my<br>: faridil@maiwp.gov.my |
| **Atase Pendidikan (Selangor)**<br>Hj. Mohd Yasser Abdul Ghani<br>hp: (+2) 0110 010 7280<br>______<br>**Penolong Atase Pendidikan**<br>En. Muhamad Arif Noorzali<br>hp: (+2) 0109 879 8871 | Malaysian Student's Complex<br>Selangor Student's Hostel<br>Toob Ramly, 10th District,<br>Nasr City, Cairo<br>E-mel: atasependidikanselangor@gmail.com |
| **Atase Pendidikan (Terengganu)**<br>En. Mohd Shaharuddin Zainal<br>hp: (+2) 0106 425 3284 | Malaysian Student's Complex<br>Terengganu Student's Hostel<br>Toob Ramly, 10th District,<br>Nasr City, Cairo<br>E-mel: matdinmesir@gmail.com |
| **Atase Pendidikan (Kedah)**<br>Hj. Mohd Baihakhi Hj Hassan<br>hp: (+2) 0112 304 9989 | Pejabat Atase Pendidikan Kedah<br>7 El Wady Street, Nasr City Cairo.<br>Tel: (+2) 0110 054 9799<br>E-mel: baihakhihassan@gmail.com |
| **Atase Pendidikan (Melaka)**<br>En. Masykuri Khamid<br>hp: (+2) 0102955182 | Pejabat Pentadbiran Wisma Seri Melaka<br>28 Musa El-Kazeem Street<br>7th District, Nasr City, Cairo<br>Tel: (+2) 02 2262 0729<br>E-mel: masykuri@maim.gov.my |

| | |
|---|---|
| **Atase Pendidikan (Johor)**<br>En. Adam Ibrahim<br>hp: (+2) 0115 857 9933<br>Facebook: Adam Ibrahim | 53 Dr Mohamed Mandur Street,<br>al-Hayy al-Awwal, Rabaah,<br>Madinat Nasr, Cairo.<br>E-mel: jna6464@gmail.com / adam@johor.gov.my |
| **Atase Pendidikan (Negeri Sembilan)**<br>En. Ibrahim Noor Azam<br>hp: (+2) 0115 423 8332 | 29 Musa El-Kazeem Street,<br>7th District, Nasr City, Cairo<br>E-mel: ibrahimnoorazam@gmail.com |



## Cuti Umum KBMK

KBMK akan ditutup pada 17 hari yang disenaraikan sebagai hari cuti umum tahun 2018, sebagaimana berikut;

***Jadual 11:*** *Senari hari cuti umum KBMK pada tahun 2018*

| BIL. | PERKARA | TARIKH | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Sambutan tahun baru | 1 Januari | (M) |
| 2. | Hari Coptic Christmas | 7 Januari | (E) |
| 3. | Hari Revolusi | 25 Januari | (E) |
| 4. | Hari Sham El Nessim | 9 April | (E |
| 5. | Sambutan Hari Pekerja | 1 Mei | (M/E) |
| 6. | Hari Raya Aidil Fitri | 15 Jun | (M/E) |
| 7. | Hari Raya Aidil Fitri | 16 Jun | (M/E) |
| 8. | Hari Revolusi (National Day) | 23 Julai | (E) |
| 9. | Hari Wukuf | 21 Ogos* | (E) |
| 10. | Hari Raya Aidil Adha | 22 Ogos | (M/E) |
| 11. | Hari Raya Aidil Adha | 23 Ogos | (E) |
| 12. | Hari Revolusi | 31 Ogos | (M) |
| 13. | Ulang Tahun Yang Di-Pertuan Agong | 9 September | (M) |
| 14. | Awal Muharram | 11 September* | (M/E) |
| 15. | Hari Malaysia | 16 September | (E) |
| 16. | *Armed Forces Day* | 6 Oktober | (E) |
| 17. | Maulidul Rasul SAW | 20 November | (M/E) |

**Catatan:**

1. *Tertakluk kepada perubahan. - Apabila cuti umum jatuh pada hari Jumaat atau Sabtu, hari kerja berikutnya akan dijadikan hari cuti
2. (M) Cuti umum di Malaysia
3. (E) Cuti umum di Mesir

# PEJABAT ATASE AGAMA KAHERAH

Pejabat Atase Agama di Kedutaan Besar Malaysia Kaherah telah dibuka dengan rasminya pada tahun 2009, dengan pelantikan Ustaz Abdullah bin Mat, sebagai Atase Agama pertama di Mesir. Jawatan yang diluluskan itu adalah di bawah Skim Perkhidmatan Sosial, iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) dan gred jawatan adalah Gred S44. Pejabat Atase Agama juga diberikan perjawatan Pembantu (Hal Ehwal Islam) S19, di mana pengisian pertama telah dibuat pada 1 Julai 2013.

Objektif utama penubuhan penempatan Atase Agama JAKIM di Kaherah adalah bagi melaksanakan kajian dan penyelidikan berhubung hal ehwal agama Islam di Mesir dan di negara Timur Tengah; selain berperanan meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa dalam bidang hal ehwal agama. Pejabat Atase Agama Kaherah di letakkan di bawah Bahagian Perhubungan JAKIM dan segala laporan aktiviti akan di salurkan terus kepada Ketua Pengarah JAKIM dan juga Pengarah Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar.

## Carta Organisasasi Pejabat Atase

Berikut adalah merupakan carta organisasi Pejabat Atase Agama Kaherah;

**KETUA PENGARAH**
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)**
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

**PENGARAH**
Bahagian Keurusetiaan Dan Perhubungan Luar (M54)

**SETIAUSAHA PERTAMA (HAL EHWAL AGAMA)**
Pejabat Atase Agama Kaherah (S44)

**PEMBANTU ATASE**
Pejabat Atase Agama Kaherah (S19)

# CARTA ORGANISASI JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)





*Barisan pimpinan tertinggi JAKIM 2019*

## Penukaran Gelaran Jawatan

Penukaran gelaran nama jawatan yang disandang oleh Atase Agama JAKIM di Mesir kepada gelaran Setiausaha Kedua (Hal Ehwal Agama) telah di buat berdasarkan Konvensyen Vienna mengenai hubungan diplomatik (1961) dan amalan di dalam susunan kekananan pegawai diplomatik, di mana gelaran jawatan Atase berada di bawah Setiausaha Ketiga dan di atas pegawai yang bertaraf bukan diplomatik (*Official*).

Sehubungan itu, bagi memudah dan melancar urusan yang dijalankan oleh Atase Agama dengan agensi-agensi kerajaan dan diplomat-diplomat dari negara lain, MALAWAKIL Kaherah telah mendapat kelulusan dari pihak Wisma Putra untuk menggunakan gelaran jawatan SETIAUSAHA KEDUA (HAL EHWAL AGAMA) bagi Atase Agama di Kaherah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014, melalui surat SR(081) 206V.7, bertarikh 29 Januari 2014, yang ditandatangani oleh YM TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir.

Gelaran jawatan ini digunakan bagi segala urusan dengan agensi Kerajaan, organisasi agama yang berkaitan dengan Atase Agama di Mesir. Pada 28 Oktober 2018, pihak kedutaan telah memaklumkan bahawa Wisma Putra telah bersetuju agar gelaran jawatan diplomatik Setiausaha Kedua (Hal Ehwal Agama) di naik taraf kepada gelaran SETIAUSAHA PERTAMA (HAL EHWAL AGAMA).

## Bidang Tugas Atase Agama

Secara umumnya, bidang tugas dan skop kerja utama bagi Pejabat Atase Agama di Kaherah adalah melibatkan penyelidikan dan kajian dalam bidang berkaitan hal ehwal agama di Mesir dan negara Timur Tengah, menjalinkan hubungan strategik dengan institusi-institusi agama, menjalinkan hubungan erat dengan para ulama, melaksana dan menguruskan latihan melibatkan pegawai kerajaan di Mesir dan menjaga kebajikan para pelajar tajaan JAKIM. Berikut adalah merupakan senarai tugas dan tanggungjawab yang diperuntukkan ke atas Setiausaha Pertama (Hal Ehwal Agama);

1. Bertanggungjawab kepada Duta Besar Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam usaha mewujudkan perhubungan dan kerjasama yang erat antara kerajaan Malaysia dan Mesir dalam bidang keagamaan.

2. Menjalankan kajian dan penyelidikan dalam bidang hal ehwal Islam melibatkan isu akidah, syariah, tasauf, pemikiran dan isu-isu semasa berkaitan agama di Mesir dan negara Timur Tengah.

3. Memantapkan kerjasama strategik di peringkat antarabangsa dengan insititusi, jabatan, badan, pertubuhan dan agensi berkaitan agama serta para ulama di Mesir.

4. Mengurus dan menjayakan pelaksanaan kursus-kursus yang dilaksanakan di Mesir, disamping memantau dan merancang program dan aktiviti tambahan yang melibatkan peserta kursus.

5. Mencari peluang kursus dan latihan untuk dimanfaatkan oleh jabatan.

6. Menyediakan laporan-laporan dari semasa ke semasa melibatkan pengurusan pejabat, isu-isu semasa, hasil-hasil kajian dan penyelidikan selain program dan aktiviti yang dilaksanakan.

7. Bertanggungjawab memantau prestasi akademik, disiplin dan pengurusan kebajikan pelajar tajaan JAKIM di Mesir dan Jordan.

8. Menghadiri muktamar, seminar dan majlis-majlis rasmi anjuran kementerian, institusi pengajian tinggi, badan-badan agama dan agensi-agensi kerajaan Mesir dan Malaysia dari semasa ke semasa.

9. Menguruskan jemputan hakim tilawah, qari, iman taraweh dan tetamu-tetamu jemputan dari Mesir.

10. Bertanggungjawab menyediakan anggaran belanjawan tahunan jabatan untuk pengurusan dan pentadbiran Pejabat Atase Agama; dan membelanjakan peruntukan belanja mengurus secara berhemah dan mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa serta mengikut perancangan dalam belanjawan tahunan.

11. Mewujudkan hubungan yang baik, harmoni dan mesra dengan institusi-institusi dan agensi-agensi agama kerajaan Mesir dan juga melibatkan agensi-agensi kerajaan Malaysia di Mesir, persatuan-persatuan dan pemimpin-pemimpin pelajar.

12. Menjalankan tugas-tugas yang diarah dari semasa ke semasa oleh jabatan dan pihak kedutaan.

## Penetapan Sasaran Kerja Tahunan

Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) utama bagi Pejabat Atase Agama Kaherah di buat selaras dengan bidang tugas dan plan strategik JAKIM 2015-2019 antaranya seperti mana berikut;

### 1. Melaksanakan Kajian Dan Penyelidikan Dalam Bidang Hal Ehwal Islam

Melaksanakan kajian berkaitan isu-isu semasa berkaitan agama di Mesir meliputi bidang syariah, fatwa, akidah, aliran pemikiran dan lain-lain berkaitan hal ehwal Islam.

| Petunjuk Prestasi | Sasaran Kerja |
|---|---|
| **Masa** Jan-Dis | Menyediakan kertas makluman dan laporan kajian dan penyelidikan terhadap isu-isu semasa di Mesir. |
| **Masa** Jan-Dis | Meningkatkan kerjasama strategik dalam bidang penyelidikan dengan agensi atau institusi di Mesir. |

### 2. Memantapkan Kerjasama Strategik Peringkat Antarabangsa

Menjalinkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa khususnya di Mesir, melalui pelbagai cara dan kaedah, sama ada melalui keterlibatan dalam aktiviti, program, majlis, persidangan, seminar dan lain-lain acara yang dianjur atau dilaksanakan oleh pihak kementerian, institusi, universiti, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO), selain mengadakan pertemuan secara berkala dengan para ulama, ahli akademik dan pihak-pihak yang berkaitan.

| Petunjuk Prestasi | Sasaran Kerja |
|---|---|
| **Masa** Jan-Dis | Menyertai dan menghadiri majlis berkaitan hal ehwal Islam anjuran pihak kementerian/ institusi/ universiti/ agensi/ badan bukan kerajaan (NGO) di Mesir. |

| | |
|---|---|
| **Masa** Jan-Dis | Mengadakan pertemuan berkala dengan tokoh-tokoh ulama/ ahli akademik/ pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha mengukuh dan mengeratkan hubungan. |
| **Masa** Jan-Dis | Menyertai persidangan yang di anjurkan oleh pihak kementerian/ institusi/ universiti/ agensi/ badan bukan kerajaan (NGO) di Mesir. |
| **Masa** Jan-Dis | Menguruskan jemputan hakim dan penyertaan qari dari negara Mesir dalam majlis tilawah antarabangsa di Malaysia. |

**3. Memperkukuhkan Pengurusan Dan Pembangunan Modal Insan Melalui Pembangunan Pelan Strategik Pembangunan Sumber Manusia, Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI)**

Melaksanakan pelan strategik JAKIM dalam memperkukuhkan pengurusan dan pembangunan modal insan melalui pembangunan pelan strategik pembangunan sumber manusia PHEI dengan mencari peluang baru di samping menguruskan melaksanakan kursus dan latihan sedia ada yang telah dilaksanakan di Mesir.

| Petunjuk Prestasi | Sasaran Kerja |
|---|---|
| **Masa** Jan-Dis | Mengurus dan menyelaras pelaksanaan kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa dengan kerjasama Dar al-Ifta' dan al-Azhar al-Syarif. |
| **Masa** Jan-Dis | Mengurus dan mendapatkan tempat untuk PHEI dalam kursus Para Imam dan Pendakwah anjuran al-Azhar al-Syarif. |
| **Masa** Jan-Dis | Mengurus dan menyelaras pelaksanaan Kursus Hakim-hakim Tilawah Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa dengan kerjasama al-Azhar al-Syarif. |

## 4. Mengukuhkan Kerjasama Strategik Dan Ukhuwwah Islamiah Di Peringkat Nasional ke arah Penyatuan Ummah

Mewujudkan hubungan yang baik, harmoni dan mesra dengan institusi-institusi agensi-agensi kerajaan Malaysia di Mesir, persatuan-persatuan dan pemimpin-pemimpin pelajar.

| Petunjuk Prestasi | Sasaran Kerja |
|---|---|
| **Masa** Jan-Dis | Terlibat dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan secara berkala di peringkat kedutaan dan agensi kerajaan antaranya seperti Mesyuarat Ketua-Ketua Agensi (HOA), Mesyuarat Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Luar Negeri (SPKM) dan Mesyuarat Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (M3P) serta mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan. |
| **Masa** Jan-Dis | Melaksanakan program dan aktiviti secara *National Blue Ocean Strategy* atau Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan agensi kerajaan dan persatuan atau pertubuhan berkaitan pelajar di Mesir. |
| **Masa** Jan-Dis | Membantu menjayakan lawatan-lawatan pembesar negara dan program-program KBMK dan agensi kerajaan persekutuan dan negeri di Mesir. |
| **Masa** Jan-Dis | Terlibat dalam program dan aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan dan pertubuhan pelajar di Mesir |

## 5. Menjaga Kebajikan Pelajar-pelajar Tajaan JAKIM dan Jordan

Membuat pemantauan, melaksanakan aktiviti dan berperanan menjaga kebajikan pelajar-pelajar tajaan JAKIM melalui Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) di Mesir dan Jordan.

| Petunjuk Prestasi | Sasaran Kerja |
| --- | --- |
| **Masa** Jan-Dis | Mengadakan pertemuan dan perjumpaan berkala dengan pelajar-pelajar tajaan JAKIM di Mesir dan Jordan. |
| **Masa** Jan-Dis | Memberikan khidmat nasihat dan melaksanakan program-program yang dapat meningkatkan motivasi dan kecemerlangan pelajar tajaan. |
| **Masa** Jan-Dis | Menguruskan pembayaran yuran pengajian pelajar tajaan di Mesir. |



## Pegawai-Pegawai Yang Pernah Berkhidmat di Mesir

Berikut merupakan Pegawai dan Pembantu Atase Agama yang pernah berkhidmat di Pejabat Atase Agama Kaherah dari tahun 2009 hingga kini adalah seperti berikut;

### ATASE AGAMA



**USTAZ ABDULLAH BIN MAT**
2009 - April 2012



**USTAZ ABDUL MUHAIMIN BIN MAHMOOD**
1 Jun 2012 - Kini

### PEMBANTU ATASE AGAMA



**USTAZ MOHD SYUIB BIN MOHD AZEL**
1 Julai 2013 – 31 Jun 2018



**USTAZ ASMUNI BIN HASBULLAH**
2 Julai 2018 - Kini

## Gambar Pejabat Atase Agama

Pejabat Atase Agama mempunyai dua bilik yang dijadikan sebagai pejabat, satu bilik solat, ruangan rehat dan juga ruangan mesyuarat seperti berikut;









*Pejabat Atase Agama Kaherah pada Oktober 2018*

## BANGUNAN MILIK KERAJAAN DI MESIR

Kerajaan Malaysia melalaui kerajaan persekutuan dan negeri mempunyai sekurang-kurangya 27 bangunan di Mesir, di mana sebahagiannya adalah merupakan asrama penginapan dan juga pusat aktiviti pelajar. Berikut merupakan maklumat ringkas berkaitan aset-aset kekal melibatkan pemilikan bangunan oleh Kerajaan Malaysia dan negeri yang terdapat di Kaherah, Iskandariah dan Mansurah;

### Rumah Malaysia

Rumah Malaysia merupakan kediaman rasmi kepada TYT Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir yang merupakan milik penuh Kerajaan Malaysia. Bangunan rumah ini telah dibeli pada tahun 1971. Pada tahun 2015 bangunan asal telah mula dibaik pulih kepada reka bentuk yang lebih moden. Pada Mei 2018, bangunan ini telah mula diduduki semula oleh TYT Duta Besar. Bangunan Rumah Malaysia ini terletak di alamat No. 5, Syria St., al-Mohandessin, Giza, berhadapan dengan medan Mustafa Mahmoud. Jarak bangunan ini dengan bangunan kedutaan bertempat di No. 21, Syarie al-Aanab, Mohanddesine adalah kira-kira 300 meter.



*Bangunan rumah Malaysia sewaktu proses baik pulih peringkat akhir dibuat pada Disember 2018*

## Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah

Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah (DMAK) merupakan salah satu simbol hubungan erat di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Mesir. Bangunan DMAK dibina oleh Kerajaan Malaysia di atas sebidang tanah berkeluasan 2,212 meter persegi yang telah dipajakkan kepada Kerajaan Malaysia oleh Kerajaan Mesir mulai tahun 1960 dan diperbaharui setiap 30 tahun.



*Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah (DMAK) dari arah hadapan*

DMAK dinaungi oleh Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) dan diletakkan di bawah pentadbiran *Education Malaysia Egypt* (EME). Lokasi DMAK sangat strategik kepada pelajar kerana berhampiran dengan Universiti al-Azhar dan Universiti Ain Sham, selain berdekatan dengan kemudahan pengangkutan awam keretapi bawah tanah (Metro) dan laluan bas. Hal ini memudahkan akses pelajar untuk ke DMAK sekaligus menikmati perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di sana.

DMAK terdiri daripada 4 buah blok bangunan iaitu blok siswa (7 tingkat), blok siswi (4 tingkat), blok rumah warden dan blok rumah tamu. Di antara kemudahan yang terdapat di DMAK ialah dewan besar, kafeteria, surau, gimnasium, pejabat pentadbiran, perpustakaan, bilik gerakan, bilik mesyuarat, bilik tutorial, dataran, bilik tamu dan bilik persatuan/kelab.

Tempahan penginapan di Blok Rumah Tamu boleh dilakukan secara dalam talian (online) dengan melayari website EME di www.emegypt.net. Terdapat sebuah unit rumah tamu, sepuluh (10) unit bilik tamu dan beberapa bilik transit (dorm) yang disediakan.

Selain Dewan Malaysia di Kaherah, terdapat beberapa lokasi seluruh dunia yang menempatkan Dewan Malaysia di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti di London, Melbourne, Sydney, Perth, Jakarta, Dublin dan Belfast.




*Dewan Malaysia di seluruh dunia*

## Kerajaan Negeri Kelantan

Kerajaan Negeri Kelantan memiliki dua buah bangunan dan dua unit apartmen yang dijadikan sebagai asrama dan penginapan para pelajar Kelantan yang melanjutkan pengajian di Mesir. Berikut adalah maklumat berkaitan bangunan asrama pelajar Kelantan;[20]

[20] http://pegawaikpkm.blogspot.com/p/asrama-pelajar.html (27 September 2018)

### Rumah Kelantan Lama (RKL)

Rumah Kelantan Lama atau dengan panggilan ringkasnya RKL, adalah merupakan dua unit apartmen di tingkat 1 dan 2, yang terletak di bangunan No. 19, Imam Ibnu Hanbal Street, 7th District, Madinah Nasr, Kaherah.

Kedua-dua unit apartmen ini telah mula diduduki pada 26 Oktober 1980, dan mampu menempatkan 20 orang pelajar pada satu-satu masa. Kerajaan Kelantan telah memiliki dua apartmen ini dengan harga EGP74,500.00. Majlis perasmian apartmen ini telah dibuat pada tahun 1982 oleh YAB Dato' Haji Mohamed bin Yaakob, Menteri Besar Kelantan.



*Rumah Kelantan Lama (RKL)*



*Wisma Sultan Muhammad V*

### Wisma Sultan Muhammad V

Bangunan Wisma Sultan Muhammad V terletak di bangunan No. 31, Nasir Khesrou Street, 7th District, Madinah Nasr, Kaherah, dengan ketinggian 10 tingkat dan mampu memuatkan 320 orang pelajar untuk satu-satu masa.

Bangunan yang dibeli dengan harga RM17 juta ini telah mula diduduki pada 1 Ramadhan 1432H bersamaan 1 Ogos 2011. Bangunan ini telah dirasmikan oleh Pemangku Raja Kelantan, YTM Dr. Tengku Mohammad Fa-Iz Petra, pada 13 Februari 2017.

## Rumah Kelantan Baru (RKB)

Kerajaan Kelantan juga telah membeli sebuah lagi bangunan lima tingkat beralamat di bangunan No. 22, El- Baramica Street, 7th District, Madinah Nasr, Kaherah. Bangunan yang dinamakan sebagai Rumah Kelantan Baru (RKB), mampu menempatkan 36 orang pelajar Kelantan pada satu-satu masa. Bangunan yang dibeli dengan nilai EGP315,000.00 ini telah mula didiami pada Oktober 1987. Perasmian bangunan ini telah dibuat pada 1 April 1987 oleh YAB Dato' Bentara Setia Haji Mohamed bin Yaakob, Menteri Besar Kelantan.

Melihat kepada beberapa kerosakan yang berlaku pada bangunan ini, Kerajaan Negeri pada tahun 2012 telah bersetuju untuk merobohkan bangunan tersebut dan diganti dengan bangunan baru setinggi 11 tingkat. Bangunan RKB dahulunya kini telah dimasyhurkan dengan nama Wisma Tengku Mahkota Kelantan, dan mampu menampung 360 orang pelajar. Bangunan ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK) dengan kos RM14 juta. Bangunan ini telah dirasmikan oleh Pemangku Raja Kelantan, YTM Dr. Tengku Mohammad Fa-Iz Petra, pada 13 Februari 2017.





*Bangunan (kiri) sebelum dirobohkan dan bangunan kanan adalah bangunan yang dibina semula di atas tapak asal RKB*

## Kerajaan Negeri Terengganu

Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Terengganu (YT) memiliki dua blok bangunan enam tingkat di kawasan kompleks asrama pelajar Malaysia di Tooba al-Ramly, Hayyu 'Asyir, Madinah Nasr dan sebuah unit apartmen bertempat di Syarie' Amru al-Qays, Hayyu Sabie'. Selain itu YT juga turut memiliki sebuah blok bangunan lapan tingkat di Mansurah dengan kos pemilikan berjumlah RM16 juta, pada tahun 2010.[21]



*Bangunan asrama YT di kompleks pelajar Malaysia di Hayyu 'Asyir*





*Bangunan YT di Mansurah (kiri) dan unit apartmen di Hayyu Sabie' (kanan)*

[21] http://teganuku.blogspot.com/2010/03/yayasan-terengganu-beli-bangunan-di.html (5 Oktober 2018)

## Kerajaan Negeri Perak

Kerajaan Negeri Perak melalui Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) mempunyai dua buah asrama di Mesir yang dikhususkan untuk dijadikan asrama pelajar-pelajar Perak iaitu;

1. Bangunan 7 tingkat di No. 31, Mustasyar Hafez al Badawy Street, 7$^{th}$ District, Madinah Nasr, Kaherah yang lebih dikenali dengan Bangunan Wisma Perak Baitul Rahman (asrama lama). Bangunan ini mempunyai kapasiti maksimum penghuni seramai 80 orang pelajar dan dua buah apartmen bagi penempatan pegawai.

2. Asrama baharu milik MAIPk dikenali sebagai Bangunan Wisma Perak Baitul Ridzuan (asrama baru), terletak di blok No. 23, Ahmed Hassan al-Zayyat Street, 7$^{th}$ District, Madinah Nasr, Kaherah. Bangunan ini secara rasminya dibuka pada 5 Ogos 2009 bersamaan 14 Syaaban 1430H dan mampu menampung seramai 148 orang penghuni pada satu-satu masa.



*Bangunan Wisma Perak Baitul Rahman*



*Bangunan Wisma Perak Baitul Ridzuan*

## Kerajaan Negeri Melaka

Kerajaan Negeri Melaka memiliki dua buah bangunan di kawasan Hayyu Sabie', Madinah Nasr di kawasan Hayyu Sabie' yang dijadikan penginapan dan asrama pelajar daripada negeri Melaka;

**Bangunan Wisma Melaka**

Wisma Melaka yang terletak di No. 33, El-Gaheez Street, 7th District, Madinah Nasr, Kaherah telah dibeli pada tahun 1982 dan telah dirasmikan pada 13 Mei 1983 oleh TYT Tun Syed Zahiruddin Syed Hassan. Pada peringkat awal, Wisma Melaka hanya terdiri daripada dua tingkat iaitu tingkat tiga dan tingkat empat. Manakala tingkat satu dan dua masih lagi dimiliki oleh warga tempatan.

Pada tahun 1997, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah berjaya memiliki keseluruhan bangunan empat tingkat ini, termasuk hak pemilikan tanah.[22] Bangunan asal Wisma Melaka kini telah pun dirobohkan, dan ianya telah dibina semula dengan bangunan 10 tingkat yang lebih praktikal. Berikut adalah gambar bangunan Wisma Melaka baru yang diambil pada Mei 2017.



*Bangunan Wisma Melaka*

**Bangunan Wisma Sri Melaka**

Bangunan Wisma Sri Melaka merupakan bangunan kedua yang telah dibeli oleh Kerajaaan Melaka di Mesir. Bangunan ini terletak di alamat No. 28, Moussa al-Kazem Street, 7th District, Madinah Nasr, Kaherah kira-kira 50 meter dari bangunan asrama pelajar Negeri Sembilan.

[22] http://bkanmelaka.blogspot.com/p/sejarah.html (4 Oktober 2018)

Kos pembelian bangunan, tanah, pengubahsuaian dan perabot adalah berjumlah USD4,500,000.00. Bangunan ini telah mula didiami pada 5 Oktober 2010 dan telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam, Ketua Menteri Melaka, pada 20 Disember 2010.



*Bangunan Wisma Sri Melaka Mesir*

## Kerajaan Negeri Pahang

Kerajaan Negeri Pahang mempunyai enam blok bangunan, dan tujuh unit apartmen yang dijadikan sebagai asrama penginapan pelajar dari negeri Pahang di Mesir;

**Kompleks Asrama Indera Mahkota Pahang, Hayyu ‘Asyir**

Yayasan Pahang (YP) mempunyai empat blok bangunan bertempat di Tooba al-Ramly, Hayyu ‘Asyir, yang dinamakan sebagai Bangunan Asrama Indera Mahkota Pahang. Bangunan ini dibina pada tahun 1993, di mana kos bagi pembelian tanah adalah RM78,587.00 dan kos pembinaan bangunan pula bernilai RM2,301,532.00. Setelah pembinaan bangunan ini, Kompleks Asrama Indera Mahkota Pahang ini boleh menempatkan 250 orang pelajar pada satu-satu masa.



*Dua blok bangunan Asrama Indera Mahkota Pahang Hayyu ‘Asyir*

**Bangunan Wisma Pahang, Hayyu Sabie'**

Bangunan apartmen 11 tingkat milik Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang berharga RM12 juta ini terletak di No. 3, Block No. 48, Division 7, Madinah Nasr, Kaherah, Mesir.[23] Bangunan apartmen ini dibina untuk dijadikan sebagai asrama pelajar yang dinamakan sebagai Wisma Pahang. Bangunan Wisma Pahang ini boleh menempatkan seramai 216 orang pelajar pada satu-satu masa. Perasmian bangunan ini telah disempurnakan oleh KDYTM Tengku Mahkota Pahang pada 16 September 2016.



*Bangunan Wisma Pahang, Hayyu Sabie', Madinah Nasr*

[23] www.muip.gov.my/v3/index.php/aset-aset-majlis/mesir (7 Oktober 2018)

### Wisma Baru Majlis Agama Islam Pahang (Wisma Pahang 2)

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) juga turut memiliki satu lagi bangunan asrama untuk kegunaan pelajar Pahang di Mesir yang dinamakan sebagai Wisma Pahang 2, yang kini masih lagi dalam proses pembinaan. Bangunan yang terletak di Daud Barakat Street, Hayyu Sabie', Madinah Nasr ini telah mula dibina pada tahun 2016. Kos pemilikan tanah dan pembinaan bangunan adalah bernilai USD5,775.00 juta.



*Bangunan baru Wisma Majlis Agama Islam Pahang (Wisma Pahang 2) yang masih dalam pembinaan (24 September 2018)*



*Bangunan Rumah Pahang di Abbas al-Akkad*

**Rumah Pahang Abbas Al-Akkad**

Bangunan Rumah Abbas al-Akkad bertempat di No. 100, Syarif Abbas al-Akkad, Kaherah, Mesir. Bangunan ini mempunya 14 unit apartmen di mana tiga 93) daripada bangunan ini dimiliki oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang dijadikan sebagai asrama pelajar.

Di samping itu, pihak Kerajaan Negeri Pahang juga turut meliliki empat unit apartmen di bangunan ini, menjadikan tujuh (7) daripada keseluruhan 14 unit apartmen di bangunan ini adalah milik penuh MUIP dan Kerajaan Negeri Pahang.[24] Bangunan ini lebih dikenali dengan panggilan nama sebagai Rumah Pahang Lama (RPL) dalam kalangan pelajar Pahang yang menuntut di Mesir.

[24]http://ewakaf.muip.gov.my/portal/index.php/item/142-asrama-pelajar-di-bangunan-imarah-100-abbas-el-akkad-cairo-mesir (23 Sep. 2018), www.muip.gov.my/v3/index.php/aset-aset-majlis/mesir (7 Okt. 2018).

## Kerajaan Negeri Kedah

Kerajaan Negeri Kedah memiliki tiga buah bangunan yang dijadikan bangunan asrama kepada para pelajar dari negeri Kedah yang menuntut di Mesir. Berikut adalah bangunan dan maklumat ringkas berkaitan bangunan milik Kerajaan Kedah;

**Asrama Darul Aman (1)**

Asrama Darul Aman (1) beralamat di No. 3, El-Wady Street, 7th District, Madinah Nasr, Kaherah telah dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Mulia Tuanku Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah Ibni al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman pada 16 Syawal 1400 H / 27 Ogos 1980.

Asrama Darul Aman (1) adalah hak milik Kerajaan Negeri Kedah melalui Yayasan Islam Negeri Kedak (YINK).



*Bangunan Asrama Darul Aman (1)*

**Asrama Darul Aman (2)**

Bangunan ini terletak di kawasan kompleks asrama pelajar Malaysia Hayyu 'Asyir (H10), beralamat di Toob el-Ramly, 10th District, Madinah Nasr, Kaherah. Upacara perasmian Asrama Darul Aman, Hayyu 'Asyir telah disempurnakan oleh Tan Sri Dato Seri Haji Osman bin Aroff, YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman, sempena lawatan rasmi Kerajaan Negeri Kedah ke Mesir, pada 4 Julai 1994.





*Bangunan Asrama Darul Aman Hayyu 'Asyir sebelum (kiri) dan selepas baik pulih tahun 2010*

## Asrama Darul Aman (3)

Bangunan Asrama Darul Aman (3) ini terletak berhadapan dengan Hadiqah Lotus (حديقة اللوتس) di Hayyu Sabie'. Bangunan ini telah dirasmikan pada 29 Mei 2008, oleh YAB Ustaz Haji Azizan bin Abdul Razak, Menteri Besar Kedah.



*Bangunan Asrama Darul Aman (3) di Hayyu Sabie'*

## Kerajaan Negeri Sabah

Kerajaan Negeri Sabah melalui Yayasan Sabah memiliki dua buah bangunan di Mesir iaitu satu di Kaherah dan satu di Iskandariah seperti berikut;

**Wisma Yayasan Sabah Kaherah (WYSK)**

Bangunan Yayasan Sabah di Kaherah terletak di No. 14, Hatem at-Ta'ey St. Off Nasr Ahmad Zaki St. Abbas al-Akkad, Madinah Nasr, Kaherah mempunyai 10 buah apartmen empat bilik tidur dan satu apartmen dua bilik.

Bangunan ini mampu menampung 100 orang pelajar pada satu-satu masa. Bangunan Wisma Yayasan Sabah Kaherah (WYSK) ini telah dimiliki pada 17 September 1997 dengan nilai USD1,226,360.00, bersamaan dengan EGP4,150,000.00.

Bangunan ini turut menempatkan Pejabat Wisma Yayasan Sabah Kaherah yang telah mula beroperasi pada tahun 2000.





*Gambar ketika bangunan sedang dalam proses baik pulih pada tahun 2017*

**Asrama Yayasan Sabah Iskandariah (AYSI)**

Bangunan Asrama Yayasan Sabah Iskandariah (AYSI) terletak di Iskandariah di alamat No. 38, Salah al-Din Sya'ban Street, Miami, Al-Muntazah District, Iskandariah.

Bangunan ini mempunyai 18 unit apartmen tiga bilik dan dua unit apartmen dua bilik yang mampu menampung 108 orang pelajar pada satu-satu masa.

Pemilikan bangunan AYSI telah dibuat pada 24 Julai 2008, melibatkan kos pembelian bernilai USD 1,500,000.00.





*Bangunan Asrama Yayasan Sabah di Iskandariah*

## Kerajaan Negeri Sarawak

Kerajaan Negeri Sarawak juga turut mempunyai sebuah bangunan tujuh (7) tingkat yang dijadikan asrama pelajar dari negeri Sarawak di Mesir. Bangunan yang dinamakan sebagai Asrama Kenyalang ini berada di kawasan Kompleks Pelajar Malaysia di Tooba El-Ramly, al-Hayyu al-'Asyir, Madinah Nasr, Kaherah.



*Bangunan Asrama Pelajar Sarawak*

## Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai sebuah bangunan lima (5) tingkat yang dijadikan sebagai asrama penginapan bagi pelajar yang berasal dari Pulau Pinang yang belajar di Mesir. Bangunan ini terletak berhadapan dengan bangunan asrama lama milik MAIWP bertempat di blok No. 13, al-Mahdy Ibn Baraka Street, Hayyu Sabie', Madinah Nasr, Kaherah.



*Bangunan Asrama Pelajar Pulau Pinang*

## Kerajaan Negeri Johor

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pendidikan Johor (YPJ) dan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) memiliki dua buah bangunan dan satu unit apartmen di Mesir seperti berikut;

**Rumah Johor Rab'ah**



*Bangunan Rumah Johor Rab'ah*

Rumah Johor di Rab'ah terletak di bangunan No. 53, Dr. Mandour Street, 1st District, Madinah Nasr, Kaherah merupakan milik penuh MAIJ, yang dibeli pada 4 Oktober 2007. Bangunan setinggi enam tingkat, dengan keluasan 675 meter persegi ini telah dibeli dengan harga EGP5,650,000,00/ RM3,418,806.19. Bangunan asrama ini mampu menampung 100 orang pelajar dan telah mula diduduki pada 1 Februari 2009.

Majlis perasmian bangunan ini telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibn Al-Marhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, pada 17 April 2009.

## Rumah Johor Hayyu Thamin

Rumah Johor Hayyu Thamin terletak di bangunan No. 13, Abdul El-Hayyu El-Hijazi Street, Mustaffa Nuhas, Madinah Nasr, Kaherah. Bangunan setinggi lima tingkat dengan keluasan 492 meter persegi ini telah dibeli pada 24 November 1981 dengan harga EGP120,000.00 dan mampu menampung 72 orang pelajar. Perasmian bangunan ini telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Iskandar Ibni Al-Marhum Sultan Ismail, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Negeri Johor Darul Ta'zim, pada 12 November 1982.



*Bangunan Rumah Johor Hayyu Thamin*

## Rumah Johor Abiden

Rumah Johor Abiden ini terletak di aras 1, bangunan No. 7, al-Ghumhuriah Street, Abiden, Kaherah. Apartmen ini merupakan unit apartmen terawal yang dibeli oleh Kerajaan Johor, di mana tarikh pembeliannya dilaporkan pada tahun 1960. Rumah ini dilaporkan didiami oleh sepuluh orang pelajar pada satu-satu masa.

## Kerajaan Negeri Perlis

Kerajaan Negeri Perlis melalui Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) turut memiliki sebuah bangunan enam (6) tingkat beralamat di blok No. 8, al-Khalifa al-Amir, al-Hadiqah al-Dawliyyah, Madinah Nasr, Kaherah. Perasmian bangunan Rumah Perlis ini telah disempurnakan oleh D.Y.M.M Tuanku Syed Faizuddin Putera Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis, pada 26 September 2005, bersamaan 22 Syaaban 1426H.



*Bangunan Asrama Pelajar Perlis*

## Kerajaan Negeri Sembilan

Kerajaan Negeri Sembilan turut memiliki sebuah bangunan lapan (8) tingkat beralamat di blok No. 29, Musa al-Kazeem Street, Hayyu Sabie’, Madinah Nasr, Kaherah yang dijadikan sebagai asrama pelajar-pelajar yang berasal daripada Negeri Sembilan. Bangunan ini terletak kira-kira 50 meter daripada bangunan Wisma Sri Melaka. Bangunan ini telah dibeli oleh kerajaan negeri pada tahun 1992. Majlis perasmian bangunan ini telah disempurnakan Tan Sri Dato’ Sri Utama Mohd Isa bin dato’ Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan, pada 21 Disember 2003.



*Bangunan Asrama Pelajar Negeri Sembilan*

## Kerajaan Negeri Selangor

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai dua blok bangunan dan dua unit apatrmen di Mesir sebagaimana berikut;

**Bangunan Asrama Pelajar Selangor Hayyu 'Asyir**

Dua blok bangunan ini telah dibeli pada tahun 1991. Bangunan ini terletak di kawasan Tooba al-Ramly, al-Hayyu al-'Asyir, Madinah Nasr, Kaherah dan mampu menampung 156 orang pelajar pada satu-satu masa.



*Bangunan Asrama Pelajar Selangor di kompleks asrama Hayyu 'Asyir*

**Rumah Selangor (Rab'ah)**

Kerajaan Selangor turut memiliki dua unit apartmen di bangunan No. 3, Aras 3 (unit 7 dan 8), Syari' Badaruddin Aini, Rabiatul Adawiyah, Madinah Nasr, Kaherah. Asrama ini mampu menempatkan 24 orang pelajar pada satu-satu masa.



*Bangunan Rumah Selangor Rab'ah*

## Kerajaan Wilayah Persekutuan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mempunyai dua buah asrama di Mesir yang dikhususkan untuk dijadikan asrama pelajar-pelajar Wilayah Persekutuan iaitu;



*Asrama Lama*



*Asrama Baru*

- Bangunan 8 tingkat di Blok 24, al-Mahdy Ibn Baraka Street, Hayyu Sabie', Madinah Nasr, Kaherah untuk pelajar-pelajar lelaki dan wanita. Asrama ini boleh menampung seramai 80 orang pelajar. Dirasmikan pada 20 Julai 2011 dengan kos kira-kira RM11 juta telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Jamil Khir Baharom di Dewan Sri Putra. Mula beroperasi pada 10 Mac 2009. Bangunan lapan tingkat ini mengandungi 10 unit rumah pelajar dan mampu menampung 80 penghuni pada sesuatu masa.

- Bangunan 11 tingkat di Daud Barakat Street, Hayyu Sabie', Madinah Nasr, Kaherah untuk pelajar-pelajar lelaki dan wanita boleh menampung seramai 272 orang pelajar dengan kos sebanyak USD5.5 juta dan dirasmikan oleh YB Dato' Seri Jamil Khir Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pada 22 Januari 2017. Bangunan Asrama WP dahulunya dikenali Asrama Rumah WP (ARWP) telah bertukar kepada Asrama Wilayah Persekutuan (AWP) berkuatkuasa pada Januari 2016.

## Bangunan Majlis Amanah Rakyat (MARA)

MARA mempunyai satu blok bangunan asrama pelajar bertempat di Iskandariah, khas untuk penginapan pelajar-pelajar tajaan MARA di Mesir. Bangunan 10 tingkat ini mampu menempatkan lebih kurang 154 orang pelajar tajaan MARA. Bangunan yang beralamat di No. 17, Sezostrice Street, Mahattel EL-Raml, In Front Of Banque Misr, EL-Attareen Police Station Distric, Alexandria ini telah dibeli dan diubahsuai dengan kos bernilai USD 3.9 juta.

Majlis perasmian bangunan asrama ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Noh bin Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, pada 7 Jun 2008. Bangunan ini juga mempunyai ruangan pejabat, dewan serbaguna, ruang pameran, rumah pegawai, dan kafeteria yang berasaskan *Malaysia Kitchen*.[25]



*Bangunan Asrama Pelajar MARA Iskandariah*

[25]http://www.kln.gov.my/web/egy_cairo/n2008/-/asset_publisher/ME2g/blog/perasmian-bangunan-asrama-mara-di-iskandariah-mesir?redirect=/web/egy_cairo/n2008 (5 Oktober 2018)

## Tanah Perkuburan Malaysia di Mesir

Tanah perkuburan di Mesir adalah berbeza dengan tanah perkuburan di Malaysia. Di Malaysia, jenazah dikebumikan di dalam liang lahad dengan kubur akan digali apabila berlaku kes kematian. Berbeza di Mesir, dengan permukaan bumi yang berpasir, perkuburan di Mesir mejoritinya dibuat binaan dan di bahagian bawah bangunan perkuburan terdapat biik-bilik yang akan menempatkan jenazah yang dikebumikan.

Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) melalui *Education Malaysia Egypt* (EME) turut menguruskan dua buah lot bangunan kubur yang dikhususkan untuk pengebumian rakyat Malaysia yang meninggal dunia di Mesir. Berikut adalah lot kubur Malaysia yang terletak di kawasan tanah perkuburan di Hayyu 'Asyir (Hayyu 10), Madinah Nasr;

**Kubur al-Jaliyyah al-Maliziyyah 1404H/1984M**
**(مدفن الجالية الماليزية)**



Tanah perkuburan ini terletak di kawasan wafaa' Amal, Hayyu 'Asyir (H10), berdekatan dengan Tanah Perkuburan Tentera Mesir. Tanah perkuburan ini juga biasa menjadi tempat persemadian jenazah-jenazah warga Nusantara selain daripada Malaysia.

Kubur ini mempunyai tiga buah bilik jenazah dan satu ruangan lobi. Kubur ini turut dipanggil sebagai Tanah Perkuburan Lama Malaysia. Berdasarkan catatan di atas pintu masuk bangunan kubur ini, ia mula digunakan sejak tahun 1404H/1984M.

Bagi memaksimumkan pengunaan tanah kubur ini, penyelenggaraan dilaporkan pernah dibuat ke atas kubur ini pada tahun 90-an. Merujuk kepada rekod dari jawatankuasa perkuburan, kali terakhir kubur ini digunakan adalah pada tahun 2009.



**Perkuburan Keledang 2009**

Bagi menampung tanah perkuburan sedia ada yang telah penuh, usaha telah dibuat oleh pihak KBMK bagi mencari tanah perkuburan baru untuk menampung pengebumian jenazah rakyat Malaysia yang meninggal dunia di Mesir.

Hasil sumbangan pelbagai pihak, tanah perkuburan baru telah berjaya dibeli dan dimiliki pada awal tahun 2010, di mana majlis penyerahan kunci kubur ini telah dibuat pada 9 Mac 2010 bertempat di bilik mensyuarat Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah (JPMK) di bangunan KBMK Mohandesin. Kos pembelian perkuburan Keledang ini dianggarkan berjumlah EGP 300,000.

Tanah perkuburan baru ini dinamakan Perkuburan Keledang sempena nama sebuah syarikat yang dimiliki oleh kaum kerabat diraja Perak yang telah memberi sumbangan untuk pembelian tanah kubur ini.





Perkuburan Keledang ini terletak tidak jauh daripada kawasan tanah perkuburan al-Jaliyyah al-Maliziyyah (kubur lama Malaysia), yang berada di seberang jalan utama berdekatan tanah perkuburan Kristian Mesir. Kubur Keledang ini mempunyai satu ruangan lobi di dalamnya dan dua buah bilik jenazah lelaki dan perempuan. Sehingga kini, tanah kubur ini telah diselenggara dan dilakukan penggalian semula sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2013 di ruangan bilik jenazah lelaki dan pada tahun 2015 di ruangan bilik jenazah perempuan.

## Binaan Kubur Malaysia di Mesir

Berikut merupakan gambar bangunan dan keadaan di dalam kubur yang menjadi tempat pengebumian jenazah;





*Gambar atas adalah pintu masuk dan ruangan legar di aras atas perkuburan lama, manakala gambar di bawah adalah dinding dan pintu masuk ke bawah kubur lama*








*Berikut adalah gambar Kubur Keledang di bahagian atas dan ruang legar*



*Pintu masuk ke dalam Kubur Keledang yang menempatkan dua bilik kubur*




*Keadaan dalam bilik menempatkan jenazah*

## Kos Pengurusan Pengebumian

Pengurusan pengebumian jenazah di Mesir turut melibatkan kos pengurusan kubur seperti berikut;[26]

***Jadual 13:*** *Kos pengurusan jenazah di Mesir*

| BIL. | PERKARA | KOS (EGP) |
|---|---|---|
| 1. | Sewa Pengangkutan AJK Kubur | 180.00 |
| 2. | Bayaran kepada Ketua Kawasan Kubur | 400.00 |
| 3. | Pengurusan dan Peralatan Kubur | 300.00 |
| 4. | Upah Pekerja Arab | 70.00 |
| 5. | Kontigensi/Awasan | 350.00 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 1,300.00 |

[26]Berpandukan kepada Garis Panduan Pengurusan Dan Pengebumian Jenazah Warga Malaysia di Mesir, yang disediakan oleh Jawatankuasa Khidmat Pengurusan Kubur Malaysia (JKPKM), pada tahun 2017.

## Struktur Jawatankuasa Khidmat Pengurusan Kubur Malaysia

Berikut adalah struktur organisasi Jawatankuasa Khidmat Pengurusan Kubur Malaysia di Mesir di bawah KBMK, yang berperanan membantu dan menguruskan kes kematian dan pengebumian jenazah di Mesir:

**PENAUNG**
TYT Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir

**PENASIHAT**
Menteri Penasihat (Pendidikan)

**SETIAUSAHA**
Setiausaha Kedua (Pendidikan/ Kebajikan)

**BENDAHARI**
Penolong Akauntan EME

**AHLI JAWATANKUASA INDUK**

- Penasihat (Keselamatan)
- Setiausaha Kedua (Hal Ehwal Agama)
- Setiausaha Kedua (Konsular)
- Atase Pendidikan Negeri-negeri/Penaja

**JAWATANKUASA PELAKSANA KHIDMAT PENGURUSAN KUBUR MALAYSIA**

**Pengerusi Eksekutif JKPK**
Ahmad Zaki Bin C. Nasruddin

**Setiausaha JKPK**
Saiful Rizwan Bin Mahmud

**Bendahari JKPK**
Muhammad Abqari Bin Mohd Afandi

**AJK Tugas - Tugas Khas**
Ibrahim Bin Hashim
Mohammad Ilman Bin Yusof

**AJK Pengisian dan Latihan**
Ahmad Rifaie Bin Aurus
Ahmad Hairuddin Bin Zulkifi

## Prosedur Operasi Standard JKPK

Bagi memastikan pengurusan pengebumian berjalan lancar, Prosedur Operasi Standard/ *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi gerak kerja bagi JKPK telah dibuat oleh pihak EME untuk panduan dan rujukan Ahli Jawatankuasa JKPK. Berikut adalah SOP pengurusan jenazah yang disediakan;

***Jadual 14:*** *SOP pengurusan jenazah di Mesir*

| BIL. | TINDAKAN | TANGGUNGJAWAB |
|---|---|---|
| 1. | Terima maklumat kematian. | KBMK atau JKPK |
| 2. | Mendapatkan maklumat si mati dan pengecaman jika perlu. | Setiausaha/ AP Negeri |
| 3. | Pemakluman kepada pihak;<br><br>(a) Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK)/ EME/ AP Negeri/ Penaja.<br>(b) Keluarga si mati atau waris.<br>(c) Persatuan pelajar. | Setiausaha/ AP Negeri/ Penaja |
| 4. | KBMK menerima pengesahan keluarga si mati untuk mengebumikan jenazah di Mesir. | Setiausaha/ AP Negeri |
| 5. | Urusan pengambilan surat permohonan sijil kematian dari Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK). | Setiausaha/ Konsular/ AP Negeri |
| 6. | KBMK memaklumkan kepada Pengerusi Eksekutif JKPK untuk memulakan prosedur buka kubur. | Setiausaha |
| 7. | Urusan pengambilan sijil kematian di Pejabat Kesihatan Mesir (Maktab Sihhi). | Setiausaha/AP Negeri |
| 8. | Urusan memandikan dan mengkafankan jenazah di hospital, solat dll. | Setiausaha/ AP Negeri/ Persatuan Pelajar |
| 9. | Urusan pengangkutan ke lokasi solat jenazah di masjid/ DMAK/ asrama dsb. | Setiausaha/ AP Negeri |
| 10. | Jenazah dibawa ke Kubur Malaysia Hayyu 'Asyir untuk dikebumikan. | Setiausaha/ AP Negeri |
| 11. | Menguruskan pengebumian jenazah di tanah perkuburan. | Pengerusi Eksekutif dan ahli JKPK |

| | | |
|---|---|---|
| 12. | Memaklumkan kepada keluarga jenazah urusan pengebumian telah selesai. | Setiausaha/ AP Negeri |
| 13. | Menulis laporan dan direkodkan dalam fail. | Pengerusi Eksekutif dan ahli JKPK |

## Rekod Pengebumian di Tanah Perkuburan Malaysia di Mesir

Berdasarkan rekod daripada JKPK, daripada tahun 2008 sehingga Februari 2017, jumlah kes kematian melibatkan rakyat Malaysia yang dikebumikan di tanah perkuburan Malaysia di Mesir adalah berjumlah 39 orang. Daripada keseluruhan 39 orang, 19 daripadanya adalah jenazah lelaki, 8 perempuan dan 12 orang yang tidak dinyatakan jantina. Jumlah 39 kes kematian ini adalah meliputi kes kematian rakyat Malaysia yang menetap di Mesir, rakyat Malaysia yang datang melawat/melancong di Mesir, bayi dan juga pelajar. Berdasarkan rekod, 12 kes melibatkan kematian pelajar Malaysia dikebumikan di perkuburan Malaysia dari tahun 2008 hingga Februari 2017.

Berikut adalah statistik keseluruhan kes kematian yang dikebumikan di Mesir;

***Jadual 15:*** *Bilangan kes kematian yang dikebumikan di perkuburan Malaysia di Mesir*

| TAHUN | BIL. KEMATIAN | JANTINA | | TANAH PERKUBURAN | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | L | P | | |
| 2008 | 3 | 2 | 1 | al-Jaliyyah al-Maliziyyah | Seorang jenazah lelaki & pelajar Singapura |
| 2009 | 4 | 3 | 1 | al-Jaliyyah al-Maliziyyah | 2 orang bayi lelaki |
| 2010 | 3 | 1 | 2 | Keledang | Seorang bayi lelaki |
| 2011 | 4 | 2 | 2 | Keledang | Seorang bayi lelaki |
| 2012 | 4 | 4 | - | Keledang | |
| 2013 | 3 | 3 | - | Keledang | |
| 2014 | 4 | 3 | 1 | Keledang | 2 orang bayi lelaki & perempuan |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2015 | 2 | 1 | 1 | Keledang | 2 orang bayi lelaki perempuan |
| 2016 | 10 | | | Keledang | 7 orang bayi |
| Feb. 2017 | 2 | | | Keledang | 2 orang bayi |
| **JUMLAH** | **39** | **19** | **8** | **12** orang tidak dinyatakan jantina | |




***Carta 1:*** *Statistik kes kematian rakyat Malaysia yang dikebumikan di Tanah Perkuburan Malaysia (2008 - Feb 2017)*



*Barisan Ahli Jawatankuasa Pelaksana khidmat pengurusan kubur Malaysia*

# Bab 3

# PENGURUSAN PELAJAR DI MESIR

# Pengurusan Pelajar di Mesir

Sejarah penempatan pelajar Malaysia sangat panjang bermula dengan kehadiran penuntut al-Azhar yang berasal daripada Nusantara sekitar tahun 1870-an lagi. Ini direkodkan dalam penulisan al-Syeikh Wan Ahmad al-Fathani yang mendakwa beliau satu-satunya penuntut asal Nusantara di Masjid al-Azhar yang menjadi pusat pendidikan al-Azhar ketika itu. Setelah itu, kehadiran pelajar daripada Tanah Melayu dilihat semakin ramai dan menjadi pilihan selain pengajian tradisi di Tanah Haram Mekah al-Mukarramah. Pelajar-pelajar Malaysia di Mesir semakin lama semakin bertambah berikutan minat rakyat Malaysia melihat anak mereka mendalami ilmu agama daripada Universiti al-Azhar yang merupakan kiblat ilmu Islam.

Malaysia dan Mesir menikmati hubungan yang amat baik dalam kerjasama bidang pendidikan. Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding - MOU*) antara Malaysia dan Mesir dalam Kerjasama Bidang Pengajian Tinggi telah ditandatangani pada 26 November 2007, seterusnya diperbaharui pada November 2012 dan berkuatkuasa sehingga November 2017.

Sehingga April 2015, jumlah pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian tinggi di Mesir dianggarkan berjumlah hampir 10,000 orang, dengan kebanyakannya mengikuti pengajian dalam bidang pengajian Islam, perubatan, pergigian, farmasi, perundangan dan Bahasa Arab. Jumlah ini merupakan jumlah pelajar asing terbesar di Mesir yang memberi pulangan sebanyak sekurang-kurangnya USD7 juta bagi ekonomi negara tersebut. Sementara itu, sehingga April 2015, dianggarkan sebanyak 653 pelajar Mesir mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia.

Malaysia dan Mesir juga telah mengadakan Mesyuarat Persidangan Kerja Bersama (*Joint Working Conference*) dalam Bidang Pengajian Tinggi di Putrajaya pada 14-19 Mei 2015. Persidangan tersebut dianjurkan selepas 6 tahun Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja Bersama (*Joint Working Group - JWG*) diadakan di Kaherah, Mesir pada 4 Mei 2009. Pelbagai isu meliputi kerjasama pendidikan antara kedua-dua negara telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut termasuk cadangan program pertukaran pelajar dan pengajar, penyelidikan bersama dan latihan industri.

Sehingga kini, sebanyak sembilan MOU telah ditandatangani oleh institusi-institusi pengajian tinggi antara kedua-dua negara. Antara institusi pengajian tinggi Malaysia yang mempunyai jalinan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi Mesir adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) mula menghantar pelajar tajaan biasiswa dan pinjaman dalam bidang Sains Kesihatan melibatkan pengajian perubatan, pergigian dan farmasi ke Mesir pada tahun 2005 (JPA) dan 2008 (MARA) di tujuh buah universiti Mesir, iaitu Universiti Kaherah, Universiti al-Azhar, Universiti Ain Shams, Universiti Zagaziq, Universiti Tanta, Universiti Mansurah dan Universiti Iskandariah.

Walau bagaimanapun mulai tahun 2013, tiada lagi tajaan biasiswa atau pinjaman JPA dan MARA ditempatkan ke Mesir dalam bidang Sains Kesihatan. Faktor utama yang mendorong pemberhentian tajaan/ pinjaman ini adalah faktor keselamatan di Mesir, yang mana pada tahun 2011 dan 2013, semua pelajar-pelajar yang berada di Mesir terpaksa dibawa keluar oleh Kerajaan melalui proses evakuasi (Ops Piramid dan Ops Piramid II) berikutan ketegangan politik dan keselamatan di Mesir. Selain itu, tidak dinafikan bahawa terdapat faktor lain seperti unjuran lebihan penawaran graduan perubatan dan pergigian dalam pasaran mulai tahun 2016 yang menjadikan kerajaan menghadkan bilangan tajaan dalam kedua-dua bidang tersebut.[27]

## EDUCATION MALAYSIA EGYPT (EME)

Pada tahun 1964, urusan hal ehwal pelajar dikendalikan oleh seorang Atase Pendidikan di bawah Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK). Mulai tahun 1980, Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah (JPMK) telah diwujudkan di bawah pentadbiran Bahagian Pengurusan Pendidikan Luar Negara, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. Entiti pendidikan ini berfungsi memberi perkhidmatan dan membantu membangunkan kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar Malaysia di Republik Arab Mesir.[28]

Pada tahun 2011, JPMK telah dijenamakan semula kepada *Education Malaysia Egypt* (EME) selaras dengan fungsinya yang diperluaskan bukan sekadar penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada para pelajar tetapi meliputi juga fungsi mempromosi Malaysia sebagai hub pendidikan penting rantau Asia.

EME diketuai oleh seorang Menteri Penasihat (Pendidikan)/ Pengarah, dianggotai empat orang Setiausaha Kedua (Pendidikan), seorang Warden dan seorang penolong akauntan serta dibantu oleh 17 orang Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT). Pejabat EME terletak di Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah (DMAK). Fungsi utama EME adalah;

1. Sumber rujukan dan pengumpulan maklumat.
2. Pemasaran dan promosi pendidikan tinggi.
3. Kebajikan dan pembangunan pelajar.
4. Kecemerlangan akademik.
5. Pembangunan penyelidikan dan komersil.
6. Pengantarabangsaan.

---

[27]Nota Ikhtisar Malaysia-Republik Arab Mesir, KBMK, dibentangkan dalam Forum Kepentingan Strategik Mesir Dari Perspektif Malaysia, Pada 21 Mei 2015, bertempat di Hotel RHR, UNITEN, Selangor, hlm. 35-36.

[28]Panduan Pelajar Malaysia di Republik Arab Mesir, Bidang Pengajian Islam, 2018, Kaherah: Education Malaysia Egypt (EME), hlm. 15-16.

## Senarai Nama Pengarah MSD/EME

Berikut adalah senarai nama mereka yang pernah menjawat jawatan sebagai pengarah MSD/ EME;

***Jadual 12:*** *Senarai nama yang pernah menjawat jawatan Pengarah MSD/EME*

| BIL. | NAMA PENGARAH | TEMPOH PERKHIDMATAN |
|---|---|---|
| 1. | Tuan Haji Abd Manaf Haji Ahmad | 1965 - 1980 |
| 2. | Encik Yusof Rejab | 1980 |
| 3. | Encik Mohd Shafie | hingga 1987 |
| 4. | Encik Mohd Alwi Yusof | Januari 1988 - Oktober 1991 |
| 5. | Tuan Haji Ahmad Ismail | November 1991 |
| 6. | Encik Muhammadun Amin | hingga 1997 |
| 7. | Encik Abd Rahman Halim | Januari 1998 - 2000 |
| 8. | Tuan Haji Wan Bakar Wan Dagang | April 2000 - Disember 2004 |
| 9. | Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti | Mei 2005 - September 2007 |
| 10. | Prof. Madya Dr. Jamil Hashim | Jun 2008 - Disember 2010 |
| 11. | Prof Madya Datuk Dr Hj. Suaidi Dato' Hj. Safei | Mei 2011 - November 2013 |
| 12. | Prof Madya Dr. Mohd Radhi Ibrahim | Disember 2013 -Disember 2016 |
| 13. | Encik Aizal Anual | Oktober 2017 - kini |

## Visa Pelajar

Pelajar-pelajar Malaysia di Mesir menghadapi beberapa masalah berkaitan dengan permohonan dan pembaharuan visa mereka. Tempoh visa yang diberikan kepada semua pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian mereka di Mesir hanya satu tahun. Pelajar-pelajar juga terpaksa menempuh kerenah birokrasi di Mesir yang tidak mesra pelanggan dan kurang efisyen melambatkan pengeluaran visa berkenaan. Proses untuk pengeluaran visa memakan masa yang terlalu lama iaitu antara 2 minggu sehingga sebulan, malah ada juga yang lebih dari sebulan.

Di samping itu, pengesahan/akuan belajar (tasdiq) diperlukan dari pihak universiti masing-masing untuk urusan pembaharuan pasport. Tempoh sah laku tasdiq berkenaan pula 2 minggu sahaja. Bagi mendapatkan tasdiq tersebut pula, pelajar perlu menjelaskan yuran pengajian mereka dengan pihak universiti.

Semua visa pelajar antarabangsa juga akan tamat secara serentak dalam bulan Disember menyebabkan berlaku kesesakan semasa memperbaharui visa, termasuk beratur dari jam 2 pagi untuk mendapatkan angka giliran disebabkan jumlah pelajar antarabangsa yang berebut-rebut untuk memperbaharui visa mereka.

Terdapat juga pelajar-pelajar Malaysia yang cuai atau tidak endah mengenai tarikh luput pasport mereka, iaitu 6 bulan sebelum tarikh sebenar seperti yang tercatit di dalam pasport. Ramai yang terperangkap kerana terpaksa memperbaharui pasport mereka pada saat akhir di KBMK, setelah pasport mereka luput. Tempoh untuk memperbaharui pasport antarabangsa Malaysia melalui KBMK lazimnya mengambil masa antara 3 hingga 6 bulan.

Walaupun isu visa merupakan isu dalaman pentadbiran negara Mesir, KBMK telah mengadakan pertemuan dengan ketua pejabat imigresen di Buuth dan Tahrir (2 tempat utama pelajar-pelajar Malaysia memperbaharui visa pengajian). KBMK mencadangkan supaya hayat dokumen yang perlu disertakan semasa membuat visa dilanjutkan sekurang-kurangnya selama 6 bulan dan supaya pejabat imigresen Mesir dapat menambah kakitangan mereka di kaunter perkhidmatan ketika tempoh puncak (bulan Disember). Selain itu, seorang warga Malaysia yang menetap di Mesir bersetuju untuk menjadi wakil visa bagi membantu pelajar membuat visa dengan dikenakan bayaran perkhidmatan yang minimal (memandangkan pejabat imigresen visa hanya dibuka pada waktu pejabat).

## Hari Bertemu Pelanggan (HBP)

Hari Bertemu Pelanggan (HBP) melibatkan penyertaan semua pegawai KBMK termasuk Duta Besar, pegawai-pegawai agensi Kedutaan dan atase-atase pendidikan negeri di Mesir. HBP merupakan inisiatif KBMK bertujuan merapatkan jalinan silaturahim antara pegawai-pegawai KBMK dengan pelajar-pelajar Malaysia di Mesir. Selain itu, memandangkan keadaan keselamatan yang tidak menentu serta statistik kemalangan yang tinggi di Mesir, KBMK berusaha untuk "turun padang" dan menemui para pelajar, terutamanya universiti-universiti di luar Kaherah.

HBP dianjurkan secara berkala di mana pegawai-pegawai KBMK akan berkunjung ke penempatan pelajar di sekitar Mesir dan menyediakan perkhidmatan berkaitan urusan pelajar, konsular dan aktiviti sukan. TYT Duta Besar juga mengadakan majlis dialog bersama pelajar termasuk penyampaian

maklumat terkini mengenai perkembangan politik dan keselamatan semasa di Mesir termasuk isu-isu semasa di Malaysia.

## Promosi Pendidikan Malaysia di Mesir *(Study in Malaysia)*

KBMK juga bergiat aktif dalam mempromosikan pendidikan Malaysia di Mesir (*Study in Malaysia*) dengan tujuan menggalakkan pelajar-pelajar Mesir mengikuti pengajian di institusi-insitusi pengajian di Malaysia. Usaha-usaha promosi ini telah menunjukkan kesan positif di mana terdapat peningkatan ketara di dalam pengeluaran visa belajar ke Malaysia kepada warga Mesir oleh KBMK seperti berikut:

**2013 :** 37 orang
**2014 :** 104 orang
**2018 :** 434 orang

Selain dari promosi *Study in Malaysia* serara berkala di pameran-pameran antarabangsa di Kaherah dan negara-negara di bawah liputan KBMK (Morocco, Algeria, Sudan, Mauritania, Libya dan Eritria), beberapa usaha promosi telah dibuat oleh TYT Duta Besar dan Pengarah Education Malaysia melalui temubual TV dan Radio, termasuk promosi di laman web dan surat khabar tempatan.

Ternyata Mesir amat memandang tinggi terhadap pelan pembangunan pendidikan Malaysia. Ini terbukti dengan undangan Kerajaan Mesir untuk mempelajari pengalaman Malaysia dalam pembangunan sistem pendidikan dengan penganjuran program-program seperti berikut;

a. Persidangan Antarabangsa Kali Pertama Berhubung Perkembangan Pendidikan di Negara Arab & Islam pada Era Globalisasi anjuran Universiti Nahdah & Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), di Kaherah pada 23-24 Feb 2015.

b. "*Introducing Finnish, Japanese & Malaysian Experiences in Developing Pre-University Education*" di Kaherah pada 29-31 Mac 2015.

## JAKIM DAN PENGURUSAN PELAJAR

Selain daripada berperanan melaksanakan penyelidikan dan menjalinkan hubungan dengan institusi agama di Mesir, Pejabat Atase Agama JAKIM di Kaherah juga turut diamanahkan untuk menguruskan kebajikan pelajar tajaan JAKIM di Mesir dan juga di Jordan. Di Mesir, JAKIM mempunyai dua jenis tajaan iaitu Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) dan tajaan 1MDB. Bagi tajaan 1MDB, ia hanya terhad kepada pelajar dalam jurusan sains perubatan sahaja, manakala tajaan SPH, ia terbuka kepada semua pelajar yang mempunyai sijil tahfiz yang melanjutkan pengajian di Mesir dalam semua bidang pengajian, sama ada pengajian bidang al-Quran dan qiraat, pengajian Islam dan juga sains perubatan. Berikut adalah statistik pelajar tajaan JAKIM di Mesir bagi sesi pengajian 2016/2017;

| BIL. | TAJAAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | SPH | 33 |
| 2. | 1MDB | 33 |
| **Jumlah keseluruhan pelajar** | | 66 |




*Antara para pelajar tajaan SPH JAKIM di Mesir sesi pengajian 2016/2017*

Selain daripada menguruskan pelajar tajaan JAKIM di Mesir, Pejabat Atase Agama Kaherah juga turut terlibat membantu Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) dan bekerjasama dengan *Education Malaysia Egypt* (EME) dan agensi-agensi pendidikan di bawah KBMK dalam menjalankan program dan aktiviti yang dapat memberikan nilai tambah kepada kecemerlangan dan meningkatkan keintelektualan pelajar Malaysia di Mesir.

Pada tahun 2015, Pejabat Atase Agama telah terlibat secara langsung dalam membantu mengurus dan menyelesaikan kes kegagalan pendaftaran pelajar jurusan al-Quran dan qiraat sesi pengajian 2015/2016, melibatkan 139

orang pelajar yang akan melanjutkan pengajian di Maahad Qiraat al-Azhar. 103 orang daripada keseluruhan 139 orang pelajar yang gagal didaftarkan ini merupakan pelajar lepasan Darul Quran (DQ). Kejayaan menyelesaikan kes pendaftaran ini merupakan antara kejayaan paling besar dan bermakna sepanjang satu dekad JAKIM di Mesir.



*Mengiringi TYT Duta menemui Syeikh al-Azhar bagi membuat rayuan pendaftaran pelajar jurusan qiraat sesi pengajian 2015/2016 (12 Januari 2016)*



السفير داتو كو جعفر شعارى:

لدينا ١١ ألف طالب ماليزى بالقاهرة ونتطلع للتعاون بين شباب البلدين

أقامت السفارة الماليزية بالقاهرة حفل توزيع جوائز التميز لعدد من الطلاب الماليزيين الدارسين في مصر بأحد فنادق القاهرة الكبرى. قال السفير داتو كو جعفر كو شعارى سفير ماليزيا بالقاهرة إن هناك ١١ ألف طالب ماليزي يمثلون أكبر عدد من الطلاب الأجانب الذين يدرسون في ٧ جامعات مصرية في جميع أنحاء الجمهورية وبحضور محمد أمين عبدالله المدير التنفيذي لشركة بتروناس (مصر) والوزير المفوض رملي بن يتيم وعبد المهيمن محمود الحق المدني وعدلان شفيق وفيصل عبد الكريم مستشارا السفارة ورجاء جاسر رئيس قسم العلاقات الثقافة والإعلام بالسفارة.

قام داتو كو جعفر كو شعارى سفير ماليزيا بمصر بتوجيه الشكر إلى محمد أمين عبدالله المدير التنفيذي لشركة بتروناس (مصر) لإقامة هذا الاحتفال تحت رعايته.

وقال إنه يرى أن يحظى هذا الاحتفال سنويا بدعم من بتروناس ويمكن أيضا أن تشمل الجوائز الطلاب ذوي الإنجازات للتميز في الأنشطة المتعلقة بالمناهج الدراسية.

وأضاف أنه سيتم قريبا إنشاء مجلس استشاري من الطلبة لتنسيق مختلف الأنشطة الطلابية والتي سوف يشمل برامج المسؤولية الاجتماعية المتعلقة بالشركات في مصر وكيفية التعاون بين الشباب المصري والماليزي في كافة المجالات سواء الاقتصادية أو الاجتماعية وأيضا الرياضية. وقال إنه واثق من أن شركة بتروناس والشركات الماليزية الأخرى والهيئات الاعتبارية سوف تستفيد من الوجود الكبير للجالية الماليزية في مصر فيما هو خاص بالأنشطة المتعلقة بالمسؤولية الاجتماعية مشيرا إلى عمق الروابط والعلاقات الأخوية بين البلدين.

وعبر السفير عن تقديره العميق لممثلي الجامعة والمحاضرين والمشرفين الذين أعطوا الطلاب الماليزيين فرصة الدراسة في هذه الجامعة الموقرة وكذلك تقديم الرعاية لهم طوال فترة دراستهم كما توجه بالشكر إلى هذه الجامعات لتخريجها هؤلاء الطلبة المتميزين الذين ساعدوا إلى حد كبير في الشكل السياسي والاقتصادي والاجتماعي للمجتمع الماليزي.

ومن ناحيته أضاف الوزير المفوض رملي بن يتيم بأن الهدف الرئيسي من منح جوائز التميز هو تحديد طلاب السنة النهائية المتفوقين الذين تميزوا بأداء أكاديمي عالي أثناء دراستهم في مصر وقد تم تنظيم العديد من الأنشطة وتقديم الحوافز لهؤلاء الطلاب لتشجيعهم على برامج المحافظة على هذا المستوى العالي من الأداء الأكاديمي.

وأضاف أنه مع وجود أكثر من ١١,٠٠٠ طالب في مصر حيث يشكل الطلبة الماليزيون أكبر عدد من الطلاب الأجانب الذين يدرسون في (٧) جامعات مصرية في جميع أنحاء مصر وهي جامعات (الأزهر وعين شمس والإسكندرية والقاهرة والمنصورة وطنطا والزقازيق) كما أن حوالي ٦٠٪ من هؤلاء الطلبة يواصلون دراستهم في العديد من المجالات في الطب وطب الأسنان والصيدلة في حين أن بقية الطلاب يدعمون تعليمهم في الدراسات الإسلامية

● السفير الماليزي ومدير بتروناس بالقاهرة يكرمان إحدى الطالبات

● د. رجاء جاسر ● فيصل عبدالكريم ● عبدالمهيمن محمود ● رملي بن يتيم

*Keratan akhbar tempatan pada tahun 2015 berkaitan pelajar Malaysia di Mesir*

MINISTER
IN THE PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
LEVEL 9, BLOCK D7, PARCEL D
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62519 PUTRAJAYA
Tel. : 603-8888 6400 : هاتف Fax : 603-8888 4952 : فاكس

الوزير
بإدارة رئيس الوزراء الماليزي
للشؤون الإسلامية
الدور 9 بلوك D 7 منطقة D
مجمع مصالح الحكومة الفيدرالية
62519 بوترا جايا

MJPM/JKB/03107 (87)

بتاريخ : 15 جماد الأول 1437هـ / 24 فبراير 2016 م

بسم الله الرحمن الرحيم

صاحب السعادة السيد / عبدالمهيمن بن محمود حفظه الله
الملحق الديني بسفارة ماليزيا بالقاهرة

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته ؛ وبعد :

الموضوع : شكر وتقدير

يسرني أن أكتب لسعادتكم متمنيا لكم دوام الصحة والسعادة والتوفيق والسداد .

كما يطيب لي أن أتقدم لشخصكم الكريم . أصالة عن نفسي ونيابة عن دار القرءان التابعة لمصلحة الشؤون الإسلامية الماليزية حاكيم . بأسمى عبارات الشكر والامتنان والتقدير على جهودكم المباركة وسعيكم الدؤوب لحل مشاكل طلاب دار القرءان جاكيم الذين واجهوا مشاكل التسجيل والإقامة وصدور قرارات جديدة من الأزهر الشريف فاجأتنا جميعا.

لا نجد من العبارات ما يوفيكم حقكم وقدركم من الاحترام والشكر والتقدير؛ فالله سبحانه وتعالى وحده هو القادر على جزائكم خير الجزاء على ما بذلتم من جهد ووقت من أجل حل هذه المشكلة التي أرقت آباء وأمهات هؤلاء الطلاب إضافة للطلاب أنفسهم .فجزاكم الله خير الجزاء أنتم ومن عاونكم من أعضاء السفارة بالقاهرة .

نكرر شكرنا لسعادتكم ونتمنى لكم مزيدا من العمل والجهود المخلصة لخدمة أبناء وطنكم .

وسلام الله عليكم ورحمته وبركاته .

مع فائق التحية والتقدير

( لواء (م) داتو سري جميل خير بن حاج بهاروم )

*Surat penghargaan daripada YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada Pejabat Atase Agama JAKIM di atas kejayaan menyelesaikan kes pendaftaran pelajar jurusan al-Quran dan qiraat, sesi pengajian 2015/2016*

## JABATAN PENGAJIAN MALAYSIA DI UNIVERSITI KAHERAH

Universiti Malaya (UM) dengan kerjasama Universiti Kaherah telah menandatangani MOU untuk menubuhkan sebuah Jabatan Pengajian Malaysia pada 25 Jun 2003. Jabatan tersebut diletakkan di bawah Pusat Pengajian Asia, Fakulti Ekonomi dan Sains Politik, Universiti Kaherah. Penubuhan ini adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 2002 telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah Pusat Pengajian Malaysia yang bertujuan untuk mempromosi model pembangunan Malaysia kepada negara Mesir, dunia Arab dan Afrika.

Pelancaran rasmi Jabatan Pengajian Malaysia, Universiti Kaherah (JPM-CU) telah disempurnakan dalam satu majlis yang gilang gemilang pada 25 Jun 2003, oleh Duta Besar Malaysia ke Mesir, TYT Dato' Abu Bakar Daud. Majlis tersebut telah diadakan di *Social Center of Cairo University*, Syare' Bahr El-Azam, El-Manial, Cairo, yang letaknya di pinggir Sungai Nil. Dato' Abu Bakar Daud telah membacakan perutusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Acara pelancaran penubuhan secara rasmi DMS telah dihadiri lebih daripada 100 orang tetamu jemputan, termasuk 20 orang pegawai daripada Kedutaan Malaysia di Mesir. Turut hadir ialah YBhg. Tan Sri Datuk Mohamed Khatib Abdul Hamid, Pengerusi Lembaga Pengarah UM, Naib Canselor UM, Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob dan Presiden Universiti Kaherah, Profesor Dr. Nageeb Goher.[29]

Inisiatif penubuhan Jabatan Pengajian Malaysia ini tercetus kerana minat yang tinggi yang ditunjukkan oleh komuniti akademik dan profesional Mesir mengenai Malaysia yang dianggap sebuah negara Islam yang moden dan maju. Jabatan ini berperanan untuk memberi pendedahan yang lebih tepat dan terperinci mengenai Malaysia dari aspek sejarah, ekonomi dan perdagangan, kewangan dan perbankan, dan sistem sosial dan politik kepada pelajar-pelajar Malaysia dan Mesir.

[29]Jabatan Pengajian Malaysia di Universiti Kaherah, https://slideplayer.com/slide/14351215/ (25 Disember 2018)




*Atase Agama JAKIM bersama-sama pengarah DMS dalam salah satu muktamar yang dianjurkan pada tahun 2009*

Jabatan ini juga memainkan peranan sebagai pusat sumber untuk menggalakkan penyelidikan mengenai Malaysia di samping menjalankan kursus akademik dan latihan bagi meningkatkan peluang pekerjaan khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar Malaysia di Mesir.

Pejabat Atase Agama Kaherah juga telah menjalinkan kejasama dengan Jabatan Pengajian Malaysia dalam mengadakan pelbagai program dan aktiviti antaranya program dan aktiviti melibatkan promosi Malaysia melalui pembentangan kertas dalam siri kursus di Universiti Kaherah yang dianjurkan oleh


برنامج الدراسات الماليزية
جامعة القاهرة
Department of Malaysian Studies
Cairo University

| Tuesday, Sept 26, 2017 | |
|---|---|
| 3:00 -5:00 PM | MANAGEMENT OF ZAKAT IN MALAYSIA<br>Mr. Hj Abdul Muhaimin Mahmood<br>Second Secretary (Religion)<br>Embassy of Malaysia, Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) |
| 5:00- 7:00 PM | "التكافل الاجتماعي في ماليزيا<br>SOCIAL SOLIDARITY IN MALAYSIA"<br>DR MAGDA SALEH<br>PROFESSOR OF POLITICAL SCIENCE<br>ACTING DEEN<br>Faculty of Economics and Political Science |

Jabatan Pengajian Malaysia melibatkan penyertaan pelajar-pelajar universiti dari negara Mesir dan negara serantau. Antara pengisian yang telah dibentangkan dan melibatkan JAKIM antaranya adalah melibatkan pegurusan dan persijilan halal Malaysia, pengurusan zakat di Malaysia dan peranan institusi agama di Malaysia dalam perkembangan sosio ekonomi umat Islam.

Selain itu, pelbagai program lain melibatkan pembangunan kemahiran dan membentuk nilai tambah ilmu kepada pelajar Malaysia di Mesir turut diadakan antaranya seperti program Kursus Kerjaya dan Pasca-Siswazah, Kursus Penulisan Ilmiah dan Kursus Penterjemahan dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu yang melibatkan kerjasama dengan Institut Terjemahan Negara (ITBM) dan lain-lain lagi.

Jabatan Pengajian Malaysia (DMS) di Universiti Kaherah telah berakhir secara rasmi pada 1 Disember 2018, setelah pihak UM memutuskan untuk menutup pejabat DMS atas kekangan kewangan yang dihadapi oleh pihak UM. Prof. Madya Dr. Ishak bin Suliaman merupakan Pengarah terakhir bagi DMS di Mesir.



*Setiausaha Pertama (Hal Ehwal Agama) dan Prof. Madya Dr. Ishak bin Suliaman, Jabatan Pengajian Malaysia bergambar kenangan dengan sebahagian peserta kursus di Universiti Kaherah*




*Gambar melibatkan pengisian dari JAKIM dalam program DMS di Universiti Kaherah*

## MAJLIS PERUNDINGAN MAHASISWA MALAYSIA MESIR (MP3M)

Majlis Perundingan Mahasiswa Malaysia Mesir (MP3M) merupakan sebuah badan gabungan persatuan-persatuan pelajar Malaysia di Republik Arab Mesir yang ditubuhkan bagi menyelaras perhubungan antara wakil pelajar dan Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) serta membangun kualiti sahsiah dan daya kepemimpinan mahasiswa Malaysia Mesir.

Penubuhan MP3M merupakan cetusan idea dan cadangan daripada YM TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir dan Palestin (2013-2017). Antara matlamat penubuhan MP3M adalah;

1. Membina dan mengukuhkan jaringan dalam kalangan gerakan, persatuan dan organisasi pelajar Malaysia di Republik Arab Mesir.
2. Sebagai platform dialog antara KBMK dan persatuan-persatuan pelajar bagi menyelaras aktiviti pembangunan pelajar ke arah menjana kecemerlangan akademik dan pembangunan holistik mahasiswa/i di Mesir seterusnya memantapkan nilai tambah graduan lepasan universiti di Mesir.
3. Mendidik kefahaman pelajar akan dimensi keilmuan, pelatihan kemahiran dan peranan belia sebagai tonggak agenda pencerdasan masyarakat.
4. Membentuk mahasiswa yang mempunyai azam dan iltizam untuk lulus dengan cemerlang dalam kuliah serta mempunyai keterampilan dan kewibawaan sebagai pemimpin yang berintegriti.
5. Bertindak sebagai ejen memupuk semangat cinta negara, memahami isu kenegaraan dan membentuk imej identiti Malaysia di Mesir.

### Sekretariat MP3M

Sekretariat MP3M merupakan badan pengurus MP3M yang berperanan dalam menyusun, merancang dan menyelaras pelaksanaan dasar-dasar yang disepakati dalam Persidangan MP3M. Sekretariat MP3M ini dikelolai oleh seorang Setiausaha Agung dan seorang Timbalan Setiausaha Agung dan 2 orang Naib Setiausaha. Anggota Sekretariat MP3M dilantik melalui pencalonan oleh badan gabungan MP3M dan diundi. Calon yang memperoleh undian tertinggi dilantik menjadi ahli Sekretariat MP3M.

Situasi dan pola mahasiswa Malaysia di Mesir penuh kepelbagaian berdasarkan latar belakang pendidikan di Malaysia. Mahasiswa yang tiba daripada Malaysia lazimnya tiada tajaan dan daripada keluarga berpendapatan sederhana. Penempatan pelajar juga dibahagikan berdasarkan negeri-negeri.

Profil pelajar sebegini membentuk situasi yang perlu kepada pendekatan tersendiri dan sesuai.

Majlis Perundingan Mahasiswa Malaysia Mesir (MP3M) merupakan satu platform untuk persatuan-persatuan pelajar Malaysia di Mesir yang mempunyai fikrah dan latar belakang berbeza duduk semeja berunding mencari titik persefahaman dan mengadakan kerjasama dalam sesetengah perkara. Ianya bukan persatuan baru dan tidak bertujuan untuk mengubah identiti persatuan-persatuan yang sedia ada. Ia juga bertujuan untuk melibatkan pelajar dalam aktiviti dan urusan di peringkat tinggi seperti bertemu dengan orang-orang kenamaan dan menjalankan program *internship* dengan pihak-pihak tertentu di Malaysia dan Mesir.

Menerusi MP3M, persatuan-persatuan pelajar telah mendapat manfaat dengan peluang pembangunan sahsiah yang disusun atur mengikut keperluan industri dan masyarakat. Pendekatan ini juga telah meleraikan kekangan asabiah berpersatuan dan membantu mahasiswa melihat kepentingan negara dan agama mengatasi kepentingan persatuan masing-masing. Setakat ini sebanyak 23 buah persatuan telah mendaftar dalam MP3M.

## Senarai Persatuan Anggota MP3M

Berikut adalah senarai persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan berkaitan pelajar di Mesir yang telah berdaftar dan mengagotai MP3M; [30]

1. Angkatan Belia Islam Malaysia Cawangan Mesir (ABIM Mesir)
2. Badan Kebajikan Anak Selangor Mesir (BKASM)
3. Badan Kebajikan Anak Wilayah Persekutuan Mesir (BKAWM)
4. Badan Kebajikan Mahasiswa Islam Pahang (BKMIP)
5. Badan Kebajikan Pelajar Johor Mesir (BKPJM)
6. Badan Kebajikan Penuntut Sabah Mesir (BKPSM)
7. Badan Perhubungan Negara Mesir (BPN Mesir)
8. Gerakan Suara Rakyat (SUARA)
9. HALUAN Siswa Mesir
10. Ikatan Mahasiswa Anak Melaka Mesir (IMAM)
11. Ikatan Mahasiswa Sarawak Mesir (IMSAK)
12. Ikatan Muslimin Malaysia Cawangan Mesir (ISMA Mesir)
13. Majlis Muafakat Anak Pahang Mesir (MIFTAH)
14. Jawatankuasa Penghuni Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah (JKP DMAK)
15. Kelab IKRAM Mesir (KIM)
16. Kelab Peguam Muda Malaysia (KPPM)

[30] Sehingga Jun 2018

17. Kelab Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Cawangan Mesir
18. Keluarga Pelajar-pelajar Islam Perak Mesir (KPIPM)
19. Keluarga Pelajar-pelajar Perlis (KPP)
20. Keluarga Penuntut Terengganu (KPT)
21. Majlis Kebajikan Keluarga Kedah (MKKK)
22. Majlis Tertinggi Pengurusan Anak Johor Mesir (MTPAJM)
23. Majlis Tertinggi Pengurusan Anak Negeri Sembilan Mesir (MTPNSM)
24. MARA *Egypt Entrepreneur Club* (MEEC)
25. *Muslim Care Egypt*
26. Persatuan Mahasiswa Ulum Islamiah (PMUI)
27. Persatuan Pelajar-pelajar Sains Kesihatan Malaysia Mesir (PERUBATAN)
28. Ruwaq Jawi
29. *Yalla Charity Organization*
30. Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia Cawangan Mesir (YDKMM Mesir)

## Piagam Majlis Perundingan Mahasiswa Malaysia Mesir (MP3M)

### Bab Pertama: Pengenalan

**Fasal 1:** Nama
Majlis Perundingan Mahasiswa Malaysia Mesir, selepas ini disebut MP3M dalam piagam ini.

*Malaysian Student Consultative Council Egypt*
المجلس الاستشاري للطلبة الماليزيين بمصر

**Fasal 2:** Bahasa Rasmi
Bahasa Melayu

**Fasal 3:** Logo

**Fasal 4:** Alamat
26, Sabel El-Khazindar Street
Abbasiah, Cairo
Egypt

Facebook : fb.com/MP3M.my/

**Fasal 5:** Penaung Dan Penasihat

**5.1** Penaung: TYT Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir
**5.2** Lembaga Penasihat: Semua ahli Mesyuarat Pembangunan dan Pengurusan Pelajar (M3P) yang dipengerusikan oleh Pengarah Education Malaysia Egypt (EME).

## Bab Kedua: Dasar dan Objektif

**Fasal 6:** Dasar

**6.1** Membina jaringan dalam kalangan persatuan dan organisasi pelajar Malaysia di Republik Arab Mesir.
**6.2** Menjadi platform dialog antara Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) dan persatuan-persatuan mahasiswa bagi menyelaras aktiviti ke arah menjana kecemerlangan akademik dan pembangunan holistik seterusnya memantapkan kualiti graduan lepasan universiti di Mesir.

**Fasal 7:** Objektif

**7.1** Mendidik kefahaman pelajar akan dimensi keilmuan dan pembudayaan ilmu dalam mendepani falsafah yang pelbagai seterusnya menyuntik kesedaran akan tanggungjawab serta peranan belia sebagai tonggak agenda pencerdasan masyarakat.
**7.2** Membentuk mahasiswa yang mempunyai azam dan iltizam untuk lulus dengan cemerlang dalam pengajian serta mempunyai keterampilan dan kewibawaan sebagai pemimpin yang berintegriti.
**7.3** Bekerjasama dan mempererat perhubungan dengan mana-mana badan yang mempunyai tujuan yang sejajar dengan MP3M.
**7.4** Bertindak sebagai ejen dalam memupuk semangat cinta akan negara, memahami isu kenegaraan dan membentuk imej identiti Malaysia di Mesir.
**7.5** Menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang menjunjung ajaran asasi Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

## Bab Ketiga: Keanggotaan

**Fasal 8:** Keanggotaan

**8.1** Anggota MP3M adalah semua pertubuhan/ persatuan pelajar di Mesir yang berdaftar dengan KBMK melalui EME.
**8.2** Keanggotaan MP3M adalah secara automatik apabila pertubuhan/ persatuan pelajar di Mesir lengkap berdaftar dengan KBMK melalui EME.
**8.3** Keanggotaan mana-mana pertubuhan/ persatuan pelajar dalam MP3M akan tergugur secara automatik sekiranya tidak memperbaharui pendaftaran atau melanggar mana-mana garis panduan pendaftaran yang ditetapkan.

**Fasal 9:** Tanggungjawab Anggota

**9.1** Setiap anggota mestilah patuh kepada Piagam MP3M dan berpegang teguh kepada dasar dan objektifnya serta mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan KBMK dan MP3M.
**9.2** Anggota tidak dibenarkan menyertai atau melibatkan diri secara rasmi atau tidak rasmi dengan mana-mana pertubuhan politik di Mesir.
**9.3** Setiap anggota perlu berusaha untuk melaksanakan dan mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan.
**9.4** Setiap anggota hendaklah menunjukkan imej yang positif dan tidak mencemarkan nama baik MP3M.
**9.5** Setiap anggota hendaklah menghantar wakil bagi menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh MP3M.
**9.6** Setiap anggota boleh menyuarakan pandangan atau cadangan berkaitan sebarang isu melalui melalui Sekretariat MP3M dengan menggunakan saluran yang beretika.

## Bab Keempat: Struktur Pentadbiran

**Fasal 10:** Sekretariat MP3M

**10.1** Pentadbiran MP3M dikendalikan oleh Sekretariat MP3M yang dilantik melalui Persidangan Tahunan MP3M bagi lapan (8) jawatan berikut:

I. Setiausaha Agung
II. Timbalan Setiausaha Agung
III. Naib Setiausaha Agung (Operasi)
IV. Naib Setiausaha Agung (Kewangan)
V. Naib Setiausaha Agung (Pembangunan Minda dan Akademik)

VI. Naib Setiausaha Agung (Kebudayaan, Keseniaan dan Sukan)
VII. Naib Setiausaha Agung (Pembangunan dan Kemasyarakatan)
VIII. Naib Setiausaha Agung (Tugas-tugas Khas)

**10.2** Sekretariat berperanan menyusun dan menyelaras pengurusan dan pentadbiran MP3M mengikut dasar yang telah ditetapkan. Sekretariat tidak boleh mengambil tindakan yang bertentangan atau membelakangkan hasrat MP3M.

**10.3** Hanya satu jawatan boleh dipegang oleh seorang anggota yang dilantik.

**10.4** Kesemua lapan (8) jawatan Sekretariat hendaklah dilantik daripada pertubuhan/ persatuan yang berlainan.

**10.5** Anggota tidak layak dilantik menjadi Sekretariat bagi dua sesi berturut-turut.

**10.6** Sekretariat hendaklah dipilih dalam kalangan anggota MP3M yang pernah menjawat jawatan di dalam persatuan/ pertubuhan masing-masing.

**Fasal 11:** Sidang MP3M

**11.1** Sidang MP3M adalah gabungan dua (2) orang wakil dari semua anggota MP3M, selain daripada mereka yang terlibat dalam Sekretariat.

**11.2** Anggota Sidang MP3M berhak bersuara dengan setiap anggota mewakili satu (1) undi sepanjang Sidang MP3M berlangsung.

**Fasal 12:** Bidang Tugas

**12.1** Setiausaha Agung bertanggungjawab:

I. Memastikan kelicinan pentadbiran dan pengurusan MP3M.
II. Memimpin MP3M dan bertanggungjawab atas kemajuannya.
III. Mempengerusikan Persidangan MP3M, Mesyuarat Sekretariat MP3M dan Mesyuarat MP3M serta bertanggungjawab atas keputusannya.
IV. Memberi arahan kepada Timbalan Setiausaha Agung atau mana-mana Naib Setiausaha Agung untuk mengadakan mesyuarat apabila difikirkannya mustahak dan Setiausaha Agung berhak menghadiri dan bersuara dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut.
V. Mengeluarkan kenyataan umum bagi pihak MP3M yang tidak bercanggah dengan Piagam dan dasar MP3M serta KBMK.
VI. Mewakili MP3M dalam agenda berkaitan urusan dalaman dan antarabangsa.
VII. Berhak menggunakan budi bicara dan kebijaksanaan dalam memutuskan sebarang masalah yang memerlukan tindakan segera.

**12.2** Timbalan Setiausaha Agung

I. Membantu Setiausaha Agung dalam menjalankan tugas-tugasnya.
II. Memanggil dan mengedarkan notis panggilan Persidangan MP3M, Mesyuarat Sekretariat MP3M dan Mesyuarat MP3M atas arahan Setiausaha Agung.
III. Mencatat dan memastikan semua minit Persidangan dan Mesyuarat disediakan dan disahkan.
IV. Menyediakan minit Persidangan dan Mesyuarat serta mengedarkannya kepada semua anggota dalam tempoh dua (2) minggu setelah diadakan.
V. Menggantikan Setiausaha Agung jika sekiranya jawatan Setiausaha Agung kosong dan mengambil alih segala tugas dan kuasanya sehingga Persidangan MP3M berikutnya atau Persidangan Khas diadakan.

**12.3** Naib Setiausaha Agung (Operasi)

I. Menjalankan urusan surat-menyurat MP3M.
II. Menyedia dan mengemukakan Laporan Tahunan MP3M beserta Laporan Kewangan MP3M bagi pihak Sekretariat.
III. Menjalankan urusan operasi MP3M.
IV. Membantu menyediakan minit Sidang MP3M dan mengedarkannya kepada semua anggota.
V. Membantu mengedarkan notis panggilan sidang kepada semua anggota MP3M sekurang-kurangnya empat (4) hari sebelum Sidang MP3M.

**12.4** Naib Setiausaha Agung (Kewangan)

I. Bertanggungjawab atas semua kira-kira kewangan MP3M dan aktiviti-aktiviti di bawah MP3M.
II. Menyedia dan membentangkan Laporan Kewangan MP3M untuk semakan dan penerimaan oleh Sidang MP3M.
III. Menasihati Sidang MP3M dan Sekretariat dalam urusan penyelenggaraan aset, alatan dan kemudahan milik MP3M.
IV. Mengurus dan menyelia aliran kewangan MP3M.

**12.5** Naib Setiausaha Agung (Pembangunan Minda dan Akademik)

I. Bertanggungjawab merancang, mengendalikan dan memantau program-program yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman anggota terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai pelajar serta menjana pemikiran yang matang dan kritis dalam kalangan anggota.

II. Merancang, mengendalikan dan memantau program-program yang bertujuan meningkatkan prestasi akademik anggota.

III. Menyediakan laporan tahunan pelaksanaan program Pembangunan Minda dan Akademik.

**12.6** Naib Setiausaha Agung (Kebudayaan, Keseniaan dan Sukan)

I. Bertanggungjawab merancang, mengendalikan dan memantau program-program berkaitan kebudayaan, kesenian dan sukan.

II. Merancang, mengendalikan dan memantau program berkaitan hari kebesaran dalam Islam.

III. Menyediakan laporan tahunan pelaksanaan program Kebudayaan, Kesenian dan Sukan.

**12.7** Naib Setiausaha Agung (Pembangunan dan Kemasyarakatan)

I. Bertanggungjawab menguruskan perkara yang bersangkutan dengan hubungan MP3M dengan organisasi luar.

II. Bertanggungjawab merancang, mengendalikan dan memantau program-program yang bertujuan menjalinkan hubungan antara MP3M dengan pertubuhan-pertubuhan, badan-badan dan organisasi serta masyarakat tempatan di Mesir.

III. Menyediakan laporan tahunan pelaksanaan program Perhubungan dan Kemasyarakatan.

**12.8** Naib Setiausaha Agung (Tugas-tugas Khas)

I. Membantu SUA dalam menjalankan tugas-tugasnya.

II. Melaksanakan tugas-tugas lain yang ditentukan Sekretariat dari semasa ke semasa.

III. Mewujudkan dan menyimpan rekod daftar anggota dan rekod-rekod lain yang berkaitan.

## Bab Kelima: Persidangan dan Mesyuarat

**Fasal 13:** Persidangan MP3M

**13.1** Diadakan setahun sekali dipengerusikan oleh Setiausaha Agung dan dirasmikan oleh TYT Duta Besar Malaysia Ke Republik Arab Mesir.
**13.2** Dihadiri oleh sekurang-kurangnya tujuh (7) orang wakil daripada setiap anggota MP3M.
**13.3** Diadakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan semua persatuan/pertubuhan anggota MP3M.
**13.4** Notis panggilan dan agenda Persidangan dikeluarkan kepada semua anggota sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh diadakan.
**13.5** Persidangan membincangkan Laporan Tahunan MP3M, Laporan Kewangan MP3M dan pelaksanaan program di bawah MP3M.
**13.6** Persidangan membuat pemilihan Sekretariat baru melalui kaedah yang difikirkan sesuai setelah Sekretariat sedia ada melepaskan jawatan untuk memberi laluan kepada pemilihan baru.

**Fasal 14:** Persidangan Khas MP3M

**14.1** Persidangan Khas MP3M boleh diadakan apabila difikirkan mustahak oleh Sidang MP3M atau atas permintaan ramai secara bertulis oleh tidak kurang daripada satu perdua (1/2) daripada jumlah anggota MP3M dengan menerangkan tujuan dan sebab perlunya diadakan. Permintaan ini hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung.
**14.2** Pengumuman dan agenda untuk Persidangan Khas ini hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Agung kepada semua anggota sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh diadakan.

**Fasal 15:** Mesyuarat Sidang MP3M

**15.1** Mesyuarat bersama semua anggota daripada pertubuhan/ persatuan di bawah MP3M bagi membincangkan isu yang berkaitan untuk dibawa oleh Sekretariat kepada Penaung melalui Penasihat diadakan sekurang-kurangnya (2) dua kali dalam satu sesi.

**15.2** Mesyuarat Sidang MP3M yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung turut:

I. bertanggungjawab menimbang dan mengesahkan Laporan Tahunan dan Laporan Kewangan yang disiapkan oleh Sekretariat sebelum dibentangkan dalam Persidangan Tahunan MP3M.
II. boleh mencalonkan pelantikan Sekretariat sesi seterusnya.
III. bertanggungjawab mengawas dan menasihat pergerakan Sekretariat.

IV. boleh meluluskan anggaran belanjawan yang dibentangkan oleh Sekretariat.
V. boleh mempertimbangkan serta meluluskan atau menolak sebarang usul yang dibangkitkan.
VI. boleh menerima perletakan jawatan Setiausaha Agung, atau Naib Setiausaha Agung, atau mana-mana ahli jawatankuasa dan mengisi jawatan-jawatan tersebut.

**15.3** Mesyuarat Sidang MP3M boleh dipanggil oleh:

I. Duta Besar Malaysia Ke Republik Arab Mesir; atau
II. Setiausaha Agung MP3M; atau
III. Permohonan bertulis oleh satu perempat (1/4) daripada jumlah anggota kepada Setiausaha Agung
IV. Korum bagi Sidang MP3M adalah satu pertiga (1/3) daripada jumlah anggota MP3M. Sekiranya korum tidak mencukupi selepas tiga puluh (30) minit dari waktu yang ditetapkan untuk Sidang MP3M, maka Sidang perlu ditangguhkan.

**Fasal 16:** Mesyuarat Sekretariat

**16.1** Sekretariat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam satu sesi. Notis bagi setiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli jawatankuasa sebaiknya empat (4) hari lebih awal, namun Setiausaha Agung boleh mengadakan Mesyuarat Sekretariat pada bila-bila masa yang difikirkan mustahak. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada bilangan Sekretariat hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

**16.2** Jika timbul perkara mustahak yang melampaui skop tugas Sekretariat, maka Sekretariat boleh mengadakan Mesyuarat Sidang MP3M bagi membuat pungutan suara daripada anggota-anggota MP3M.

**16.3** Jika seseorang ahli Sekretariat meninggal dunia atau meletak jawatan, calon dengan undi terbanyak di dalam pemilihan Sekretariat MP3M yang lalu hendaklah dipanggil memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tiada atau menolak jawatan, maka Mesyuarat Sidang MP3M berhak melantik ahli lain yang dirasakan mampu sehingga Sidang MP3M diadakan.

## Bab Keenam: Pindaan Piagam dan Pembubaran

**Fasal 17:** Pindaan Piagam

**17.1** Mana-mana anggota boleh mengemukakan usul dan cadangan secara bertulis kepada Setiausaha Agung untuk dibentangkan dalam Persidangan MP3M bagi tujuan meminda Piagam MP3M.

**17.2** Piagam juga boleh dipinda dalam Persidangan Khas yang dilakukan kerananya.

**17.3** Sebarang pindaan yang berlaku dalam Persidangan atau Persidangan Khas hendaklah dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada anggota yang hadir dan berkuat kuasa serta-merta setelah diluluskan di dalam Persidangan atau Persidangan Khas tersebut.

**Fasal 18:** Pembubaran

MP3M hanya boleh dibubarkan setelah tiada lagi persatuan berdaftar di bawah KBMK/EME.

## Garis Panduan Persatuan Dan Aktiviti Pelajar Malaysia Di Mesir

Bagi menyelaras persatuan dan aktiviti persatuan yang pelbagai latar belakang di Mesir, satu garis panduan telah disediakan oleh pihak EME seperti berikut;[31]

1. Persatuan perlu mematuhi peraturan Kerajaan Malaysia, Kerajaan Mesir dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) dari semasa ke semasa.

2. Setiap persatuan hendaklah berdaftar dengan pihak KBMK yang diselaraskan oleh *Education Malaysia Egypt* (EME).

3. Pihak Kedutaan boleh menarik balik status pendaftaran persatuan yang melanggar peraturan yang ditetapkan.

4. Setiap persatuan hendaklah mengelakkan daripada menimbulkan isu-isu kontroversi dan perkara yang membawa kepada perpecahan dalam kalangan masyarakat.

5. Persatuan dilarang terlibat dengan mana-mana pertubuhan yang diharamkan oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Mesir.

6. Persatuan dilarang mengutip derma/dana awam tanpa surat kebenaran dari KBMK.

7. Persatuan digalakkan mengadakan kerjasama dan memupuk hubungan yang harmoni dalam kalangan persatuan, warga Malaysia dan warga tempatan.

8. Persatuan digalakkan menyelesaikan perselisihan yang timbul melalui sikap berlapang dada dan sangka baik berasaskan ukhuwah Islamiah.

---

[31]Disediakan oleh Education Malaysia Egypt (EME) pada Januari 2018

9. Sebarang program/aktiviti persatuan hendaklah dilaksanakan di luar waktu kuliah/pengajian rasmi di universiti/maahad. Perjalanan program termasuk masa, suasana dan seumpamanya hendaklah mengambil kira keselesaan masyarakat sekeliling.

10. Persatuan digalakkan menggunakan dwibahasa dalam program/aktiviti yang dilaksanakan.

11. Persatuan hendaklah mengemukakan kepada KBMK dalam tempoh empat (4) minggu selepas pemilihan/pilihanraya atau akhir sesi pentadbiran perkara-perkara berikut:

    a. Laporan tahunan
    b. Rancangan tahunan
    c. Perlembagaan persatuan
    d. Laporan kewangan
    e. Struktur organisasi & senarai jawatankuasa

12. Penaung Persatuan ialah TYT Duta Besar Malaysia manakala Penasihat ialah Menteri Penasihat (Pendidikan). Bagi persatuan anak negeri, Atase Pendidikan Negeri masing-masing sebagai Penasihat II.

13. Persatuan yang memohon dana daripada mana-mana agensi di bawah Kedutaan, hendaklah memastikan:

    a. Surat permohonan dana program dan kertas kerja dihantar kepada Menteri Penasihat (Pendidikan) atau Ketua Agensi-agensi terbabit sekurang-kurangnya empat (4) minggu sebelum minggu program berlangsung.

    b. Kertas Kerja hendaklah mengandungi:

        I. Latar belakang dan huraian program/aktiviti.
        II. Perincian belanjawan dan sumber pendapatan.
        III. Yuran peserta.
        IV. Nama dan jawatan perasmi
        V. Biodata penceramah/ fasilitator.

    c. Persatuan anak negeri perlu mengemukakan permohonan dana atau program melalui Atase Pendidikan Negeri masing-masing.

d. Surat jemputan kepada pegawai hendaklah dikemukakan 1 minggu sebelum program jika diadakan di Kaherah dan tiga (3) minggu jika dianjurkan di luar Kaherah.

e. Laporan akhir hendaklah dikemukakan dalam masa dua (2) minggu selepas program/aktiviti diadakan meliputi laporan aktiviti dan kewangan.

f. Persatuan digalakkan untuk mendapatkan maklum balas peserta melalui borang soal selidik keberkesanan program.

14. Permohonan penggunaan dewan atau kemudahan perlu dilakukan oleh pihak persatuan melalui borang yang disediakan atau surat rasmi. Pihak EME akan mengeluarkan surat sokongan jika permohonan kepada pihak luar berdasarkan kesesuaian.



*TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari mempengerusikan mesyuarat melibatkan ahli MP3M di DMAK pada 4 April 2015*

## MAKLUMAT UNIVERSITI DI MESIR

Selain Universiti al-Azhar, terdapat enam lagi universiti yang diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang menempatkan pelajar Malaysia di Mesir. Enam universiti yang dimaksudkan ialah;

1. Universiti Kaherah
2. Universiti Ain Shams
3. Universiti Mansurah
4. Universiti Iskandariah
5. Universiti Tanta; dan,
6. Universiti Zagaziq.

Kesemua pelajar Malaysia yang belajar di enam universiti ini adalah pelajar yang melanjutkan pengajian dalam bidang sains perubatan, pergigian dan farmasi. Keenam-enam universiti ini kecuali Universiti Kaherah, tidak menawarkan pengajian dalam bidang pengajian Islam.




*Gambar kedudukan lokasi universiti yang menempatkan pelajar Malaysia di Mesir*[32]

[32]hhttp://ahlan.perubatan.org/ (1 Oktober 2018)

## Universiti Kaherah

Universiti ini mula diasaskan pada 21 Disember 1908 dengan nama *Jamiah Misriyah* atau juga dikenali dengan nama Universiti Fuad I. Ianya juga merupakan di antara universiti yang tertua di Mesir. Setelah berlaku peristiwa Revolusi pada 23 Julai 1952, namanya ditukar menjadi Universiti Kaherah (*Cairo University*).



Pada tahun 1925, Sultan Fuad mengubah status Universiti Mesir menjadi perguruan tinggi negeri. Saat itu, Universiti Mesir sudah ada empat fakulti, iaitu Fakulti Kedoktoran, Fakulti Sains, Fakulti Seni dan Fakulti Undang-undang. Fakulti Sains, Fakulti Perdagangan dan Fakulti Pertanian mula beroperasi pada tahun 1935. Setelah Sultan Fuad I meninggal dunia, pada 23 Mei 1940 universiti ini bertukar nama menjadi Universiti Fuad I. Setelah sistem monarki dimansuhkan, pada 28 September 1953 Universiti Fuad I berganti nama menjadi Universiti Kaherah (*Cairo University*).

Kini Universiti Kaherah telah menjadi rujukan/lembaga pendidikan terbesar di Mesir selepas Universiti al-Azhar. Pusat kampusnya sangat luas, meliputi daerah Gama'a Giza, Mesir. Di antara fakulti-fakulti yang terdapat pelajar Malaysia ialah Fakulti Darul Ulum (Agama), Fakulti Farmasi, Fakulti Perubatan (Umum) dan Fakulti Pergigian. Bahasa pengantar yang digunakan adalah bergantung pada mata pelajaran kuliah yang dipelajari dan diajarkan. Untuk sesi kuliah yang berkaitan dengan Islam dan Arab digunakan Bahasa Arab. Selain itu, digunakan juga Bahasa Perancis dan Bahasa Inggeris.

Namun begitu, pembiayaan yuran di Universiti Kaherah adalah sedikit mahal. Untuk jurusan agama, yuran pengajian bagi warga asing adalah sebanyak £2,000 (*British Pound Sterling*) setahun bagi tahun pertama pengajian. Pada tahun-tahun pengajian berikutnya adalah sebanyak £1,000 (*British Pound Sterling*) setahun. Universiti Kaherah kini mempunyai kekuatan 27 fakulti dan institut,[33] 14,518 orang kakitangan, 207,853 orang pelajar dan 6,963 daripadanya adalah pelajar antarabangsa.[34]

---

[33] http://cu.edu.eg/Faculties (1 Oktober 2018)

[34] http://cu.edu.eg/#Home (1 Oktober 2018)

## Direktori Perhubungan

Direktori perhubungan bagi Universiti Kaherah adalah sebagaimana berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Cairo University, 1 Gama'a Street, Giza, Egypt |
| **Laman Web** | http://cu.edu.eg/Home (1 Okt. 2018) |
| **Telefon** | 002 (02) 572 9584 |
| **Faks** | 002 (02) 568 8884 |
| **E-mel** | portal@cu.edu.eg, cairouniversity2018@cu.edu.eg (1 Okt. 2018) |
| **Facebook** | https://www.facebook.com/cu.edu.eg (1 Okt. 2018) |
| **Youtube** | https://www.youtube.com/user/TheCairoUniversity (1 Okt. 2018) |
| **Twitter** | https://twitter.com/CairoUniv (1 Okt. 2018) |



## Universiti Ain Shams

Didirikan pada tahun 1950, pada awalnya dinamakan Universiti Ibrahim Pasha. Setelah wujudnya Universiti Kaherah (Fuad I) dan Universiti Iskandariah (Faruq), universiti ini juga termasuk dalam kategori universiti yang sangat diminati di Mesir. Setelah peristiwa Revolusi pada 23 Julai 1952, semua pengajian tinggi di Mesir diganti namanya dengan nama yang terkait dengan sejarah kampus dan bangunan yang mereka miliki. Akhirnya pada 21 Februari tahun 1954, namanya diubah menjadi Universiti Heliopolis. Manakala di dalam Bahasa Arab, Heliopolis dieja sebagai "Ains Shams".



Pada asalnya, nama Heliopolis atau 'Ains Shams' merujuk kepada tempat kajian ilmu pada zaman Mesir kuno. Dalam sejarah Mesir, Heliopolis merupakan tempat pembelajaran tertua khususnya dalam bidang Astronomi, Perubatan dan Sains. Adalah dipercayai bahawa Imhotep yang merupakan salah seorang perintis. Heliopolis adalah pihak arkitek yang telah merekabentuk batu piramid di Sakkara pada tahun 2700 S.M..

Dalam teks peninggalan Mesir kuno, *'Westcar Papyrus'* tertulis bahawa pendiri Dinasti Kelima adalah '*Rector Heliopolis University*' sebelum naik takhta. Pada ketika itu, pencapaian lain dari universiti ini adalah seruan penyatuan rakyat untuk menyembah dewa matahari iaitu Akhnaton. Hal ini adalah seperti yang berlaku pada masa silam.

Kini kampus Universiti Ain Shams terletak di wilayah *Za'afaran Palace* (Istana Za'faran), didirikan ketika masa kekuasaan Khedive Ismail. Dinamakan demikan oleh kerana daerah sekitar kampus, terkenal dengan perkebunan atau Za'faran. Istana ini digunakan sebagai pejabat pentadbiran *Jamiah Mashriyah* ketika pertama kali didirikan pada tahun 1925 sebagai '*guest house*' untuk menyambut tetamu VIP. Pada tahun 1936, pejabat ini menjadi saksi pada perjanjian antara Mesir dan British dan sekitar tahun 1952. Istana ini secara rasmi digunakan sebagai pejabat pentadbiran Universiti Ain Shams.

Universiti ini memiliki 15 fakulti dan 2 lembaga tertinggi dan 7 buah kampus. Semua lokasi kampus berada di dalam Kaherah. Kampus utama terletak di Khalifah El-Mamoon Street, Abassia dan pejabat pengurusan bagi Kampus Seni, Kampus Undang-undang dan Kampus Sains yang semuanya terletak di dalam kampus utama tersebut. Yang selebihnya terletak pada kampus di kedua belah sisi jalan berhampiran dengan Hospital Abbasiah, tidak jauh dari kampus utama. Di samping itu, terdapat juga beberapa fakulti di Shubra Kheima. Universiti Ain Shams saat ini mempunyai 15 fakulti pengajian yang mampu menampung lebih dari 180,000 mahasiswa. Pelajar dari Malaysia yang menuntut di Universiti Ain Shams kini hanya tertumpu dalam tiga fakulti utama iaitu, Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Fakulti Farmasi.

## Direktori Perhubungan

Direktori perhubungan bagi Universiti Ain Shams adalah sebagaimana berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Universiti Ain Shams, Khalifah Makmum Road, Abbasiyah, Cairo, Egypt. |
| **Laman Web** | http://www.asu.edu.eg (1 Okt. 2018) |
| **Telefon** | 002 (02) 684 7818 |
| **Faks** | 002 (02) 682 6107 |
| **Facebook** | https://www.facebook.com/AinShams.University.EG/ (1 Okt. 2018) |
| **Youtube** | https://www.youtube.com/channel/UCpVsIJu2y-TugSBnkxHs6t-g/ |
| **Twitter** | @ainshamsegypt |
| **Blog** | https://asuniversity.blogspot.com/ (1 Okt. 2018) |

## Universiti Mansurah

Universiti Mansurah telah diasaskan pada tahun 1972 di kota Mansurah, Mesir. Kota ini terletak di pertengahan Delta Nil. Universiti ini merupakan salah satu daripada IPT terbesar di Mesir dan telah memberikan sumbangan yang sangat banyak dalam bidang kebudayaan dan kehidupan saintifik di Mansurah khususnya serta di Mesir secara amnya.



Kampus utamanya terletak di kota Mansurah dan padanya terdapat fakulti-fakulti berikut; Fakulti Perubatan, Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains, Fakulti Farmasi, Fakulti Pergigian, Fakulti Perdagangan, Fakulti Undang-undang, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Pertanian, Fakulti Kejururawatan, Fakulti Perubatan Verterinar, Fakulti Pendidikan Fizikal, Fakulti Sains Komputer dan Sains Maklumat, Fakulti Perlancongan Dan Perhotelan, Fakulti Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Pihak universiti juga menyediakan pelbagai khidmat pelajar di dalam kampus terdiri daripada;

1. Kompleks pelajar yang di dalamnya terdapat restoran, kedai alat tulis dan hospital pelajar.
2. Tiga unit kompleks kediaman pelajar iaitu, Bandar Alamal (mahasiswa), Bandar al-Zahraa (mahasiswi) dan Bandar Gehan (mahasiswi).
3. Dewan makan berpusat.
4. Perkampungan Olimpik (*Olympic Village*)

Universiti Mansurah sangat terkenal dengan Pusat Pakar Perubatan yang mana terdapat kedua-dua perkhidmatan utama iaitu rawatan perubatan dan pusat pembelajaran. Meliputi Hospital Universiti Mansurah, Hospital Pediatrik, Hospital Pakar bagi penyakit dalaman secara umum, Pusat Ophthelmologi, Pusat Sistem Penghadaman, Pusat *Urology* dan Nephrology. Pusat rawatan terakhir tersebut merupakan yang terbesar di Afrika. Universiti Mansurah kini mempunayai 19 fakulti dan program pengajian yang ditawarkan dengan kekuatan kakitangan 7,079 orang kakitangan dan 164,892 orang pelajar.[35]

[35] http://www.mans.edu.eg/site/en/#contact-us (1 Oktober 2018)



*Gambar bangunan pentadbiran Universiti Mansurah*

## Direktori Perhubungan

Direktori perhubungan bagi Universiti Mansurah adalah sebagaimana berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Mansoura University Elgomhouria St., Mansoura City, Egypt |
| **Laman Web** | http://www.mans.edu.eg/site/en/ (1 Okt. 2018) |
| **Telefon** | +20 (50) 2383781 / +20 (50) 2397055 / +20 (50) 2397054 |
| **Fax :** | +20 (50) 239733 / +20 (50) 2397900 |
| **Facebook** | https://www.facebook.com/MansouraUniversityOf-ficial/ (1 Okt. 2018) |
| **Youtube** | https://www.youtube.com/user/mansvu (1 Okt. 2018) |
| **Twitter** | https://twitter.com/Mansoura_un (1 Okt. 2018) |
| **Blog** | http://mansunive.blogspot.com/ (1 Okt. 2018) |
| **Panorama Kampus** | http://www2.mans.edu.eg/media/campus/ (1 Okt. 2018) |

## Universiti Iskandariah

Didirikan pada tahun 1938 dan merupakan salah satu cabang dari Universiti Fuad. Tahun 1942 ditetapkan sebagai sebuah universiti yang tersendiri bernama Universiti Farouq I. Setelah Revolusi Mesir pada tahun 1952 nama universiti diubah menjadi Universiti Iskandariah (*Alexandria University*).



*Bangunan pentadbiran Universiti Iskandariah*

Saat ini, universiti tersebut merupakan salah satu pusat pengajian perubatan yang terbesar di Mesir, memiliki lebih dari 20 fakulti pengajian dengan bentuk kerjasama kepelbagai universiti lain dalam kerjasama pendidikan dan penelitian. Universiti Iskandariah juga membuka beberapa cawangan di antaranya di Damanhur dan Matruh. Sedangkan untuk cawangan luar negeri, mereka membukanya di Gouba, Sudan Selatan dan N'Djamena di ibu kota Republik Chad.

Pejabat Rektor Universiti Iskandariah terletak di El-Geish Road St, di samping jalan berhadapan dengan pantai laut tengah serta merupakan tempat yang sangat strategik dan merupakan bangunan warisan sejarah. Pejabat pentadbiran universiti terletak di belakang Pejabat Rektor Universiti Iskandariah manakala bangunan pengajian terletak di beberapa tempat namun masih dalam daerah yang berdekatan.

Bahasa penghantar yang digunakan di universiti ini secara keseluruhannya adalah Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Di antara fakulti yang terdapat pelajar Malaysia di Universiti Iskandariah adalah; Fakulti Sains Perubatan, Fakulti Farmasi dan Fakulti Pergigian.

## Direktori Perhubungan

Direktori perhubungan bagi Universiti Iskandariah adalah sebagaimana berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Alexandaria University, Rektor office, El-Geish Road, El-Shatby, Alexendria.<br><br>Administration, Huriyya St. No. 35, Alexandria. |
| **Laman Web** | **Universiti:**<br>http://www.alexu.edu.eg/index.php/en/<br>(1 Okt. 2018) |
| | **Fakulti Perubatan:**<br>http://au.alexu.edu.eg/English/Pages/default.aspx<br>(1 Okt. 2018) |
| | **Fakulti Pergigian:**<br>http://au.alexu.edu.eg/English/Pages/default.aspx<br>(1 Okt. 2018) |
| **Telefon (Pejabat Rektor)** | +20 (03) 5921 675/6/7/8 |
| **Faks (Pejabat Rektor)** | +20 (03) 591 0720 |
| **Telefon (Pejabat Pentadbiran)** | +20 (03) 422 7942 / 596 0096 |
| **Faks (Pejabat Pentadbiran)** | +20 (03) 421 5792 |
| **Facebook** | https://www.facebook.com/AU.AlexU.Edu.Eg/<br>(1 Okt. 2018) |
| **Youtube** | https://www.youtube.com/user/AUPortal<br>(1 Okt. 2018) |
| **Twitter** | https://twitter.com/AlexU_Edu_Eg (1 Okt. 2018) |
| **Blog** | http://alexuedueg.blogspot.com/ (1 Okt. 2018) |
| **Wordpress** | https://alexuedueg.wordpress.com/ (1 Okt. 2018) |
| **Instagram** | https://www.instagram.com/AlexU.Edu.Eg/<br>(1 Okt. 2018) |

## Universiti Tanta

Pada tahun 1962, Presiden Kesatuan Republik Arab telah mengeluarkan satu Dikri No. 1647 bagi menubuhkan Fakulti Perubatan Iskandariah di Tanta. Pada tahun 1969, Presiden Kesatuan Republik Arab telah mengeluarkan satu Dikri No. 1088 bagi menubuhkan fakulti-fakulti baru di universiti yang sama, meliputi Fakulti Perdagangan di Tanta (yang pada awalnya, bergelar Institut Tinggi Perdagangan di Tanta) yang dinaungi oleh Kementerian Pengajian Tinggi.



Berikutnya adalah Fakulti Sains Dan Perguruan di Tanta, Fakulti Pertanian di Kafr El-Syeikh (yang pada awalnya bergelar Institut Tinggi Pertanian di Kafr El-Syeikh) yang juga dinaungi oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Kesemua fakulti ini dinaungi oleh Universiti Iskandariah.

Pada tahun 1970, Presiden Kesatuan Republik Arab telah mengeluarkan satu Dikri No. 1578 bagi menubuhkan cawangan untuk Universiti Kaherah, Universiti Iskandariah dan Universiti Ain Shams. Untuk itu cawangan bagi Universiti Iskandariah telah ditubuhkan di Tanta. Cawangan ini meliputi Fakulti Perubatan, Fakulti Perdagangan, Fakulti Sains Dan Pendidikan yang kesemuanya di Tanta dan setelah itu Fakulti Pertanian di Kafr al-Syeikh.

Setelah itu pada tahun 1972, Presiden Kesatuan Republik Arab telah mengeluarkan satu Dikri No. 49 bagi organisasi universiti dan membatalkan Dikri yang sebelum bernombor 184 (tahun 1958). Dinyatakan pada artikel kedua, perenggan (e) berkenaan penubuhan '*Middle Delta University*' di Tanta, yang mana setelah itu namanya telah ditukar kepada Universiti Tanta. Kesan daripada Dikri Presiden No. 54 pada tahun 1973, Universiti Tanta telah menjadi universiti kelima setelah Universiti Kaherah, Universiti Iskandariah, Universiti Ain Shams dan Universiti Assiut.

Pada tahun 1974, *'First Deputy Chairman of the Council of Ministers'* telah mengeluarkan Dikri No. 12 bagi menubuhkan Fakulti Pendidikan di Shebeen El-

Kom yang dinaungi oleh Universiti Tanta. Berdasarkan Dikri tersebut, Fakulti Pertanian di Shebeen El-Kom dinaungi oleh Universiti Tanta dan bukan dinaungi oleh Universiti Ain Shams.

Pada tanggal 1976, Perdana Menteri telah mengeluarkan satu Dikri No. 1142 bagi pengubahsuaian yang sama terhadap *'Bylaw'* (seperti yang dinyatakan di atas) dengan menambahkan Fakulti Pergigian, Fakulti Farmasi, Fakulti Undang-undang, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Pertanian, Fakulti Perubatan Veterinar dan Fakulti Pendidikan di Kafr al-Syeikh serta Institut Tinggi Kejururawatan (di bawah naungan Fakulti Perubatan) kepada Universiti Tanta.

Berdasarkan Dikri ini juga, Universiti Menoufia telah diisytiharkan sebagai universiti yang tersendiri. Dengan itu, Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi di Shebeen al-Kom, Fakulti Kejuruteraan Elektronik di Menouf dan Fakulti Pendidikan dan Pertanian di Shebeen al-Kom telah dikeluarkan daripada Universiti Tanta.

Pada tahun 1998, Presiden Republik Arab Mesir telah mengeluarkan satu Dikri No. 329 bagi memasukkan Fakulti Pendidikan Khas kepada Universiti Tanta dan satu lagi kepada cawangan universiti di Kafr al-Syeikh. Pada tahun 2000, Presiden Republik Arab Mesir telah mengeluarkan satu Dikri No. 200 bagi menjadikan Institut Tinggi Kejururawatan sebagai sebuah fakulti tersendiri yang bebas daripada naungan Fakulti Perubatan.

Pada tahun 2006, Presiden Republik Arab Mesir telah mengeluarkan satu Dikri No. 129 bagi membatalkan cawangan Universiti Tanta di Kafr al-Syeikh dan menubuhkan Universiti Kafr al-Syeikh. Adalah sesuatu yang sangat bermakna untuk dinyatakan di sini bahawa Universiti Tanta telah memainkan satu peranan yang penting terhadap penubuhan universiti baharu tersebut. Sehingga kini, bilangan fakulti di Universiti Tanta telah mencapai 13 buah dengan penambahan sebuah institut teknikal dan sebanyak 37 unit khas.

## Direktori Perhubungan

Direktori perhubungan bagi Universiti Tanta adalah sebagaimana berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Tanta University, Al-Geish Street, Tanta, Egypt |
| **Laman Web** | http://www.tanta.edu.eg/en/ (1 Okt. 2018) |
| **Telefon** | +2 040 3317928 / +2 040 3317929 |
| **E-mel** | portal@eng.tanta.edu.eg (1 Okt. 2018) |
| **Youtube** | https://www.youtube.com/channel/UCAgtJny-WLzSIT0TFcXL4aaA (1 Okt. 2018) |
| **Twitter** | https://twitter.com/TantaPortal (1 Okt. 2018) |



## Universiti Zagazig

Universiti Zagazig merupakan salah satu universiti yang dibangunkan bagi memberikan sumbangan seiring dengan peranannya dalam *renaissance* (kebangkitan dan kemajuan) negara Mesir serta dalam usaha mengangkat kedudukannya di mata dunia. Universiti ini telah bermula sebagai salah satu cawangan daripada Universiti Ain Shams pada sesi akademik 1969/1970. Universiti Zagaziq merupakan universiti ketujuh yang didaftarkan di Mesir berdasarkan penubuhannya tersebut. Universiti ini telah mencapai kecemerlangan di dalam pelbagai bidang dalam menempuh era zaman kemodenan.

Universiti ini telah memilih gambar wajah pemimpin nasional yang hebat iaitu Ahmed Orabi anak lelaki Sharqia, sebagai gambar latar pada logo universiti sebagai mengingati kehebatan beliau yang berdiri teguh di hadapan pihak penjajah yang zalim dengan menyeru kepada kemerdekaan untuk negara Mesir yang dikasihi.

- Undang-undang No. 18 telah dikeluarkan pada 14/4/1974 bagi menubuhkan Universiti Zagaziq yang meliputi enam buah kolej sebagai cawangan Universiti Ain Shams, meliputi Kolej Pertanian, Kolej Perdagangan, Kolej Perubatan Veteriner, Kolej Perubatan, Kolej Pendidikan dan Kolej Sains.

- Mei 1975, '*Supreme Council of Universities*' telah meluluskan penubuhan Fakulti Sastera, Fakulti Sains dan Fakulti Farmasi.

- November 1976, '*Supreme Council of Universities*' telah meluluskan penubuhan Fakulti Kejuruteraan dan Institut Graduan Kejururawatan (yang diletakkan di bawah Fakulti Perubatan). November 1980, '*Graduate Institute of Productive Efficiency*' telah ditubuhkan kemudian pada April 1981, penubuhan Fakulti Sains di Behna juga telah diluluskan.

- Julai 1981, penubuhan Fakulti Pendidikan Fizikal (Mahasiswa dan Mahasiswi) di Zagaziq pula telah diluluskan. Pada bulan yang sama, penubuhan Fakulti Sastera di Behna telah diluluskan juga.

- April 1981, Institut Persediaan Profesional Perubatan (*Institute of the Preparation of Medical Professionals*) telah dibuka.

## Direktori Perhubungan

Direktori perhubungan bagi Universiti Zagazig adalah sebagaimana berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Zaqazik Universiti, Sharqia, Egypt |
| **Laman Web** | http://english.zu.edu.eg/ (1 Okt. 2018) |
| **E-mel** | info@zu.edu.eg (1 Okt. 2018) |
| **Google +** | https://plus.google.com/109316598713306702480 (1 Okt. 2018) |
| **Facebook** | https://www.facebook.com/Zagazig-University-ElSharkia-518180881664293 (1 Okt. 2018) |
| **Youtube** | https://www.youtube.com/user/ZagazigUniversity (1 Okt. 2018) |
| **Twitter** | https://twitter.com/UnvZagazig_Ar (1 Okt. 2018) |



## Yuran Pengajian Universiti di Mesir

Perbandingan kadar bayaran yuran bagi pengajian di Mesir bagi pengajian dalam bidang sains perubatan adalah seperti berikut;

***Jadual 31:*** *Kadar yuran pengajian di universiti di Mesir*

| BIL. | UNIVERSITI | BIDANG | YURAN (TAHUNAN) |
|---|---|---|---|
| 1. | Universiti Kaherah | Perubatan (G to G) | Tahun 1 : USD 7500<br>Tahun 2 - 6 : USD 6000 |
| | | Perubatan (MoU) | Tahun 1 - 6 : USD 8000 |
| 2. | Universiti Ain Shams | Perubatan | Tahun 1 - 6 : USD 8000 |
| 3. | Universiti al-Azhar | Perubatan | Tahun 1 : USD 2000<br>Tahun 2 - 6 : USD 8000 |
| | | Pusat Bahasa Arab | Mengikut *Mustawa/Level*<br>EGP 540 ke EGP 3600 |
| | | Pengajian Islam (Syariah, Usuluddin dan Bahasa Arab) | Tahun 1 - 4 : EGP 100.00 |
| | | Pengajian Qiraat | Tahun 1 - 4 : EGP 55.00 |
| | | Ulum Islamiah | Tahun 1 - 4 : USD 1000 |
| 4. | Universiti Mansurah | Perubatan (*Manchester* dan Konvensional) | Tahun 1 - 6 : USD 8000 |
| 5. | Universiti Iskandariah | Perubatan | Tahun 1 - 6 : USD 8000 |
| 6. | Universiti Zagazig | Perubatan | Tahun 1 : USD 2000<br>Tahun 2 - 6 : USD 8000 |
| 7. | Universiti Tanta | Perubatan | Tahun 1 : USD 3000<br>Tahun 2 : USD 8000<br>Tahun 3 - 4 : USD 9250<br>Tahun 5 - 6 : USD 9000 |

## PEMERKASAAN PENGURUSAN BIDANG PENDIDIKAN

Pada 21 Mei 2015, satu Forum Kepentingan Strategik Mesir dari Perspektif Malaysia telah dianjurkan oleh Pejabat Perdana Menteri (PMO) bertempat di Hotel RHR Uniten, Kajang, Selangor. Forum tersebut dianjurkan dengan tujuan membincangkan kepelbagaian kepentingan strategik Mesir buat Malaysia khususnya dalam bidang politik, kerjasama ekonomi, pendidikan dan hal ehwal agama Islam. Antara perkara yang disyorkan oleh pihak KBMK dalam usaha memperkasakan dan menambah baik pengurusan dalam bidang pendidikan adalah antaranya;

### 1. Lawatan Kerja Menteri Pengajian Tinggi Mesir ke Malaysia

YB Menteri Pendidikan telah mengemukakan jemputan kepada Menteri Pengajian Tinggi Mesir ke Malaysia pada Oktober 2014. Sehingga kini, masih belum ada tarikh baharu mengenai cadangan lawatan kerja Menteri Pengajian Tinggi Mesir ke Malaysia.

Dalam hal ini, adalah disyorkan supaya YB Menteri Pendidikan mengadakan lawatan kerja ke Mesir bagi mengukuhkan lagi kerjasama hubungan pendidikan dua hala antara Malaysia dan Mesir.

### 2. MOU Visa Pelajar antara Malaysia dan Mesir

Bagi perancangan jangka sederhana dan jangka panjang, adalah wajar agar satu MOU Visa Pelajar antara kedua negara diketuai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Mesir dapat dimuktamadkan. MOU yang dimeterai antara Malaysia dan Indonesia boleh dijadikan contoh, di mana visa diberikan setiap dua tahun (atau sepanjang pengajian pelajar sekiranya dipersetujui kedua pihak).

### 3. MOU Pendidikan antara Malaysia dan Mesir

Bagi menyelaraskan kerjasama pendidikan dan MOU-MOU yang sedia ada dengan universiti-universiti di Mesir, adalah wajar supaya satu MOU baharu yang boleh dirujuk sebagai “MOU payung” ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan Mesir.

Selain dari bidang pengajian Sains Kesihatan (perubatan, farmasi dan pergigian), kerjasama dalam bidang-bidang pengajian lain juga boleh dipelopori dan diperluaskan seperti Kejuruteraan, Ketenteraan dan Pertanian.

Malaysia juga boleh memperkembangkan kerjasama di dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional yang amat diperlukan oleh Mesir.

**4. Penghantaran pelajar-pelajar baharu Malaysia ke Mesir**

Ejen penghantaran pelajar Malaysia ke Mesir perlu didaftarkan di bawah KPM agar tidak berlaku eksploitasi (seperti tidak cukup syarat kelulusan; penipuan sijil SPM; penerimaan biasiswa/ pinjaman) ke atas pelajar dan keluarga mereka. Ejen perlu bekerjasama dengan KPM atau KBMK dalam pendaftaran pelajar dan tidak berurusan secara terus dengan pihak universiti.

KPM juga perlu mengadakan Kursus Asas Persediaan bagi semua pelajar Malaysia yang akan ke Mesir (tidak kira pelajar persendirian atau ditaja) bagi memaklumkan mengenai isu-isu penting yang perlu diambil perhatian termasuk isu keselamatan dan visa. Kursus Asas Persediaan ini boleh dianjurkan secara bersama dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Yayasan Negeri, JPA, MARA, JAKIM dan ejen penempatan pelajar.

**5. Penambahan Peruntukan Promosi *Study in Malaysia***

Promosi *Study in Malaysia* melalui media massa elektronik dan media cetak (termasuk *billboard*) memerlukan peruntukan yang tinggi. Selain mengambil kesempatan di atas jumlah warga Mesir yang hampir 90 juta, usaha promosi boleh juga dijalankan bagi negara-negara di bawah liputan KBMK (Morocco, Algeria, Sudan, Mauritania, Libya dan Eritria). Adalah disyorkan agar peruntukan promosi ini dapat ditambah dan disalurkan ke KBMK.

**6. Penambahan Peruntukan Hari Bertemu Pelanggan (HBP)**

Penambahan peruntukan akan memperlihatkan lebih banyak aktiviti HBP dapat dijalankan oleh KBMK termasuk menyertai aktiviti-aktiviti di universiti-universiti Mesir di dalam program “*Cultural Day*” mereka.

**7. Pemerkasaan Majlis Perundingan Mahasiswa Malaysia Mesir (MP3M)**

Memperkukuhkan MP3M sebagai platform perundingan dan penambahbaikan mengenai hal ehwal pelajar Malaysia di Mesir. Semua agensi termasuk kerajaan negeri adalah dipohon untuk menasihati persatuan pelajar dan persatuan anak negeri masing-masing supaya bernaung di bawah KBMK dan berdaftar dengan MP3M.

**8. Pengwujudan Jabatan/ Unit Bahasa Melayu di Universiti al-Azhar**

Universiti al-Azhar merupakan universiti tertua di dunia dan telah mengeluarkan ramai alim ulama termasuk dari benua Asia. Bahan-bahan ilmiah universiti berkenaan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dunia melalui Kuliah Bahasa (Lughah) dan Terjemahan tetapi tidak termasuk Bahasa Melayu.

**9. Penguatkuasaan Pengambilan Kehadiran Pelajar ke Kuliah**

Pelajar-pelajar Pengajian Islam di Universiti al-Azhar tidak diwajibkan untuk mengambil kehadiran ke kelas. KBMK telah mengesyorkan agar Universiti al-Azhar mula memperkenalkan pengambilan rekod kehadiran pelajar ke kuliah sekurang-kurangnya 80% kehadiran.

Rekod kelulusan peperiksaan pelajar-pelajar lelaki Pengajian Islam Malaysia (Kuliah Bahasa Arab, Syariah dan Usuluddin) di Mesir adalah amat lemah, dengan kadar kelulusan bawah 50%.



# Bab 4

# INSTITUSI-INSTITUSI AGAMA DI MESIR

# *Institusi-Institusi Agama di Mesir*

Mesir merupakan kiblat ilmu dalam bidang pengajian Islam bagi umat Islam sedunia sejak lebih daripada 1000 tahun yang lalu. Dalam bab ini, penulis akan memperkenalkan institusi-institusi berkaitan hal ehwal agama Islam yang terdapat di Mesir yang menjadi fokus utama JAKIM di Mesir. Antara institusi paling utama berkaitan agama di Mesir adalah al-Azhar, Dar al-Ifta dan juga Kementerian wakaf.

## AL-AZHAR AL-SYARIF

Al-Azhar al-Syarif merupakan sebuah institusi ilmu Islam teragung dalam sejarah dunia Islam yang telah memberikan banyak sumbangan kepada umat Islam semenjak lebih daripada seribu tahun lalu. Sejarah al-Azhar bermula apabila Panglima Abu Hasan Jawhar bin Abdullah al-Rumi al-Siqilliy, panglima kerajaan Bani Fatimiyyah yang diutuskan oleh Khalifah Al-Mu'izz Li Dinillah yang berjaya menawan Mesir meletakkan batu asas pembinaan masjid pada Jamadil Awwal 359 Hijrah. Masjid al-Azhar telah siap dibina dan mula digunakan pada Ramadan 361 Hijrah.[36]

Pembinaan masjid pada asalnya adalah dijadikan simbol kerohanian dan pusat penyebaran ilmu bagi ajaran Syiah yang menjadi pegangan Daulah Fatimiyyah. Masjid yang dibina pada awalnya dinamakan "*Jami' al-Qohira*h" sebelum ditukar kepada nama "*Jami' al-Azhar*". Nama al-Azhar dinisbahkan kepada puteri baginda Rasulullah SAW dan isteri kepada Sayyidina Ali KaramAllah Wajhah, Sayyidah Fatimah al-Zahraa, yang dijadikan sandaran bagi Daulah Fatimiyyah.

Setelah berlalu dua kurun al-Azhar di tangan kerajaan Fatimiyyah, Salahuddin al-Ayubi akhirnya berjaya mengalahkan kerajaan Fatimiyyah di Mesir pada tahun 567 Hijrah, sekaligus melakukan perubahan dalam sistem pemerintahan negara termasuklah perkara yang berkaitan dengan al-Azhar al-Syarif dan hal keagamaan. Salahuddin al-Ayubi telah menukarkan pengaruh pengamalan dan pengajaran ajaran Syiah di al-Azhar al-Syarif kepada ajaran Sunni (Ahlussunnah Wal Jamaah). Peranan Masjid al-Azhar al-Syarif dikekalkan sebagai institusi keilmuan yang menjadi rujukan buat umat dan pusat penyebaran dakwah ilmu Ahlussunnah Wal Jamaah, dengan diganti halaqah-halaqah pengajian ilmu kepada halaqah yang mengajarkan ilmu-ilmu berkaitan Feqah mazhab empat (Syafi'ie, Hanafi, Hambali & Maliki), aqidah Asya'irah Maturidiyyah, ilmu Tasawuf, ilmu berkaitan al-Quran & Hadis dan lain-lain. Pasca pembebasan Mesir yang dilakukan oleh Salahuddin al-Ayubi, al-Azhar al-Syarif terus menjadi

---

[36]Panduan Pelajar Malaysia di Republik Arab Mesir, Bidang Pengajain Islam, 2018, Kaherah: Education Malaysia Egypt (EME), hlm. 49-50.

tempat rujukan dan kiblat ilmu bagi umat Islam keseluruhannya.

Al-Azhar bukan sahaja memainkan peranan penting dalam menjaga ketulenan kefahaman agama Islam yang diwarisi turun-temurun dan mengajarkannya kepada generasi-generasi baru umat Nabi Muhammad SAW bahkan turut memainkan peranan yang sangat besar dari sudut politik dan pembinaan tamadun umat Islam, khususnya di Mesir. Ini jelas terlihat ketika Mesir berhadapan dengan pencerobohan Perancis yang mula menjejakkan kaki di bumi Kinanah ini pada tahun 1213 Hijrah. Al-Azhar melalui para *masyayikh*-nya bangkit bersama rakyat jelata melawan pencerobohan tersebut bagi memelihara dan mempertahankan kedaulatan Mesir daripada dipermain-mainkan oleh penjajah Perancis.




*Sejarah Perkembangan al-Azhar*

Hari ini, al-Azhar terus gah dan unggul dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya yang besar dalam menyampaikan kefahaman sebenar tentang agama Islam keseluruh alam, serta menjadi tumpuan bagi penuntut-penuntut ilmu dari seluruh pelusuk dunia bagi mengumpul mutiara ilmu yang sangat berharga di sini.

## Masjid Al-Azhar

Masjid al-Azhar terletak di Jalan al-Azhar sebelah timur Medan al-Tahrir. Ia dibina pada tahun 970 Masihi dan disiapkan pada 972 Masihi. Nama asal bagi Masjid Al-Azhar ialah Masjid Kaherah sempena pembukaan kota Kaherah. Ia telah ditukar kepada Al-Azhar kerana ingin melambangkan kebesaran, kehormatan dan kekuatan kerajaan Fatimiah, yang mana keluarga Fatimah binti Muhammad yang digelar al-Azhar (الأزهر). Seni bina bangunan al-Azhar berkonsepkan universiti di dalam masjid, yang mana pada awal dibina oleh kerajaan Fatimiah adalah untuk menyebarkan fahaman, kebudayaan dan mazhab Fatimiah. Ia telah dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan penyebaran dakwah.

Selepas kejatuhan kerajaan Fatimiah, pengaruh mazhab Hanafi pula muncul masuk dan mempelopori bidang penyebaran ilmu, dan aktiviti keagamaan di Masjid al-Azhar. Kemudian, bermulalah era baru dengan corak pemerintahan Salahuddin al-Ayyubi, pembawaan mazhab Syafie yang diperluaskan sekaligus mengenepikan pengaruh fahaman Syiah dan mazhab Hanafi di dalam pentadbiran dan penyebaran dakwah di masjid al-Azhar. Cara pengajian di Masjid al-Azhar awalnya pada setiap tiang di dalam masjid menjadi tempat di mana guru atau syeikh duduk memberikan ilmu bagi setiap mata pelajaran, seperti ilmu Hadis, Tauhid, al-Quran, Falsafah, Fiqh dan banyak lagi dalam satu masa yang sama. Kebanyakan pelajar dahulu mempelajari semua bidang yang diajar untuk menjadi ulama terbilang.



*Masjid al-Azhar selepas dibaik pulih pada tahun 2018*

Masjid al-Azhar mempunyai ruwaq-ruwaq yang dibina bagi menampung halaqah ilmu-ilmu, selain menjadi tempat berteduh bagi para-para penuntut ilmu. Antara ruwaq-ruwaq yang ada pada sewaktu ketika dahulu antaranya ialah; Ruwaq al-Abasi, Ruwaq al-Atrak, Ruwaq al-Hunud, Ruwaq al-Magharibah, Ruwaq al-Jawi, Ruwaq al-Syawwam, Ruwaq al-Kurd dan lain-lain.

Sistem pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan di al-Azhar al-Syarif pada awalnya adalah sistem pengajian secara talaqi, di mana seorang guru akan duduk mengajar dengan dikelilingi oleh para penuntut ilmu di dalam halaqah. Melalui sistem ini, para penuntut berupaya untuk mempelajari dengan teliti dan cermat dengan bimbingan para guru yang telah dididik dengan adab-adab yang tinggi dan akhlak mulia. Suasana halaqah kini telah mula diaktifkan semula dewasa ini di Masjid al-Azhar.

## Era Baru al-Azhar

Sistem pengajian di al-Azhar melalui fasa-fasa perkembangannya selari dengan peredaran zaman dan tuntutan semasa. Daripada pengajian dalam bentuk halaqah dalam Masjid al-Azhar, sistem pengajian di al-Azhar berkembang kepada pengajian di sekolah-sekolah dan universiti. Kemuncak kepada permulaan perkembangan sistem pengajian di al-Azhar adalah pada tahun 1961 setelah diluluskan undang-undang perkembangan al-Azhar kepada sistem sekolah (maahad) aliran agama dan pengajian tinggi di peringkat universiti.

Di peringkat sekolah al-Azhar, sistem pengajiannya dibahagikan kepada tiga aliran iaitu aliran sains (القسم العلمي), sastera (القسم الأدبي) dan syariah Islamiah [37](الشريعة الإسلامية). Manakala di peringkat universiti, pelbagai fakulti dan bidang yang ditawarkan oleh Universiti al-Azhar. Pengajian di al-Azhar terbuka buat seluruh umat Islam di seluruh dunia.

## Masyikhah al-Azhar al-Asharif

Masyikhah al-Azhar al-Asharif adalah institusi terpenting dalam pentadbiran dan pengurusan al-Azhar keseluruhannya. Masyikhah menempatkan pejabat Syeikh al-Azhar dan beberapa sektor pentadbiran utama bagi al-Azhar al-Syarif. Al-Azhar diketuai Syeikh Prof. Dr. Ahmad Tayyib, Syeikh al-Azhar.

Perlembagaan Mesir memperuntukan di dalam peruntukan bab dua (2), fasal satu (1), perkara tujuh (7), al-Azhar adalah sebagai sebuah institusi ilmu Islam yang berdiri sendiri dan diberikan kuasa untuk mengurus, menentukan hala tuju dan segala perkara yang berkaitannya. Al-Azhar merupakan rujukan asasi dalam ilmu agama dan hal ehwal Islam yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan dakwah, menyebarkan ilmu agama, Bahasa Arab di Mesir dan seluruh dunia.

[37]https://arz.wikipedia.org/wiki/%D8%A7%D9%84%D8%A7%D8%B2%D9%87%D8%B1 (16 Sept. 2018)



*Bangunan Masyikhah al-Azhar*

Kerajaan hendaklah memperuntukkan kepada al-Azhar peruntukan kewangan yang mencukupi bagi merealisasikan tujuan kewujudannya. Syeikh al-Azhar diberikan autoriti penuh dan tidak boleh dilucutkan jawatan (dipecat). Pemilihan calon bagi perlantikan Syeikh al-Azhar dibuat oleh Anggota Majlis Tertinggi Ulama al-Azhar (Hai'ah Kibar Ulama). Berikut adalah nas atau teks peruntukan perlembagaan Mesir (Bahasa Arab) berkaitan al-Azhar;[38]

الأزهر الشريف هيئة إسلامية علمية مستقلة، يختص دون غيره بالقيام على كافة شئونه، وهو المرجع الأساسي فى العلوم الدينية والشئون الإسلامية، ويتولى مسئولية الدعوة ونشر علوم الدين واللغة العربية فى مصر والعالم . وتلتزم الدولة بتوفير الاعتمادات المالية الكافية لتحقيق أغراضه. وشيخ الأزهر مستقل غير قابل للعزل، وينظم القانون طريقة اختياره من بين أعضاء هيئة كبار العلماء

Syeikh al-Azhar mempunyai kedudukan yang amat tinggi, di mana Syeikh al-Azhar diberikan hak yang setaraf dengan apa yang diberikan kepada Perdana Menteri Mesir dari segi protokol, kemudahan, kelayakan gaji, dan pencen dan sebagainya. Manakala timbalan Syeikh al-Azhar yang disebut dengan gelaran Wakil al-Azhar (وكيل الأزهر) pula diberikan hak dan kemudahan setara dengan jawatan Menteri dalam kerajaan.[39]

---

[38]Perlembagaan Mesir https://www.wipo.int/edocs/lexdocs/laws/ar/eg/eg060ar.pdf (27 Disember 2018)

[39]مرسوم بقانون رقم 13 لسنة 2012 بتعديل بعض أحكام القانون رقم 103 لسنة 1961 بشأن إعادة تنظيم الأزهر والهيئات التى يشملها http://www.laweg.net/Default.aspx?action=ViewActivePages&ItemID=75214&Type=6 (27 Dis. 2018)

Agensi/ institusi/ badan/ jabatan utama yang berada di bawah kelolaan Masyikhah al-Azhar adalah seperti berikut;

1. Universiti al-Azhar
2. Akademi Penyelidikan Antarabangsa Islam *(Majma' Buhuth Islamiah)*
3. Majlis Tertinggi Ulama al-Azhar *(Hai'ah Kibat Ulama)*
4. Rumah Zakat dan Sadakah Mesir *(Bait al-Zakah wa al-Sadaqah al-Masr)*
5. Perpustakaan al-Azhar
6. Kolej Kediaman Pelajar Antarabangsa *(Madinah al-Bu'uth al-Ilamiyyah)*
7. Pertubuhan Antarabangsa Alumni al-Azhar *(al-Munadhamah al-'Alamiyyah li Khirriji al-Azhar)*
8. Masjid al-Azhar
9. *Al-Azhar Observatory for Combating Extremism (Mirsod al-Azhar)*
10. Pusat Fatwa Antarabangsa al-Azhar *(Markaz al-Azhar al-Alami li Fatwa)*



## Struktur Pentadbiran di Masyikhah al-Azhar

Struktur pentadbiran di Masyikhah al-Azhar al-Syarif adalah seperti berikut;




## Jawatan Syeikh al-Azhar

Syeikh al-Azhar merupakan jawatan tertinggi dalam pentadbiran al-Azhar al-Syarif. Jawatan Syeikh al-Azhar dalam peruntukan perlembagaan negara Mesir adalah setaraf dengan jawatan Perdana Menteri dari segi kelayakan dan protokol. Pelantikan Syeikh al-Azhar dibuat oleh Presiden Mesir atas pencalonan daripada *Hai'ah Kibar Ulama al-Azhar*. Jawatan Syeikh al-Azhar tidak boleh dipecat oleh Presiden sungguhpun pelantikannya dibuat oleh Presiden. Tiada had umur bersara buat Syeikh al-Azhar dan boleh dipegang seumur hidup.




*Grafik biodata ringkas Prof. Dr. Ahmad Tayyib, Syeikh al-Azhar*

Berikut adalah biodata ringkas Syeikh Prof. Dr. Ahmad Tayyib,[40] Syeikh al-Azhar al-Syarif;

1. Fadhilatul Imam al-Akbar, Prof. Dr. Ahmad Muhammad al-Tayyib, Syeikhul al-Azhar telah dilahirkan di Kampung al-Qurna di Wilayah Luxor pada tanggal 3 Safar 1365H bersamaan 6 Januari 1946M dalam persekitaran keluarga yang dihormati.

   Ayah beliau merupakan seorang agamawan yang berpengetahuan luas lagi berakhlak mulia. Beliau membesar di kampungnya kemudian melanjutkan pengajiannya di Universiti al-Azhar sehingga beliau dapat

[40]al-Azhar al-Syarif, http://www.azhar.eg/m-alazhar/sheikh-alazhar (30 Disember 2018)

menghafal al-Quran dan mempelajari matan-matan ilmu pengetahuan mengikut sukatan dan metodologi al-Azhar.

Kemudian beliau menyambung pengajian di Fakulti Usuluddin di Jabatan Akidah dan Falsafah, Universiti al-Azhar di Kaherah sehingga menamatkan pengajian beliau dengan cemerlang pada tahun 1969.

2. Pencapaian akademik

2.1 Sarjana Muda (Ba Hons.) dalam bidang Akidah dan Falsafah di Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir pada tahun 1969.

2.2 Sarjana (MA) dalam dalam bidang Akidah dan Falsafah di Universiti al-Azhar, Republik Arab Mesir pada tahun 1971.

2.3 Doktor Falsafah (PHD) dalam bidang Akidah dan Falsafah di Universiti al-Azhar, Republik Arab Mesir pada tahun 1977.

3. Kerjaya dalam bidang pendidikan

3.1 Tutor di Jabatan Akidah dan Falsafah di Universiti al-Azhar pada tahun 1969.

3.2 Pembantu Pensyarah dalam bidang Akidah dan Falsafah di Universiti al-Azhar pada tahun 1972.

3.3 Pensyarah dalam bidang Akidah dan Falsafah di Universiti al-Azhar pada tahun 1977.

3.4 Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah dan Falsafah di Universiti al-Azhar pada tahun 1982.

3.5 Profesor dalam bidang Akidah dan Falsafah di Universiti al-Azhar pada tahun 1988.




*Fakta berkaitan Syeikh Prof. Dr. Ahmad Tayyib, Syeikh al-Azhar*

4. Kerjaya dalam bidang pentadbiran dalam negara

   4.1 Dilantik sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Wilayah Qena pada 27 Oktober 1991 hingga 31 Ogos 1991.

   4.2 Dilantik sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam (lelaki) di Wilayah Aswan, pada 15 November 1995.

   4.3 Dilantik sebagai Mufti Negara bagi Republik Arab Mesir pada 10 Mac 2002 sehingga 27 September 2003.

   4.4 Dilantik sebagai Rektor Universiti al-Azhar bermula 28 September 2003 sehingga 19 Mac 2010.

   4.5 Dilantik sebagai Syeikhul Azhar al-Syarif pada tahun 2010 sehingga sekarang.



*Pertemuan YB Menteri Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof dengan Syeikh al-Azhar, Prof. Dr. Ahmad Tayyib, pada 20 Oktober 2018*




*Fakta berkaitan kopiah dan serban al-Azhar*

## Ulama Yang Pernah Menjawat Jawatan Syeikh al-Azhar

Berikut adalah senarai nama para ulama yang pernah menjawat jawatan sebagai Syeikh al-Azhar al-Syarif;

***Jadual 16:*** *Senarai ulama yang pernah menjawat jawatan Syeikh al-Azhar*

| BIL. | NAMA | MAZHAB | TAHUN |
|---|---|---|---|
| 1. | Muhammad al-Kharashi | Maliki | 1679-1690 |
| 2. | Ibrahim al-Barmawi | Shafie | 1690-1695 |
| 3. | Muhammad al-Nasharti | Maliki | 1695-1709 |
| 4. | Abd al-Baqi al-Qalini | Maliki | 1709-1709 |
| 5. | Muhammad Shanan | Maliki | 1709-1720 |
| 6. | Ibrahim al-Fayyumi | Maliki | 1720-1724 |
| 7. | Abdullah al-Shubrawi | Shafie | 1724-1758 |
| 8. | Muhammad al-Hiffnawi | Shafie | 1758-1767 |
| 9. | Abd al-Rauf al-Sajini | Shafie | 1767-1769 |
| 10. | Ahmed al-Damanhuri | Shafie | 1769-1778 |
| 11. | Ahmed al-Arusi | Shafie | 1778-1793 |
| 12. | Abdullah al-Sharqawi | Shafie | 1793-1812 |
| 13. | Muhammed al-Shanawani | Shafie | 1812-1818 |
| 14. | Muhammed al-Arusi | Shafie | 1818-1829 |
| 15. | Ahmed al-Damhuji | Shafie | 1829-1830 |
| 16. | Hasan al-Attar | Shafie | 1830-1834 |
| 17. | Hasan al-Quwaysini | Shafie | 1834-1838 |
| 18. | Ahmed al-Sa'im al-Safti | Shafie | 1838-1847 |
| 19. | Ibrahim al-Bajuri | Shafie | 1847-1864 |
| 20. | Mustafa al-Arusi | Shafie | 1864-1870 |
| 21. | Muhammad al-Mahdi | Hanafi | 1870-1881 |
| 22. | Shams al-Din Muhammad al-Imbabi | Shafie | 1881-1882 |
| 23. | Muhammad al-Mahdi | Hanafi | 1882-1886 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24. | Shams al-Din Muhammad | Shafie | 1886-1895 |
| 25. | Hassunah al-Nawawi | Hanafi | 1895-1899 |
| 26. | Abd al-Rahman al-Qutb al-Nawawi | Hanafi | 1899-1899 |
| 27. | Salim al-Bishri | Maliki | 1899-1903 |
| 28. | Ali al-Biblawi | Maliki | 1903-1905 |
| 29. | Abd al-Rahman al-Shirbini | Shafie | 1905-1907 |
| 30. | Hassanuh al-Nawawi | Hanafi | 1907-1909 |
| 31. | Salim al-Bishri | Maliki | 1909-1917 |
| 32. | Muhammad al-Jizawi | Maliki | 1917-1927 |
| 33. | Mustafa Al-Maraghi | Hanafi | 1927-1929 |
| 34. | Muhammad al-Zawahiri | Shafie | 1929-1935 |
| 35. | Mustafa Al-Maraghi | Hanafi | 1935-1945 |
| 36. | Mustafa Abd al-Rizq | Hanafi | 1945-1947 |
| 37. | Muhammad Ma'mun al-Shinnawi | Hanafi | 1948-1950 |
| 38. | Abd al-Majid Salim | Hanafi | 1950-1951 |
| 39. | Ibrahim Hamrush | Hanafi | 1951-1952 |
| 40. | Abd al-Majid Sulaym | Hanafi | 1952-1952 |
| 41. | Muhammad al-Khadi Husayn | Maliki | 1952-1954 |
| 42. | Abd al-Rahman Taj | Hanafi | 1954-1958 |
| 43. | Mahmud Shaltut | Hanafi | 1958-1963 |
| 44. | Hassan Mamoun | - | 1963-1969 |
| 45. | Muhammad al-Fahham | - | 1969-1973 |
| 46. | Abdel Halim Mahmoud | Maliki | 1973-1978 |
| 47. | Muhammad Abd al-Rahman Bisar | - | 1979-1982 |
| 48. | Gad al-Haq Ali Gad al-Haq | - | 1982-1996 |
| 49. | Muhammad Sayyid Tantawy | Shafie | 1996-2010 |
| 50. | Ahmed El-Tayeb | Maliki | 2010-Kini |



*Kunjungan hormat TYT Mohd Hanif Abd Rahman ke atas Syeikh al-Azhar pada 17 September 2018* [41]



*Datuk Haji Mohamad Nordin Ibrahim, Ketua Pengarah JAKIM bersama-sama Prof. Dr. Ahmad Tayyib, Syeikh al-Azhar pada 20 Oktober 2018*

[41] https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=2303936959620384&id=978594902154603 (17 September 2018)



*Pertemuan YM TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari dengan Syeikh al-Azhar pada 1 Mac 2016*



*Pertemuan TYT Dato' Dr. Fakhruddin Abdul Mukti dengan Syeikh al-Azhar pada 12 November 2013*



*Kunjungan hormat delegasi Rabitah Alumni al-Azhar Cawangan Malaysia ke atas Syeikh al-Azhar pada 18 April 2016*



*Kunjungan hormat Dato' Wan Mohamad Dato' Syeikh Abdul Aziz, Mantan Ketua Pengarah JAKIM ke atas Prof. Dr. Abbas Shoman, Wakil al-Azhar pada 2 Februari 2016*

## Direktori Perhubungan al-Azhar al-Syarif (Masyikhah al-Azhar)

Al-Azhar al-Syarif boleh dilawati dan dihubungi melalui cara berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Masyikhah al-Azhar Cairo - Darrasat - Hadiqat al-Azhar. |
| **Laman Web** | http://www.azhar.eg (6 Okt. 2018)<br>http://www.azhar.eg/splash.html (6 Okt. 2018) |
| **Instagram** | https://www.instagram.com/officialazhareg/ (6 Okt. 2018) |
| **Twitter** | https://twitter.com/AlAzhar (6 Okt. 2018) |
| **Youtube** | https://www.youtube.com/channel/UC9rl8fUIMM0BxTQKKGP5YzQ (6 Okt. 2018) |
| **Pautan Online** | ***Masjid al-Azhar***<br>http://www.azhar.eg/alazhar (6 Okt. 2018)<br>https://www.facebook.com/azhar.mosqu/ (6 Okt. 2018) |
| | ***Sektor Sekolah*** (قطاع المعاهد)<br>http://www.azhar.eg/education (6 Okt. 2018) |
| | ***Akhbar Sout al-Azhar***<br>http://www.azhar.eg/sawtalazhar (6 Okt. 2018) |
| | ***Markaz al-Azhar al-Alami li Fatwa***<br>http://www.azhar.eg/fatwacenter (6 Okt. 2018)<br>https://www.facebook.com/fatwacenter (6 Okt. 2018) |
| | ***Madinah Bu'uth Islamiah***<br>http://www.azhar.eg/islamicmissions/ (6 Okt. 2018) |
| | ***Mirsod al-Azhar/al-Azhar Observatory for Combating Extremism***<br>http://www.azhar.eg/observer-en/ (6 Okt. 2018)<br>http://www.azhar.eg/observer (6 Okt. 2018)<br>http://www.azhar.eg/observer-per/ (6 Okt. 2018) |

| | |
|---|---|
| **Pautan Online** | ***Markaz al-Azhar lil Tarjamah***<br>http://www.azhar.eg/act (6 Okt. 2018) |
| | ***Markaz Bahasa Arab Syeikh Zaid***<br>http://azhar-ali.com/go/ (6 Okt. 2018)<br>https://www.facebook.com/azharalc/<br>(6 Okt. 2018) |



# SISTEM PENDIDIKAN AL-AZHAR



*Kunjungan hormat Dr. Nordin Ahmad, Pengarah DQ ke atas Prof. Dr. Mohammad Abu Zaid al-Amir, Ketua Pengarah Sektor Sekolah al-Azhar*

Sistem pengajian di bawah kendalian al-Azhar di era ini adalah terdiri daripada empat peringkat iaitu dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat tinggi (universiti). Tempoh pengajian dalam sistem al-Azhar adalah seperti berikut;

***Jadual 17:*** *Sistem pengajian al-Azhar dari peringkat sekolah ke universiti*

| BIL. | PERINGKAT PENGAJIAN | TAHUN |
|---|---|---|
| 1. | Peringkat sekolah rendah *(ibtidai)* | 6 tahun |
| 2. | Peringkat sekolah menengah *(i'dadi)* | 3 tahun |
| 3. | Peringkat sekolah menengah atas *(thanawi)* | 4 tahun |
| 4. | Peringkat universiti | 4-6 tahun |

## Maahad Bu'uth Islamiah

Maahad Bu'uth merupakan Sekolah Menengah Khas di bawah Institusi al-Azhar yang disediakan untuk pelajar antarabangsa bukan Arab di peringkat menengah seawal umur 14 tahun hingga 35 tahun dari kalangan bukan warga Arab yang beragama Islam.

Pelajar Maahad Bu'uth yang tamat sekolah ini dengan memiliki Sijil Menengah *Thanawiyah* layak dipertimbangkan memasuki Universiti al-Azhar, tertakluk kepada syarat minimum yang ditetapkan. Untuk rekod, pihak Universiti al-Azhar juga menerima masuk pelajar Malaysia ke Universiti al-Azhar menggunakan kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi Fakulti Ulum Islamiyah atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi fakulti-fakulti lain.

Maahad Bu'uth memperuntukkan 6 lapisan kelas yang perlu dilalui oleh pelajar sebelum lulus *Thanawiyah* dan layak dipertimbangkan memasuki Universiti al-Azhar iaitu 3 tahun di peringkat Menengah Rendah *(Awwal I'dadi, Thani I'dadi* dan *Thalith I'dadi)* dan 3 tahun di peringkat Menengah Tinggi *(Awwal Thanawi, Thani Thanawi* dan *Thalith Thanawi).*

Pengajian menengah di Maahad Bu'uth al-Azhar secara lengkapnya selama 6 tahun memperuntukkan pelajar perlu menamatkan hafalan al-Quran sebanyak 10 juzuk. Bagi pelajar asing selain Arab, mereka perlu menduduki ujian penguasan Bahasa Arab terlebih dahulu sebelum layak dipertimbangkan memasuki Maahad Bu'uth. Sekiranya pelajar tidak mencapai tahap penguasaan bahasa yang ditetapkan, pelajar hendaklah mengikuti pengajian Bahasa Arab di *Maahad Dirasah Khassah.*

رئيس قطاع المعاهد الأزهرية:
يلتقي وفد السفارة الماليزية
لتعزيز التعاون المشترك في
مجال التعليم



استقبل، اليوم، فضيلة أ.د/ محمد أبو زيد الأمير، رئيس قطاع المعاهد الأزهرية، وفدا من السفارة الماليزية، برئاسة المستشار الديني للسفارة عبد المهيمن بن محمود، وذلك لتعزيز التعاون المشترك في مجال التعليم بين الجانبين.

وخلال اللقاء، أعرب عبد المهيمن عن تقدير سفارة بلاده للدور المهم الذي يقوم به الأزهر الشريف وفضيلة الإمام الأكبر، في مواجهة الأفكار المتشددة التي تكدر السلم العالمي، مشيدًا بدوره البارز في نشر تعاليم الإسلام الصحيحة وقيمه التي تدعو إلى التسامح والاعتدال



*Maahad Bu'uth Islamiah bagi pelajar lelaki*

## Pengajian al-Quran dan Qiraat di al-Azhar

Maahad Qiraat al-Azhar adalah merupakan sekolah di bawah kelolaan al-Azhar yang menawarkan pengajian ilmu al-Quran dan qiraat. Sistem pengajian di Maahad Qiraat al-Azhar mempunyai tiga peringkat iaitu peringkat tajwid, peringkat sijil tinggi *('aliah)* dan peringkat *takhassus*. Mutakhir ini boleh dikatakan tiada lagi pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian qiraat di Maahad Qiraat al-Azhar di peringkat tajwid dan peringkat sijil tinggi. Kesemua pelajar Malaysia kini melanjutkan pengajian di Maahad Qiraat terus ke *marhalah takhassus* selama tiga tahun setelah al-Azhar menerima penyetaraan sijil *(muadalah)* di *marhalah 'aliah* dengan beberapa institusi dan sekolah di Malaysia.

Untuk rekod, terdapat lima buat institusi dan pusat pengajian di Malaysia yang mempunyai sijil *mu'adalah* yang melayakkan pelajar dari institusi dan pusat pengajian berkenaan melanjutkan pengajian ke peringkat *takhassus* Qiraat di Mesir. Lima buah institusi dan pusat pengajian yang tersebut ialah;

a. Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

b. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

c. Maahad Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat, Pulai Condong, Kelantan.

d. Kolej Hafiz Klang, Selangor.

e. Maahad Qiraat al-Azhar Amal Aimy Zalifah, Alor Setar, Kedah.

Sistem pengajian di al-Azhar memisahkan antara lelaki dan wanita di peringkat sekolah dan juga universiti. Kesemua pelajar lelaki ditempatkan di Maahad Qiraat al-Azhar al-Khazandarah Shoubra. Manakala pelajar perempuan pula belajar di Maahad Qiraat lil Fatayaat di Shoubra Khemah.

Sebelum tahun 2015, pelajar perempuan Malaysia yang menuntut di Mesir kesemuanya ditempatkan di Maahad Qiraat Mansurah. Namun demikian, bermula tahun 2015, pihak al-Azhar hanya menempatkan semua pelajar asing di Kaherah sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti.




Sistem pengajian qiraat di Mesir menjadikan sijil peringkat *takhassus* adalah sijil tertinggi sebelum penubuhan Fakulti al-Quran Lil Qiraat di Tanta pada tahun 1412H/ 1992M.[42]

Bagi pelajar lepasan Maahad Qiraat di peringkat *takhassus*, mereka boleh melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di Fakulti al-Quran Lil Qiraat di Tanta sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (PHD). Sungguhpun demikian, bagi pelajar perempuan dalam bidang qiraat, sijil peringkat *takhassus* adalah sijil tertinggi buat masa ini kerana Universiti al-Azhar belum lagi membuka Fakulti al-Quran Lil Qiraat untuk pelajar perempuan.

Sebelum tahun 2015, peratusan pelajar Malaysia yang berjaya menamatkan pengajian selama tiga tahun di peringkat *takhassus* adalah amat tinggi sehingga melebihi 95 peratus setiap tahun. Namun demikian, bermula tahun 2015, pihak al-Azhar telah mengubah sistem peperiksaan dan penilaian peperiksaan di tahun akhir yang menyebabkan peratus kelulusan pelajar Malaysia di Maahad Qiraat jatuh merudum. Berikut adalah merupakan perbandingan peratusan kelulusan pelajar tahun tiga, Maahad Qiraat al-Azhar;

[42] http://www.azhar.edu.eg/quranstudies/Start (20 Oktober 2018)

***Jadual 18:** Perbadingan kelulusan pelajar Qiraat tahun 2016 dan 2017*

| Perbandingan | 2015/2016 | | 2016/2017 | |
|---|---|---|---|---|
| | Lulus | Gagal | Lulus | Gagal |
| Maahad Qiraat Lelaki | 13 | 109 | 43 | 161 |







***Carta 2:** Data pencapaian Maahad Qiraat perempuan tidak diperolehi*

## Maahad Qiraat al-Azhar al-Khazandarah Shoubra

Maahad Qiraat al-Azhar Shoubra atau *al-Maahad al-'Ali Lil Qiraat wa 'Ulum al-Quran* ini merupakan Maahad Qiraat yang tertua di Mesir. Semenjak penubuhannya pada tahun 1945, ianya telah banyak menabur jasa bakti demi kelangsungan ilmu qiraat dan juga telah melahirkan ramai ilmuan qiraat di seluruh pelusuk dunia.



*Pintu masuk ke Maahad Qiraat al-Azhar di Shoubra*

Tokoh-tokoh besar yang lahir dari insitusi ini amat banyak antaranya, al-Marhum Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin, Prof. Dr. Sya'ban Muhammad Ismail, Prof. Dr. Ahmad Isa al-Ma'sarawi dan ramai lagi. Manakala antara nama-nama besar yang terkenal dalam bidang al-Quran di Malaysia pula ialah seperti Tan Sri Dato' Syaikh Ismail Muhammad (Imam Besar Masjid Negara), Dato' Salahuddin Omar, Syeikh Muhsin Hj. Ahmad, Dato' Hasan Mahmud, Ustaz Don Daniyal dan ramai lagi.

Malaysia merupakan negara yang paling banyak menghantar para pelajar mengikuti pengajian dalam bidang al-Quran dan Qiraat di Maahad al-Azhar, Shoubra. Setiap tahun, tidak kurang dari tiga ratus orang pelajar Malaysia mengikuti pengajian di Maahad tersebut. Dalam kegawatan politik yang berlaku di negara Mesir pada tahun 2013, masih terdapat 57 orang pelajar tiba ke Mesir bagi mengikuti sesi pengajian 2013/2014. Pada sesi pengajian 2015/2016, seramai 139 orang dan pada tahun 2018 seramai 96 orang pelajar (27 perempuan dan 69 lelaki) telah tiba ke Mesir bagi melanjutkan pengajian di Maahad Qiraat al-Azhar melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).



*Dr. Nordin Ahmad, Pengarah DQ membuat tinjauan ke kelas pengajian di Maahad Qiraat Shoubra pada 11 Julai 2017*



*Syeikh Ali, Mudir Maahad Qiraat Shoubra menyampaikan cenderahati kepada Ustazah Saemah Mukhtar pada 14 September 2014*

## UNIVERSITI AL-AZHAR AL-SYARIF

Universiti al-Azhar mempunyai dua kategori fakulti iaitu Fakulti Sains *(Ilmi)* dan Fakulti Agama *(Adabi)*. Dewasa ini, Universiti al-Azhar mempunyai 79 fakulti pengajian di seluruh negara Mesir. Majoriti pelajar Malaysia di Mesir adalah dalam bidang pengajian Islam. Universiti al-Azhar mempunyai beberapa cawangan di beberapa muhafazah Mesir antaranya di Iskandariah, Tanta, Mansurah, Zagaziq, Assiut, Dumyat dan daerah yang lain juga. Bermula tahu 1991 dan 1992, pelajar Malaysia turut mula ditempatkan di empat Muhafazah iaitu Tanta, Damanhur, Shibin el-Kom dan Mansurah. Pada tahun 1994, pelajar Malaysia mula turut di tempatkan di muhafazah Dumyat dan Zaqazik. Sungguhpun demikian, bermula pada akhir tahun 2015, kesemua mahasiswa Malaysia yang berdaftar dengan Universiti al-Azhar hanya diempatkan di Kaherah.




*Delegasi dari Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) bergambar kenangan di hadapan pejabat pengurusan al-Azhar pada 6 Mac 2016 selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Universiti al-Azhar*

Pada tahun 2009, al-Azhar telah mewajibkan kepada semua pelajar asing yang mahu memulakan pengajian tahun pertama pengajian Islam melibatkan Fakulti Syariah, Usuluddin, Dakwah dan Bahasa Arab, Dirasat Islamiah dan Fakulti Ulum Islamiah perlulah terlebih dahulu menduduki peperiksaan saringan Bahasa Arab yang dikenali sebagai *'Imtihan Qabul'*. Pelajar yang layak (berdasarkan keputusan *Imtihan Qabul*) akan dibenarkan untuk meneruskan pengajian di tahun satu, manakala yang gagal diwajibkan mengikuti kelas Bahasa Arab di Markaz Bahasa Syeikh Zayed.



*Menguruskan pertemuan delegasi dari Malaysia dengan Prof. Dr. Abdul hay 'Azb, Rektor Universiti al-Azhar pada 3 November 2015*

Universiti al-Azhar turut mempunyai enam buah hospital universiti yang menawarkan perkhidmatan perubatan kepada orang awam. Buat masa ini, pelajar-pelajar asing yang menuntut di Universiti al-Azhar adalah melibatkan pelajar daripada 107 buah negara di dunia. Jumlah tenaga pengajar atau ahli akademik di Universiti al-Azhar adalah seramai 15,155 orang. Manakala jumlah kakitangan pentadbiran pula adalah seramai 13,074 orang pekerja. Kesemua mereka berkhidmat untuk kira-kira 500,000 pelajar, termasuk pelajar asing.[43]

Selain itu, al-Azhar juga mempunyai satu kolej kediaman khas untuk pelajar asing di Kaherah yang memuatkan lebih daripada 4000 orang pelajar. Dalam pada itu, Universiti al-Azhar juga mempunyai 23 kolej kediaman (asrama) bagi pelajar-pelajar tempatan di seluruh muhafazah yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan 26,663 orang pelajar pada satu-satu masa.[44]

Asrama kediaman untuk warga tempatan ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan sama ada *mumtaz* atau *jayyid jiddan*. Bagi pelajar yang terpilih menduduki kolej kediaman universiti, mereka hanya dikenakan yuran penginapan serendah EGP10.00 setahun dengan makan tiga kali sehari.

[43]http://www.azhar.edu.eg/AboutUs/i (5 September 2018)

[44] http://www.azhar.edu.eg/Hostel/2-المدن-الجامعية-علي-مستوي-الجمهورية (12 September 2018)



*Pertemuan dengan Prof. Dr. Ibrahim Hud Hud, Rektor Universiti al-Azhar pada 22 Februari 2016*

## Fakta Menarik Berkaitan Sistem Pengajian al-Azhar

1. Al-Azhar memisahkan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di peringkat sekolah dan universiti.
2. Universiti al-Azhar mempunyai 79 fakulti pengajian di seluruh Mesir, 45 daripadanya adalah fakulti pengajian Islam dan 34 fakulti sains dan kemahiran.
3. Daripada 79 fakulti di Universiti al-Azhar, 47 daripanya adalah khusus untuk pelajar lelaki dan 32 fakulti lagi untuk pelajar perempuan.
4. Universiti al-Azhar juga mempunya 6 buah hospital yang menawarkan perkhidmatan perubatan kepada orang awam.
5. Jumlah pelajar Universiti al-Azhar dianggarkan 500,000 orang pelajar di seluruh Mesir.
6. Jumlah pelajar yang menuntut di peringkat sekolah al-Azhar di seluruh Mesir adalah dianggarkan seramai 1 juta orang pelajar.
7. Jumlah pelajar asing yang sedang menuntut di Universiti dan Maahad al-Azhar di Mesir dianggarkan 40,000 orang.

## Ulama Yang Pernah Menjawat Jawatan Rektor Universiti al-Azhar

Berikut adalah senarai nama para ulama yang pernah menjawat jawatan sebagai Rektor Universiti al-Azhar;

***Jadual 19:*** *Senarai nama tokoh yang pernah menjawat jawatan Rektor al-Azhar*

| BIL. | NAMA | TAHUN |
|---|---|---|
| 1. | Prof. Dr. Muhammad Amer El-Bahi Qarqar | 1961-1964 |
| 2. | Syeikh Ahmad Hassan El-Baquri | 1964-1969 |
| 3. | Prof. Dr. Badawi Abdel Lathif Awadh | 1969-1974 |
| 4. | Prof. Dr. Muhammad Hasab Fayed | 1974-1979 |
| 5. | Prof. Dr. Awadh Allah Gad Ahmad Hegazi | 1979-1980 |
| 6. | Prof. Dr. Muhammad Thayyib Naggar | 1980-1983 |
| 7. | Prof. Dr Muhammad Sa’di Farhud | 1983-1987 |
| 8. | Prof. Dr. Abdel Fattah Husaini Syeikh | 1987-1995 |
| 9. | Prof. Dr. Ahmad Umar Hasyim | 1995-2003 |
| 10. | Prof. Dr. Abdullah al-Husaini | 2010-2011 |
| 11. | Prof. Dr. Usamah Muhammad Hasan al-‘Abd | 2011-2014 |
| 12. | Prof. Dr. Abdul hay ‘Azb | 2014-2015 |
| 13. | Prof. Dr. Ibrahim Hud Hud | 2016 |
| 14. | Prof. Dr. Ahmad Mahrasawi | 2017-kini |



*Mengiringi delegasi Rabitah Alumni al-Azhar cawangan Malaysia dengan Prof. Dr. Ahmad Mahrasawi, Rektor Universiti al-Azhar, pada 19 Julai 2017*

## Fakulti-fakulti Pengajian di Universiti al-Azhar

Universiti al-Azhar menawarkan pengajian dalam perbagai bidang, selain daripada pengajian bidang pengajian Islam. Selain pengajian dalam bidang pengajian Islam, al-Azhar juga menawarkan juga pengajian dalam bidang sains perubatan, pergigian, farmasi, ekonomi, kejuruteraan, pendidikan, pertanian dan lain-lain lagi.

Universiti kini mempunyai 79 fakulti pengajian di seluruh negara Mesir di mana 45 daripadanya adalah fakulti pengajian Islam dan 34 fakulti sains dan kemahiran. Apa yang menarik daripada 79 fakulti, 47 daripanya adalah khusus untuk lelaki dan 32 fakulti untuk perempuan. Berikut adalah antara senarai fakulti yang ada di Universiti al-Azhar;

***Jadual 20:*** *Senarai antara fakulti di bawah Universiti al-Azhar*

| BIDANG PENGAJIAN ISLAM | | |
|---|---|---|
| **BIL.** | **NAMA FAKULTI** | **TEMPAT** |
| 1. | Fakulti Usuluddin dan Dakwah (Lelaki) | Kaherah |
| 2. | Fakulti Usuluddin dan Dakwah (Lelaki) | Tanta |
| 3. | Fakulti Usuluddin dan Dakwah (Lelaki) | Mansurah |
| 4. | Fakulti Usuluddin dan Dakwah (Lelaki) | Zaqazik |

| | | |
|---|---|---|
| 5. | Fakulti Usuluddin dan Dakwah (Lelaki) | Manufiah |
| 6. | Fakulti Usuluddin dan Dakwah (Lelaki) | Assiut |
| 7. | Fakulti Syariah dan Undang Undang (Lelaki) | Assiut |
| 8. | Fakulti Syariah dan Undang Undang (Lelaki) | Tanta |
| 9. | Fakulti Syariah dan Undang Undang (Lelaki) | Tafanna al-Asyraf |
| 10. | Fakulti Syariah dan Undang Undang (Lelaki) | Damanhur |
| 11. | Fakulti Syariah dan Undang Undang (Lelaki) | Kaherah |
| 12. | Fakulti Bahasa Arab (Lelaki) | Kaherah |
| 13. | Fakulti Bahasa Arab (Lelaki) | Manufiah |
| 14. | Fakulti Bahasa Arab (Lelaki) | Mansurah |
| 15. | Fakulti Bahasa Arab (Lelaki) | Itai Barud |
| 16. | Fakulti Bahasa Arab (Lelaki) | Zaqazik |
| 17. | Fakulti Bahasa Arab (Lelaki) | Jarja |
| 18. | Fakulti Bahasa Arab (Lelaki) | Assiut |
| 19. | Fakulti Dirasat Islamiah (Lelaki) | Kaherah |
| 20. | Fakulti Dirasat Islamiah (Lelaki) | Kafr el-Syeikh |
| 21. | Fakulti Dirasat Islamiah (Lelaki) | Dumyat |
| 22. | Fakulti Dirasat Islamiah (Lelaki) | Qina |
| 23. | Fakulti Dirasat Islamiah (Lelaki) | Aswan |
| 24. | Fakulti Dirasat Islamiah (Perempuan) | Suhaj |
| 25. | Fakulti Dirasat Islamiah (Perempuan) | Assiut |
| 26. | Fakulti Dirasat Islamiah (Perempuan) | Bani Suef |
| 27. | Fakulti Dirasat Islamiah (Perempuan) Cawangan al-Sadat | Mansurah |
| 28. | Fakulti Dirasat Islamiah (Perempuan) Cawangan Port Said | Mansurah |
| 29. | Fakulti Dirasat Islamiah (Perempuan) | Kafr El-Syeikh |
| 30. | Fakulti Dirasat Islamiah (Perempuan) | Zaqazik |
| 31. | Fakulti Dirasat Islamiah (Perempuan) | Kaherah |
| 32. | Fakulti Dirasat Islamiah (Perempuan) | Iskandariah |
| 33. | Fakulti Dirasat Islamiah (Perempuan) | Mansurah |
| 34. | Fakulti Dirasat Islamiah (Lelaki) | Sharqiyyah |

| | | |
|---|---|---|
| 35. | Fakulti Dirasat Islamiah (Lelaki) | Dasuk |
| 36. | Fakulti Dakwah Islamiah (Lelaki) | Kaherah |
| 37. | Fakulti al-Quran al-Qarim (Lelaki) | Tanta |
| 38. | Fakulti Dirasat 'Ulya (Lelaki) | Kaherah |
| 39. | Fakulti Ulum Islamiah (Lelaki dan Perempuan (Wafidin)) | Kaherah |
| 40. | Fakulti Banat al-Azhariyyah | Tibah, Luxor |
| 41. | Fakulti Banat al-Azhariyyah | Ashir Min Ramadhan |
| | **BIDANG SAINS PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI** | |
| 42. | Fakulti Perubatan (Lelaki) | Kaherah |
| 43. | Fakulti Perubatan (Lelaki) | Dumyat |
| 44. | Fakulti Perubatan (Lelaki) | Assiut |
| 45. | Fakulti Perubatan (Perempuan) | Kaherah |
| 46. | Fakulti Pergigian (Lelaki) | Kaherah |
| 47. | Fakulti Pergigian (Lelaki) | Assiut |
| 48. | Fakulti Pergigian (Perempuan) | Kaherah |
| 49. | Fakulti Farmasi (Lelaki) | Kaherah |
| 50. | Fakulti Farmasi (Lelaki) | Assiut |
| 51. | Fakulti Farmasi (Perempuan) | Kaherah |
| | **BIDANG SAINS KEMANUSIAAN, EKONOMI DAN KEMAHIRAN** | |
| 52. | Fakulti Kejuruteraan (Lelaki) | Kaherah |
| 53. | Fakulti Kejuruteraan (Lelaki) | Qina |
| 54. | Fakulti Kejuruteraan Pertanian (Lelaki) | Kaherah |
| 55. | Fakulti Kejuruteraan Pertanian (Lelaki) | Assiut |
| 56. | Fakulti Sains (Lelaki) | Kaherah |
| 57. | Fakulti Sains (Lelaki) | Assiut |
| 58. | Fakulti Sains (Perempuan) | Kaherah |
| 59. | Fakulti Pertanian (Lelaki) | Kaherah |
| 60. | Fakulti Pertanian (Lelaki) | Assiut |
| 61. | Fakulti Pendidikan (Lelaki) | Kaherah |
| 62. | Fakulti Pendidikan Sukan (Lelaki) | Assiut |
| 63. | Fakulti Pendidikan Sukan (Lelaki) | Tafanna Ashraf |

| | | |
|---|---|---|
| 64. | Fakulti Ekonomi (Lelaki) | Kaherah |
| 65. | Fakulti Ekonomi (Perempuan) | Kaherah |
| 66. | Fakulti Ekonomi (Perempuan) | Tafanna Ashraf |
| 67. | Fakulti Ekonomi Rumah Tangga (al-Iqtisad al-Manzili) (Perempuan) | Tanta |
| 68. | Fakulti Kejururawatan (Perempuan) | Kaherah |
| 69. | Fakulti Pengajian Sains Kemanusiaan (Perempuan) | Kaherah |
| 70. | Fakulti Pengajian Sains Kemanusiaan (Perempuan) | Tafanna Ashraf |
| 71. | Fakulti Media (Lelaki) | Kaherah |
| 72. | Fakulti Bahasa dan Terjemah (Lelaki) | Kaherah |



## Kelayakan Memasuki Universiti al-Azhar

Berikut adalah syarat-syarat minimum bagi kemasukan ke Universiti al-Azhar;

***Jadual 21:*** *Syarat kelayakan masuk ke Universiti al-Azhar*

| BIL. | JURUSAN PENGAJIAN | KELAYAKAN MINIMUM |
|---|---|---|
| 1. | Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Islam)<br>• Kuliah Syariah Islamiah<br>• Kuliah Usuluddin<br>• Kuliah Bahasa Arab | STAM dengan kelulusan *Jayyid* dan sijil tidak melebihi tiga tahun dari tarikh permohonan. |
| 2. | Ijazah Sarjana Muda (Perubatan) | Mendapat purata markah sekurang-kurangnya 90% dalam lapan (8) subjek iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi dan sekurang-kurangnya kepujian dengan gred B dalam subjek Biologi, Kimia, Fizik, Matematik dan Matematik Tambahan di peringkat SPM. |
| 3. | Ijazah Sarjana Muda (Pergigian/Farmasi) | Memperolehi purata peratusan markah sekurang-kurangnya 85% dalam lapan (8) subjek iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi dan sekurang-kurangnya kepujian dengan gred B dalam Biologi, Kimia, Fizik, Matematik, Matematik Tambahan di peringkat SPM. |
| 4. | Ijazah Sarjana Muda (Ulum Islamiah) | Lulus semua subjek dalam SPM termasuk 6 subjek berikut iaitu Bahasa Arab, Pengajian Al-Quran Sunnah, Syariah Islamiah, Matematik, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dengan syarat sijil SPM tidak melebihi tiga (3) tahun semasa membuat permohonan. |
| 5. | Ijazah Sarjana Muda (Qiraat) | Diploma Qiraat daripada Darul Quran, JAKIM dan daripada insitusi yang mempunyai muadalah dengan al-Azhar. |

## Sistem Penggredan Universiti al-Azhar

Pangkat dan pembahagian markah mengikut mata pelajaran yang diguna pakai di Universiti al-Azhar adalah sebagaimana berikut;

***Jadual 22:*** *Kaedah penetapan pangkat kelulusan di Universiti al-Azhar*

| BIL. | PANGKAT | MARKAH |
|---|---|---|
| 1. | Mumtaz | 90 – 100 |
| 2. | Jayyid Jiddan | 80 – 89 |
| 3. | Jayyid | 65 – 79 |
| 4. | Maqbul | 50 – 64 |
| 5. | Dhoif | 36 – 49 |
| 6. | Dhoif Jiddan | 1 - 35 |

Pelajar hanya akan mendapat markah sebenar peperiksaan jika ia adalah peperiksaan kali pertama pada tahun pengajian. Mana-mana mata pelajaran yang diduduki dengan status mengulang (*i'adah*), pelajar hanya berhak mendapat 64 markah sahaja (markah tertinggi bagi taqdir maqbul), sungguhpun berjaya mendapat 100 markah penuh dalam peperiksaan ulangan tersebut.

## Sistem Pembahagian Markah

Kaedah penilaian bagi ujian di Universiti al-Azhar adalah seperti berikut;

***Jadual 23:*** *Kaedah penilain peperiksaan di Universiti al-Azhar*

| BIL. | MATAPELAJARAN | BERTULIS | LISAN | PENUGASAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Ujian bertulis sahaja | 100 | - | - |
| 2. | Ujian bertulis dan penulisan tugasan | 80 | - | 20 |
| 3. | Ujian bertulis dan ujian lisan | 80 | 20 | - |
| 4. | Al-Quran al-Karim | 50 | 50 | - |

Untuk lulus subjek al-Quran, pelajar perlu mendapat minima 25 markah dari setiap bahagian ujian lisan dan ujian bertulis. Sekiranya salah satu bahagian mendapat kurang dari 25 markah, pelajar dikira gagal walaupun mendapat 50 markah pada salah satu bahagian yang lain. Kaedah pengiraan seperti di bawah;

25 + 25 = 50 Lulus (*maqbul*)
24 + 50 = 24 Gagal (*dhoif jiddan*)

Situasi yang lain, jika pelajar hanya menduduki al-Quran ujian bertulis dan berjaya mendapat 50 markah penuh, tetapi tidak menghadiri al-Quran ujian lisan, pelajar akan dikira gagal dan markahnya adalah 0.

## Pangkat Bagi Setiap Tahun Pengajian Mengikut Peratusan

Berikut adalah pangkat mengikut markah yang akan diperolehi;

***Jadual 24:*** *Pangkat pencapaian berdasarkan peratusan markah*

| BIL. | PANGKAT | MARKAH |
|---|---|---|
| 1. | Mumtaz | 90% – 100% |
| 2. | Jayyid Jiddan | 80% – 89% |
| 3. | Jayyid | 65% – 79% |
| 4. | Maqbul | 50% – 64% |
| 5. | Manqul bil Maddah | Naik tahun dengan gagal 1 mata pelajaran |
| 6. | Manqul bil Maddatain | Naik tahun dengan gagal 2 mata pelajaran |
| 7. | Rasib | Gagal melebihi 2 matapelajaran |

## Pangkat dan Sistem Pengumpulan Markah Keseluruhan (*Tarakumi*)

Berikut adalah perkiraan pangkat yang akan diperolehi pelajar pada akhir pengajian berdasarkan perkiraan sistem pengumpulan markah keseluruhan;

***Jadual 25:*** *Perkiraan sistem pengumpulan markah keseluruhan*

| BIL. | PANGKAT | MARKAH | ULASAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Mumtaz Maa Martabah Asy-Syaraf | 90% – 100% | Mencapai 90% keseluruhan dengan syarat tidak pernah gagal walaupun 1 mata pelajaran sepanjang 4 tahun pengajian, dan mendapat taqdir paling kurang jayyid jiddan setiap tahun pengajian. |
| 2. | Mumtaz | 90% – 100% | Mencapai 90% keseluruhan tetapi pernah gagal, atau Pernah mendapat taqdir kurang dari jayyid jiddan pada mana-mana tahun pengajian |
| 3. | Jayyid Jiddan Maa Martabah Asy-Syaraf | 80% - 89.9% | Mencapai 80% keseluruhan dengan syarat tidak pernah gagal walaupun 1 mata pelajaran sepanjang 4 tahun pengajian, dan mendapat taqdir paling kurang jayyid jiddan setiap tahun pengajian. |
| 4. | Jayyid Jiddan | 80% - 89.9% | Mencapai 80% keseluruhan tetapi pernah gagal, atau pernah mendapat taqdir kurang dari jayyid jiddan pada mana-mana tahun pengajian |
| 5. | Jayyid | 65% - 79.9% | |
| 6. | Maqbul | 50% - 64.9% | |

## Sistem Pengumpulan Markah Keseluruhan (*Tarakumi*)

Mahasiswa Universiti Al-Azhar bermula kemasukan sesi 2003/2004 dan menamatkan pengajian pada tahun 2007 terlibat dengan sistem pemarkahan baru yang dinamakan sebagai *Tarakumi*. Pangkat yang akan diperolehi oleh mahasiswa peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah hasil gabungan markah keempat-empat tahun pengajian. Situasi ini tidak seperti pelajar sesi 2002/2003 ke bawah yang dinilai pangkat pada tahun akhir pengajian.

***Jadual 26:*** *Kaedah penentuan pangkat setelah tamat pengajian ijazah*

| SESI PENGAJIAN | KAEDAH PENGIRAAN PANGKAT | IJAZAH |
|---|---|---|
| Sesi 2002/2003 dan ke bawah | Tahun 4 | Sarjana Muda |
| Sesi 2003/2004 dan ke atas | (Tahun 1 + Tahun 2 + Tahun 3 + Tahun 4) ÷ 4 | Sarjana Muda |

Dengan sistem *tarakumi* ini, Universiti al-Azhar menganugerahkan satu pengiktirafan yang diberi nama sebagai *Martabah al-Syaraf* di atas konsistensi pelajar memperoleh pangkat *Mumtaz* atau *Jayyid Jiddan* sepanjang keseluruhan sesi pengajian. Konsistensi tersebut dilihat dari dua aspek;

1. Konsisten tidak pernah mempunyai rekod gagal walaupun dalam satu mata pelajaran sepanjang tempoh pengajian.
2. Konsisten memperolehi sekurang-kurangnya pangkat *Jayyid Jiddan* setiap tahun pengajian.

*Martabah al-Syaraf* bukanlah bererti seseorang mahasiswa itu mendapat peratusan yang tertinggi, akan tetapi melihat kepada konsistensi mereka dalam 2 perkara yang disebut di atas. Sebagai contoh, berkemungkinan seorang mahasiswa berjaya mendapat pangkat Mumtaz keempat-empat tahun pengajian dengan peratus yang tinggi, akan tetapi pernah gagal satu mata pelajaran ketika di tahun satu. Dalam hal ini mahasiswa tersebut tidak layak mendapat pengiktirafan *Martabah al-Syaraf* walaupun memperoleh peratus keseluruhan tertinggi.

## Statistik Kelulusan Pelajar Malaysia Dalam Bidang Pengajian Islam

Berikut adalah merupakan analisis perbandingan keputusan peperiksaan pelajar dalam jurusan pengajian Islam di Universiti al-Azhar bagi sesi 2014/2015, 2015/2016 dan 2016/2017;

***Jadual 27:*** *Analisis kelulusan pelajar pengajian Islam Universiti al-Azhar*

| BIL. | JABATAN | 2014/2015 | | 2015/2016 | | 2016/2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | LULUS | GAGAL | LULUS | GAGAL | LULUS | GAGAL |
| 1. | Syariah Islamiah (Banin) | 39% | 61% | 43% | 57% | 50% | 50% |
| 2. | Usuluddin (Banin) | 39% | 61% | 46% | 54% | 47% | 53% |
| 3. | Bahasa Arab (Banin) | 39% | 61% | 35% | 65% | 41% | 59% |
| 4. | Dirasat Islamiah (Banin) | 38% | 62% | 38% | 62% | 19% | 81% |
| 5. | Syariah Islamiah (Banat) | 61% | 39% | 60% | 40% | 52% | 48% |
| 6. | Usuluddin (Banat) | 49% | 51% | 56% | 44% | 58% | 42% |
| 7. | Bahasa Arab (Banat) | 41% | 59% | 51% | 49% | 49% | 51% |
| 8. | Ulum Islamiah | 77% | 23% | 87% | 13% | 82% | 18% |
| **PERATUS KESELURUHAN** | | **45%** | **55%** | **52%** | **48%** | **52%** | **48%** |

Peratusan kelulusan meningkat 4% pada sesi 2015/2016 dan terus meningkat sebanyak 7% pada sesi 2016/2017.




***Carta 3:** Perbandingan kelulusan pelajar jurusan Syariah Islamiah (banin) 2015-2017*

Peratusan kelulusan meningkat 7% pada sesi 2015/2016 dan meningkat lagi sebanyak 1% pada sesi 2016/2017.




***Carta 4:** Perbandingan kelulusan pelajar jurusan Usuluddin (banin) tahun 2015-2017*

Peratusan kelulusan menurun 4% pada sesi 2015/2016
dan meningkat semula sebanyak 6% pada sesi 2016/2017.




***Carta 5:** Perbandingan kelulusan pelajar jurusan Bahasa Arab (banin) 2015-2017*

Tiada sebarang peningkatan pada sesi 2015/2016
dan berlaku penurunan sebanyak 19% pada sesi 2016/2017.




***Carta 6:** Perbandingan kelulusan pelajar jurusan Dirasat Islamiah (banin) 2015-2017*

Peratusan kelulusan menurun 1% pada sesi 2015/2016
dan makin menurun sebanyak 8% pada sesi 2016/2017.




***Carta 7:*** *Perbandingan kelulusan pelajar jurusan Syariah Islamiah (banat) 2015-2017*

Peratusan kelulusan meningkat 7% pada sesi 2015/2016
dan meningkat lagi sebanyak 2% pada sesi 2016/2017.




***Carta 8:*** *Perbandingan kelulusan pelajar jurusan Usuluddin (banat) 2015-2017*

Peratusan kelulusan meningkat 10% pada sesi 2015/2016
dan kembali menurun sebanyak 2% pada sesi 2016/2017




***Carta 9:** Perbandingan kelulusan pelajar jurusan Bahasa Arab (banat) 2015-2017*

Peratusan kelulusan meningkat 10% pada sesi 2015/2016 berbanding sebelumnya dan kembali menurun sebanyak 5% pada sesi 2016/2017.




***Carta 10:** Perbandingan kelulusan pelajar jurusan Ulum Islamiah 2015-2017*

## Perbandingan Keseluruhan Fakulti

Berikut adalah perbandingan keseluruhan pencapaian pelajar Malaysia di Universiti al-Azhar untuk sesi pengajian 2014/2015 hingga sesi 2016/2017. Secara keseluruhan, peratusan kelulusan meningkat 7% pada sesi 2015/2016 berbanding sesi 2015/2015, dan kekal dalam peratusan yang sama pada sesi 2016/2017.




***Carta 11:*** *Perbandingan kelulusan keseluruhan fakulti dari tahun 2015-2017*

## Peraturan Baru Universiti al-Azhar (Pindaan 2016/2017)

Bagi sesi pengajian bermula tahun 2016/2017, pihak al-Azhar telah menetapkan peraturan baru bagi pengajian di Universiti al-Azhar sebagaimana berikut;

### Peraturan Sebelum Pindaan

1. Pengulangan yang diberikan untuk mahasiswa tahun satu dan dua adalah sebanyak 3 kali, manakala tahun tiga diberikan 5 kali peluang, dan pelajar tahun terakhir dibenarkan mengulang secara berterusan apabila berjaya lulus sebahagian dari kesemua bilangan mata pelajaran tahun akhir dalam tempoh 5 tahun.

2. Mahasiswa hanya akan diberhentikan dengan habis tempoh yang diberikan dan tidak diberhentikan dengan semata-mata tidak menghadiri peperiksaan.

## Peraturan Selepas Pindaan Baharu

Pindaan ini terpakai kepada semua mahasiswa tempatan dan antarabangsa.

1. Tempoh pengajian yang diberikan untuk mahasiswa berada di peringkat tahun peralihan (*tamhidi*) dan tahun satu pengajian di kesemua fakulti adalah dua tahun sahaja. Tiada sebarang pertimbangan diberi untuk mengulang kali ketiga di tahun pengajian yang sama.

   Manakala tempoh yang diberikan bagi tahun-tahun pengajian berikutnya (tahun dua, tiga, empat, lima dan enam) adalah dua tahun sahaja. Namun mereka yang gagal dibenarkan untuk mengulang buat kali ketiga di tahun pengajian yang sama (bagi mata pelajaran yang gagal) bergantung kepada persetujuan Majlis Fakulti.

   Pindaan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh kelulusan pihak Majlis Tertinggi al-Azhar. Oleh yang demikian, pindaan ini hanya dikenakan terhadap mahasiswa *mustajid* (pelajar baru) yang gagal buat kali pertama pada sesi pengajian 2016/2017 (tahun kelulusan pekeliling ini dibuat). Manakala mahasiswa yang gagal kali kedua dan mereka bukan merupakan pelajar *mustajid* pada sesi 2016/2017 masih menggunakan pekeliling yang lama.

2. Seorang mahasiswa akan dikeluarkan dari fakulti apabila tidak menghadiri peperiksaan dua semester pengajian secara berturut-turut sama ada pada tahun pengajian yang sama ataupun pada dua tahun pengajian yang berturutan. Mahasiswa tersebut tidak dibenarkan untuk mendaftar semula.

3. Tindakan memberhentikan mahasiswa dari fakulti yang dimohon olehnya tidak dilaksanakan kecuali selepas mahasiswa tersebut selesai mendaftar di fakulti itu. Ini bermakna mahasiswa yang masih dalam proses pendaftaran dan belum mengemukakan dokumen yang lengkap serta tidak menghadiri peperiksaan pada tahun tersebut, akan hanya dikira sebagai tahun gagal. Mahasiswa tersebut tidak akan diberhentikan dari pengajian kecuali selepas berlalu tahun berikutnya.

## Direktori Perhubungan Universiti Al-Azhar

Universiti al-Azhar al-Syarif boleh dihubungi melalui cara berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Al-Mokhaym al-Daem, Madinah Nasr, Cairo, Egypt |
| **Laman Web** | http://www.azhar.edu.eg/ (10 Okt. 2018) |
| **E-mel** | info@azhar.edu.eg (10 Okt. 2018) |
| **Youtube** | https://www.youtube.com/watch?v=s3S0MY4Mlww (10 Okt. 2018) |
| **Pautan Online** | **Fakulti Ulum Islamiah Pengajian Jarak Jauh (Wafidin):**<br>https://azharegypt.edu.eg/ (10 Okt. 2018)<br>https://www.facebook.com/Azharegypt/ (10 Okt. 2018)<br><br>**Markaz Bahasa Arab Syeikh Zaid**<br>http://azhar-ali.com/go/ (10 Okt. 2018)<br>https://www.facebook.com/azharalc/ (10 Okt. 2018) |



# MAJMA' BUHUTH ISLAMIAH



*Bangunan Majma' Buhuth Islamiah di Madinah Nasr*

## Majma' Buhuth Islamiah

Majma' Buhuth Islamiah (Akademi Penyelidikan Antarabangsa Islam)[45] merupakan salah satu daripada institusi penting di bawah al-Azhar. Penubuhannya bermula pada tahun 1961 melalui peruntukan perlembagaan Mesir, perkara 10, undang-undang No. 103, tahun 1961 (Undang-undang Pembangunan al-Azhar) yang menyebutkan Majma' Buhuth Islamiah adalah badan penyelidikan Islam yang tertinggi. Fungsi dan peranannya antaranya adalah;

1. Bertanggungjawab mengenalpasti dan meneliti semua metod yang berkaitan dengan penyelidikan Islam.

2. Berperanan memperbaharui ilmu (*thaqafah*) Islam dan membersihkannya daripada tambahan yang tidak membawa faedah, percampuran yang meragukan, membersihkannya daripada kesan-kesan fanatik politik dan bermazhab, menonjolkan intisari ajaran Islam tulen yang asli dan memperluaskan skop ilmu dalam semua peringkat dan keadaan semasa.

[45] https://ar.wikipedia.org/wiki/مجمع_البحوث_الإسلامية_بالأزهر (1 September 2018)

3. Mengenalpasti dari semasa ke semasa perkara yang diterbitkan berkaitan agama Islam dan *thurath*nya sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa untuk diambil manfaat daripada perkara yang tepat, atau membuat pembetulan dan sanggahan terhadap perkara yang bercanggah dengan prinsip Islam.

4. Berperanan mengembangkan ilmu ke setiap peringkat dalam apa jua keadaan.

5. Bertanggungjawab membuat kajian dan penyelidikan terhadap isu-isu baru yang kontemporari bagi menjelaskan pandangan hukum syarak pada permasalahan yang timbul sama ada melibatkan isu-isu perselisihan mazhab, kemasyarakatan, ekonomi, perkara berkaitan akidah dan lain-lain lagi.

6. Memberikan perhatian terhadap *thurath* Islam dan berusaha untuk menyebar dan mengaplikasikannya.

7. Bertanggungjawab menyampaikan dakwah ke jalan Allah dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, di samping merancang, meneliti dan melaksanakan hal ehwal dakwah di peringkat nasional dan antarabangsa.

8. Menstruktur dan mengawasi perpustakaan al-Azhar, di samping bertanggungjawab untuk menambah koleksi buku dan terbitan di perpustakaan dari semasa ke semasa.

9. Merangka sistem utusan al-Azhar ke seluruh dunia dan utusan yang datang dari seluruh dunia ke al-Azhar.

10. Melaksanakan persidangan/muktamar tahunan bagi membincangkan permasalahan-permasalahan semasa kontemporari yang berlaku di lapangan dan mengikuti muktamar dengan beberapa ketetapan dan resolusi yang boleh dilaksanakan.

Majma’ Buhuth Islamiah berperanan melaksanakan misi dan visi dalam skop yang komprehensif bagi misi al-Azhar al-Syarif. Majma’ diketuai oleh seorang ketua yang dikenali sebagai Setiausaha Agung Majma’ (أمين عام المجمع).

## Ulama Yang Pernah Menjawat Jawatan Setiausaha Agung Majma'

Berikut adalah senarai para ulama yang pernah menjawat jawatan Setiausaha Agung Majma' Buhuth Islamiah;

***Jadual 28:** Senarai nama ulama yang pernah menjawat jawatan Setiausaha Agung Majma' Buhuth Islamiah*

| BIL. | NAMA | TAHUN |
|---|---|---|
| 1. | Syeikh Dr. Mahmoud HubbulLah | - |
| 2. | Syeikh Imam Akbar Dr. Abdul Halim Mahmoud | - |
| 3. | Syeikh Dr. Mohammad Abdul Rahman Baisar | |
| 4. | Syeikh Dr. Mohammad Husin al-Zahabi | - |
| 5. | Syeikh Dr. Khalaf al-Sayyid Abdullah | - |
| 6. | Syeikh Dr. Abdul Jalil Abduh Shalaby | - |
| 7. | Syeikh Dr. El-Husaini Abdul Majid Hasyim | - |
| 8. | Syeikh Dr. Abdul Fattah Abdullah Barkah | - |
| 9. | Syeikh Dr. Ahmad El-sayyid 'Athaa Sa'ud | - |
| 10. | Syeikh Dr. Sami Mohammad Mutawalli El-Sa'rawi | - |
| 11. | Syeikh Dr. El-Sayyid Hasan Wafa abu 'Ajur | - |
| 12. | Syeikh Dr. Ibrahim 'Athaa el-fayyumi | - |
| 13. | Syeikh Dr. 'Ali Abdul El-Baqi Syahatah | - |
| 14. | Syeikh Dr. Muhyiddin 'Afifi | 12 Julai 2014 – Kini |

## Struktur Pengurusan Majma' Buhuth Islamiah

Pengurusan majma' melibatkan tiga struktur utama sebagaimana berikut;

1. Majlis Lembaga Majma' Buhuth Islamiah
2. Persidangan Majma' (مؤتمر المجمع)
3. Jabatan Majma' Buhuth Islamiah



*Kunjungan hormat Dr. Nordin Ahmad, Pengarah Darul Quran ke atas Setiausaha Agung Majma' Buhuth Islamiah pada 9 Julai 2017*

## Lembaga Majma' Buhuth Islamiah

Majma' Buhuth Islamiah dikendalikan oleh satu lembaga yang dianggotai oleh para ulama senior al-Azhar yang mewakili pelbagai bidang disiplin ilmu dan mazhab. Jumlah ahli lembaga Majma' Buhuth Islamiah adalah melebihi lima puluh orang ulama di mana dua puluh orang daripada ahli lembaga majma' diperuntukkan kepada para ulama senior yang bukan daripada kalangan warganegara Mesir. Kepelbagaian ahli lembaga ini adalah antara ciri-ciri global yang ada pada Majma' Buhuth Islamiah yang telah mengangkatnya sebagai pusat rujukan sedunia dalam bidang penyelidikan Islam.

Mesyuarat lembaga majma' dipengerusikan oleh Syeikh Al-Azhar. Sewaktu ketiadaan Syeikh al-Azhar, lembaga akan dipengerusikan oleh Wakil al-Azhar (Timbalan Syeikh al-Azhar) dan apabila kedua-duanya tiada, lembaga akan dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Majma' Buhuth Islamiah. Mesyuarat lembaga majma' diadakan sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan. Keputusan mesyuarat lembaga adalah berdasarkan suara majoriti yang ahli yang hadir. Anggota lembaga majma' dibahagikan kepada beberapa jawatankuasa meliputi semua skop kajian dan penyelidikan Islam sebagaimana berikut;

1. Jawatankuasa (*lajnah*) penyelidikan al-Quran
2. Jawatankuasa penyelidikan sunnah
3. Jawatankuasa penyelidikan fiqhiyyah
4. Jawatankuasa akidah dan falsafah
5. Jawatankuasa memperkenalkan Islam
6. Jawatankuasa menghidupkan *turath* Islam
7. Jawatankuasa Jerusalem (*Qusd*) dan minoriti Islam
8. Jawatankuasa pendidikan dan pelajaran
9. Jawatankuasa kerjasama antara majma' dan Universiti al-Azhar
10. Jawatankuasa *al-Mutabaah*
11. Jawatankuasa *al-Muqarrarin*
12. Jawatankuasa dialog antara agama
13. Jawatankuasa keajaiban ilmu (*i'jaz al-ilmi*) dalam al-Quran dan Sunnah



*Kunjungan hormat Dr. Nordin Ahmad, Pengarah Darul Quran ke atas Setiausaha Agung Majma' Buhuth Islamiah pada 9 Julai 2017*

Kesemua ahli lembaga dan jawatankuasanya adalah bertanggungjawab untuk membuat penelitian dan mengkaji isu-isu permasalahan di peringkat nasional dan antarabangsa. Setiap jawatankuasa juga perlu mengeluarkan kenyataan yang menjelaskan pendirian Islam dalam isu dan permasalahan yang berbangkit.







*Ustazah Zawanah Mohammad, Pengarah Bahagian Pembangunan Insan JAKIM mengadakan lawatan kerja ke Majma' Buhuth Islamiah pada 27 Julai 2017*

## Persidangan Majma' (مؤتمر المجمع)

Persidangan majma' ini adalah melibatkan semua ahli lembaga majma'. Jawatankuasa *al-Muqarrarin* di bawah majlis akan berperanan membuat susulan terhadap semua keputusan resolusi persidangan tahunan majma' dan sejauh mana pelaksanaannya menepati resolusi yang telah diputuskan untuk dilaporkan dalam persidangan majma' yang akan datang.

## Jabatan Majma' Buhuth Islamiah

Majma' Buhuth Islamiah mempunyai beberapa bahagian yang menjalankan fungsi pengurusannya antaranya ialah;

1. Bahagian Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Asing (الإدارة العامة للطلاب الوافدين)

   Berperanan menerima pelajar antarabangsa yang ingin menuntut di al-Azhar dari seluruh pelusuk dunia dan membantu membimbing mereka semua untuk belajar di tahap yang sesuai di peringkat Maahad al-Azhar (tiga peringkat) atau Universiti Al-Azhar.

2. Kampus Pelajar Antarabangsa al-Azhar (مدينة البعوث الإسلامية)

   Berperanan menyediakan penginapan dan sara hidup pelajar antarabangsa yang datang untuk belajar di al-Azhar.



*Gambar peserta kursus imam dari JAKIM sewaktu tiba ke Madinah Bu'uth Islamiah pada 5 September 2017*

3. Bahagian Pengurusan sekolah al-Azhar Luar Negara (المعاهد الأزهرية الخارجية)

   Al-Azhar turut membina maahad al-Azhar di beberapa buah negara. Maahad-maahad al-Azhar di luar negara akan menggunakan sepenuhnya sistem pendidikan di al-Azhar al-Syarif melibatkan kurikulum dan buku. Kesemua maahad di luar negara tertakluk kepada pengawasan teknikal al-Azhar, Majma' Buhuth dan Sektor Sekolah al-Azhar dengan membekalkan guru-guru dan buku teks sekolah. Bilangan

maahad al-Azhar di luar negara adalah sebanyak lima belas buah; tiga belas buah daripadanya di negara Afrika, sebuah di Kanada dan sebuah di Pakistan.

4. Bahagian Pengurusan Dakwah Luar Negara (الإدارة العامة للبعوث الإسلامية)

   Jabatan ini berperanan menguruskan penghantaran ulama untuk mengajar dan menyebarkan ilmu Islam ke seluruh dunia. Al-Azhar kini telah menghantar para ulamanya kepada 87 buah negara di seluruh dunia.

5. Bahagian Penyelidikan, Tapisan Penulisan dan Terjemahan (الإدارة العامة للبحوث والتأليف والترجمة)

   Bahagian ini berperanan menyelia terhadap percetakan mushaf al-Quran al-Azhar al-Syarif dan mushaf cetakan *al-Amiriyyah*. Bahagian ini juga berperanan mengeluarkan kebenaran cetakan dan pengedaran mushaf oleh penerbit-penerbit yang pelbagai setelah selesai semakan naskhah asal dibuat. Bahagian ini juga bertanggungjawab menapis penulisan-penulisan berkaitan agama sama ada dalam Bahasa Arab atau bahasa asing dan sama ada dalam bentuk buku, kaset, CD dan lain-lain bagi memastikan ianya tidak bercanggah dengan ajaran Islam yang hakiki.

6. Bahagian Fatwa (لجنة الفتوى)

   Bahagian ini bertanggungjawab menjawab semua persolana yang diajukan dalam perbagai cara sama ada secara lisan dan bertulis berhubung permasalahan agama yang dihadapi masyarakat dan umat Islam. Bahagian ini juga bertanggungjawab mengisytiharkan Islam bagi mereka yang ingin memeluk Islam dan memberi mereka penyaksian berkaitan perkara tersebut.

7. Bahagian Buku-buku Al-Azhar (دار الكتب الأزهرية)

   Bahagian ini berperanan menjaga dan menyelamatkan buku-buku warisan (*turath*) yang kini berjumlah 116,133 buah buku dalam pelbagai bidang ilmu, melibatkan lebih daripada setengah juta jilid. Sebahagiannya masih lagi dalam bentuk manuskrip berjumlah 40,000 buah buku.

8. Bahagian Menghidupkan Ilmu *Turath* Islam (إدارة أحياء التراث الإسلامي)

   Bahagian ini bertanggungjawab menerbitkan semula buku-buku *turath* dalam bentuk dan cetakan baru, selain berperanan memilih dan menerbitkan semula buku-buku bersiri penulisan Islam (سلسلة البحوث الإسلامية) pada setiap bulan.

9. Majalah Al-Azhar (مجلة الأزهر)

   Majma' Buhuth Islamiah pada awal setiap bulan Hijrah akan menerbitkan Majalah al-Azhar yang memuatkan mesej al-Azhar kepada umat Islam dalam dan luar negara.

10. Bahagian Tertinggi Dakwah Islam (اللجنة العليا للدعوة الإسلامية)

    Bahagian ini berperanan melaksanakan kursus-kursus dan latihan untuk imam dan pendakwah dan pendakwah dari dunia Islam. Tempoh setiap kursus adalah selama tiga bulan.

## Direktori Perhubungan

Direktori perhubungan bagi Majma' Buhuth Islamiah adalah sebagaimana berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Majma' Buhuth Islamiah, 30 Street 31, Al Ganzouri, El-Zaher, Cairo Governorate |
| **Laman Web** | http://www.azhar.eg/magmaa (25 Okt. 2018)<br><br>**Majalah al-Azhar**<br>http://www.azhar.eg/magazine (25 Okt. 2018) |
| **Telefon** | +2 01550455880 |
| **Faks** | +20 2 24860158 |
| **E-mel** | m.bohoos@gmail.com (25 Okt. 2018) |
| **Facebook** | https://www.facebook.com/AIRCAzhar/ (25 Okt. 2018) |
| **Twitter** | https://twitter.com/aircazhar?lang=ar (25 Okt. 2018) |
| **Google Play** | https://play.google.com/store/apps/details?id=eg.azhar.app2 (25 Okt. 2018) |

# RABITAH ANTARABANGSA ALUMNI AL-AZHAR



## Sejarah Penubuhan

Idea untuk menubuhkan Ikatan Alumni Antarabangsa Graduan al-Azhar (*al-Munadhamah al-'Alamiyyah li Khirriji al-Azhar*, setelah ini disebut Rabitah) telah dikemukakan semasa Persidangan Dunia Pertama untuk Graduan al-Azhar yang berlangsung di Kaherah pada 12-14 Rabi' al-Awwal 1427 H bersamaan 11-13 April 2006. Persidangan yang dihadiri oleh 100 orang alumni al-Azhar dari pelbagai negara mengesyorkan agar perlunya dibentuk wadah organsisasi yang dapat mempereratkan jalinan komunikasi antara al-Azhar dan alumninya yang berjumlah tidak kurang dari 40.000 orang di seluruh dunia.

Selain berperanan meningkatkan peranan al-Azhar di seluruh dunia dengan pendekatan sederhana yang *wasatiyyah*, entiti yang akan ditubuhkan juga diharap dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengekalkan identiti agama Islam dan *turath*nya, serta berupaya menjaga nilai-nilai Islam dan mempertahankannya dari berbagai propaganda yang mencederainya.

Rabitah al-Azhar induk di Mesir telah ditubuhkan sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang didaftarkan di Republik Arab Mesir mengikut undang-undang Mesir, No. 7145, untuk tahun 2007 / 1428H. *Rabithah* diasaskan oleh sekumpulan ulama terkemuka yang diketuai oleh Mantan Syeikh al-Azhar, Prof. Dr. Muhammad Sayyid Tantawi, Prof. Dr. Ahmad at-Tayyib, Syeikh al-Azhar, Prof. Mahmoud Hamdi Zaqzooq, Mantan Menteri Wakaf dan beberapa orang tokoh ulama yang lain.[46] Rabithah al-Azhar induk kini telah menggunakan nama *Munadhamah al-'Alami li Khirriji al-Azhar.*

[46]https://azhargraduates.org/waag/definiton (12 September 2018)

## Objektif dan Fungsi Rabitah



Rabitah ditubuhkan dengan tujuan untuk menjangkau ribuan alumni al-Azhar yang berada di luar negara dan mengukuhkan hubungan dengan antara mereka melalui aktiviti dan faedah yang ditawarkan kepada ahli-ahli. Rabitah kini sedang meneliti beberapa cadangan untuk mengukuhkan hubungan dengan graduan al-Azhar yang tersebar di negara-negara Islam dan lain-lain melalui penyelarasan dengan Kementerian Luar Negeri Mesir, para utusan (*mab'uth*) Azhar, dan menubuhkan cawangan-cawangan Rabitah di negara-negara yang mempunyai banyak graduan al-Azhar. Rabitah juga sangat menekankan kebajikan pelajar asing yang berada di Mesir dengan mengadakan pertemuan dari semasa ke semasa bagi mengenalpasti permasalahan mereka dan mencari penyelesaian terbaik kepada permasalahan mereka.



*Pertemuan dengan Syeikh Prof. Dr. Ahmad Tayyib,*
*Pengerusi Rabitah al-Azhar Pada 19 Julai 2017*



*Pertemuan dengan Syeikh Prof. Dr. Ahmad Tayyib, Pengerusi Rabitah al-Azhar Pada 3 November 2015*

Sebagai sebuah organsisasi bukan kerajaan (NGO), Rabitah memiliki misinya sebagai berikut;

1. Mengukuhkan jalinan komunikasi antara Al-Azhar dan alumninya yang tersebar di seluruh pelusuk dunia.
2. Menghidupkan peranan Universiti al-Azhar dengan moderasi Islam (*al-wasatiyyah*) yang laungkannya.
3. Memelihara identiti keberagamaan umat Islam (*huwiyyat al-ummah*) dan *turath*nya.
4. Menjunjung tinggi nilai-nilai Islam dan mempertahankannya dari perbagai usaha untuk merosak dan mencederai ajarannya.



*Bangunan Rabitah al-Azhar induk di Madinah al-Nasr*

Beberapa aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh Rabitah induk di Mesir antaranya ialah;

1. Membina pangkalan data informasi alumni.
2. Membina laman web yang memuatkan jurnal ilmiah elektronik, berita dan maklumat pendidikan di al-Azhar, kegiatan Rabitah dan lainnya melalui pautan web www.waag-azhar.org.
3. Menerbitkan akhbar dan majalah.
4. Menawarkan program biasiswa bagi mahasiswa asing di Universiti al-Azhar, terutama untuk program Sarjana (MA) dan Doktor Falsafah (PHD).
5. Menganjurkan *workshop* dan bengkel berkaitan isu-isu kontemporari, pengembangan dan jaminan mutu pendidikan dan pembinaan mahasiswa asing di al-Azhar.

## Ahli Lembaga Pengurusan

Rabitah al-Azhar induk ditadbir oleh ahli lembaga yang terdiri daripada kalangan para ulama dan profesional seperti berikut;

***Jadual 29:*** *Ahli Lembaga Rabitah al-Azhar Induk*

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | Syeikh Prof. Dr. Ahmad Tayyib | Syeikh al-Azhar<br>Pengerusi |
| 2. | Prof. Dr. Mohammad Abdul Fudhail al-Qusi | Timbalan Pengerusi<br>(Akademik dan *Thaqafah*) |
| 3. | Janeral Usamah Yaseen | Timbalan Pengerusi<br>(Kewangan dan Pengurusan) |
| 4. | Prof. Dr. Abdul Daem Nusair | Setiausaha Agung Rabitah |
| 5. | Prof. Dr. Ali Jumaah | Ahli |
| 6. | Prof. Dr. Mukhtar Jumaah | Ahli |
| 7. | Prof. Dr. Shawqi Ibrahim Allam | Ahli |
| 8. | Prof. Dr. Usamah al-‘Abd | Ahli |
| 9. | Prof. Dr. Nahlah al-Haraki | Ahli |
| 10. | Prof. Dr. Ibrahim Soleh al-Hud Hud | Ahli |



*Pertemuan dengan Syeikh al-Azhar yang juga merupakan Pengerusi Rabitah al-Azhar pada 19 Julai 2017*



*Bergambar kenangan dengan Prof. Dr. Mohammad Abdul Fudhail al-Qusi, Timbalan Pengerusi Rabitah al-Azhar*



*Pertemuan Dato' Wan Mohamad Dato' Syeikh Abdul Aziz, Mantan Ketua Pengarah JAKIM dengan Timbalan Pengerusi Rabtah al-Azhar Induk pada 2 Februari 2016*

## Direktori Perhubungan

Direktori perhubungan bagi Rabitah al-Azhar adalah seperti berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | شارع عبد العزيز الشناوى غرب المنصة الحي السادس مدينة نصر القاهرة<br>Dr. Abdelaziz Elshnawy st, Nasr City, Cairo, Egypt |
| **Laman Web** | https://azhargraduates.org/waag/ (26 Okt. 2018) |
| **Telefon** | +20223868114 |
| **Faks** | +20223868116 |
| **E-mel** | info@waag-azhar.org (26 Okt. 2018) |
| **Facebook** | https://www.facebook.com/waagazhar (26 Okt. 2018) |
| **Youtube** | https://www.youtube.com/waagazhar (26 Okt. 2018) |
| **Instagram** | https://www.instagram.com/waagazhar/ (26 Okt. 2018) |
| **Twitter** | https://twitter.com/waagazhar (26 Okt. 2018) |
| **Google+** | https://plus.google.com/+waagazhar (26 Okt. 2018) |
| **Pautan** | Rabitah Cawangan Malaysia<br>https://www.facebook.com/woagmalaysia/ (26 Okt. 2018)<br><br>Rabitah Cawangan Indonesia<br>http://www.waag-azhar.or.id/<br>https://www.facebook.com/woagindonesia/ (26 Okt. 2018)<br><br>Artikel berkaitan *wasatiyyah* Islam<br>https://azhargraduates.org/waag/home/wastya-eslam<br>(26 Okt. 2018)<br><br>Akhbar al-Ruwaq<br>https://azhargraduates.org/rwaq/ (26 Okt. 2018)<br><br>Fatawa Menolak Fahaman Ekstrim<br>https://azhargraduates.org/waag/home/ftawa (26 Okt. 2018) |

# DAR AL-IFTA' MESIR

Dar al-Ifta' merupakan antara institusi agama yang paling utama di Mesir selain daripada al-Azhar al-Syarif dan Kementerian Wakaf. Jika al-Azhar berperanan dalam bidang dakwah dan pendidikan; Kementerian Wakaf berfungsi menguruskan masjid dan harta wakaf manakala Dar al-Ifta' pula bertanggungjawab dalam pengurusan fatwa rasmi dan juga melibatkan perkara-perkara berkaitan perundingan perundangan melibatkan hukuman mati.

## Sejarah Dar al-Ifta'

Dar al-Ifta' al-Misriyyah dianggap antara institusi terawal bagi institusi fatwa di dunia Islam. Ia ditubuhkan pada tahun 1895 oleh perintah tertinggi Khedive Abbas Hilmi, dan diletakkan di bawah Kementerian Keadilan pada 21 November, 1895 dengan dekri No. 10.[47] Dar al-Ifta' al-Misriyyah adalah antara institusi-institusi agama yang penting di Mesir selain daripada Al-Azhar Al-Syarif, Universiti al-Azhar, Kementerian Agama.



*Bangunan Dar al-Ifta' Mesir*

Dar al-Ifta' al-Misriyyah bermula dengan satu bahagian di Kementerian Kehakiman Mesir. Peranan Dar al-Ifta' tidak berhenti pada ketika ini; ia tidak terhad oleh sempadan domestik tetapi melangkaui Mesir serta meliputi seluruh dunia Islam.

Peranan utama Dar al-Ifta' telah dinyatakan dengan baik melalui rekod-rekod fatwa dari semenjak penubuhannya sehingga hari ini. Dar al-Ifta' kini menerima pertanyaan dari seluruh dunia Islam serta turut melatih kader mufti melibatkan para pelajar asing. Seiring dengan perkembangan yang besar dalam bidang komunikasi, Dar al-Ifta' juga telah melaksanakan perubahan besar dalam sistem penyampaian maklumat dengan memperkasa dan memaksimumkan penggunaan sistem teknologi maklumat.

[47] http://dar-alifta.org.eg/Foreign/Module.aspx?Name=aboutdar (4 September 2018)



*Tan Sri Dato' Haji Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM mengadakan lawatan kerja ke Dar al-Ifta' Mesir pada 20 Disember 2014*

## Ulama Yang Pernah Menjawat Jawatan Mufti Mesir

Berikut adalah senarai para ulama yang pernah menjawat jawatan Mufti bagi negara Mesir dari tahun 1895 sehingga kini;

***Jadual 30:*** *Senarai nama ulama yang pernah menjawat jawatan Mufti Mesir*

| BIL. | NAMA | TAHUN |
|---|---|---|
| 1. | Syeikh Hassunah al-Nawawi | 1899 - 1899 |
| 2. | Imam Syeikh Muhammad Abduh | 1899 -1905 |
| 3. | Syeikh Abdel Kader al-Rafei | November 1905 |
| 4. | Syeikh Bakri al-Sadafi | 1905 - 1914 |
| 5. | Syeikh Muhammad Bakhit al-Muti`i | 1914 - 1920 |
| 6. | Syeikh Muhammad Isma`il al-Bardisi | Julai 1920 - Nov. 1920 |
| 7. | Syeikh Abd al-Rahman Qurra`ah | 1921 - 1928 |
| 8. | Syeikh `Abd al-Majid Salim | 1928 - 1945 |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | Syeikh Hasanayn Muhammad Makhluf | 1946 - 1950 |
| 10. | Syeikh `Allam Nassar | 1950 - 1952 |
| 11. | Syeikh Hasanayn Muhammad Makhluf | 1952 - 1954 |
| 12. | Syeikh Hasan Ma'mun | 1955 - 1960 |
| 13. | Syeikh Ahmad Muhammad `Abd al-`Al Haridi | 1960 - 1970 |
| 14. | Syeikh Muhammad Khatir Muhhammad al-Shaykh | 1970 - 1978 |
| 15. | Syeikh Jad al-Haqq` Ali Jad al-Haqq | 1978 - 1982 |
| 16. | Syeikh `Abd al-Latif Abd al-Ghani Hamzah | 1982 - 1985 |
| 17. | Syeikh Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawy | 1986 - 1996 |
| 18. | Syeikh Profesor Dr. Nasr Farid Wasil | 1996 - 2002 |
| 19. | Syeikh Profesor Dr. Mohamed Ahmed el-Tayeb | 2002 - 2003 |
| 20. | Syeikh Profesor Dr. Ali Gomaa | 28/9/2003 - Feb. 2013 |
| 21. | Syeikh Profesor Dr. Shawki Ibrahim Abdel Karim Allam | Feb 2013 - Sekarang |

## Fungsi Dar-al-Ifta' al-Misriyyah

Fungsi utama Dar al-Ifta' terbahagi kepada dua perkara utama iaitu fungsi berkaitan hal ehwal agama dan berkaitan undang-undang;

**1. Fungsi berkaitan hal ehwal agama;**

a. Menerima soalan dan menjawabnya dalam pelbagai bahasa

Fatwa Verbal/ secara lisan: Perkhidmatan ini memerlukan kehadiran secara peribadi orang yang memohon fatwa ke Dar al-Ifta'. Orang yang memerlukan keputusan fatwa dijemput untuk duduk dengan salah seorang ahli majlis fatwa di pejabatnya. Butiran penanya akan direkodkan dan soalan serta jawapan terhadap persoalan yang diajukan juga akan turut direkodkan ke dalam pangkalan data untuk rujukan masa depan.

Fatwa bertulis: Fatwa bertulis boleh diperoleh sama ada dengan mengemukakan soalan secara peribadi atau dengan menghantar pertanyaan melalui pos biasa atau melalui fax. Selain itu, fatwa

juga akan diberikan terhadap persoalan yang diajukan melalui e-mel. Berdasarkan rekod mutakhir, Dar al-Ifta' kini menjawab sekitar 50 ribu persoalan pada setiap bulan melalui pelbagai saluran di atas.

b. Melihat anak bulan dan menentukan permulaan awal bulan Islam sepanjang tahun

Salah satu tugas yang paling utama di Dar al-Ifta' ialah menentukan permulaan awal bulan Hijrah. Majlis perundangan dan saintifik yang terdiri daripada ulama dan ahli astronomi Islam akan turut sama-sama melaksanakan tugas ini. Tugas menentukan awal bulan Islam ini tidak terhad kepada penentuan awal bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah sahaja, bahkan melibatkan penentuan setiap bulan sepanjang tahun bagi mengelakkan sebarang kesilapan dalam menentukan permulaan tiga bulan yang paling penting bagi umat Islam.

Dalam kerjasama dengan Universiti Kaherah dan beberapa negara Islam Arab, Dar al-Ifta' kini sedang berusaha untuk melancarkan satelit khas bagi tujuan untuk melihat permulaan bulan Islam.

c. Latihan kepada pelajar asing dalam bidang kefatwaan

Dar al-Ifta' juga menerima pelajar asing (*wafidin*) lepasan pengajian Islam dari pelbagai negara Islam yang ingin melanjutkan pengajian dan ingin mendapatkan kemahiran yang diperlukan untuk mengeluarkan fatwa di negara masing-masing. Justeru itu, Dar al-Ifta' telah meluluskan satu sukatan pengajian berbentuk program latihan selama tiga tahun.

Pada masa ini, pelajar perlu mempelajari beberapa mata pelajaran yang diperlukan bagi melayakkan mereka untuk berfatwa. Selain itu, para pelatih juga perlu melalui latihan praktikal dengan menghadiri sesi majlis pengeluaran fatwa di bawah pengawasan anggota majlis fatwa. Mereka yang lulus latihan selama tiga tahun ini akan menerima sijil yang memenuhi syarat untuk mereka berkhidmat mengeluarkan fatwa di negara mereka.

d. Mengeluarkan kenyatan-kenyataan rasmi dalam isu-isu agama

Dari semasa ke semasa, masyarakat Islam mengalami keadaan-keadaan tertentu yang memerlukan kepada para ulama untuk menyampaikan pandangan tegas berkitan isu-isu kontemporari



*Ustazah Saemah Mukhtar (tengah) menyampaikan cederamata kepada Syeikh Dr. Majdi Ashur, Penasihat Akademik Mufti Mesir*

di peringkat nasional dan antarabangsa. Kenyataan itu bertujuan untuk menghalang percubaan menyesatkan masyarakat dan cubaan pihak yang ingin menimbulkan keraguan dalam hal-hal berkaitan agama yang boleh membawakan kepada perpecahan dalam masyarakat Muslim.

e. Mengendalikan penyelidikan

Dar al-Ifta' juga berperanan menjalankan penyelidikan berbentuk akademik dalam bidang agama khususnya melibatkan perkara-perkara baru dan isu-isu semasa.

f. Menjawab salah tanggapan dalam agama

Memandangkan serangan ganas dan tidak henti-henti terhadap Islam, adalah perlu untuk menjawab salah tanggapan yang menyebabkan kekeliruan terhadap pegangan akidah umat Islam. Satu pasukan penyelidik khusus telah dibentuk di Dar al-Ifta' bagi mengumpul kemusykilan yang dibangkitkan dan menjawab salah faham tersebut dengan dalil dan hujah yang kukuh.

g. E-Pembelajaran

Dar al-Ifta' al-Misriyyah juga telah menyediakan pusat pembelajaran *E-learning*/ Pengajian jarak jauh/ *Ta'lim 'an Bu'd*, yang pertama seumpamanya di dalam bidang fatwa dengan kurikulum khusus. Melalui perkhidmatan ini, pelajar-pelajar akan dapat menghadiri pengajian mereka secara atas talian dan dapat menangani masalah jarak perjalanan.

Melalui program latihan *E-learning*, pelajar akan dapat memperoleh pengetahuan dan mencapai kemahiran Ifta' yang diperlukan untuk memenuhi syarat sebelum mereka memainkan peranan sebagai ahli fatwa di institusi fatwa yang terdapat di negara masing-masing.

**2. Fungsi berkaitan perundingan perundangan melibatkan hukuman mati;**

Salah satu tugas Dar al-Ifta' adalah memberikan nasihat kepada mahkamah mengenai hukuman mati. Selepas perbicaraan dan sebelum dijatukan hukuman, mahkamah jenayah hendaklah mengemukakan kes-kes yang melibatkan hukuman mati terlebih dahulu kepada Dar al-Ifta'. Prosedur ini telah digunakan semenjak undang-undang jenayah sivil dan peruntukan serta prosedur jenayah sivil pertama kali ditubuhkan di Mesir pada akhir abad ke-19.

Setelah mengkaji semula secara teliti dokumen kes yang dikemukakan oleh mahkamah jenayah, seorang mufti akan menyokong hukuman mati jika didapati kes berkenaan mempunyai bukti-bukti yang kuat tanpa sebarang keraguan munasabah. Tugasan mufti dalam hal ini adalah mengkaji semula kes jenayah dan bukti berdasarkan pelbagai syarat untuk bukti dan kriteria yang telah ditetapkan oleh undang-undang Islam, tanpa terikat dengan mazhab tertentu.

## Pengurusan Dar al-Ifta'

Pengurusan di Dar al-Ifta' melibatkan pembentukan satu sekretariat dan 18 bahagian yang menjalankan fungsi pengurusan yang berbeza seperti berikut;

1. Sekretariat Fatwa (أمانة الفتوى)
2. Bahagian Fatwa Secara Verbal/Lisan (إدارة الفتوى الشفوية)
3. Bahagian Fatwa Berkaitan Pusaka (إدارة فتوى المواريث)
4. Bahagian Fatwa Secara Bertulis (إدارة الفتوى المكتوبة)
5. Bahagian Fatwa Melalui Saluran Eletronik (إدارة الفتوى الإلكترونية)
6. Bahagian Fatwa Melalui Telefon (إدارة الفتوى الهاتفية)
7. Bahagian Falak (إدارة الحساب الشرعي)
8. Bahagian Penyelidikan (إدارة الأبحاث الشرعية)
9. Bahagian Latihan (إدارة التدريب)
10. Bahagian Latihan *E-Learning*/Pengajian Jarak Jauh(إدارة تدريب المفتين عن بُعْد)
11. Bahagian Semakan dan Penelitian Bahasa (إدارة المراجعة والتدقيق اللغوي)
12. Bahagian Penerbitan (إدارة الإصدارات)
13. Bahagian Media (إدارة المركز الإعلامي)
14. Bahagian Pengurusan Laman Web (إدارة الموقع الإلكتروني)
15. Bahagian Terjemahan (إدارة الترجمة)
16. Bahagian Teknologi Maklumat (إدارة تكنولوجيا المعلومات)
17. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (الإدارة العامة للشئون القانونية)
18. Bahagian Hal Ehwal Pengurusan (الإدارة العامة للشئون الإدارية)
19. Bahagian Berkaitan Hukuman Mati (قضايا الإعدام)



## Sekretariat Fatwa (أمانة الفتوى)

Sekretariat fatwa adalah sebuah jawatankuasa tertinggi ulama di Dar al-Ifta'. Sekretariat ini ditubuhkan oleh Dr. Ali Jumaah sewaktu beliau menjawat jawatan Mufti Republik Arab Mesir. Penubuhan majlis fatwa ini adalah sebagai tindak balas kepada tuntutan yang mendesak kepada keperluan untuk ijtihad secara kolektif, kemasukan jumlah soalan yang banyak melalui pelbagai saluran komunikasi, dan pertambahan minat masyarakat untuk mengetahui fatwa dalam semua aspek kehidupan.

Anggota sekretariat fatwa yang juga disebut sebagai *"amin al-fatwa"* ini juga turut berperanan menjawab semua soalan yang masuk dan ianya berfungsi di bawah pengawasan dan seliaan Mufti Republik Arab Mesir. Sekretariat juga berperanan melatih mereka yang baru dicalonkan untuk menyertai sekretariat fatwa dengan tujuan dapat meningkatkan kecekapan ilmiah calon sekritariat dan bagi melahirkan kader pelapis yang berpengalaman dari satu generasi ke generasi berikutnya.

Sekretariat fatwa dibahagikan kepada bahagian yang berlainan mengikut cara menerima soalan seperti;

1. Bahagian fatwa secara lisan.
2. Bahagian fatwa secara bertulis.
3. Bahagian fatwa melalui telefon.
4. Bahagian perkhidmatan fatwa melalui e-mel.

Dar al-Ifta' akan menerima persoalan secara lisan antara 300 hingga 400 soalan pada setiap hari. Manakala melalui panggilan telefon pula, Dar al-Ifta' akan menerima panggilan untuk mendapatkan fatwa dan pandangan hukum antara 1000-1100 panggilan setiap hari. Dalam pada itu, perkhidmatan fatwa melalui e-mel pula menerima soalan antara 500-600 soalan setiap hari.[48]

[48]http://www.dar-alifta.org/ar/aboutdar.aspx?ID=100 (6 September 2018)



*YBhg. Tan Sri Dato' Othman, Ketua Pengarah JAKIM mengadakan perbincangan dengan pihak Dar al-Ifta' Mesir pada 20 Disember 2014*

## Laman Web Dar al-Ifta'

Selaras dengan peredaran zaman dan kemajuan media elektronik, pihak Dar al-Ifta' sedaya upaya menggunakan media baru bagi melebarluaskan maklumat berkaitan Islam yang *wasatiyyah* dan fatwa-fatwa semasa melalui laman web dan juga media sosial. Laman web Dar al-Ifta' boleh diakses dalam Bahasa Arab, dan beberapa bahasa lain termasuk Bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Turki, Rusia, Urdu, dan Indonesia.

Bahagian pengurusan fatwa secara *online* juga turut menerima pertanyaan dari seluruh dunia dalam Bahasa Arab serta banyak bahasa lain (tujuh bahasa sehingga kini, dan mereka adalah: Bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Turki, Rusia, Urdu, dan Melayu). Fatwa diterjemahkan sesuai dengan soalan khusus yang diterima di laman web. Setelah soalan telah diterima, jabatan terjemahan akan menterjemahkan soalan-soalan, yang kemudian dijawab dalam Bahasa Arab, dan akhirnya diterjemahkan kembali ke dalam bahasa penanya.



*Kunjungan hormat TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari ke atas SS Mufti Republik Arab Mesir pada Mac 2018*



*Lawatan kerja TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari ke Dar al-Ifta' pada tahun 2017*




*TYT Amb. Mohd Haniff Abd. Rahman mengadakan lawatan kerja ke Dar al-Ifta' pada 9 Ogos 2018*

## Hubungan JAKIM dengan Dar al- Ifta' Mesir

Pejabat Atase Agama Kaherah JAKIM telah berjaya menjalinkan hubungan yang utuh dengan Dar al-Ifta' melalui keterlibatan dalam program-program anjuran Dar al-Ifta' dari semasa ke semasa. Selain itu, pelbagai program kursus telah dibuat dengan kerjasama Dar al-Ifta' dari tahun 2012-2018 antaranya ialah;

1. Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa selama dua bulan melibatkan penyertaan para pegawai kanan JAKIM, MAIN, JAIN dan beberapa agensi agama yang lain. Kursus ini dilaksanakan setiap tahun bermula tahun 2012 hingga 2018.

2. Kursus Kursus Profesionalisme Imam Masjid-masjid Wilayah Persekutuan selama satu bulan melibatkan penyertaan 16 orang pegawai yang menjadi imam masjid di Wilayah Persekutuan. Kursus ini telah dilaksanakan pada 1 hingga 29 Ogos 2015.

3. Kursus Sangkutan Pejabat Mufti Sarawak di Dar al-Ifta' selama satu minggu pada 20 hingga 27 November 2017, melibatkan penyertaan enam orang pegawai termasuk Datu Kipli Bin Haji Yassin, SS Mufti Negeri Sarawak.

4. Kursus Penerapan Nilai Islam dan Transformasi Pengurusan melibatkan penyertaan semua pekerja Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT) di Kedutaan Besar Malaysia Kaherah seramai 42 orang KAT. Kursus dilaksanakan pada 3 Mac 2014.

5. Kursus melibatkan penyertaan pelajar Malaysia yang dilaksanakan di Dar al-Ifta'. Antara kursus yang telah dilaksanakan ialah Kursus Tatacara Berfatwa pada (2013 dan 2014), Kursus *Wasatiyyah* di Era Globalisasi (2016) dan Kursus Menangani Pemikiran Ekstrem (2018).

Selain itu, kunjungan berterusan delegasi dari Malaysia ke Dar al-Ifta' secara tidak langsung telah menguatkan lagi hubungan sedia ada dengan institusi fatwa di Mesir ini.



*Kunjungan hormat YB Senator Dato' Dr. Ashraf Wajdi Dato' Dusuki, ke atas SS Mufti Mesir pada April 2016*



*Kunjungan hormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Exco Agama Kerajaan Negeri Pahang ke atas SS Mufti Mesir pada 10 Mac 2016*

## Direktori Perhubungan

Direktori perhubungan bagi Dar al-Ifta' adalah seperti berikut;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Cairo - Darrasat - Hadiqat al-Azhar - P.O. Box 11675 |
| **Laman Web** | http://www.dar-alifta.org (1 Okt. 2018)<br>http://www.dar-alifta.com (1 Okt. 2018)<br>http://www.dar-alifta.net (1 Okt. 2018) |
| **Telefon** | *Within Egypt:* 107 - (02) 25970400<br>*International:* +20 2 25970400 |
| **Faks** | +20 2 25926143 |
| **Web Master** | webmaster@dar-alifta.org (1 Okt. 2018) |
| **Facebook** | https://www.facebook.com/EgyptDarAlIfta (1 Okt. 2018) |
| **Instagram** | https://www.instagram.com/egyptdaralifta (1 Okt. 2018) |

| | |
|---|---|
| **Perisian bertanyakan fatwa** | https://goo.gl/1P2YSW (1 Okt. 2018)<br><br>https://goo.gl/G9EMy1 (Android)<br><br>https://goo.gl/MC8DgW (iOS) |
| **Pautan** | **SS Mufti Mesir**<br>http://www.shawkyallam.com/<br>(1 Okt. 2018)<br><br>**Portal Dar al-Ifta' (*English*)**<br>http://dar-alifta.org/Foreign/default.aspx (1 Okt. 2018)<br><br>**Portal Akademi Fatwa (Dar al-Ifta')**<br>http://www.fatwaacademy.org/ (1 Okt. 2018)<br><br>**Haiah al-Ifta fi al-Alam (Dar al-Ifta)**<br>https://m.facebook.com/FatwaAcademy (1 Okt. 2018)<br><br>***E-Learning* (Pengajian Jarak jauh)**<br>http://www.ifta-learning.net/ (1 Okt. 2018)<br><br>**Ini Adalah Agama Kami (هذا ديننا)**<br>http://dar-alifta.org/ar/Default.aspx (1 Okt. 2018) |



# KEMENTERIAN WAKAF MESIR

Kementerian Wakaf Mesir (Bahasa Arab: وزارة الأوقاف المصرية) adalah salah satu kementerian dalam kerajaan Mesir dan bertanggungjawab terhadap harta wakaf, pengurusan masjid-masjid, membuat kajian berkaitan ilmu feqh dan juga melaksanakan fungsi dakwah Islamiah di dalam dan luar negeri, meliputi menjaga kebajikan anak yatim dan menguruskan pusat dan markas Islam di Mesir.

1. Majlis Tertinggi Bagi Hal Ehwal Islam (المجلس الأعلى للشؤون الإسلامية)
2. Lembaga Wakaf Mesir (هيئة الأوقاف المصرية)
3. Perpustakaan Pusat Manuskrip Islam (المكتبة المركزية للمخطوطات الإسلامية)
4. Majlis Himpunan Qari-Qari Mesir (مشيخة عموم المقارئ المصرية)

## Hubungan JAKIM dan Kementerian Wakaf



JAKIM melalui Pejabat Atase Agama Kaherah telah berjaya mengukuhkan hubungan sedia ada dengan Kementerian Wakaf melalui program-program yang dilaksanakan selain mengadakan kunjungan dan pertemuan berkala dengan pihak-pihak di Kementerian Wakaf. Buat masa ini, JAKIM mempunyai hubungan sangat erat dengan Kementerian Wakaf dalam urusan penganjuran Majlis Tilawah al-Quran dan Hafazan, di mana pada saban tahun, JAKIM selaku urusetia induk kepada peganjuran majlis akan menjemput dua orang peserta tilawah yang akan mewakili negara Mesir dan juga tiga orang hakim dari negara Mesir.




*Dato' Razali bin Shahabudin sewaktu menghadiri muktamar Kementerian Wakaf pada tahun 2015*

Mesir juga turut meganjurkan majlis musabaqah antarabangsa hafazan al-Quran setiap tahun, dan dua orang peserta dari Malaysia akan turut dijemput bagi mewakili negara. Selain musabaqah, pihak kementerian juga setiap tahun akan menganjurkan muktamar sedunia di mana dua tokoh dari Malaysia yang akan dijemput iaitu YB Menteri (Agama) dan SS Mufti Wilayah Persekutuan sebagai wakil negara Malaysia. Pada tahun 2015, Dato' Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan, JAKIM juga pernah mewakili negara ke muktamar antarabangsa anjuran Kementerian Wakaf. Pejabat Atase Agama juga telah terlibat dalam menghadiri program-program kementerian Majlis Sambutan Awal Hijrah, Majlis Sambutan Maulidul Rasul SAW dan Majlis Sambutan Nisfu Syaa'ban.



*Gambar bersama-sama dua wakil Malaysia (berbaju merah dan kuning) dan peserta dari negara Brunei (paling kiri) dan Thailand (dua dari kanan) dalam pertandingan hafazan di Mesir pada tahun 2016*

## Lawatan Kerja YB Menteri Ke Kementerian Wakaf

Pada 16 Oktober 2018 YB Dato' Seri Dr. Mujahid Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan kunjungan hormat ke atas rakan sejawat beliau di Mesir iaitu Prof. Dr. Mukhtar Jumuah, Menteri Wakaf Mesir. Pertemuan yang diadakan di bangunan Majlis al-A'la Li Syu'un Islamiah, bertempat di *Garden City*, Kaherah ini telah menjadi pertemuan bersejarah buat Malaysia dan Mesir setelah sekian lama pertemuan melibatkan delegasi rasmi negara di peringkat Menteri tidak dibuat ke atas Menteri Wakaf. Pertemuan ini secara tidak langsung telah berjaya mengukuhkan lagi hubungan sedia ada dengan pihak kementerian.

Menteri Wakaf sangat gembira dengan pertemuan ini, di mana kedua-dua pihak telah berkongsi pengalaman dan aktiviti yang telah dibuat khususnya dalam menangani pemikiran ekstrem dan pelampau atas nama agama. Menteri Wakaf juga telah menyerahkan kepada YB Menteri beberapa buah buku tulisan beliau berkaitan *maqasid syar'iyyah* dan beberapa tulisan lain. Selain itu, Menteri Wakaf juga telah menyerahkan surat jemputan YB Menteri ke muktamar antarabangsa yang bakal dianjurkan oleh Kementerian Wakaf pada bulan Febuari 2019 dan sangat mengalu-alukan hubungan sedia dikembangkan dalam perlbagai bidang yang lain seperti pendidikan, latihan dan penerbitan.



*Kunjungan hormat YB Dato' Seri Dr. Mujahid Yusof, ke atas Prof. Dr. Mukhtar Jumaah, Menteri Wakaf Mesir, pada 16 Oktober 2018*



*Kunjungan hormat YB Dato' Seri Dr. Mujahid Yusof, ke atas Prof. Dr. Mukhtar Jumaah, Menteri Wakaf Mesir pada 16 Oktober 2018*

## Galeri Barangan Athar al-Rasul

Selain daripada bertanggungjawab untuk memelihara dan menguruskan harta-harta wakaf dan pengurusan masjid di seluruh Mesir, Kementerian Wakaf juga dipertanggungjawabkan untuk menjaga barangan peninggalan (*athar*) Rasulullah SAW yang tersimpan di dalam bilik galeri yang berada bersebelahan dengan maqam Saidina Hussin, di dalam bangunan Masjid Saidina Hussin. Bilik galeri ini kebiasaanya akan dibuka pada malam sambutan awal tahun Hijrah untuk lawatan dan tatapan para tetamu terhormat.



*Gambar kenangan di hadapan Masjid Saidina Hussin*

Bilik galeri ini tidak dibuka untuk tatapan dan ziarah oleh masyarakat awam, sebaliknya ia hanya akan dibuka dengan kelulusan khas daripada Menteri Wakaf. Justeru, bagi delegasi Malaysia yang berhasrat melawat galeri ini, pihak kedutaan akan mengeluarkan satu surat permohonan kepada kepada Menteri Wakaf untuk kelulusan terlebih dahulu.

Pejabat Atase Agama telah diamanahkan untuk menguruskan beberapa siri lawatan pembesar negara ke galeri ini, antaranya melibatkan lawatan oleh KDYMM Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah dan TYT Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, YB Dato' Seri Reezal Merican, mantan Timbalan Menteri Luar Negeri, YB Senator Dr. Ashraf Wahdi Mohd Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan YAB Tuan Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Negeri Selangor.



*Gambar delegasi Malaysia yang diberikan penghormatan melawat bilik galeri barangan athar Rasulullah SAW di Masjid Saidina Hussin*

## Direktori Perhubungan Kementerian Wakaf Mesir

Kementerian Wakaf Mesir boleh dilawati dan dihubungi melalui;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | Mohammed Sobri Abu ‘Alam Street, Bab Al Louq, Abdeen, Cairo Governorate, Egypt.<br>ش محمد صبرى ابو علم، باب اللوق، عابدين، محافظة القاهرة |
| **Telefon** | +202 23926155 |
| **Laman Web** | http://www.awkafonline.com/ (1 Okt. 2018)<br><br>http://www.almokhtarone.com/ (Web Menteri Waqaf) (1 Okt. 2018) |
| **Facebook** | https://www.facebook.com/AwkafOnline/ (1 Okt. 2018) |
| **Twitter** | https://twitter.com/AwkafOnline (1 Okt. 2018)<br><br>https://twitter.com/drmokhtargomaa (Twitter Menteri Wakaf) |
| **Youtube** | https://www.youtube.com/channel/UCjfQ0SrBRVCYWFout-VRqHqQ (1 Okt. 2018) |
| **Pautan lain** | Majlis al-A’la Lil-Syu’un al-Islamiah/ Supreme Council For Islamic Affairs (المجلس الأعلى للشئون الإسلامية)<br><br>http://islamic-council.net (1 Okt. 2018)<br><br>Address: 9 ش النباتات، , Qasr an Nile, Cairo Governorate |



# NIQABAH AL-ASYRAF

Al-Niqabah al-Sadah al-Asyraf merupakan institusi yang ditubuhkan di Mesir sejak tahun 220 Hijrah, bagi mengumpulkan dan merekodkan keturunan Rasulullah SAW. Sejarah penubuhan institusi khas bagi menjaga zuriat keturunan Rasulullah SAW di Mesir bemula dengan kedatangan Sayyidah Zainab, cucu Rasulullah SAW ke Mesir pada tahun 61 Hijrah.

Sumber sejarah merekodkan bahawa jawatan *Naqib al-Asyraf* di Mesir pada zaman kerajaan Talun memerintah Mesir, hanya terhad kepada keluarga Tabataba (طباطبا) dan *Naqib*nya yang paling terkenal adalah bernama Ali bin Husin bi Tabataba yang menjawat jawatan tersebut pada zaman pemerintahan Khamaruwiyyah (خمارويه) bin Ahmad bin Talun.

## Era Baru Niqabah al-Asyraf

Pada tahun 1991, Presiden Mohammad Hosni Mubarak, Presiden Mesir pada ketika itu telah mengeluarkan dekri presiden, No. 54 bagi melantik Sayyid Mahmoud Kamil Yaseen al-Rifaie sebagai Naqib al-Asyraf. Pelantikan ini merupakan satu era baru kepada Niqabah al-Asyraf apabila peranan institusi ini terhenti beberapa tahun kerana tiada pelantikan ketua Naqib al-Asyraf setelah kematian Naqib Sayyid Mohd Ali al-Bablawi al-Husni pada tahun 1953.

Setelah kematian Sayyid Mahmoud Kamil Yaseen al-Rifaie pada tahun 1994, jawatan Naqib al-Asyraf telah diserahkan kepada adik beliau, Sayyid Ahmad Kamil Yaseen al-Rifaie melalui dekri presiden bernombor 230 tahun 1994. Kini, jawatan Naqib al-Asyraf telah diserahkan kepada Sayyid Mahmoud al-Syarif melalui dekri presiden bertarikh 24 Disember 2008 setelah kematian Sayyid Ahmad Kamil Yaseen al-Rifaie.

Pada awal era baru Niqabah al-Asyraf, tahun 1991, institusi ini beroperasi di sebuah apartmen yang dijadikan sebagai sebuah pejabat penguruasan bertempat di Jalan Qasr al-Nil. Pada tahun 1999, Niqabah al-Asyraf telah mengenalpasti kawasan tanah lapang seluas 530 meter persegi yang sesuai untuk dibina sebuah bangunan Niqabah al-Asyraf bertempat di kawasan Hadiqah al-Khalidin, Darrasah, bersebelahan bangunan Masyikhah al-Azhar.

Pada tahun 2015, bangunan setinggi 5 tingkat bagi Niqabah al-Asharf telah siap dibina dan ia telah menjadi kepada mercu tanda dan memberi sinar baru kepada institusi yang berperanan mengumpul salasilah keturunan Rasulullah SAW ini sama ada di Mesir dan juga di seluruh dunia.[49]

[49]https://www.marefa.org/نقابة_الأشراف_في_مصر (8 September 2018)



Bangunan Niqabah al-Asyraf bertempat di Darrasah



بسم الله الرحمن الرحيم

نقابة السادة الأشراف

ذرية سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم

شهادة نسب

تشهد نقابة السادة الأشراف بأن

الشريف :

من ذرية

وذلك حسب ما هو مدون بسجل أنساب السادة الأشراف بالنقابة

برقم : ٨٨١٢٤

بتاريخ : ٢٠١٠/١١/١٢

نقيب السادة الأشراف
الشريف
السيد محمود الشريف

تحريراً في ٢٠١٢/٦/٣

0113294

*Contoh sijil pengesahan nasab yang dikeluarkan oleh Niqabah*

## Fungsi Niqabah al-Asyraf

Niqabah al-Asyraf berperanan sebagai pusat data kepada para Ahlul Bait di Mesir. Niqabah al-Asyraf ini berperana mengkaji nasab para keturunan Nabi SAW dan menjaga kemurniannya dari pemalsuan, di samping menjadi pusat silaturahim antara keturunan Nabi SAW. Antara peranan lain Niqabah al-Asyraf selain mengumpulkan dan merekodkan nasab, ia juga juga berperanan sebagai;

a. institusi dakwah Islamiah,

b. menjaga dan menguruskan harta wakaf yang diwakafkan kepada zuriat keturunan Rasulullah SAW,

c. membina hospital dan maahad,

d. menjadi pendamai kepada pihak-pihak yang bertelingkah.

Dianggarkan jumlah zuriat keturunan Rasulullah SAW yang berada di negara di Mesir dianggarkan berjumlah 7 juta orang dan 25 juta orang di seluruh dunia.

## Hubungan dengan Niqabah al-Asyraf

Pejabat Atase Agama JAKIM Kaherah telah berjaya mengadakan hubungan baik dengan institusi yang berperanan menjaga salasilah keturunan Rasulullah SAW ini melalui kunjungan dan pertemuan berkala dengan pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di institusi ini sejak tahun 2014 selain senantiasa menghadiri program-program rasmi kerajaan Mesir yang turut melibatkan al-Niqabah al-Asyraf. Hubungan dengan institusi ini menjadi lebih erat apabila satu kunjungan hormat rasmi YM TYT Dato’ Ku Jaafar Ku Shaari, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir telah berjaya diaturkan pada 18 Ogos 2016. Kunjungan bersejarah ini telah disambut dengan penuh mesra oleh oleh al-Sayyid Mahmoud al-Syarif, Naqib al-Sadah al-Asyraf, merangkap Timbalan Speaker Parlimen Mesir, Syeikh Dr. Abdel Hady el-Kassaby, Syeikh Masyayikh, Majlis Tertinggi Tarekat Sufi di Mesir, merangkap *Chairman of the Committee on Social Solidarity the House of Representatives* dan Syeikh Fuad Abdel Azim, Pengarah Lajnah Hal Ehwal Agama di Niqabah al-Asyraf.

Pertemuan ini telah membuka lembaran baru hubungan Malaysia dan Niqabah al-Asyraf. Pada pertemuan ini, TYT Duta dan delegasi KBMK telah diberikan taklimat berkaitan sejarah dan fungsi yang dimainkan oleh Niqabah al-Asyraf khususnya di Mesir dalam merekod dan memberikan kebajikan kepada zuriat dan salasilah Rasulullah SAW. TYT Duta juga telah diberikan penghormatan melawat bahagian-bahagian yang mengurus dan merekodkan salasilah keturunan zuriat Rasulullah SAW dan dewan muktamar selain dibawa untuk meninjau kawasan sekitar Niqabah al-Asyraf dari aras atas bangunan tersebut.





*Zon tinjau dari aras atas bangunan Niqabah al-Asyraf*



*Bahagian sijil dan kad pengesahan salasilah keturunan Rasulullah SAW*



*TYT Duta ditunjukkan antara rekod pengesahan keturunan Rasulullah SAW yang terdapat di Niqabah al-Asyraf*



*TYT Dato' Ku Jafaar Ku Shaari, Duta Besar Malaysia mengadakan kunjungan hormat ke atas Sayyid Mahmoud al-Syarif, Naqib al-Asyraf Niqabah al-Asyraf Pada 23 Februari 2017*

## Direktori Perhubungan

Berikut adalah direktori perhubungan bagi Niqabah al-Asyraf;

| | |
|---|---|
| **Alamat** | نقابة السادة الاشراف - حديقة الخالدين - الدراسة - الغورية<br>Cairo, Egypt |
| **Nama Ketua** | SAYYID MAHMOUD Al-Syarif (Naqib al-Asyraf) |
| **Alamat Website** | http://niqabatalashraaf.com/ (1 Okt. 2018) |
| **Telefon** | +2 02 25888071 |
| **Facebook** | https://www.facebook.com/niqabatalashraaf/<br>(1 Okt. 2018) |

# *Bab 5*

# SEDEKAD JAKIM DI MESIR

# Sedekad JAKIM di Mesir

Malaysia merupakan negara yang telah mempunyai hubungan diplomatik sejak sekian lama dengan Mesir. Masyarakat Islam di Malaysia sangat menyanjung tinggi negara Mesir, khususnya al-Azhar al-Syarif yang menjadi kiblat ilmu kepada umat Islam dari Malaysia dan antarabangsa. Sepanjang sedekad JAKIM di Mesir, pelbagai usaha telah dibuat bagi mengukuhkan hubungan antara Malaysia dan Mesir khususnya melibatkan institusi, agensi dan badan-badan yang menguruskan hal ehwal Islam. Pelbagai pencapaian dan kejayaan telah dikecapi sama ada dalam bidang latihan, penyelidikan dan pemerkasaan hubungan sepanjang tempoh tersebut. Dalam bab ini, penulis akan cuba mecatatkan secara ringkas beberapa aktiviti dan pencapaian yang telah dicapai untuk rujukan dan tatapan generasi akan datang.

## PEMERKASAAN HUBUNGAN DALAM BIDANG HAL EHWAL ISLAM

Mesir merupakan negara yang menjadi tumpuan bagi umat Islam seluruh dunia dalam mendalami ilmu agama. Mesir sejak sekian lama telah menjadi kiblat ilmu *Ahlul Sunnah Wal Jamaah* dan pusat penyebaran ilmu Islam yang *wasatiyyah*, khususnya melalui institusi al-Azhar al-Syarif. Selain al-Azhar al-Syarif, terdapat beberapa institusi lain yang melibatkan pengurusan hal ehwal Islam di Mesir antaranya ialah Dar al-Ifta', Kementerian Wakaf, Niqabah al-Asyraf dan Majlis al-A'la Li Turuq Sufiyyah.

Pemerkasaan hubungan dengan institusi agama dan hal ehwal Islam di Mesir ini secara tidak langsung akan dapat mengukuhkan lagi hubungan diplomatik dan strategik antara Malaysia dan Mesir. Antara fungsi utama pembukaan pejabat JAKIM di Mesir adalah bagi menjalinkan hubungan yang erat dan utuh dengan institusi dan badan-badan yang berkaitan agama di Mesir selain daripada berperanan menjalankan kajian dan penyelidikan dalam bidang hal ehwal Islam.

Pada 21 Mei 2015, TYT Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir telah dijemput oleh Pejabat Perdana Menteri (PMO) untuk membentangkan satu kertas dalam satu Forum Kepentingan Strategik Mesir dari Perspektif Malaysia bertempat di Hotel RHR Uniten, Kajang, Selangor. Forum tersebut dianjurkan dengan tujuan membincangkan kepelbagaian kepentingan strategik Mesir buat Malaysia khususnya dalam bidang politik, kerjasama ekonomi, pendidikan dan hal ehwal agama Islam. Antara perkara yang disyorkan dalam usaha memperkasa dan mengukuhkan hubungan dalam bidang hal ehwal Islam antaranya ialah;

1. Mengundang Syeikh Al-Azhar, Mufti Mesir dan Menteri Waqaf Mesir untuk mengadakan lawatan kerja ke Malaysia

   Lawatan pimpinan sesebuah negara merupakan salah satu kaedah terbaik dalam usaha mengukuhkan kerjasama dan hubungan dua hala antara Malaysia dan Mesir khususnya dalam konteks hal ehwal agama Islam dan pendidikan. Melalui lawatan ini, Malaysia juga boleh memeterai perjanjian persefahaman (MOU) bagi meningkatkan kerjasama khususnya dalam bidang *wasatiyyah*, pendidikan, pengurusan fatwa, penyelidikan Islam, persijilan halal, pertukaran tenaga pakar, latihan dan menangani ideologi ekstrem.

2. Memuktamadkan cadangan pembinaan cawangan kampus Universiti al-Azhar di Negeri Sembilan

   Idea penubuhan cawangan Universiti al-Azhar ini telah dilahirkan oleh DYMM Tuanku Muhriz, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Cadangan ini telah dibangkitkan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pelajaran II dengan pihak Universiti al-Azhar pada bulan Ogos 2013 semasa lawatan kerja beliau ke Kaherah, Mesir. Universiti yang akan dinamakan Universiti al-Azhar, Kampus Tuanku Muhriz akan mengekalkan keaslian program al-Azhar dengan sedikit penambahbaikan terhadap kaedah pelaksanaan dengan perkembangan teknologi semasa.

   Objektif penubuhan cawangan ini adalah untuk menjadikan Universiti al-Azhar, Kampus Tuanku Muhriz sebagai pusat rujukan Islam di rantau Asia yang mampu melahirkan para ulama' dan umara' yang boleh memelihara kesejagatan Islam. Ia dijangka akan menarik umat Islam di rantau Asia Pasifik untuk hadir ke Malaysia bagi meningkatkan usaha mendalami dan memahami ilmu Islam.

   Walau bagaimanapun, pejabat Syeikh al-Azhar pada tahun 2014 memaklumkan bahawa keputusan akhir mengenai penubuhan cawangan Universiti tersebut perlu mendapat kelulusan Majlis Tertinggi al-Azhar terlebih dahulu. Pihak kedutaan telah berulang kali membuat susulan terhadap perkara ini, namun sehingga kini ianya masih tergantung dan belum lagi mendapat kata putus daripada pihak al-Azhar sama ada menerima atau menolak cadangan pembinaan universiti cawangan al-Azhar di Maaysia.

   Isu ini pastinya akan dapat dibincangkan dengan lebih lanjut sekiranya Syeikh al-Azhar bersetuju untuk mengadakan lawatan kerja ke Malaysia. Penubuhan cawangan kampus luar negara al-Azhar yang pertama di dunia diyakini mampu memberi impak besar kepada pembangunan




sistem pendidikan Islam di Malaysia, termasuk menarik pelajar-pelajar Islam di rantau Asia untuk mengikuti pengajian mereka di Malaysia.

3. Memuktamadkan cadangan pembinaan bangunan asrama di Universiti al-Azhar

Pada Januari 2012, mantan Duta Besar Malaysia ke Mesir ketika itu telah mengutus dua pucuk surat kepada YAB Perdana Menteri bagi memaklumkan tawaran Universiti al-Azhar kepada Malaysia untuk membangunkan kediaman pelajar Malaysia (asrama) di premisnya. Dalam hal ini, pihak pentadbiran Al-Azhar telah bersetuju untuk menyediakan tapak bagi pembinaan 26 buah bangunan kediaman pelajar lelaki dan perempuan Malaysia dengan kos perbelanjaan sebanyak USD38 juta.

Pada 14 Februari 2012, cadangan ini telah dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri dan YB Dato' Seri Jamil Khir Hj. Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah dipohon untuk menguruskan cadangan pembangunan projek berkenaan. Pada 12 April 2013, satu surat bagi memaklumkan persetujuan awal Kerajaan Malaysia untuk membina bangunan pelajar dalam kampus Universiti al-Azhar telah dipanjangkan kepada Prof. Dr. Ahmad Tayyib, Syeikh al-Azhar.

Pada 25 Mac 2014, KBMK telah dimaklumkan oleh JAKIM mengenai persetujuan empat buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Perlis dan Johor melalui Majlis Agama Islam masing-masing untuk membiayai projek ini. Namun demikian, setelah beberapa ketika, hanya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sahaja komited untuk meneruskan projek ini dengan pembiayaan pembinaan untuk hanya dua buah bangunan asrama.

Ekoran kelewatan memuktamadkan persetujuan dan perjanjian persefahaman, negara Indonesia telah mendahului Malaysia dalam membina empat buah bangunan asrama di tapak kampus Universiti al-Azhar, yang pada asalnya disediakan untuk Malaysia. Namun demikian, Al-Azhar tetap memberikan kepercayaan kepada Malaysia dengan menyediakan tempat yang lain di dalam kawasan Kolej Kediaman Pelajar Antarabangsa al-Azhar (Madinah Bu'uth Islamiah) yang lokasinya tidak




*Tapak cadangan pembinaan asrama yang ditawarkan kepada Malaysia dalam Madinah Bu'uth Islamiah pada tahun 2014*

jauh daripada Dewan Malaysia Abbasiah (DMAK). Status terkini cadangan projek ini masih lagi tergantung. Pihak MAIWP pada pertengahan tahun 2017 telah mengemukan draf perjanjian persefahaman, namun demikian ia masih belum dapat dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak. Sekiranya cadangan pembinaan yang dirancang ini dapat direalisasikan, ianya pasti secara tidak langsung akan mengukuhkan lagi hubungan antara Malaysia dan Mesir.[50]

4. Lawatan Kerja Pimpinan Kerajaan Malaysia ke Mesir Perlu Melibatkan Pertemuan dengan Institusi-institusi Agama

[50]Perkara 1-4 merupakan cadangan yang dikemukakan kepada kerajaan dalam Forum Kepentingan Strategik Mesir dari Perspektif Malaysia di Hotel RHR, UNITEN pada 21 Mei 2015.

Lawatan kerja pimpinan negara secara berkala ke Mesir bagi menemui pimpinan institusi-institusi Agama di Mesir amat penting dalam usaha mengukuhkan hubungan sedia ada. Pejabat Atase Agama JAKIM telah diberikan kepercayaan oleh pihak Kedutaan Besar Malaysia untuk membantu mengatur dan menguruskan lawatan-lawatan kerja delegasi kerajaan sama ada di peringkat persekutuan dan negeri, atau delegasi-delegasi daripada jabatan dan institusi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia ke atas institusi-institusi agama di Mesir. Kunjungan dan pertemuan berkala melibatkan delegasi Malaysia ini secara tidak langsung telah berjaya membina hubungan yang lebih erat dan baik dari semasa ke semasa.

Namun demikian, sehingga kini jumlah pimpinan tertinggi kerajaan yang mengadakan pertemuan dengan institusi-institusi agama di Mesir masih sedikit berbanding jumlah kekerapan delegasi kerajaan yang melakukan lawatan kerja ke Mesir. Berikut adalah antara lawatan kerja delegasi pimpinan tertinggi Kerajaan Malaysia yang telah direkodkan melibatkan pertemuan dengan insitusi-institusi Agama di Mesir dari tahun 2012 hingga tahun 2018;

***Jadual 32:*** *Senarai delegasi rasmi kerajaan persekutuan dan negeri yang mengadakan pertemuan dengan institusi agama di Mesir dari 2012-2018*

| BIL. | DELEGASI | TARIKH | CATATAN |
|---|---|---|---|
| **1.** | Lawatan kerja YB Dato' Seri Dr. Mujahid Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Mesir. Turut serta bersama-sama Ybhg. Datuk Hj. Mohamad Nordin Bin Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia | 16-20 Okt. 2018 | Menemui Syeikh al-Azhar, Menteri Wakaf dan SS Mufti Mesir. |
| **2.** | Lawatan kerja YAB Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu dan delegasi. | 9 Okt. 2018 | Kunjungan ke Rabitah al-Azhar menemui Timbalan Pengerusi Rabitah. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **3.** | Lawatan Kerja Dato' Dr. Nasharudin Mat Isa, Ketua Pegawai Eksekutif Pergerakan Kesederhanaan Global (GMMF) mewakili pejabat Perdana Menteri. | 24 April 2018 | Menemui Syeikh al-Azhar dan Wakil al-Azhar |
| **4.** | Lawatan Kerja YB Dato' Sri Reezal Marican Naina Merican, Timbalan Menteri Luar Negeri bersama-sama Rabitah Alumni al-Azhar Cawangan Malaysia. | 20 Sept. 2017 | Menemui Wakil al-Azhar dan Tim. Pengerusi Rabitah a-Azhar Induk. |
| **5.** | Lawatan Kerja YB Senator Dato' Dr. Ashraf Wajdi Dato' Dusuki, Timbalan Menteri (Agama) di Jabatan Perdana Menteri. | 13-15 April 2016 | Menemui SS Mufti dan Wakil al-Azhar. |
| **6.** | Lawatan Kerja Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Exco Agama Kerajaan Negeri Pahang. | 10 Mac 2016 | Menemui SS Mufti dan Rektor Universiti al-Azhar. |
| **7.** | Lawatan kerja YB Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II | 26 Ogos 2013 | Menemui Syeikh al-Azhar |



*Syeikh al-Azhar, Prof. Dr. Ahmad Tayyib menerima cederamata daripada YB Menteri disaksikan TYT Amb. Mohd Haniff Abdul Rahman, Duta Besar Malaysia dan Datuk Haji Mohamad Nordin Ibrahim, Ketua Pengarah JAKIM*



*YB Dato' Sri Reezal Marican Naina Merican, Timbalan Menteri Luar Negeri dan delegasi bersama-sama Prof. Dr. Abbas Shoman, Timbalan Syeikh al-Azhar*



*Pertemuan Dato' Dr. Nasharudin Mat Isa, Ketua Pegawai Eksekutif Pergerakan Kesederhanaan Global (GMMF) dengan Syeikh al-Azhar pada April 2018*



*YB Senator Dato' Dr. Ashraf Wajdi Dato' Dusuki mengadakan pertemuan dengan Prof. Dr. Abbas Shoman, Wakil al-Azhar pada April 2016*



## PELAKSANAAN KURSUS DI MESIR

Pelaksanaan Kursus bagi Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) di luar negara adalah merupakan salah satu pelan perancangan latihan yang dirangka oleh JAKIM selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 yang menetapkan supaya semua agensi kerajaan membangunkan pelan latihan yang merangkumi struktur dan program-program latihan yang lebih sistematik dan komprehensif. Pelaksanaan kursus tersebut turut dilaporkan dalam Perancangan Sasaran Kerja Strategik JAKIM 2015 – 2019.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi melaksanakan kursus khas bagi PHEI di London dan Mesir, yang mana antara komponen utamanya adalah program pembangunan kompetensi kepimpinan, program dialog antara agama (*interfaith*) dan kompetensi pengurusan fatwa dan dakwah. Kedua-dua kursus ini juga menawarkan penyertaan kepada PHEI lantikan Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/ MAIN) serta agensi-agensi lain yang berkaitan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Tujuan utama kursus di London dan di Mesir diadakan adalah untuk memberi latihan secara komprehensif dan intensif kepada PHEI, khususnya kader pelapis kepimpinan di JAKIM dan juga agensi-agensi agama seluruh Malaysia, dengan memberikan penekanan kepada pembinaan keyakinan diri, peningkatan kemahiran, penguasaan bahasa dan pendedahan melalui pengalaman dan pengetahuan dengan kaedah pembelajaran yang bukan sahaja diperolehi daripada bilik kuliah tetapi juga daripada pemerhatian di dunia luar (*self learning/ observation*).

JAKIM dan institusi agama kini perlu turut sama berusaha ke arah peningkatan kompetensi, penambahbaikan perkhidmatan dan membina kekuatan untuk mendepani pelbagai cabaran semasa dan akan datang. Cabaran-cabaran ini adalah daripada pelbagai sudut berikutan perkhidmatan agensi agama adalah merangkumi urusan daripada awal kehidupan, kelangsungan pengukuhan kefahaman Islam yang sebenar hinggalah kepada urusan di akhir hayat seseorang.

Selain cabaran menambah baik perkhidmatan, JAKIM dan institusi agama turut perlu berhadapan dengan cabaran untuk menangani pihak-pihak yang bermusuhan dengan Islam secara berhadapan atau tersembunyi yang terdiri daripada ajaran salah, kefahaman dan pemikiran moden yang bertentangan dengan fahaman *Ahlu Sunnah Wal Jamaah* serta dasar kedudukan Islam di dalam Perlembagaan Malaysia.

Justeru itu, kursus ini dilihat dapat membina kumpulan PHEI dari JAKIM dan negeri yang mampu untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih cekap dan berkesan sesuai dengan pengalaman yang dikutip sepanjang mereka mengikuti kursus berkenaan, yang akan membekalkan mereka ilmu dan kemahiran yang sesuai dengan peredaran masa dan zaman.

Pejabat Atase Agama Kaherah dari tahun 2009-2018 telah terlibat secara langsung dalam mencari peluang dan menguruskan pelaksanaan kursus dengan kerjasama institusi agama di Mesir, untuk para pegawai dari JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah berjaya dilaksanakan dengan adalah seperti berikut;

a. Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa
b. Kursus Para Imam dan Pendakwah
c. Kursus Bahasa Arab dan Kejurulatihan
d. Kursus Profesionalisme Imam Masjid-masjid Wilayah Persekutuan
e. Kursus Sangkutan Pejabat Mufti Sarawak di Dar al-Ifta’
f. Kursus Para Hakim Tilawah al-Quran

## Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa

Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Mesir ini merupakan program anjuran JAKIM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dengan kerjasama Dar al-Ifta’ dan al-Azhar al-Syarif. Kursus yang dilaksanakan selama tiga bulan di Mesir ini dikhususkan untuk latihan pegawai-pegawai kanan JAKIM dan juga pegawai dari agensi-agensi agama yang lain antaranya; Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Mufti Negeri-negeri, Majlis Amanah Rakyat (MARA), KAGAT, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan juga ahli akademik dari universiti.

Pada setiap tahun, JAKIM akan menghantar 10 orang pegawai untuk berkursus di Mesir. Namun pada tahun 2016, Kementerian Kewangan hanya meluluskan penghantaran tiga orang pegawai sahaja atas dasar penjimatan yang dipraktiskan oleh kerajaan di atas keadaan semasa ekonomi negara. Sungguhpun demikian, Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Mesir telah dipertimbangkan untuk diteruskan dan dilaksanakan atas alasan berikut;

a. Kursus ini merupakan sebahagian dari pelan pembangunan insan JAKIM dan pembinaan pegawai pelapis kepimpinan

   Kursus ini adalah merupakan sebahagian dari pelan kepimpinan pelapis JAKIM di masa hadapan. Pegawai-pegawai yang terpilih mengikuti kursus ini adalah merupakan pegawai pelapis yang akan memegang jawatan tertinggi JAKIM. Antara pegawai kanan JAKIM yang telah

melalui kursus ini telah dilantik menjawat jawatan mufti antaranya, SS Datuk Hj. Abdul Halim Tawil, dan SS Datuk Dr. Mohadis bin Yasin yang dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Melaka.

b. Mengukuhkan hubungan dua hala antara dua buah negara melalui bidang hal ehwal Islam

Penghantaran pegawai berkursus secara langsung di bawah kelolaan al-Azhar al-Syarif serta Dar al-Ifta' selama tiga bulan, secara tidak langsung telah berjaya mengukuhkan hubungan dua hala antara Mesir dan Malaysia dalam bidang agama. Secara khusus lagi, kursus ini dapat menghubungkan JAKIM dengan al-Azhar dan Dar al-Ifta' dalam bidang dakwah, pendidikan, dan kefatwaan. Bertitik tolak daripada kursus ini, banyak perkara berkaitan agama dapat diperkukuh dan diselaraskan.

c. Kepakaran dalam bidang agama terdapat di bumi Mesir

Kepakaran ulama-ulama al-Azhar di Mesir wajar dimanfaatkan oleh negara dengan sebaik mungkin dengan meramaikan lagi pegawai pelapis dihantar berkursus untuk dilatih secara langsung oleh para ulama senior dan pakar dalam bidang masing-masing. Kursus sedia ada ini, selain dapat memberikan bimbingan dan panduan buat para peserta, ia juga akan dapat menyuburkan tautan dan perhubungan secara tidak langsung dengan para ulama di Mesir.

d. Mempelajari pengurusan dakwah dan fatwa dari institusi agung berpengaruh dan tertua di dunia

Pelaksanaan Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Mesir bertujuan untuk melihat perbandingan pelaksanaan pengurusan dalam kedua-dua bidang tersebut (dakwah dan fatwa) antara negara Arab (negara Islam) dan juga Malaysia yang mungkin ilmu dan kemahiran yang sesuai boleh diadaptasi dan dilaksanakan di Malaysia.

Melalui program ini, para pegawai dari JAKIM, MAIN, JAIN secara khususnya dapat memanfaatkan peluang untuk mempelajari dan mengutip mutiara ilmu dan pengalaman pengurusan dakwah dan fatwa yang dilaksanakan oleh pihak al-Azhar dan Dar al-Ifta'. Peluang untuk tujuan ini pastinya tidak dapat diperolehi dari negara Islam yang lain.

e. Tenaga Pengajar Yang Berkepakaran

Melalui kursus ini, PHEI Malaysia dapat menuntut ilmu serta penjelasan isu dan masalah berkaitan dakwah, fatwa, ideologi dan pemikiran secara terus dengan ulama dan ilmuwan yang muktabar *Ahlu Sunnah Wal Jamaah*. Kursus selama tiga bulan ini akan melibatkan tenaga pengajar yang terdiri daripada tokoh-tokoh akademik yang senior dan terkenal di Mesir. Tenaga pengajar yang terlibat dalam melatih peserta kursus terdiri dari kalangan profesor yang bukan sahaja pakar dalam bidang masing-masing, bahkan turut memegang jawatan-jawatan penting di al-Azhar dan Dar al-Ifta'.

f. Kos yuran kursus yang murah

Sungguhpun para tenaga pakar dan berpengalaman, kos pelaksaaan kursus dan bayaran yuran dikenakan adalah sangat minimum dan sangat murah jika dibandingkan kursus ini dilaksanakan di negara dan tempat lain, khusunya jika melibatkan tenaga pakar yang terkemuka.

g. Peluang mengukuhkan dan meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dalam memahami teks *turath* dan komunikasi

Kursus di Mesir merupakan peluang terbaik untuk meningkatkan penguasan Bahasa Arab, yang bukan sahaja dapat membantu peserta kursus untuk memahami teks *turath* bahkan juga ianya juga dapat meningkatkan penguasaan bahasa dalam berkomunikasi. Penguasaan bahasa untuk memahami teks *turath* dan kebolehan berkomunikasi merupakan perkara yang amat penting bagi PHEI dalam mendepani era globalisasi tanpa sempadan ini.

h. Peluang bertalaqi al-Quran bersanad dengan ulama muktabar di Mesir

Selain mengikuti kursus secara formal di al-Azhar dan Dar al-Ifta', bermula seawal jam 9:00 pagi sehingga jam 2:00 petang, peserta kursus juga akan mengikuti pengajian tidak formal bertalaqi al-Quran secara bersanad dengan ulama dan masyayikh yang terdapat di Mesir. Pengajian tidak formal ini diadakan di masjid atau markaz al-Quran, yang diadakan pada waktu petang dan sebelah malam.

i. Peluang mengadakan program, wacana dan perkongsian ilmu dengan pelajar Malaysia di Mesir

Keberadaan pegawai berkursus di Mesir bukan sahaja dapat melatih kepakaran mereka; bahkan ianya juga akan dapat dimanfaatkan oleh

pelajar Malaysia yang berada di Mesir. Sehingga kini, pelbagai program telah diaturkan untuk manfaat para pelajar Malaysia di Mesir dengan keberadaan pegawai kanan JAKIM, MAIN dan JAIN di Mesir. Melalui program dan aktiviti yang dianjurkan, para pelajar secara khusus akan dapat memahami dasar-daras kerajaan, cabaran pengurusan hal ehwal Islam, dakwah dan pengurusan fatwa di Malaysia serta isu semasa di Malaysia.

## Senarai Nama Peserta Kursus Dari Tahun 2012 Hingga 2018

Untuk tempoh 2012 hingga 2018, seramai 87 orang pegawai telah mendapat manfaat dari kursus ini. Berikut merupakan senarai nama peserta yang telah mengikuti kursus ini;

***Jadual 33:*** *Senarai peserta Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa 2012*

| BIL. | NAMA PEGAWAI | BAHAGIAN/AGENSI | TAHUN |
|---|---|---|---|
| 1. | Hajah Saimah Bin Mokhtar | Pengarah Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK), JAKIM | 2012 |
| 2. | Dr. Mohd Mohadis Bin Yasin | Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Melaka | |
| 3. | Haji Halim Bin Ahmad | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM | |
| 4. | Haji Mamat Bin Said | Timbalan Mufti, W. Persekutuan | |
| 5. | Haji Mat Radzi Bin Mat Ali | Bahagian Inovasi, JAKIM | |
| 6. | Hazarudin Bin Baharudin | Masjid Tuanku Mizan, JAKIM | |
| 7. | Azizan Bin Shaari | Bahagian Hab Halal, JAKIM | |
| 8. | Fatimah Binti Manja | KPP Pejabat Penasihat Undang-Undang, JAKIM | |
| 9. | Mohd Rus Bi Yunus | Bahagian Kemajuan Islam, JAKIM | |
| 10. | Che Mat Bin Che Deraman | Darul Quran, JAKIM | |
| 11. | Azmi Bin Tengah | Pegawai Agama Besut, Terengganu | |
| 12. | Mohamad Sidik Bin Hj. Ag. Adi | Jabatan Agama Islam, Sabah | |



ALAKHBAR

# الأخبار

رئيس مجلس الإدارة
أحمد سامح

رئيس التحرير
محمد حسن البنا

أسسها مصطفى أمين وعلي أمين سنة ١٩٥٢

٢٤ صفحة

١٠٠ قرش

■ الطبعة الثالثة ■

■ الثلاثاء ■ ٢٠ من المحرم ١٤٣٤هـ ■ ٤ ديسمبر - كانون أول ٢٠١٢م ■ ٢٥ هاتور ١٧٢٩ ■ TUESDAY 4 DECEMBER 2012

## حفل عشاء للوفد الماليزى بمركب السرايا

أقامت سفارة ماليزيا بمطاعم السرايا حفل عشاء بمناسبة افتتاح الدورة التدريبية للوفد الماليزى بدار الافتاء المصرية.

وقد حضر الحفل سفير ماليزيا وقرينته ومساعد رئيس دار الافتاء، وقد أثنى الجميع على فخامة المكان وجودة الطعام.

*Liputan akhbar tempatan Mesir pada 4 Disember 2012*
*berhubung majlis meraikan peserta kursus oleh pihak kedutaan*



*Ustazah Saimah Mokhtar menerima sijil penyertaan kursus daripada Syeikh Dr. Majdi Ashur, Penasihat Akademik Mufti Mesir*



*Majlis penutup kursus di Dar al-Ifta' pada 14 Disember 2012*

*Jadual 34: Senarai peserta Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa 2013*

| BIL. | NAMA PEGAWAI | BAHAGIAN/AGENSI | TAHUN |
|---|---|---|---|
| 1. | En. Aziz Bin Haji Mohamad | Pengurus Baitulmal, MAIWP | 2013 |
| 2. | En. Mdhd Zaidi Bin Ramli | Bahagian Penguatkuasa, JAWI | |
| 3. | Pn. Khatijah Binti Abd Rahman | Bahagian Pendidikan, JAWI | |
